

# KESUKARAN DAN KESALAHAN SEBUTAN BUNYI VOKAL DAN KONSONAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Siti Muslihah binti Isnain  
*sitimuslihah@upm.edu.my*

Nur Aimie Nabila binti Fauzi  
*aimiefauzi@upm.edu.my*

Siti Amhar binti Abu  
*amh@upm.edu.my*

Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa  
Universiti Putra Malaysia

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tentang kekangan aspek fonetik, iaitu kesukaran dan kesalahan membunyikan bunyi vokal dan konsonan abjad Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Kajian ini merupakan kajian tinjauan terhadap kesukaran dan kesalahan menyebut bunyi vokal dan beberapa bunyi konsonan apabila pelajar diperkenalkan kepada sistem bunyi abjad Melayu. Dari segi fonetik, bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu dikenali sebagai abjad monoton (satu bunyi). Keseluruhan abjad secara amnya mewakili sistem bunyi monoton kecuali abjad *e* yang boleh disebut dengan dua bunyi yang berlainan. Kebiasaannya, para pelajar antarabangsa yang datang dari beberapa buah negara yang berlainan menganggap bahawa bunyi abjad Melayu adalah sama dengan bunyi abjad Latin bahasa lain, terutama sekali jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Bagi pelajar yang datang dari negara yang tidak mempunyai sistem abjad, kebanyakan mereka mudah menggugurkan bunyi dan menggantikan sesuatu bunyi berdasarkan kesesuaian abjad yang terdapat dalam bahasa mereka. Hal ini menyebabkan berlakunya kesukaran dan kesalahan sebutan abjad Melayu dalam kalangan pelajar. Oleh sebab itu, kajian ini akan membincangkan himpunan huruf vokal dan konsonan yang telah dikenal pasti sebagai sukar dan secara tidak langsung salah dari segi bunyinya. Kajian ini juga akan menghurai faktor pengadaptasian bunyi abjad bahasa Melayu yang tidak berlaku dengan mudah dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Kata kunci: Kekangan, kesukaran, fonetik, konsonan, vokal

### ***Abstract***

*This paper discusses the constraints of the phonetic aspects, namely the difficulties and mistakes of pronouncing the vowels and consonants of the Malay alphabet among international students. This study is a survey towards the difficulties and mistakes in pronouncing the vowel sounds and some consonant sounds when students are introduced to the Malay alphabet sound system. From the phonetics aspects, vowel sounds and Malay consonants are known as monotonic alphabet (one sound). The entire alphabet generally represents a monotone sound system except for the alphabet e which can be pronounced in two different sounds. In general, international students from different countries assume that the sounds of the Malay alphabet are the same as the Latin alphabet of other languages, especially when compared to English. For students coming from countries without alphabetical systems, most of them could easily drop the sound and replace it with a sound based on the alphabetical suitability in their language. This led to the difficulties and mistakes in pronouncing the Malay alphabet among the students. Therefore, this study will discuss the set of vowels and consonants that have been identified as difficult and indirectly wrong in terms of its sound. This study will also describe the adaptation factor of the Malay alphabet sound that does not occur easily among international students.*

*Keywords: interference, difficulties, phonetic, consonants, vowels*

### **PENDAHULUAN**

Dalam kebanyakan bahasa di dunia, sebutan merupakan perkara asas yang dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa asing. Namun begitu, Membeczka (2008) menyatakan bahawa pengajaran sebutan seringkali diabaikan di dalam silibus pembelajaran bahasa asing. Hal ini kerana penutur sesebuah bahasa dengan sendirinya mengabaikan aspek tersebut dengan sewenang-wenangnya. Menurut Potter (1998), hal ini berlaku disebabkan oleh kurangnya keutamaan dalam sebutan disebabkan oleh beberapa faktor.

Namun, terdapat sebilangan kajian sebutan yang telah dijalankan yang menjurus kepada aspek sebutan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Otlowski (1998) telah menulis tentang perkara yang diharapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing dalam artikelnya yang bertajuk '*Pronunciation: What Are The Expectations?*'. Dalam artikel ini,

beliau mempersoalkan bahawa sejauh mana kita menaruh harapan yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa asing. Beliau membincangkan peranan sebutan dalam program bahasa asing, idea serta kajian- kajian terbaharu. Beliau turut mencadangkan beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh guru dan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu bahasa.

Transisi fokus dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa yang berpusatkan guru (*teacher-centered*) kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centered*) telah memberi kesan dalam pembelajaran sebutan sesuatu bahasa. Idea yang dikemukakan antaranya ialah keperluan untuk menggabungkan sebutan dengan komunikasi lisan, penekanan terhadap keperluan pelajar secara individu, memajukan strategi pengajaran dan memperkenalkan konsep pembetulan rakan sebaya (*peer correction*) serta interaksi berkumpulan. Beliau mendapati bahawa pendekatan dalam pengajaran sebutan memerlukan penglibatan dari individu secara keseluruhan (*whole-person learner involvement*).

Dalam sebuah kajian bertajuk '*Improving Students' Pronunciation By Means Of Retelling and Reading Aloud Activities*', Membeczka (2008) telah menekankan peranan sebutan dalam pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Beliau juga telah menyebut tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan sebutan dalam kalangan pelajar dan menyenaraikan beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika dalam proses pembelajaran bahasa asing. Beliau menambah bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembelajaran sebutan. Antaranya ialah faktor umur. Menurutnya, kanak-kanak lebih cepat menyerap pembelajaran sebutan berbanding orang dewasa kerana umur mereka yang masih muda. Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa kekerapan seseorang terdedah kepada sesuatu bahasa turut memainkan peranan yang besar. Semakin banyak seseorang terdedah kepada bahasa yang sedang dipelajari, maka semakin mudah seseorang menyerap sebutan bahasa tersebut. Kebolehan fonetik semula jadi juga menjadi salah satu faktor pembelajaran sebutan. Faktor-faktor lain yang disebut oleh Membeczka (2008) antara lain adalah bahasa pertama yang dipelajari, sikap pelajar dan motivasi pelajar terhadap bahasa yang dipelajari.

Menurut Mohd Azidan (2004), masalah ini juga wujud dalam pembelajaran bahasa Arab. Hal ini dilihat sama keadaannya dengan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Terdapat tiga kesalahan yang dikenal pasti mempunyai pertalian dalam pembelajaran bahasa Melayu yang disebabkan oleh gangguan bunyi daripada bahasa pertama iaitu:

1. Memindahkan cara sebutan konsonan bahasa pertama atau bahasa kedua ke dalam sistem bunyi bahasa Melayu.

Terdapat beberapa konsonan bahasa Melayu yang kerap kali dilihat dipindahkan oleh pelajar seperti /c/ kepada /k/, /p/ kepada /f/ dan /p/ kepada /b/ kerana menganggap bahawa sebutannya sama seperti sebutan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

2. Keliru dengan sebutan konsonan-konsonan bahasa Melayu

Pelajar kadangkala keliru bunyi sebutan konsonan kerana pada pandangan mereka sebutan mereka adalah betul. Antara konsonan tersebut ialah /g/, /j/, /p/ dan /z/.

3. Tidak dapat mengenal pasti sebutan vokal yang sebenar


Kebanyakan pelajar peringkat permulaan mempunyai kesukaran membunyikan huruf vokal dengan tepat. Hal ini kerana hampir kesemua pelajar menganggap bunyinya sama dengan vokal dalam bahasa Inggeris.

Menurut Nor Hashimah Jalaludin (1998), dalam penghasilan bunyi bahasa, titik artikulasi dan artikulator merupakan nadi utama. Bunyi-bunyi bahasa dikeluarkan secara sistematik dan melibatkan banyak proses. Terdapat sebanyak 12 titik artikulasi yang terlibat iaitu dua bibir, bibir- gigi, gigi, gigi-gusi (alveolus), gelungan(retroflex), langit keras-gigi gusi, gigi-gusi- langit keras, langit keras, langit lembut, anak tekak, rongga tekak, dan pita suara. Menurutnya, faktor utama yang terlibat dalam klasifikasi bunyi-bunyi konsonan ialah titik artikulasi dan cara artikulasi. Selain itu, faktor bersuara dan tak bersuara serta kedudukan velum untuk menentukan bunyi oral atau sengau juga memainkan peranan penting dalam penghasilan bunyi konsonan. Sementara faktor bunyi vokal pula ialah kedudukan bibir dan darjah turun naik lidah dalam rongga mulut.

Daerah sebutan		1	2	3	4	5	6
Cara sebutan		Bibir	Gusi	Gusi-Lelangit Keras	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Pita Suara
Letupan	tak bersuara	p	t			k	ʔ
	bersuara	b	d			g	
Letusan	tak bersuara				c		
	bersuara				j		
Sengauan		m	n		ɲ	ŋ	
Geseran	tak bersuara	f		s	ʃ	ç	h
	bersuara	v		z	ʒ	ʝ	
Getaran			r				
Sisian			l				
Separuh vokal		w		y			

### Rajah Konsonan bahasa Melayu

Rajah 1: Rajah konsonan



Rajah 2: Rajah vokal

## **PENYATAAN MASALAH**

Kebanyakan pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga mempunyai kesukaran dan kesilapan dalam menyebut abjad Melayu terutama sekali huruf vokal dan konsonan. Masalah ini jelas dihadapi oleh pelajar ketika menyebut huruf yang tidak terdapat dalam bahasa ibunda mereka. (Rahman,1999) Melalui pemerhatian, hal ini sering berlaku ketika mereka membunyikan abjad vokal iaitu *a, e, i, o, u*, dan beberapa abjad konsonan seperti *c, g, j, p, r* dan *z*. Secara amnya, bunyi abjad yang betul adalah penting dalam bahasa Melayu kerana bagi sesetengah perkataan, makna akan berubah disebabkan oleh kesalahan sebutan abjad.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, pelajar cenderung melakukan kesalahan apabila menyebut perkataan yang bermula dengan abjad yang dinyatakan. Hal ini jelas apabila pengkaji memberi kosa kata bermula dengan abjad vokal dan konsonan tersebut. Hal ini berlaku dalam kalangan pelajar yang berasal dari negara yang tidak mempunyai sistem abjad seperti Arab, Jepun, China, , Bangladesh dan beberapa lagi negara yang lain. Bagi pelajar yang datang dari negara yang mempunyai sistem abjad yang hampir sama, mereka dilihat dapat menyebut abjad dengan mudah dan betul walaupun terdapat kekeliruan pada awalnya. Oleh sebab itu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini perlu dijalankan bagi mengenal pasti kesukaran dan kesalahan yang selalu terjadi dalam kalangan pelajar antarabangsa.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu:

1. Mengetahui kesukaran dan kesalahan bunyi vokal dan konsonan yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa.
2. Faktor yang mendorong kepada berlakunya kesalahan bunyi vokal dan konsonan dalam kalangan pelajar.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian lapangan, melibatkan kaedah tinjauan dan pemerhatian bertujuan untuk mengenal pasti kesukaran dan kesilapan yang cenderung dilakukan oleh pelajar semasa menyebut senarai perkataan yang telah diberi. Pengkaji merekod sebutan sampel yang terlibat dan kemudiannya menjalankan transkripsi bagi setiap perkataan. Sebanyak 26 perkataan mudah yang menjadi salah satu kosa kata semasa proses pembelajaran berlangsung telah disenaraikan dan diberi kepada pelajar untuk disebut. Kajian ini melibatkan seramai 10 orang sampel, iaitu pelajar antarabangsa yang berasal dari pelbagai negara iaitu China, Perancis, Nigeria, Maldives, Iran, Sri Lanka dan Iraq, Filipina, German, dan Finland. Kesemua sampel ini dipilih secara rawak dalam kelas Bahasa Melayu Komunikasi (LPM 2100). Sepanjang proses berlangsung, pengkaji merakam setiap satu sebutan pelajar dan sebutan tersebut kemudiannya ditranskripsi berdasarkan kesukaran dan kesalahan yang wujud.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan hasil analisis transkrip yang dijalankan terhadap 10 orang pelajar antarabangsa di Universiti Putra Malaysia (UPM), berikut merupakan bilangan kesalahan sebutan bunyi vokal dan konsonan yang telah diperoleh.

<b>Bil</b>	<b>Perkataan</b>	<b>Bilangan kesalahan</b>
1	abang	1
2	anak	2
3	énak	5
4	empat	5
5	ikan	1
6	itik	1
7	orang	1
8	ombak	1
9	umur	1
10	untuk	1
11	cawan	3

12	cinta	1
13	gigi	2
14	gajah	3
15	jumpa	1
16	jarum	2
17	yuran	1
18	yakin	0
19	zip	0
20	zuriat	3
21	pagi	1
22	pergi	5
23	ragi	1
24	rimas	2
25	ke	6
26	kucing	1

**Jadual 1: Bilangan kesalahan sebutan bunyi vokal dan konsonan**

Dalam Jadual 1, pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 26 perkataan mudah yang menjadi salah satu kosa kata sepanjang proses pembelajaran berlangsung. Berdasarkan jadual, seramai 6 orang pelajar telah melakukan kesalahan semasa menyebut perkataan /kə/. Melalui perkataan ini, pengkaji melihat cara sebutan /e/ iaitu e pepet yang dihasilkan oleh pelajar. Secara fonetiknya, e pepet merupakan huruf vokal tengah iaitu melibatkan sempadan antara langit keras dan langit lembut. Kebanyakan mereka membunyikan e pepet /ə/ sebagai e taling /e/ maka terhasillah sebutan /ke/. Jelas kelihatan, daripada 10 orang pelajar, didapati seramai 5 orang pelajar tidak dapat menyebut perkataan /enak/, /əmpat/ dan /pərgi/ dengan betul. Bagi perkataan /enak/, pelajar membuat kesalahan dengan menyebut e taling /e/ sebagai e pepet /ə/ iaitu /ənək/ serta /inək/ (berlaku penggantian kepada vokal depan sempit, /i/. Bagi perkataan /əmpat/ pula, pelajar cenderung untuk menyebut /empat/, /impat/ dan /empa/. Bagi perkataan /pərgi/, pelajar membuat kesalahan dengan menyebut /perji/, iaitu berlakunya proses penggantian konsonan /j/ sebagai letusan bersuara langit keras kepada letupan bersuara langit lembut, /g/.

Seterusnya, seramai 3 orang pelajar tidak dapat menyebut perkataan **/cawan/**, **/zuriat/** dan **/gajah/** dengan betul. Bagi perkataan **/cawan/**, pelajar telah menyebut perkataan **/kawan/** yang memberi maksud tersasar daripada cawan iaitu perkakas untuk meminum minuman kepada maksud teman atau kenalan. Bagi perkataan **/zuriat/** pula pelajar menyebut sebagai menjadi **/zuria/**, dan perkataan **/gajah/** disebut sebagai **/gaja/** dan **/ganjah/**.

Bagi perkataan **/anak/**, **/gigi/**, **/jarum/** dan **/rimas/**, 2 orang pelajar telah menyebut perkataan ini dengan salah. Perkataan **/anak/** disebut menjadi **/ana/** yang membawa maksud nama seseorang atau kata ganti nama diri dalam bahasa Arab. Manakala perkataan **/gigi/** dan **/rimas/** disebut menjadi **/jiji/** dan **/limas/**. Kedua-dua kesalahan ini telah dilakukan oleh pelajar yang berasal dari negara China. Manakala bagi perkataan **/jarum/**, pelajar cenderung untuk menggugurkan konsonan terakhir iaitu disebut sebagai **/jaru/**.

Selebihnya, hanya satu kesalahan sahaja yang dilakukan oleh pelajar iaitu menyebut perkataan **/abang/** menjadi **/abong/**, **/ikan/** menjadi **/akan/**, **/itik/** menjadi **/atik/**, **/orang/** menjadi **/orong/**, **/ombak/** menjadi **/oba/**, **/umur/** menjadi **/umu/**, **/untuk/** menjadi **/ontok/**, **/cinta/** menjadi **/kinta/**, **/jumpa/** menjadi **/jumpah/**, **/yuran/** menjadi **/yura/**, **/pagi/** menjadi **/bagi/**, **/ragi/** menjadi **/raji/** dan **/kucing/** menjadi **/kusing/** dan **/kuking/**. Namun begitu, tiada kesalahan yang dilakukan oleh pelajar bagi perkataan **/yakin/** dan **/zip/**.

## PENGGUGURAN FONEM

Bil	Perkataan	Fonem yang digugurkan
1	<b>/gaja/</b>	<b>/h/</b> digugurkan
	<b>/ana/</b>	<b>/k/</b> digugurkan
2	<b>/jaru/</b>	<b>/m/</b> digugurkan
3	<b>/yura/</b>	<b>/n/</b> digugurkan
4	<b>/umu/</b>	<b>/r/</b> digugurkan
5	<b>/rima/</b>	<b>/s/</b> digugurkan
6	<b>/zuria/</b> <b>/empa/</b>	<b>/t/</b> digugurkan

**Jadual 2: Pengguguran fonem**

Jadual 2 menunjukkan bahawa berlakunya pengguguran fonem terhadap perkataan yang disenaraikan. Berdasarkan jadual, pelajar antarabangsa didapati kerap menggugurkan fonem pada akhir perkataan iaitu fonem /h/, /k/, /m/, /n/, /r/, /s/, dan /t/. Contohnya, bagi perkataan /gajah/, pelajar telah menggugurkan fonem /h/ dengan menyebut /gaja/. Perkataan /anak/ apabila digugurkan fonem /k/ menjadi /ana/ dan telah mengubah maksud perkataan tersebut. Pelajar juga telah menggugurkan fonem /m/ bagi perkataan /jarum/ menjadi /jaru/.

Pengguguran fonem /n/ dalam perkataan /yuran/ menyebabkan perkataan ini disebut sebagai /yura/. Bagi pengguguran fonem /r/, pelajar menyebut perkataan /umur/ menjadi /umu/. Dalam perkataan /rimas/ pula, fonem /s/ telah digugurkan maka terhasillah sebutan /rima/. Pengguguran fonem /t/ pula menyebabkan perkataan /zuriat/ serta /empat/ menjadi /zuria/ dan /empa/.

### PENGGANTIAN FONEM

Bil	Perkataan	Jenis penggantian
1	/rimas/ - /limas/	Penggantian bunyi getaran
2	/pagi/ - /bagi/	Penggantian bunyi letupan tidak bersuara kepada letupan bersuara
3	/gigi/ - /jiji/	Penggantian bunyi letupan bersuara kepada letusan bersuara
4	/cinta/ - /kinta/ /cawan/ - /kawan/	Penggantian fonem /c/ kepada /k/
5	kucing/ - /kusing/ /cinta/ - /kinta/ /cawan/ - /kawan/ pergi/ - /perji/	Penggantian huruf konsonan
6	/enak/ - /inak/ /empat/ - /impat/ /ikan/ - /akan/ /itik/ - /atik/ /orang/ - /orong/ /abang/ - /abong/	Penggantian huruf vokal
7	/kə/ - /ki/ /əmpat/ - /impat/	Penggantian bunyi e pepet
8	/enak/ - /ənak/	Penggantian bunyi e taling

**Jadual 3: Penggantian fonem**

Berdasarkan jadual 3, jelas kelihatan bahawa berlakunya proses penggantian fonem pada setiap perkataan yang telah diberi kepada pelajar. Bagi aspek penggantian bunyi konsonan getaran /r/, aspek ini dapat dilihat dalam perkataan /**rimas**/ yang disebut oleh pelajar menjadi perkataan /**limas**/. Berdasarkan sebutan tersebut, dilihat bahawa pelajar dari China sangat cenderung untuk menggantikan bunyi getaran /r/ kepada bunyi sisian /l/. Hal ini berlaku kerana tiada konsonan /r/ dalam bahasa Cina dan perkara ini telah menyukarkan pelajar dari negeri China untuk menyebut perkataan yang terdiri daripada konsonan /r/.

Seterusnya, bagi aspek penggantian bunyi letupan tidak bersuara kepada letupan bersuara, perkara ini dapat dilihat menerusi perkataan /**pagi**/ yang disebut menjadi /**bagi**/. Penggantian ini sangat jelas apabila pelajar dari negara Arab cuba menyebut konsonan /p/ namun mereka menggantikan dengan konsonan letupan dua bibir bersuara, /b/. Hal ini kerana dalam sistem bahasa Arab, tiada huruf sepadan yang boleh dipadankan dengan fonem /p/. Oleh sebab itu, pelajar akan menggantikannya dengan konsonan /b/ yang merujuk kepada huruf ب.

Bagi perkataan /**gigi**/ pula, pelajar telah menggantikan sebutannya menjadi /**jiji**/. Aspek penggantian dilakukan oleh pelajar tersebut ialah aspek penggantian bunyi letupan bersuara lelangit lembut /g/ kepada letusan bersuara lelangit keras, /j/. Sama halnya berlaku kepada perkataan /**pergi**/ yang disebut menjadi /**perji**/ yang telah ditukarkan konsonannya daripada /g/ kepada /j/. Hal ini berlaku apabila pelajar menyamakan sebutan /g/ secara mudah kepada /j/ seperti bunyinya dalam bahasa Inggeris.

Penggantian fonem /c/ kepada /k/ merupakan masalah lazim bagi pelajar antarabangsa. Mereka mengalami kekeliruan apabila menyebut perkataan yang bermula dengan /c/ seperti /**cinta**/ menjadi /**kinta**/ dan /**cawan**/ menjadi /**kawan**/. Penggantian fonem /c/ kepada /k/ dalam perkataan /**cawan**/ secara tidak langsung telah mengubah maksud dan fungsi sebenar cawan itu sendiri. Hal ini berlaku kerana pelajar menyamakan bunyi konsonan /c/ yang disebut sebagai /č/ kepada /k/ disebabkan oleh anggapan mereka terhadap bunyi konsonan tersebut boleh disamakan dengan bunyi konsonan yang sama dalam bahasa Inggeris. Hal ini juga berlaku kepada konsonan /c/ yang disebut sebagai /s/ apabila mereka menyebut perkataan **kucing**/ iaitu menjadi /**kusing**/, iaitu penggantian fonem /c/ kepada /s/.

Berdasarkan jadual, mereka juga cenderung untuk menggantikan huruf vokal apabila menyebut sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu. Berikut merupakan contoh penggantian huruf vokal yang telah dilakukan oleh pelajar. Dalam perkataan /**enak**/ dan /**empat**/ mereka telah menggantikan e taling dan e pepet kepada huruf vokal depan sempit, /i/ lalu sebutannya menjadi /**inak**/ dan /**impat**/. Menerusi perkataan /**ikan**/ dan /**itik**/, mereka telah menggantikan vokal /i/ kepada huruf vokal depan luas /a/, lalu sebutan perkataan menjadi /**akan**/ dan /**atik**/. Manakala penggantian vokal /a/ kepada vokal belakang separuh sempit /o/ pula jelas terlihat dalam perkataan /**abang**/ dan /**orang**/ yang disebut menjadi /**abong**/ dan /**orong**/.

Kekeliruan yang paling nyata dapat dilihat apabila mereka cuba menyebut huruf /e/. Penggantian yang pertama dapat dilihat dalam penggantian bunyi e pepet. Pelajar dilihat menggantikan sebutan e pepet kepada e taling dengan sewenang-wenangnya. Perkataan yang digantikan ialah /**kə**/ menjadi /**ke**/ serta /**empat**/ menjadi /**empat**/. Manakala pelajar menggantikan bunyi e pepet kepada e taling melalui perkataan /**enak**/ yang disebut menjadi /**ənak**/.

Walaupun terdapat banyak kesukaran dan kesalahan sebutan yang dilakukan oleh pelajar antarabangsa, pengkaji mendapati masih ada pelajar yang mampu menyebut setiap perkataan dalam bahasa Melayu dengan betul. Melalui kajian ini, didapati pelajar dari Perancis membunyikan konsonan getaran belakang lelangit keras, /r/ dengan tepat dan jelas melalui perkataan /**orang**/, /**jarum**/, /**yuran**/, /**zuriat**/. Begitu juga dengan kedominanan bunyi letupan lelangit lembut tak bersuara, /k/ yang hadir pada akhir perkataan. Pelajar dari Maldives, Iraq dan Sri Lanka menyebutnya secara dominan dalam perkataan /**anak**/, /**enak**/, /**itik**/ dan /**untuk**/. Selain daripada itu, pelajar dari German dan Finland juga dilihat dapat menyebut kebanyakan perkataan dalam bahasa Melayu dengan betul. Hal ini kerana sistem abjad dalam bahasa mereka tidak begitu berbeza dengan sistem abjad bahasa Melayu.

## **FAKTOR KESUKARAN DAN KESILAPAN SEBUTAN**

Berdasarkan dapatan kajian dan pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya kesukaran dan kesilapan sebutan vokal dan konsonan dalam perkataan bahasa Melayu. Faktor yang pertama ialah pengaruh bunyi bahasa pertama dan kedua. Pengaruh bahasa pertama dan kedua memainkan peranan yang besar dalam pembelajaran bahasa ketiga. Kebanyakan pelajar menganggap

bunyi sebutan abjad Melayu adalah sama dengan sebutan abjad yang ada dalam bahasa ibunda mereka dan bahasa Inggeris. Hal ini dapat dilihat melalui sebutan yang dihasilkan oleh pelajar yang berasal dari negara China, Nigeria, Sri Lanka, Iraq dan Iran, Bangladesh, Thailand dan beberapa negara lain yang tidak mempunyai sebutan abjad yang sama dengan bahasa Melayu. Hal ini berbeza sekali jika dilihat dengan pelajar yang berasal dari negara Perancis, German, Finland, Kemboja dan Filipina. Kebanyakan daripada mereka dapat menyebut perkataan bahasa Melayu dengan mudah dan betul tanpa bantuan dari guru. Hal ini dilihat berlaku kerana sistem bunyi abjad bahasa ibundanya yang ada persamaan dengan sistem bunyi abjad Melayu. Perkara ini dapatlah dikaitkan dengan penghasilan sebutan abjad konsonan dalam bahasa Melayu iaitu titik artikulasi dan cara artikulasi yang memainkan peranan penting. Secara amnya terdapat 12 titik artikulasi dalam bahasa Melayu yang menyumbang kepada sebutan konsonan yang betul. (rujuk rajah 1) Manakala faktor utama dalam klasifikasi bunyi vokal pula ialah kedudukan bibir dan darjah turun naik lidah dalam rongga mulut (Hashimah Jalaludin, 1998)

Faktor kedua yang menyumbang kepada kesukaran dan kesilapan pelajar menyebut huruf konsonan dan vokal dalam bahasa Melayu adalah kekerapan pelajar terdedah kepada bahasa ini. Menurut Membeczka (2008), lebih lama pelajar terdedah kepada sesuatu bahasa yang baru dipelajarinya, semakin cepat mereka mempelajari sebutan dalam bahasa tersebut. Hal ini dapat dilihat melalui sebutan pelajar dari Filipina yang kebanyakan perkataan daripada bahasanya adalah sama sebutan dan maknanya dalam bahasa Melayu. Secara tidak langsung, mereka telah terdedah kepada beberapa perkataan yang sama dalam jangka masa yang panjang. Oleh sebab itu, tidak hairanlah pelajar berjaya menyebut perkataan Melayu dengan betul.

Selain itu, masalah ini boleh juga dikaitkan dengan faktor motivasi diri sendiri yang memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran bahasa asing. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, hal ini sangat jelas berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Pengkaji mendapati bahawa pelajar yang mempunyai semangat dan keinginan yang tinggi semasa mempelajari bahasa Melayu adalah lebih cenderung menyebut perkataan dalam bahasa Melayu dengan mudah dan betul. Hal ini kerana mereka akan lebih bersedia dan membuat ulangkaji sebutan terutama terhadap abjad vokal dan konsonan dalam bahasa Melayu terlebih dahulu sebelum sesi pembelajaran berlangsung. Perkara ini mungkin disebabkan timbulnya keseronokan mempelajari sesuatu bahasa yang baharu dalam kalangan mereka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapatlah disimpulkan bahawa berlakunya kesukaran dan kesilapan sebutan huruf vokal dan konsonan Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Pelajar cenderung melakukan proses pengguguran serta penggantian fonem dalam kebanyakan perkataan yang telah disenaraikan. Hal ini ternyata telah didorong oleh faktor yang berkait rapat dengan latar belakang bahasa ibunda dan kesediaan pelajar sendiri dalam mempelajari bahasa yang baharu. Sebagai usaha yang berterusan, guru serta pihak universiti perlulah memainkan peranan yang penting semasa menyampaikan dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa. Di sinilah kebijaksanaan para pendidik dapat diuji iaitu cara menarik minat pelajar dengan mudah dan menyeronokkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Perancangan pengajaran dan pembelajaran yang teratur dan berkesan perlu dilaksanakan dalam sesebuah institusi bagi memartabatkan dan menyebarkan bahasa Melayu di mata dunia.

## RUJUKAN

Azidan et al., 2004. Gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab. Satu analisis ringkas. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 12(2). hlm.101-110.

Membeczka, 2008. Improving Students Pronunciation By Means of Retelling And Reading Aloud Activities. <http://www.komak.info>.

Nor Hashimah Jalaludin, 1998. *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Otlowski, 1998. Pronunciation: What Are The Expectations? *The Internet TESL Journal*, Vol.IV, Januari 1998. <http://iteslj.org/>

Yong Chyn Chye *et al.*, 2010. *Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institusi Pengajian Tinggi dlm. Proceedings of 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI* , Bandung, Indonesia.

# STRATEGI PENGAJARAN OLEH GURU BAHASA MELAYU TERHADAP PELAJAR ASING DARI INDONESIA

<sup>1</sup>Mardian Shah Omar, <sup>2</sup>Hasmidar Hassan, <sup>3</sup>Puteri Roslina Abdul Wahid  
Universiti Malaya

<sup>1</sup>E-mel Utama: [mardianso@um.edu.my](mailto:mardianso@um.edu.my)

## Abstrak

Pelajar Indonesia (PI) yang menuntut di Malaysia turut wajib mengambil subjek Bahasa Melayu Komunikasi (BMK) walaupun mereka sudah mempunyai kebolehan berbahasa Melayu. Garis panduan silibus yang disediakan (Garis Panduan Matapelajaran Pengajian Umum - MPU) oleh Kementerian Pendidikan Tinggi – KPT, adalah untuk pelajar yang novis, iaitu yang belum mempunyai latar bahasa Melayu (BM) dan silibus ini mungkin mudah bagi mereka. Walau bagaimanapun, sejauh manakah mereka dapat memahami BM ini dan apakah halangan yang dihadapi oleh PI dalam proses pembelajaran mereka. Jadi, kajian ini cuba mengenal pasti apakah permasalahan yang timbul dalam proses pembelajaran BM oleh PI ini dan apakah pula strategi yang dilakukan oleh guru dan pelajar itu sendiri dalam proses pengajarannya. Kajian ini seterusnya cuba mengenal pasti item-item pengajaran yang lebih sesuai bagi pengajaran BM kepada PI. Kajian ini dilakukan ke atas PI di Asia e University yang mengambil subjek BMK. Data kajian ini diperolehi melalui kaedah temu bual, pemerhatian, penelitian dokumen-dokumen pengajaran dan penglibatan langsung pengkaji di dalam kelas. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa halangan yang dihadapi oleh PI ini, iaitu dalam aspek mendengar, pemilihan kosa kata, sebutan dan susunan struktur ayat. Walau bagaimanapun, pemilihan dan pemahaman kosa kata adalah yang paling utama. Kajian ini turut mencadangkan beberapa item silibus yang sesuai dimasukkan dalam pengajaran BM kepada PI ini. Hasil kajian ini dapat memberi impak kepada pihak KPT dalam menambah baik silibus BMK kepada pelajar asing yang datang dari rumpun nusantara.

*Katakunci: Bahasa Melayu, pelajar asing, Indonesia, halangan, pembelajaran.*

## Abstract

Indonesian students (IS) who are studying in Malaysia are also required to take the Malay Language Communication (Bahasa Melayu Komunikasi - BMK) subject although they have Malay language proficiency. The syllabus provided by the Ministry of Higher Education - the Ministry of Higher Education - MOHE, is for novice students who do not have proficiency in the Malay Language (BM) and the syllabus are made easy for them. However, how far can they understand this Malay Language and what are the obstacles faced by IS in their learning process? Therefore, this study attempts to identify whether the problems that arise in the process of learning BM by these IS and what are the strategies employed by the teacher and the student themselves in the teaching process. This study then tries to identify teaching items that are more suitable for IS to learn BM. This study was conducted on IS in Asia e University

who enrolled for BMK subject. The data were obtained through interviews, observations, teaching documents and direct involvement of researchers in the classroom. The findings show that there are some obstacles faced the IS, namely in choosing and understanding vocabulary, pronunciation and the sentence structure. However, the importance is given to the selection and understanding of vocabulary. This study also suggested that some suitable syllabus items to be included in BM teaching to this IS. The results of this study can impact KPT in improving BMK syllabus to foreign students coming from the archipelago.

*Keywords: Malay, foreign students, Indonesian, obstacles, learning*

## **1.0 PENGENALAN**

Bilangan pelajar antarabangsa dalam universiti tempatan dijangka meningkat kepada 200,000 orang, atau 100 peratus kenaikan menjelang tahun 2020 (Saiful Bahri: 2015). Mereka yang datang ke negara ini pastinya akan mempelajari Bahasa Kebangsaan negara ini, iaitu Bahasa Melayu (BM). Berdasarkan buku Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua (2016) terbitan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), modul silibus Bahasa Melayu Komunikasi (BMK) digubal bagi kegunaan semua pelajar antarabangsa yang mengikuti sebarang kursus atau bidang di Universiti Awam mahupun Universiti Swasta. Modul MPU yang digubal ini disesuaikan untuk penutur asing yang belum mempunyai pengetahuan berbahasa Melayu, iaitu pada peringkat paling asas. Kursus Bahasa Melayu Komunikasi ini diwajibkan ke atas semua pelajar antarabangsa tidak kira dari mana negara asal mereka termasuklah yang datang dari gugusan nusantara seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

Mereka yang datang dari gugusan nusantara ini pula, semanganya sudah mempunyai pengetahuan berbahasa Melayu. Jadi, sejauh manakah silibus yang sedia ada yang telah digubal oleh pihak KPT melalui buku MPU tersebut dapat memenuhi aspek pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar nusantara ini atau silibus tersebut harus disesuaikan mengikut kebolehan berbahasa pelajar dari rumpun nusantara ini. Umumnya, kajian ini cuba melihat kebolehan berbahasa Melayu oleh pelajar Indonesia (PI) yang merupakan salah satu kelompok penutur dari rumpun nusantara. Walaupun PI ini sudah ada latar berbahasa Melayu, namun adakah mereka menghadapi gangguan berbahasa dalam proses pembelajaran mereka? Di dalam kajian ini pengkaji berhasrat untuk mengenal pasti item gangguan, iaitu yang melibatkan

aspek morfologi dan sintaksis serta cuba menyenaraikan gangguan-gangguan yang menjadi halangan kepada PI ini berbahasa Melayu.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Menurut *The Malaysian Times* (2014), kini Malaysia semakin popular dan menjadi pilihan pelajar Indonesia untuk melanjutkan pelajaran di luar negara. Mengikut data terkini, Malaysia sekarang berada di tempat kedua selepas Australia dalam senarai pilihan pelajar Indonesia dan faktor paling utama yang menjadi pertimbangan mereka ialah kualiti pendidikan yang ditawarkan di Malaysia tidak kira sama ada di universiti awam mahupun swasta. Menurut Saiful Bahri (2015), bilangan pelajar antarabangsa dalam universiti tempatan dijangka meningkat kepada 200,000 orang, atau 100 peratus kenaikan menjelang tahun 2020. Perangkaan ini bukan sahaja melibatkan kebanjiran para pelajar dari Timur Tengah seperti Arab Saudi, Syiria, Libya, Yemen, Iraq, Iran, Palestin dan juga dari benua Afrika malah termasuk para pelajar yang datang dari negara China, Korea, Jepun dan Vietnam. Selain itu terdapat juga yang datang dari gugusan nusantara seperti dari Indonesia, selatan Thailand, Brunei dan Singapura. Semua pelajar antarabangsa yang datang ke negara ini akan mengambil dan melalui kursus Bahasa Melayu Komunikasi sebagai subjek wajib Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU).

Berdasarkan buku *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua* (2016) terbitan Kementerian Pengajian Tinggi, modul silibus Bahasa Melayu Komunikasi (BMK) digubal bagi kegunaan semua pelajar antarabangsa yang mengikuti sebarang kursus atau bidang di Universiti Awam mahupun Universiti Swasta. Modul MPU yang digubal ini telah disesuaikan untuk penutur asing yang belum mempunyai pengetahuan berbahasa Melayu, iaitu pada peringkat paling asas. Berdasarkan tulisan Mardian Shah (2015, 2017), ia menunjukkan kursus BMK yang diajar selama 14 minggu pada satu-satu semester itu, adalah sesuai diajar kepada pelajar antarabangsa yang bersifat novis, iaitu yang langsung tidak mempunyai latar belakang berbahasa Melayu. Namun, kursus ini juga perlu dilalui oleh mereka yang datang dari gugusan nusantara walaupun sememangnya mereka ini sudah mempunyai pengetahuan berbahasa Melayu.

Kajian Yassin & Hamidreza (2017), menyatakan bahawa adalah penting silibus yang direka bentuk perlu setara dengan prestasi dan kebolehan pelajar. Jika silibus tersebut terlalu mudah maka ia akan mengakibatkan pelajar beranggapan mata pelajaran itu tidak penting dan boleh menjadi mata pelajaran yang membosankan kerana pelajar sudah memahami dan mengetahui silibus yang dipelajari mereka. Keadaan ini menimbulkan sikap negatif pelajar di dalam kelas sama ada terhadap guru mahupun pelajar lain (Khuzaiton & Thana, 2014, Siti Saniah, 2014). Menurut Nuradibah & Hazlina (2016), dalam mempelajari bahasa kedua, pelajar asing ini perlu diberi sokongan dan motivasi, iaitu sama ada motivasi integratif ataupun instrumental agar pelajar asing ini terus berminat dalam mendalami sesuatu bahasa yang dipelajarinya. Begitu juga dengan kajian Zaliza & Zaitul Azma (2014) serta Mardian Shah (2015, 2017) yang menunjukkan bahawa pelajar lebih bermotivasi dan lebih berminat untuk mempelajari bahasa Melayu sekiranya mereka dapat mempelajari sesuatu yang baharu atau sesuatu yang belum diketahui dan seterusnya dapat merangsang pengetahuan mereka. Ini menunjukkan bahawa satu modul lain perlu digubal bagi membentuk satu silibus yang baharu yang lebih setara dengan pemerolehan berbahasa Melayu pelajar nusantara ini. Modul atau silibus pengajaran yang dibina ini haruslah bersesuaian dengan pelajar agar dapat merangsang dan mampu menguji kebolehan serta kemahiran pelajar tersebut (Yasin & Hamidreza, 2017, Fatimah Al-Kathiri, 2016).

Hingga kini masih belum ada lagi satu modul khas yang dibina dan yang bersesuaian dengan kebolehan berbahasa pelajar nusantara ini. Walaupun ada, seperti Mardian Shah (2018), tetapi hanyalah dikhususkan untuk pelancong asing. Terdapat juga institusi-institusi yang membina modul sendiri untuk disesuaikan walaupun itu bukanlah yang disarankan oleh pihak KPT. Apa lagi dalam bentuk video multimedia interaktif yang sangat sedikit penghasilannya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran untuk penutur asing ini. Walaupun ada, seperti yang dihasilkan oleh Mardian Shah (2016), tetapi hanyalah DVD interaktif yang berfokus kepada “Panduan Perbualan Mudah Bahasa Melayu Untuk Pelancong Asing”. Hasil beliau ini juga hanya bersesuaian dengan penutur asing yang bersifat novis dan tidak sesuai dijadikan sebagai bahan pengajaran untuk pelajar nusantara ini yang sudah ada tahap kebolehan berbahasa Melayu mereka. Pembinaan modul baharu untuk pelajar nusantara ini merupakan salah satu strategi bagi memotivasi dan meningkatkan minat pelajar asing ini untuk mendalami bahasa Melayu (Mazlina, 2013, Noor Zuhidaya & Siti Saniah, 2016, Zamri Mahamod et.al. 2014). Modul nusantara ini juga dapat disesuaikan dengan matlamat ASEAN dan MABBIM dalam menjalin

hubungan serantau (Mohamed Irwan, 2017). Jadi usaha untuk membina modul bagi pengajaran bahasa Melayu untuk pelajar nusantara ini merupakan satu usaha yang sangat berbaloi dan pada masa yang sama dapat membantu pihak KPT dalam menentukan silibus yang terbaik bagi pelajar nusantara seperti pelajar Indonesia ini. Hal ini adalah selaras dengan tuntutan lonjakan ke-10 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pengajian Tinggi 2015-2025 [PPPM(PT)] dan menyokong Inisiatif 108 Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

- 3.1 Mengenal pasti item gangguan yang menjadi halangan kepada pelajar Indonesia ini berbahasa Melayu.
- 3.2 Menyenaraikan gangguan-gangguan yang terdapat dalam item morfologi dan sintaksis dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar Indonesia ini.
- 3.3 Mengemukakan cadangan, iaitu strategi bagi memperbaiki masalah gangguan berbahasa ini.

### **4.0 KOSA ILMU**

Kompetensi kemahiran berbahasa pelajar harus sesuai mengikut prestasi dan tahap kebolehan pelajar (Anuar & Nelson, 2015). Justeru, modul atau silibus pengajaran yang dibina haruslah bersesuaian dengan pelajar agar dapat merangsang dan mampu menguji kebolehan serta kemahiran pelajar tersebut (Yasin & Hamidreza, 2017). Modul pengajaran yang terlalu mudah adalah tidak wajar dan tidak berpeda jika dipelajari oleh sekumpulan pelajar yang prestasinya lebih jauh memberangsangkan. Berdasarkan buku Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi Kedua (2016) terbitan Kementerian Pengajian Tinggi, modul silibus Bahasa Melayu Komunikasi digubal bagi kegunaan semua pelajar antarabangsa yang mengikuti sebarang kursus atau bidang di Universiti Awam mahupun Universiti Swasta. Modul MPU yang digubal ini telah disesuaikan untuk penutur asing yang belum mempunyai pengetahuan berbahasa Melayu, iaitu pada peringkat paling asas. Kursus BMK ini diwajibkan ke atas semua pelajar antarabangsa tidak kira dari mana negara asal mereka termasuklah yang datang dari gugusan nusantara seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand. Mereka yang datang dari gugusan nusantara ini sememangnya sudah mempunyai pengetahuan

berbahasa Melayu. Permasalahan yang timbul ialah modul pengajaran yang sedia ada lebih sesuai bagi mereka yang bersifat novis, iaitu yang tidak mempunyai pengetahuan langsung dalam BM. Modul silibus MPU yang sedia ada ini didapati tidak memadai dengan kebolehan dan kemahiran yang sedia ada pada PI ini.

Jadi, satu modul baharu yang lebih sesuai dengan pencapaian berbahasa pelajar nusantara ini harus dibina. Permasalahan seterusnya, apakah item-item yang dapat mendasari modul pengajaran yang baharu ini yang lebih bersesuaian dengan kebolehan berbahasa dan kemahiran yang sedia ada pada para pelajar nusantara ini. Menurut Fatimah (2016) silibus yang dibina atau digubal haruslah berkaitan dengan diri dan persekitaran pelajar tersebut dan bersesuaian dengan kebolehan pemikiran mereka. Jadi, pengetahuan seperti hal-hal serantau dan ASEAN boleh diambil kira dalam mendasari item modul pengajaran yang baharu bagi pelajar nusantara ini selain daripada item tatabahasa. Permasalahan yang terakhir adalah sehingga kini masih belum ada satu bentuk modul interaktif yang dibina dalam tujuan pengajaran BM untuk pelajar nusantara ini sekali gus bagi menarik minat mereka untuk mempelajari BM serta mendalami pengetahuan dalam bahasa, budaya dan kehidupan masyarakat Melayu serumpun. Justeru, penyelidikan yang berteraskan teknologi dan media ini diharapkan dapat memenuhi tuntutan lonjakan ke-10 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pengajian Tinggi 2015-2025 [PPM (PT)].

## **5.0 KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini mengambil kira kerangka yang disarankan oleh McNeil (1970) yang menyatakan bahawa skop suatu struktur sintaksis dapat menentukan urutan pemerolehan sintaksis seseorang. Schlesinger (1971, 1974) juga berpendapat bahawa terdapat hubungan struktur tatabahasa dalam perucapan seseorang. Pengkaji-pengkaji pemerolehan sintaksis ini beranggapan bahawa pemerolehan sintaksis hanya bermula apabila seseorang itu mula menggabungkan dua atau lebih kata-kata. Ini bermaksud terdapatnya perkembangan dari bentuk kata, frasa dan klausa sehingga menjadi ayat yang lengkap. Hal ini juga dipersetujui oleh E. Clark (1977), Greenfield & Smith (1976) dan Barman (1979). Bertitik tolak daripada pandangan pengkaji-pengkaji di atas, kajian ini cuba melihat kebolehan berbahasa PI dan

mengenal pasti gangguan morfologi dan sintaksis yang menjadi halangan dalam proses pembelajaran mereka. Jadi hasil kajian ini nanti dapat dijadikan satu kayu ukur bagi mengenal pasti kaedah yang baik dan berkesan dalam pengajaran BM untuk penutur asing nusantara.

Kajian ini berfokuskan kepada responden yang merupakan pelajar yang datang dari gugusan nusantara, iaitu dari Indonesia. Responden merupakan pelajar dari Asia e University yang wajib mengambil kursus BMK. Data ini diambil dan dinilai sepanjang satu semester kelas pengajaran. Seterusnya guru-guru yang mengajar juga turut terlibat dalam menyumbangkan data bagi kajian ini. Kajian ini mengambil kira kaedah kepustakaan, soal selidik, temu duga dan penelitian dokumen-dokumen yang diperlukan. Kaedah penelitian dokumen pula melibatkan penelitian ke atas dokumen-dokumen seperti rangka kursus, rancangan pengajaran guru, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan. Hal ini penting untuk mendapatkan maklumat tentang kesesuaian tahap yang perlu dilalui oleh informan. Kepelbagaian dalam penerapan kaedah bagi memperolehi dapatan kajian ini adalah berdasarkan pandangan Burgess (1984: 53-55) yang mengatakan bahawa dalam kajian Sains Sosial pemilihan kaedah kajian tidaklah terhad kepada sesuatu kaedah tertentu tetapi boleh melibatkan beberapa kaedah yang dapat mengikut sasaran objektif dan membantu hipotesis kajian tersebut.

## **6.0 DAPATAN KAJIAN**

Data-data yang dipaparkan dalam kajian ini adalah secara keseluruhan dan tidak mengikut peringkat-peringkat pengajaran tertentu. Kajian ini mendapati terdapat gangguan dari aspek morfologi dan sintaksis dalam proses pembelajaran BM dalam kalangan PI ini. Justeru, dapatan kajian ini dibahagikan kepada beberapa item halangan yang melibatkan aspek morfologi dan sintaksis yang menjadi gangguan kepada pelajar Indonesia ini berbahasa Melayu. Berdasarkan kajian ini terdapat empat item halangan yang telah dikenal pasti, iaitu pemilihan perkataan, binaan frasa, ejaan dan binaan ayat. Dalam aspek morfologi, dapatan kajian dapat ditunjukkan seperti di bawah.

## 6.1 Gangguan Pemilihan Perkataan

Di dalam kelas BMK ini terdapat usaha yang dilakukan oleh guru bagi meningkatkan kebolehan pelajar Indonesia (PI) ini berbahasa Melayu. Terdapat beberapa aktiviti yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas pengajaran seperti bercerita tentang pengalaman yang menarik di Malaysia, memperkenalkan tempat kelahiran, keistimewaan ibu kota Jakarta dan sebagainya. Walaupun para pelajar ini telah diperkenalkan dengan sistem ejaan dan sebutan Bahasa Melayu (BM) dan guru juga telah menunjukkan beberapa perbezaan kata yang terdapat dalam BM dengan Bahasa Indonesia (BI) tetapi masih terdapat gangguan pemilihan perkataan yang menjadi halangan kepada PI ini untuk berbahasa Melayu. Antara gangguan yang dikenal pasti adalah item pemilihan perkataan seperti berikut.

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Gangguan Pemilihan Perkataan</b>
Bangunan	Gedung
Padang	Lapangan
Asli	Alami
Semasa	Saat
Terkejut	Kaget
Letih	Lelah
Pertandingan	Lomba
Melancong	Berwisata
Berjaya	Berhasil
Ada	Punya
Tudung	Kerudung
Ke hadapan	Maju
Kuali	Penggorengan
Pening	Pusing
Membeli belah	Belanja
Beri tahu	Bilang
Pelbagai	Beragam

Di atas adalah beberapa contoh perkataan yang menjadi gangguan PI ini dalam berbahasa Melayu walaupun masih terdapat kata-kata yang menjadi pilihan PI ini yang mengganggu kebolehan berbahasa terutamanya dalam kemahiran menulis. Di peringkat awal kelas, guru telah memberikan beberapa bahan bacaan agar PI ini dapat melihat dan mengesan beberapa bentuk penggunaan BM yang betul. Melalui cara ini guru beranggapan PI ini akan lebih bersikap berjaga-jaga semasa berkomunikasi. Gangguan ini bukan sahaja terlihat dalam proses komunikasi lisan mereka malah lebih jelas dikenal pasti dalam hasil penulisan mereka.

## 6.2 Gangguan Binaan Frasa

Di dalam kelas, PI ini juga diberi latihan penulisan berdasarkan topik-topik tertentu. Kemahiran berbahasa pelajar bukan hanya diuji berdasarkan aspek lisan tetapi juga aspek penulisan. Melalui aktiviti penulisan ini pengkaji dapat mengenal pasti adanya beberapa gangguan morfologi dalam binaan frasa oleh PI. Gangguan binaan frasa ini dapat ditunjukkan seperti contoh di bawah berikut.

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Gangguan Binaan Frasa</b>
Wang simpanan	Simpanan wang
Tahun baharu	Pergantian tahun
Surat balasan	Balasan surat
Bunga api	Kembang api
Mati dilanggar	Mati tertabrak
Pagi tadi	Tadi pagi
Minggu lepas	Pekan lalu
Untuk berjumpa	Untuk menemukan

### 6.3 Gangguan Ejaan

Dalam aspek penulisan juga, pengkaji dapat menemukan beberapa gangguan dalam hasil penulisan PI ini. Perubahan pada ejaan ini bukan sahaja berlaku dalam kosa kata yang biasa digunakan malah terdapat juga pada kata pinjaman Bahasa Inggeris.

<b>Bahasa Melayu</b>	<b>Gangguan Ejaan</b>
Haiwan	Hewan
Kuih	Kue
Wang	Uang
Bermesyuarat	Bermusyarat
Isteri	Istri
Minit	Menit
Muzik	Musik
Stesen	Setasen
Mahupun	Maupun
Antarabangsa	Antarbangsa
Iaitu	Yaitu
Inggeris	Inggris
Erti	Arti
Televisyen	Televisi

### 6.4 Gangguan Binaan Ayat

Berdasarkan aspek sintaksis, iaitu dalam aspek penulisan pelajar, terdapat juga gangguan berkaitan aspek binaan ayat oleh PI ini. Oleh kerana PI ini beranggapan bahawa BM mirip BI, maka mereka cenderung menulis seperti mana mereka menulis dalam BI. Menurut pengkaji, guru merasakan agak sukar untuk memperbaiki kemahiran berbahasa Melayu PI ini berbanding mereka yang mempelajarinya daripada peringkat sifar, iaitu yang langsung tidak ada

pengetahuan berbahasa Melayu. Antara gangguan binaan ayat PI ini dapat ditunjukkan seperti di bawah.

Bahasa Melayu	Gangguan Binaan Ayat
... ada pada pokok itu.	... ada di dekat pokok itu.
... membuka perniagaan makanan ....	... membuka peniaga bidang makanan ....
... saya n ampak orang India ....	... nampak oleh saya orang India ....
... saya mencucuk dia dengan pensel.	... saya mencucuk dia memakai pensel.
Tiga bulan saya sudah lalui ....	Tiga bulan sudah saya lewati ....
... sudah boleh merangkak.	... sudah dapat untuk merangkak.
... membayar bil elektrik.	... membayarkan tagihan elektrik.
... untuk mengurangkan kadar jenayah di Jakarta.	... untuk mengurangi tingkat jenayah di Jakarta.

Pada masa yang sama, kajian ini juga mendapati PI ini turut menggunakan beberapa patah perkataan yang langsung tidak terdapat dalam BM seperti *jepin* (sepit) dan *cemprot* (sembur). Kecenderungan ini adalah disebabkan PI ini tidak dapat memikirkan kosa kata yang sesuai untuk digunakan dalam BM. Di dalam kelas pengajaran PI ini sering bertanya tentang makna dan penggunaan kata-kata tertentu sama ada diguna pakai dalam BM ataupun tidak. Di sini menjadi cabaran kepada guru dalam mengendalikan proses pengajaran kerana guru sering diajukan soalan tentang penggunaan kata dalam BM. Bagi pelajar yang bersikap kurang mahu bertanya maka mereka dengan sewenang-wenangnya menggunakan kosa kata yang mereka anggap sesuai. Keadaan inilah yang menyebabkan timbulnya gangguan-gangguan dalam aspek kemahiran menulis PI ini.

Hasil temu bual kajian ini ke atas tenaga pengajar kursus BMK mendapati, terdapat beberapa cadangan dan strategi yang disarankan oleh guru dalam menghadapi halangan yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran BM bagi PI ini. Guru mencadangkan agar di awal pembelajaran PI ini, mereka perlu diajar tentang aspek sebutan dan sistem ejaan BM. Menurut

guru atau tenaga pengajar, latihan vokal amat sesuai untuk memperbaiki sebutan PI ini, iaitu melalui latihan bacaan kuat ke atas teks pendek yang melibatkan tidak melebihi tiga suku kata. Di samping itu PI ini boleh disuntik dengan aktiviti ‘dengar dan sebut’. Di sini mereka dapat berlatih dengan sebutan yang lebih tepat mengikut penutuf natif BM di negara ini. Pada peringkat awal pembelajaran juga, PI perlu didedahkan dengan perbandingan kata, makna dan penggunaan perkataan BM dengan BI yang mungkin menjadi halangan dalam proses pembelajaran BM mereka. Strategi guru menyenarai dan membandingkan di antara kedua-dua bahasa ini supaya PI ini dapat mengenal pasti kata yang betul dengan penggunaannya pada konteks yang sesuai dan tepat. PI juga perlu didedahkan dengan bahan teks yang sesuai dengan latar kebolehan berbahasa mereka. Tujuan berbuat demikian, agar PI ini dapat didedahkan dengan bentuk-bentuk ayat dan penggunaan kata dalam BM. Bagi tenaga pengajar, perkara ini adalah lebih penting untuk ditekankan agar kebolehan berbahasa PI ini dapat dikawal dan diperkukuhkan. Jika tidak, mereka pasti akan mudah terpengaruh dan mencampur-adukkan bahasa ibunda mereka dengan BM.

Guru percaya bahawa dengan memberi penekanan kepada sebutan ia dapat memperbaiki ejaan pelajar dan ejaan yang betul ini pula membantu dalam membentuk ayat yang baik. Untuk melatih para PI ini membina struktur ayat BM yang betul dan tepat, strategi yang dilakukan oleh guru ialah guru terlebih dahulu melatih pelajar untuk berkomunikasi dengan betul. Latihan komunikasi ini dilakukan melalui bentuk lakonan pendek oleh pelajar dalam situasi-situasi tertentu, iaitu yang dilakonkan oleh pelajar secara langsung di dalam kelas. Di sini guru dapat membaiki secara terus kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Dalam kajian ini, guru yang ditemu bual berpendapat, dengan komunikasi yang baik maka pelajar dapat menghasilkan bentuk penulisan yang baik juga. Kajian ini juga mendapati bahawa para PI ini lebih gemar dan terikut-ikut dengan penggunaan dan sebutan bahasa basahan seperti penggunaan kependekan kata. Perkara ini turut dibawa dalam aspek penulisan mereka dan akhirnya hasil penulisan mereka dipengaruhi dengan bentuk ejaan berdasarkan sebutan harian yang bersifat tidak rasmi. Bagi memastikan aspek sebutan ini dapat diperkukuhkan, guru mengadakan lebih banyak aktiviti berkomunikasi di dalam kelas. Menurut hasil temu bual guru dan pelajar di dalam kajian ini, mereka menyarankan agar silibus yang sedia ada perlu diubah dan disesuaikan dengan kebolehan berbahasa mereka. Pelajar menganggap sekiranya tahap bahasa yang disediakan adalah mudah maka para pelajar yang sudah ada latar berbahasa Melayu pasti akan cepat terasa bosan kerana apa yang mereka pelajari dirasakan kurang mencabar.

## 7.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat empat perkara yang perlu diberi perhatian oleh guru BMK sebagai tenaga pengajar, iaitu pertamanya, guru perlu memahami dan kemudian menerangkan kepada PI tentang terdapatnya perkataan yang sama di antara BM dengan BI dan mempunyai makna dan penggunaan yang juga sama. Keduanya, terdapat perkataan yang sama di antara BM dan BI tetapi rujukannya adalah berbeza. Ketiganya, terdapat perkataan dalam kedua-dua bahasa sama ada BM atau BI yang maknanya sama tetapi digunakan bagi tujuan yang berbeza. Yang terakhir, iaitu yang keempat, secara bandingannya terdapat juga kumpulan perkataan yang sepenuhnya tidak terdapat dalam penggunaan BM. Halangan dalam kebolehan berbahasa PI ini jelas terlihat dalam empat item halangan, iaitu gangguan pemilihan perkataan, gangguan binaan frasa, gangguan aspek ejaan dan gangguan binaan ayat. Keempat-empat item gangguan ini jelas terlihat dalam aspek morfologi dan sintaksis melalui hasil penulisan pelajar.

Pengkaji berpandangan bahawa silibus subjek BMK bagi PI ini perlu ditambah baik agar bersesuaian dan setara dengan kebolehan berbahasa mereka. Pihak KPT perlu membezakan silibus pengajaran bagi pelajar yang datangnya dari rumpun nusantara dengan pelajar warga asing yang datang dari negara lain terutamanya yang datang dari Timur Tengah. Hasil kajian ini sudah pasti dapat memberi kesan positif sekali gus menjadi kertas cadangan kepada pihak KPT dalam menggubal silibus pelajar warga asing dari rumpun nusantara ini. Justeru, satu bentuk silibus yang lebih komprehensif perlu digubal dengan item-item yang lebih munasabah dan sesuai dengan mereka yang datang dari nusantara ini.

## **BIBLIOGRAFI**

- Anuar A. & Nelson J. 2015. Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil 3 Isu 2.
- Fatimah Al-Kathiri 2016. The Voice of the Teacher in Syllabus Design. *English Language and Literature Studies*, Vol. 6, No. 1.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pengajian Tinggi 2015-2025 [PPM(PT)]*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu di Institut Pengajian Tinggi*. Putrajaya, KPM.
- Khuzaiton Zakaria & Thana Abdullah. 2014. Mengajar Bahasa Melayu Kepada Penutur Asing dan Cabarannya: Pengalaman Di Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia. *Prosiding Seminar Teaching & Learning In The 21<sup>st</sup> Century: Challengers for Lecturers and Teachers*, OUM
- Mardian Shah Omar. 2015. Ability to Use Word Order in Learning Malay Language by International Students, *International Journal of Educational Science and Research (IJESR)*. Vol.5 ISSN 2249-6947.
- Mardian Shah Omar. 2016. *Panduan Perbualan Mudah Bahasa Melayu Untuk Pelancong Asing – DVD Interaktif*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardian Shah Omar. 2017. Menyulam Budaya Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing, *Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia*, Vol. 21 (2) hal. 81-92.
- Mardian Shah Omar. 2018. *Bahasa Melayu Untuk Pelancong – Bahasa Melayu for Tourist*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazlina Baharudin. 2013. Pemerolehan dan Penguasaan Kecekapan Berbahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Asing Di Universiti Sains Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Science* 134(2014) 270-275.
- Mohamed Irwan Mansor. 2017. ASEAN Sebagai Sebuah Pertubuhan Serantau. *Journal of Social Sciences & Humanities*. 003 ISSN: 1823 -884x.
- Noor Zuhidaya & Siti Saniah. 2016. Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman. *PENDETA Journal of Malay Language, Education & Literature*. Jilid 7 (2016) hal. 85-94.
- Nuradibah Asbullah & Hazlina Abdul Halim. 2016. Motivasi Pelajar Mobiliti Dalam Pembelajaran Bahasa Perancis. *Jurnal Kesidang*. Jilid 1 2016: 86-101.

- Saiful Bahri Kamaruddin. 2015. Bilangan Pelajar Antarabangsa Di Malaysia Naik 100% Menjelang 2020 – PM. UKM, Portal Berita.
- Siti Saniah Abu Bakar. 2014. Kekangan Pelajar Asing Dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. Vol.3, Bil.1, hal. 52-62.
- The Malaysian Times. 2014. Malaysia Destinasi Pilihan Pelajar Indonesia. Kuala Lumpur, 30 Jan. 2014.
- Yasin K. & Hamidreza B. 2017. Integrating Traditional and Critical Approaches to Syllabus Design: A Theoretical Study. *International Journal of English Language Teaching*, Vol.5, No.3, pp 6-26.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan Motivasi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia – Social and Behavioral Science* 134(2014) 408-415.
- Zamri Mahamod et.al. 2014. Penggunaan dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. Vol.4, Bil.2, hal. 25-35.

# PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ASING DI UTM

Zaliza Mohamad Nasir  
Halimah binti Ma'alip  
Akademi Bahasa  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
[m-zaliza@utm.my](mailto:m-zaliza@utm.my)  
[m-halima@utm.my](mailto:m-halima@utm.my)

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan pelajar asing dalam mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa ketiga atau sebagai alat komunikasi di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti keperluan dan tujuan mempelajari BM dalam kalangan pelajar asing di IPT di samping menghuraikan kaedah pembelajaran yang relevan dalam penguasaan BM bagi pelajar asing. Seramai 40 orang pelajar dari pelbagai negara yang mengikuti kelas Bahasa Melayu Komunikasi di UTM telah dipilih. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 31 item. Data dianalisis berasaskan deskriptif asas dengan melihat kepada kekerapan dan peratusan sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan merupakan keperluan utama ketika mempelajari BM khususnya bagi mata pelajaran tersebut dalam kalangan pelajar asing. Dapatan kajian ini juga menunjukkan teknik dan kaedah pembelajaran secara berkumpulan merupakan teknik yang paling relevan dalam usaha untuk meningkatkan elemen kemahiran insaniah dalam diri pelajar.

***Kata kunci:** keperluan, pelajar asing, bahasa ketiga, kaedah pembelajaran, kemahiran insaniah*

## Abstract

This study aims to identify the needs of foreign students in learning and mastering Malay Language as the third language or as a means of communication at Universiti Teknologi Malaysia (UTM). The objective of this paper is to identify the needs and objectives of studying Malay Language among foreign students in IPT as well as elaborating relevant learning methods in Malay for foreign students. A total of 40 students from various countries who attended the Malay Language Communication class at UTM were selected. The instrument used a questionnaire consisting of 31 items. The data were analyzed based on the basic descriptive by looking at the frequency and percentage only. The results showed that obtaining high scores in examinations was a major requirement when studying Malay Language especially for those subjects among foreign students. The findings also show that group learning techniques and methods are the most relevant techniques in order to enhance the element of soft skills for the students.

*Keyword: requirement, foreign students, third language, learning method, soft skills*

## **Latar Belakang Kajian**

Sistem pendidikan di Malaysia kini amat menitikberatkan pengajaran Bahasa Melayu (BM) atau bahasa kebangsaan sama ada di peringkat pendidikan prasekolah, sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. BM juga merupakan mata pelajaran wajib yang diajarkan di sekolah-sekolah rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Sementara itu, untuk institusi-institusi pendidikan tinggi sama ada awam atau swasta pula, BM telah dijadikan subjek wajib yang perlu diajarkan kepada semua pelajar. Sebelum ini, BM yang diajar dan dipelajari oleh warganegara tempatan telah diperkenalkan pula kepada pelajar antarabangsa sebagai mata pelajaran wajib. Hal ini kerana bahasa adalah sebagai alat berkomunikasi untuk manusia (Abdullah Hassan, 2007).

Menurut Khairul Zaim (2010), pelajar antarabangsa yang menuntut di Malaysia sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dianggarkan sebanyak 65,000 orang. Jika dilihat angkanya yang begitu besar, persoalan yang ingin kita lontarkan adalah sejauhmanakah pemeraksanaan bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar antarabangsa di Malaysia dilaksanakan? Mengapa BM perlu dipelajari oleh pelajar antarabangsa di Malaysia? Jawapannya ialah BM menjadi wadah komunikasi dalam memahami kebudayaan masyarakat di Malaysia. Jika seseorang penutur asing itu mengetahui asas BM, mereka akan tahu bahawa terdapat nilai sopan santun dan memahami nilai budaya dalam masyarakat di Malaysia, terutamanya bagi masyarakat Melayu.

Pernyataan ini disokong oleh Fa'izah dan rakan-rakan (2009) yang mengatakan bahawa mempelajari sesuatu bahasa asing adalah sesuatu yang mencabar. Hal ini kerana apabila pelajar antarabangsa yang mempelajari sesuatu bahasa asing bukan setakat perlu belajar untuk memahami dan menguasai tatabahasa baru malahan mereka juga mempelajari budaya Melayu. Hakikatnya kerana bahasa itu sendiri merupakan salah satu unsur budaya yang menjadi identiti suatu bangsa dan mencerminkan pemikiran, perasaan dan sikap sesebuah masyarakat (Ramona, 1999 dalam Fa'izah dan rakan-rakan 2009). Sekiranya budaya Melayu itu mempunyai nilai-nilai yang bertentangan dengan budaya mereka, sudah tentu sukar untuk mereka menerima dan mempelajari BM. Kesiediaan pelajar antarabangsa yang mempelajari BM adalah berkait rapat dengan kesiediaan mereka menerima unsur-unsur asing dalam budaya Melayu untuk diserap dan dikongsi sebagai budaya dan bahasa yang dipelajari itu.

Mengikut pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), mempelajari BM adalah prasyarat kepada pelajar asing yang mengikuti pengajian di semua IPT di Malaysia. Mereka diwajibkan mengikuti kursus BM dan lulus untuk dianugerahkan diploma atau ijazah. Prasyarat ini sudah tentu membebaskan dan menyukarkan mereka kerana selain tidak mempunyai pilihan, mereka juga dikehendaki mempelajari dan menguasai BM dalam tempoh masa yang singkat demi '*survival*' pengajian masing-masing. Sehubungan itu, kurikulum BM perlu diubah tetapi persoalannya, adakah pembinaan kurikulum BM di peringkat IPT ini digubal bersesuaian atau tidak bagi membolehkan pelajar menggunakan BM sebagai pengantar ilmu dan bahasa untuk berkomunikasi?

Selain itu, kemahiran bertutur atau berkomunikasi juga penting dalam kurikulum bahasa. Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Ia berperanan sebagai penanda aras (*benchmark*) kejayaan penguasaan dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, sudah sewajarnya kajian untuk menilai keberkesanan modul BM dari aspek komunikasi harian di IPT di Malaysia perlu dilaksanakan secara komprehensif.

### **Pernyataan Masalah**

Pendidikan Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Asing (BMSBA) di Malaysia telah bermula pada pertengahan tahun 1995 dan 1996 (Fa'izah dan rakan-rakan, 2010). Bermula pada tahun tersebut berlaku satu reformasi dalam pendidikan BM di negara ini. Perubahan ini dilakukan untuk memartabatkan BM sebagai bahasa pengantar ilmu yang sebelum ini telah diwartakan dalam Akta Pendidikan 1961. Sehubungan dengan peningkatan bilangan pelajar luar negara dan penambahan bilangan IPTS yang menjadi pilihan pelajar luar negara pada waktu itu, serta untuk memantapkan sistem pendidikan BM di negara ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meminda Akta Pendidikan 1961 dan menggantikannya dengan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 yang memperuntukkan BM sebagai bahasa pengantar di semua IPT. Selaras dengan itu juga Menteri Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin memaklumkan bahawa pihak KPT sedang membuat kajian untuk mewajibkan subjek BM yang menekankan aspek komunikasi harian kepada pelajar asing supaya mereka boleh menggunakan bahasa tersebut bagi membina hubungan yang lebih baik antara pelajar itu dengan masyarakat setempat, katanya,

*"Mereka akan mengambil Bahasa Melayu untuk tujuan komunikasi, supaya mereka faham apa yang orang cakap. Bila dia keluar, dia nak beli barang kat kedai, dia boleh cakap. Kita bukan wajibkan mereka ambil Bahasa Melayu ilmiah".*

(Khairul Zaim, 2011)

Sehubungan dengan pengumuman Menteri Pengajian Tinggi tentang kajian untuk mewajibkan pelajar asing mengambil subjek BM di IPT masing-masing, maka beliau telah mencadangkan supaya semua pihak yang bertanggungjawab mengambil inisiatif seperti menyediakan modul pembelajaran BM berdasarkan kaedah yang paling sesuai dan relevan kepada pelajar asing supaya mereka mampu menguasai BM dengan lebih baik. Kajian terperinci mengenai cara memberi kefahaman "*nilai budaya menerusi subjek bahasa Melayu*" perlu dilakukan segera supaya setiap pengajaran yang diberikan kepada pelajar asing dapat memberikan nilai – nilai murni kepada masyarakat Malaysia. Sekurang-kurangnya, para pelajar asing ini mengetahui adat dan kebiasaan masyarakat di Malaysia.

### **Persoalan Kajian**

- i. Apakah keperluan dan tujuan pelajar asing mempelajari BM di IPT?
- ii. Apakah kaedah pembelajaran yang relevan dan sesuai dalam pembelajaran BM bagi pelajar asing?

## **Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti keperluan dan tujuan mempelajari BM dalam kalangan pelajar asing di IPT.
- ii. Menghuraikan kaedah pembelajaran yang relevan dalam penguasaan BM bagi pelajar asing.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting untuk memberi gambaran yang jelas dan menyeluruh bukan sahaja kepada pelajar luar negara malahan juga kepada pengajar tentang kepentingan BM. Di samping itu, kajian ini dapat membantu pihak penggubal kurikulum BM di peringkat IPT dengan menambahbaikkan kurikulum atau modul yang sedia ada sambil mengenalpasti kelemahan dan kekurangan modul tersebut. Seterusnya, kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu pensyarah memastikan pengajaran dan pembelajaran BM yang berkesan dan sesuai di IPT masing-masing supaya mereka mampu untuk lebih fokus dalam pengajarannya.

## **Sorotan Kajian**

Kebanyakan kajian lepas yang mengkaji tentang teknik pembelajaran dan penguasaan BM dalam kalangan pelajar asing banyak dilaksanakan di IPTS manakala kajian di IPTA masih berkurangan. Dalam pembelajaran bahasa, kaedah pengajaran dan modul pembelajaran yang lebih praktikal perlu diperkenalkan bagi membantu pelajar asing yang mempelajari BM terutama dari aspek lisan belajar dengan lebih mudah, cepat dan berkesan. Hal ini amat penting untuk difikirkan kerana kegagalan pelajar asing dalam kursus BM boleh menjejaskan kelancaran pengajian dan pencapaian akademik mereka secara keseluruhannya.

Menurut Fa'izah dan rakan-rakan (2009) dalam kajiannya yang bertajuk '*Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar Negara*', secara jelas menggambarkan bahawa pelajar asing yang mempelajari BM di kebanyakan IPT masih belum dapat menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan baik sebagaimana yang diharapkan.

Pernyataan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Noor Asliza dan rakan-rakan (2011) yang bertajuk '*Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa: Kajian Kes di IPTA Bahagian Utara Semenanjung Malaysia*'. Sampel kajian seramai 60 orang pelajar antarabangsa yang datang dari pelbagai negara diuji dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi tiga bahagian. Hasil kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan dan penggunaan BM dalam kalangan pelajar asing masih lemah disebabkan oleh jangka masa pembelajaran yang terlalu singkat. Pelajar-pelajar memerlukan masa yang agak panjang untuk menguasai bahasa Melayu serta modul yang ringkas untuk menguasai bahasa dengan baik terutama dari aspek lisan.

Begitu juga dengan kajian yang dilaksanakan oleh Mardian dan Marniyati (2011) yang berjudul “*Meningkat dan Memperkasakan Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTS*”. Kajian ini melibatkan seramai 122 orang pelajar dari UNITEN, MMU dan KLIUC sebagai responden mereka. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pengetahuan tentang ilmu linguistik bukanlah satu keperluan utama bagi guru-guru yang ingin mengajar penutur asing. Menurut beliau memadai dengan guru itu merupakan penutur natif bahasa tersebut dan apa yang lebih penting ialah kriteria semulajadi yang perlu ada pada guru yang menjadi penyampai dalam kelas bahasa untuk penutur asing serta modul pengajaran yang digunakan.

Selain itu, ahli-ahli bahasa dan pengajar bahasa yang lain (Dulay dan Burt, 1974; Taylor, 1974; Brown, 1980; Krashen, 1981) menganggap proses pemerolehan (yang berlaku kepada penutur natif) dan pembelajaran (yang berlaku kepada penutur bukan natif) merupakan proses kognitif yang sama tetapi kedua-dua proses ini dipengaruhi oleh perubahan fizikal, kognitif, afektif dan linguistik yang berbeza. Jika seseorang guru membuat interpretasi yang tidak tepat mengenai proses pemerolehan dan pembelajaran bahasa, iaitu guru tersebut menganggap kedua-dua proses itu tanpa mengambil kira pengaruh pemboleh ubah yang tersebut di atas, maka beliau tidak akan dapat membantu pelajar-pelajar bukan natif menguasai kemahiran bahasa yang diajar dengan berkesan. Dalam soal ini teknik pengajaran memainkan peranan penting dalam proses penguasaan bahasa asing.

Oleh sebab itu, Dole dan rakan-rakan (1991) menyifatkan strategi sebagai “...*conscious instantiated and flexible plans readers apply and adept to a variety of text and task...*” (hlm. 242). Block (1993) yang memetik pandangan Garner pula, mentafsirkan strategi sebagai “...*an action (or series of actions) employed in order to construe meaning...*” (hlm 180). Selaras dengan itu, dapat dikatakan bahawa Dole dan rakan-rakannya (1991) menganggap strategi sebagai suatu bentuk pemikiran yang digunakan secara sedar. Block (1993) pula mengaitkan strategi dengan tindakan yang digunakan semasa hendak memahamkan sesuatu bahan bacaan.

Biarpun ada penulis dan pengkaji yang melihat strategi sebagai suatu bentuk pemikiran (Dole dan rakan-rakan, 1991) dan ada pula yang mengaitkannya dengan perlakuan (Block, 1993), namun begitu dalam kajian ini strategi itu dianggap sebagai perlakuan dan pemikiran yang membantu proses pemahaman dan penguasaan BM bagi pelajar asing. Bersesuaian dengan itu, proses tersebut akan dikenali sebagai strategi atau kaedah pemahaman dan penguasaan BM yang paling relevan dengan pelajar asing.

Kajian William Littlewood dan Baohua Yu (2011) bertajuk “*First Language and Target Language in the Foreign Language Classroom*” menunjukkan bahawa penggunaan bahasa pertama adalah penting dalam proses pembelajaran dan penguasaan bahasa asing. Strategi pengajaran yang disampaikan dalam bahasa pertama pelajar secara tidak langsung memberi pemahaman yang lebih mendalam terhadap proses pembelajaran bahasa tersebut. Guru perlu menggunakan strategi pengajaran dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar ketika hendak memulakan pengajaran bahasa asing. Berdasarkan strategi komunikasi yang telah diuji, pengkaji mendapati penggunaan penterjemahan dan penerangan menerusi makna dalam bahasa pertama amat berkesan dalam proses menguasai bahasa asing yang dipelajari.

Dapatan itu bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan oleh Zawawi Ismail dan rakan-rakan (2011) bertajuk *Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia*. Kajian telah dilakukan ke atas 73 orang guru di SMKA dan 1371 orang pelajar dari 16 buah SMKA dengan menggunakan dua set soal selidik. Dapatan kajian ini mendapati guru lebih banyak menggunakan teknik pengajaran yang memerlukan respon terus dan ringkas seperti penggunaan teknik soal jawab dan teknik dengar tutur. Dapatan juga mendapati sikap guru dan amalan guru dalam menggunakan teknik pengajaran kemahiran bertutur tidak mengikuti pendekatan komunikatif. Sehubungan itu, pembelajaran aktif perlu digalakkan dengan penggunaan teknik yang mengarahkan aktiviti pelajar ke arah tersebut.

Selain itu, Ghazali Yusri dan rakan-rakan (2012) dalam kajian bertajuk *Penggunaan Bahan Pembelajaran Dalam Kursus Bahasa Arab* telah melaksanakan kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian di dalam kelas. Kajian ini mengkaji seramai 455 orang pelajar dan 48 orang pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hanya penggunaan buku teks sahaja yang digunakan dalam proses pembelajaran manakala bahan yang lain tidak digunakan terutama dalam proses pembelajaran lisan. Kajian ini telah mencadangkan agar penggunaan bahan bersifat autentik seperti medium komputer dan internet boleh digunakan dalam proses pembelajaran bahasa terutama bahasa asing.

Seterusnya, kajian yang dilaksanakan oleh Yi-Chun Pang dan Yi-Ching Pan (2011) bertajuk *Conducting Speaking Test For Learners of English as a Foreign Language* yang dilakukan ke atas tenaga pengajar dan pelajar di Universiti Ohio. Kajian kualitatif ini bertujuan untuk membantu golongan pengajar bagi memahami serta mengetahui teknik pembelajaran yang efisien berdasarkan ujian lisan. Dapatan kajian mendapati dengan mengetahui perkembangan dan peningkatan dalam proses pembelajaran bahasa asing menerusi ujian lisan, tenaga pengajar dapat mengenalpasti strategi yang efektif untuk di jelaskan kepada pelajar. Bagi pihak pelajar pula dapatan kajian ini dapat membantu memotivasikan mereka dalam proses persediaan untuk menghadapi ujian lisan.

## **Metodologi**

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada teori pemerolehan bahasa iaitu teori Mentalis yang dipelopori oleh Bloomfield (Zawawi Ismail dan rakan-rakan, 2011). Menurut golongan Mentalis, bahasa dikuasai melalui proses pengulangan. Oleh yang demikian, proses pengajaran bahasa haruslah menekankan latihan dan pengulangan yang banyak terutama bagi kemahiran berkomunikasi.

Batasan kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar antarabangsa di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru. Skop kajian ini hanya memfokuskan kepada keperluan dan tujuan dalam mempelajari BM sebagai bahasa ketiga dan juga kaedah pembelajaran yang bersesuaian dengan kehendak pelajar asing di UTM. Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru yang terletak di Skudai Johor ke atas 40 orang responden yang terdiri daripada 10 orang perempuan dan 30 orang lelaki.

Kaedah kajian iaitu kajian perpustakaan telah dijalankan oleh para penyelidik terlebih dahulu untuk merangka reka bentuk kajian. Manakala alat kajian terdiri daripada soal selidik yang

mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A ialah maklumat berkaitan demografi responden seperti jantina, umur, negara asal, kursus di UTM dan jangka masa tinggal di UTM. Manakala pada bahagian B yang mengandungi 11 soalan berkenaan dengan keperluan dan tujuan pembelajaran BM oleh pelajar asing, bahagian C mengandungi 12 soalan pula merujuk kepada cara yang paling sesuai untuk mempelajari BM dan bahagian D melihat kepada masalah yang dihadapi oleh pelajar asing semasa mempelajari BM sebanyak 8 soalan. Soal selidik yang digunakan telah diadaptasi dan diubahsuai daripada “*Target Situation Analysis model – Communication Needs Process*” (Munby’s, 1978).

## **Dapatan Hasil Kajian**

### **Objektif 1: Mengenal pasti keperluan dan tujuan mempelajari BM dalam kalangan pelajar asing di IPT.**

Secara keseluruhannya, proses penganalisan data dilakukan hanya terhad kepada analisis deskriptif asas dengan melihat kepada indeks bilangan dan peratusan sahaja. Perbincangan demografi responden meliputi jantina, umur, negara asal dan jangka masa tinggal di UTM akan dianalisis secara terperinci. Berikut adalah analisis data demografi responden.

### **Jantina Responden**


Dari segi jantina, secara keseluruhannya, sebanyak 40 responden yang dipilih dalam kajian ini iaitu 25% atau kekerapan sebanyak 10 orang merupakan responden perempuan manakala 75% atau kekerapannya iaitu 30 orang ialah responden lelaki. Jumlah peratusan dan kekerapan bagi jantina perempuan dan lelaki adalah tidak setara kerana pengkaji menggunakan kaedah pemilihan responden secara rawak dalam kajian ini. Pengkaji memberikan borang soal selidik secara rawak kepada responden. Oleh sebab itulah responden lelaki dan perempuan tidak seimbang. Rajah 1 dan Jadual 1 di bawah ialah bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.

### **Jadual 1**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
----------------	-----------------	------------------

<b>Perempuan</b>	10	25
<b>Lelaki</b>	30	75
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

**Rajah 1**




### **Umur Responden**

Majoriti responden yang dipilih adalah berumur dalam lingkungan 19-21 tahun iaitu sebanyak 88% berbanding dengan responden yang berumur dalam lingkungan 22-25 tahun iaitu sebanyak 12%. Rajah 2 dan Jadual 2 berikut menunjukkan merupakan bilangan dan peratusan umur responden dalam kajian ini.

<b>Umur</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
19-21	15	88
22-25	2	12
<b>Jumlah</b>	<b>17</b>	<b>100</b>

**Jadual 2**

**Rajah 2**




### Negara Asal Responden

Selain jantina dan umur, penyelidik melihat dari perspektif negara asal responden. Daripada 40 responden yang dipilih, 17.5% daripada mereka berasal dari negara China, 7.5% dari Jepun manakala 30% mewakili negara Yaman, 20% dari negara Sudan, 7.5% dari negara Nigeria dan hanya sahaja 5% responden yang berasal dari Oman. Rajah 3 dan Jadual 3 menunjukkan tentang kekerapan dan peratusan negara asal para responden yang menuntut di UTM.

Negara Asal	Kekerapan	Peratusan
China	7	17.5
Jepun	3	7.5
Yaman	12	30
Saudi	8	20
Sudan	5	12.5
Nigeria	3	7.5
Oman	2	5
<b>Jumlah</b>	<b>40</b>	<b>100</b>

Jadual 3




**Rajah 3**

### Jangka Masa Responden Tinggal di UTM

Kebanyakan responden terdiri daripada kalangan pelajar daripada pelbagai disiplin ilmu kejuruteraan dan kebanyakan mereka masih baru di menara gading iaitu mewakili sebanyak 25% atau 10 responden baru yang menetap selama 1-3 bulan, 45% atau 18 responden sudah berada di UTM selama 4 – 6 bulan, 15% atau 6 responden telah menetap lebih kurang 6 – 12 bulan manakala sebanyak 10% telah menetap selama setahun dan 5 % telah berada di UTM selama 2 tahun. Jadual 5 dan Rajah 5 di bawah menjelaskan bilangan dan peratusan jangka masa responden tinggal di UTM.

Jangka Masa	Bilangan	Peratusan
1 – 3 Bulan	10	25
4 – 6 Bulan	18	45
6 – 12 Bulan	6	15
1 tahun	4	10
2 tahun	2	5
<b>Jumlah</b>	<b>17</b>	<b>100</b>

**Jadual 5**



Rajah 5


### Keperluan Mempelajari BM

Berdasarkan data dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden, antara keperluan pelajar asing mempelajari BM adalah untuk mendapat markah yang baik iaitu sebanyak 82.5% atau 33 responden serta lulus dalam peperiksaan sebanyak 77.5% yang mewakili 31 responden. Ini diikuti dengan keperluan untuk berkomunikasi dengan penduduk tempatan iaitu sebanyak 60% yang mewakili 24 responden sangat setuju dan 25% yang bersetuju dengan pernyataan ini serta 40% yang mewakili 16 responden sangat setuju dengan mempelajari Bahasa Melayu mereka dapat mengenali Malaysia dengan lebih mudah. Selain itu, responden juga berpendapat dengan mempelajari Bahasa Melayu mereka boleh memahami lagu-lagu popular pada masa kini iaitu sebanyak 60% responden yang bersetuju. Ini berkait rapat dengan data yang diperolehi iaitu 45% atau 18 responden sangat setuju seronok mempelajari BM manakala masing-masing 22.5% iaitu 9 responden yang setuju dan tidak bersetuju dengan keseronokan mempelajari Bahasa Melayu ini. Di samping itu, terdapat 55% atau 22 responden sangat tidak setuju bahawa mereka tidak mengetahui sebab untuk mempelajari BM. Kebanyakan responden mengetahui tujuan sebenar mengapa mereka perlu mempelajari Bahasa Melayu di Universiti. Jadual 6 dan Rajah 6 di bawah menunjukkan taburan dan peratusan keperluan mempelajari BM dalam kalangan pelajar asing.

Soalan (B)	Keperluan Mempelajari BM	STS		TS		S		SS	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Mendapat markah yang lebih baik	0	0	0	0	7	17.5	33	82.5
2.	Dapat lulus dalam peperiksaan	0	0	0	0	9	22.5	31	77.5
3.	Boleh melancong ke luar negara	20	50	6	15	8	20	6	15
4.	Boleh bercakap dengan orang tempatan	0	0	6	15	10	25	24	60
5.	Boleh mengetahui lebih mengenai Malaysia	4	10	10	25	10	25	16	40
6.	Boleh memahami lagu-lagu popular	8	20	12	30	24	60	6	25
7.	Boleh memahami filem / menonton	5	12.5	14	35	20	50	1	2.5

	televisyen								
8.	Boleh memahami artikel	8	20	12	30	10	25	10	25
9.	Keseronokan mempelajari BM	4	14	9	22.5	9	22.5	18	45
10.	BM sebagai bahasa yang utama di dunia	21	52.5	6	25	8	20	5	12.5
11.	Tidak mengetahui sebab mempelajari BM	22	55	3	7.5	6	25	9	22.5

**Jadual 6**



**Rajah 6**

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan pelajar asing yang menuntut di IPT mempunyai pelbagai keperluan dan tujuan dalam mempelajari BM. Hasil daripada analisis dalam soal selidik, kebanyakan pelajar asing sangat bersetuju keperluan utama mereka mempelajari BM adalah untuk memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan dan lulus dengan baik bagi mata pelajaran tersebut. Ini terbukti dengan peratusan yang tinggi diperoleh dalam soal selidik yang diedarkan kepada responden iaitu sebanyak 82.5% dan 77.5%. Pernyataan ini bertepatan dengan prasyarat di IPT yang memerlukan pelajar asing perlu lulus dalam subjek BM untuk memperoleh sijil ijazah yang telah ditetapkan oleh KPT. Kenyataan ini menyokong kajian Fa'izah dan rakan-rakan (2009) serta Noor Asliza dan rakan-rakan (2011) yang memperlihatkan bahawa pelajar asing di Malaysia masih gagal menguasai BM dengan baik kerana mereka hanya mempelajari BM dengan tujuan untuk lulus sahaja tanpa adanya keperluan lain. Hal ini menyebabkan mereka gagal untuk menguasai BM dengan baik. Pelajar yang lemah biasanya masih belum dapat memahami dan menggunakan BM dengan berkesan. Dalam bentuk interaksi harian yang asas, pelajar yang lemah ini masih belum berupaya dan berkeyakinan untuk bertutur dan berkomunikasi dalam situasi tertentu sebagaimana yang diharapkan oleh KPM.

Seterusnya, keperluan pelajar-pelajar asing mempelajari BM kebanyakannya adalah dalam bentuk formal atau untuk tujuan pembelajaran akademik sahaja. Ini berdasarkan dapatan kajian yang mendapati peratusan yang rendah terhadap keperluan mempelajari BM adalah untuk memahami jalan cerita program-program berbahasa Melayu di televisyen, filem atau program di radio. Bagi mereka yang ingin memahami jalan cerita drama-drama dalam BM, penggunaan sarikata dalam bahasa Inggeris yang disediakan didapati banyak membantu mereka. Jadi, jelas dapatan memperlihatkan bahawa pelajar asing yang mempelajari BM tidak gemar atau jarang menggunakan kemahiran mendengar terutama dalam aspek hiburan.

Selain itu, berdasarkan soal selidik didapati terdapat juga pelajar asing yang menunjukkan minat untuk mempelajari BM bagi memudahkan mereka berkomunikasi dengan masyarakat tempatan dan untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang Malaysia. Hal ini bertepatan dengan saranan Menteri Pengajian Tinggi yang mencadangkan agar pelajar-pelajar asing di Malaysia didedahkan dengan kemahiran berkomunikasi asas. Ini bertujuan untuk memudahkan mereka mendapat maklumat tentang Malaysia amnya dan adat budaya atau nilai sopan santun masyarakat tempatan Melayu khususnya. Secara tidak langsung cara ini memungkinkan BM tersebar dan dikenal dengan lebih meluas di negara-negara asal pelajar itu seperti negara China, Yaman, Negeria, Arab Saudi dan sebagainya.

**Objektif 2: Menghuraikan kaedah pembelajaran yang relevan dalam penguasaan BM bagi pelajar asing.**


**Kaedah Mempelajari BM**

Dalam kajian ini didapati terdapat pelbagai kaedah yang sesuai untuk pelajar asing mempelajari BM di UTM. Antara kaedah yang sangat disetujui oleh mereka ialah membuat kerja secara berkumpulan iaitu sebanyak 82.5% atau 33 responden, diikuti dengan membuat kerja berpasangan iaitu sebanyak 80% dan seterusnya 65% atau 26 responden sangat setuju menggunakan video untuk mempelajari Bahasa Melayu dan 60% atau 24 responden pula suka menggunakan komputer. Seterusnya, 55% responden sangat setuju menggunakan kaedah membaca untuk mempelajari BM dan 75% sangat setuju untuk membuat semua kerja BM semasa berada di dalam kelas. Selain itu, 70% atau 28 responden sangat tidak setuju untuk membuat kerja secara bersendirian kerana mereka sukar untuk memahami BM. Pembelajaran BM melalui kaedah tatabahasa juga bukan merupakan kaedah yang digunakan oleh responden untuk mempelajari BM di mana 35% atau 14 responden sangat tidak setuju dengan kaedah belajar kosa kata. Jadual dan Rajah 7 berikut merupakan taburan kaedah mempelajari BM oleh pelajar asing.

Soalan (C)	Kaedah Mempelajari BM	STS		TS		S		SS	
		Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
1.	Tatabahasa	0	0	26	65	13	32.5	1	2.5
2.	Video	0	0	4	10	10	25	26	65
3.	Komputer	1	2.5	3	7.5	12	30	24	60
4.	Mendengar radio	5	12.5	10	25	15	37.5	10	25

5.	Menulis	5	12.5	14	35	9	22.5	12	30
6.	Membaca	0	0	3	7.5	15	37.5	22	55
7.	Belajar kosa kata	14	35	12	30	12	30	2	5
8.	Kerja rumah	3	7.5	12	30	10	25	15	37.5
9.	Buat kerja sendiri	28	70	7	17.5	5	12.5	0	0
10.	Buat kerja berpasangan	0	0	0	0	8	20	32	80
11.	Buat kerja berkumpulan	0	0	0	0	7	17.5	33	82.5
12.	Buat semua kerja di dalam kelas	0	0	0	0	10	25	30	75

**Jadual 7**



**Rajah 7**

Secara keseluruhannya berdasarkan perbincangan yang telah dijalankan didapati kaedah pembelajaran secara berkumpulan menjadi pilihan yang paling utama dan relevan digunakan untuk mempelajari BM. Manakala kaedah pembelajaran seperti penggunaan bahan bersifat autentik melalui medium video komputer dan internet menjadi pilihan seterusnya bagi mereka untuk mempelajari BM. Ini menyokong dapatan kajian Ghazali Yusri dan rakan-rakan (2012) dan kajian Zawawi Ismail dan rakan-rakan (2011) yang mencadangkan penggunaan bahan multimedia sebagai langkah penambahbaikan pembelajaran lisan Bahasa Arab di UiTM dan SMKA. Sehubungan itu pengkaji mendapati penggunaan multimedia seperti internet dalam pengajaran dan pembelajaran BM mampu meningkatkan keberkesanan dan penguasaan BM dalam kalangan pelajar. Perkara ini secara tidak langsung boleh diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran BM dalam kalangan pelajar asing di IPT Malaysia.

Sebaliknya, kaedah pembelajaran sendiri tidak boleh diaplikasikan semasa mengajar BM kerana pilihan ini merupakan pilihan terakhir bagi pelajar-pelajar asing. Mereka berpendapat pengajaran BM perlu dibantu oleh tenaga pengajar bagi memudahkan mereka memahami maksud perkataan

atau ayat yang digunakan dalam pelajaran. Oleh sebab itulah pelajar lebih selesa untuk mengadakan perbincangan dan belajar secara berkumpulan di dalam kelas.

Di samping itu, dapatan juga mendapati strategi pembelajaran BM dengan menggunakan kaedah tatabahasa tidak digemari oleh pelajar. Strategi ini terbukti daripada hasil analisis data soal selidik di mana hampir kesemua responden memberi maklum balas bahawa strategi pembelajaran menerusi penulisan, pembacaan dan aspek kosa kata sebagai pilihan yang terakhir. Ini bermakna pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran BM dan aktiviti berpusatkan pelajar lebih diberi keutamaan dalam proses mempelajari dan menguasai BM oleh pelajar asing. Pendekatan komunikatif ini juga selaras dengan Teori Mentalis yang mementingkan pengulangan dan penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membina kefahaman mereka tentang maklumat yang dipelajari.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan hasil perbincangan di atas, secara ringkasnya dapatan kajian menunjukkan bahawa keperluan dan tujuan pelajar asing mempelajari BM di UTM adalah untuk memenuhi prasyarat memperoleh sijil ijazah pertama mereka dengan mendapatkan markah yang baik dan lulus dalam peperiksaan. Kenyataan ini menyokong kajian Fa'izah dan rakan-rakan (2009) serta Noor Asliza dan rakan-rakan (2011).

Selain itu, proses pembelajaran yang berlaku di dalam kelas secara formal dalam bentuk perbincangan berkumpulan dan pergantungan kepada bahan pengajaran berbentuk multimedia dengan bantuan para pensyarah menjadi kaedah yang paling relevan digunakan oleh pelajar-pelajar asing semasa mempelajari BM amnya di IPT dan UTM khususnya. Ini menyokong dapatan kajian Ghazali Yusri dan rakan-rakan (2012) dan kajian Zawawi Ismail dan rakan-rakan (2011). Hal ini disebabkan mereka berpeluang untuk belajar dan memahami BM hanya di dalam kelas sahaja. Ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Fa'izah dan rakan-rakan (2009) yang mengatakan bahawa pengajar bahasa yang menggunakan gaya dan strategi pengajaran yang kurang sesuai dengan kehendak pelajar boleh menyebabkan pelajar hilang tumpuan terhadap bahasa yang dipelajari yang sekali gus akan mengganggu proses pembelajaran mereka. Dalam konteks ini, penggunaan strategi pembelajaran yang berkesan dan berulang-ulang adalah amat diperlukan untuk menjadikan pembelajaran dan pengajaran bahasa lebih efektif dan mencapai matlamatnya. Pendekatan ini selaras dengan Teori Mentalis yang mementingkan pengulangan dalam mempelajari sesuatu bahasa.

Selain itu, peluang mempelajari BM amat sukar diperoleh di luar kelas disebabkan oleh pengaruh faktor-faktor persekitaran. Persekitaran secara tidak formal mendorong mereka menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda mereka yang berfungsi sebagai alat perhubungan dan bahasa antarabangsa. Bagi masyarakat Malaysia telah terbentuk di minda mereka apabila ternampak sahaja orang asing secara automatik mereka akan terus bertutur menggunakan bahasa Inggeris. Fenomena ini menambahkuatkan alasan kesenangan pelajar asing menggunakan bahasa Inggeris berbanding BM apabila berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Justeru, BM tidak dapat dipraktikkan dalam persekitaran atau dunia sebenar.

Sehubungan itu, hasil kajian ini mungkin dapat memberi sedikit rangsangan dan panduan kepada tenaga pengajar yang ingin merancang pengajaran dan pembelajaran BM dalam kalangan

penutur asing di IPT di negara kita. Ini turut melontarkan satu persoalan agar kajian semula amat diperlukan dalam kaedah pembelajaran khususnya dalam usaha memperkembangkan BM ke serata dunia.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2007) *Linguistik Am. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan. (2011) *Kursus Wajib Bahasa Melayu Kepada Pelajar Asing: Mengharapkan susulan konkrit*. Dimuat turun daripada <http://klikweb.dbp.my/?p=1330> pada 24/3/2012.
- Barry P. Taylor. (1974) *Toward A Theory of Language Acquisition*. Volume 24, Issue 1, pages 23-35, Jan.
- Block, C.C. (1993) *Teaching the language arts: Expanding thinking through student-centered instruction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Dole, J.A., Duffy, G.G., Roehler, L.R. , & Pearson, P.D. (1995) *Moving from the old to the new: Research on reading comprehension instruction*. Review of Educational Research, 61, 239-264.
- Fa'izah Abd. Manan et. al (2009). *Penyelidikan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Luar Negara* dalam Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4. Universiti Kebangsaan Malaysia. (hlm 259 – 268).
- Fa'izah Abd. Manan et. al (2010). *Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi* dalam Prosiding Semiunar Penyelidikan Siswazah. Volume 2(2) Julai 2010. (hlm. 27-40).
- Ghazali Yusri et. al (2012). *Penggunaan Bahan Pembelajaran Dalam Kursus Bahasa Arab*. GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 12(1), Januari 2012. (hlm. 215-233).
- Heidi Dulay, Marina Burt. (1974) *A New Perspective on The Creative Construction Process in Child Second Language Acquisition*. Volume 24, Issue 2, pages 253-278, Dis.
- Khairul Zaim Mohd Shaari (2011). *Memperdanakan Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Asing di Malaysia* dalam blog Kembara Bahasa. Dimuat turun pada Mac 2012 daripada <http://zaim-pejuangmudamelayu.blogspot.com/2010/03/memperdanakan-bahasa-melayu-di-kalangan.html>.
- Krashen, Stephen D. (1981) *Principles and Practice in Second Language Acquisition: English Language Teaching Series*. London: Prentice-Hall International UK.
- Mardian Shah Omar dan Marniyati Mohd. Nor. (2011) *Meningkat dan Memperkasakan Pengajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di IPTS* dalam Prosiding

Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. Universiti Putra Malaysia. (hlm 191-195).

Munby, J. (1978). *Communicative syllabus design : A sociolinguistic model for defining the content of purpose-specific language programmes*. Cambridge, Eng. ; New York: Cambridge University Press

Noor Asliza Abdul Rahim et. al (2011) *Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa: Kajian Kes di IPTA Bahagian Utara Semenanjung Malaysia* dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VII. Universiti Putra Malaysia. (hlm 260-266).

Sekaran, U. (2000) *Research methods for business: A skill building approach*, 3rd Edition, John Wiley and sons, New York

Yi-Chun Pan & Yi-Ching Pan (2011). *Conducting Speaking Test for Learners of English as a Foreign Language*. The International Journal of Education and Psychological Assessment. January 2011 Volume 6(2). (hlm. 83-100)

William Littlewood & Baohua Yu (2011). *First Language and Target Language in The Foreign Language Classroom*. Cambridge Journals. Vol.44 Issue 01

Zawawi Ismail et. al (2011). *Teknik Pengajaran Kemahiran Bahasa Arab di SMKA di Malaysia*. GEMA Online Journal Of Language Studies. Volume 11(2) May 2011. (hlm. 67-82)

# KECELARUAN MORFOLOGI DALAM PENULISAN BAHASA MELAYU OLEH PENUTUR ASING

Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar, Puteri Roslina Abdul Wahid  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

[hasmidar@um.edu.my](mailto:hasmidar@um.edu.my), [mardianso@um.edu.my](mailto:mardianso@um.edu.my), [puteri61@um.edu.my](mailto:puteri61@um.edu.my)

## ABSTRAK

Aspek morfologi merupakan antara aspek yang sering menimbulkan kesulitan pada para penutur asing dalam pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini menjadi begitu sukar kerana Bahasa Melayu ialah jenis bahasa aglutinatif yang banyak memanfaatkan imbuhan untuk membentuk kata baharu sekaligus mengubah makna kata dan fungsi nahu kata/frasa dalam ayat. Manakala jenis bahasa ibunda kebanyakan penutur asing ini ialah jenis fleksi dan isolatif yang tidak menerima imbuhan sebaliknya perubahan bentuk katanya berlaku akibat perbezaan jantina, bilangan (jamak atau tunggal), kala dan kasus dan juga perubahan makna kata kerana perbezaan nada atau ton (bahasa isolatif atau tonis). Hal ini menyebabkan penutur asing ini tidak dapat memadankan bentuk-bentuk kata berimbuhan ini dengan kata yang mempunyai makna yang sama dalam bahasa ibundanya apatah lagi untuk memadankan bentuk-bentuk imbuhan /morfem terikat ini dengan bentuk yang tidak wujud dalam bahasa ibundanya. Ilmu morfologi bahasa Melayu menjadi lebih sukar kerana setiap imbuhan mendukung makna yang tertentu dan tidak pula terhad pada satu, misalnya imbuhan peN- yang mendukung makna orang/tukang dan alat. Makna imbuhan ini tidak dapat dicerakin oleh penutur asing kerana tiada padanan satu lawan satu antara bahasa Melayu dengan bahasa ibundanya. Dalam konteks pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing/bahasa kedua, maklumat morfologi khususnya imbuhan dan proses pengimbuhan merupakan maklumat baharu bagi penutur asing dan perlu diajarkan dengan teliti, peringkat demi peringkat berdasarkan pendekatan dan kaedah yang bersesuaian, dengan mengambil kira hal yang tersebut di atas. Atas sebab kesukaran aspek morfologi ini, kertas kerja ini akan mengetengahkan kecelaruan aspek morfologi yang timbul khususnya penggunaan kata, binaan frasa dan pengimbuhan dalam penulisan pelajar asing khususnya yang berasal dari timur tengah dan China. Berdasarkan penulisan ini, kecelaruan ini dapat dikelaskan mengikut jenis kesalahannya dan apakah bentuk penyelesaian yang boleh dicadangkan bagi mengatasi masalah tersebut.

Kata kunci : kecelaruan, morfologi, penutur asing, imbuhan, aglutinatif, pengajaran dan pembelajaran.

## 1.0 Pengenalan

Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing merupakan satu proses pengajaran yang sangat mencabar bagi guru/pendidik yang mengajarkan mata pelajaran tersebut. Menurut Awang Sariyan (<http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2489>) mengajarkan bahasa Melayu kepada penutur asing lebih hebat cabarannya daripada mengajarkan bahasa Melayu kepada penutur bahasa ibunda atau penutur bahasa kedua (dalam kes di Malaysia orang Melayu ialah penutur bahasa ibunda dan orang Cina, India dan kumpulan etnik lain sebagai penutur bahasa kedua).

Dalam kajian ini, rata-rata pelajar asing yang datang ke Malaysia untuk menyambung pelajaran dan mempelajari bahasa Melayu ialah pelajar dari Timur Tengah dan Benua China. Kebanyakan mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang Bahasa Melayu dan ada juga yang sudah mempelajarinya selama setahun di universiti negaranya. Kepelbagaian latar belakang dan motivasi yang berbeza menambahkan lagi kesukaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas.

Bagi pelajar asing, bahasa Melayu standard merupakan bahasa yang agak sukar dipelajari kerana Bahasa Melayu ialah jenis bahasa aglutinatif yang banyak memanfaatkan imbuhan untuk membentuk kata baharu sekaligus mengubah makna kata dan fungsi nahu kata/frasa dalam ayat.

Hal ini amat berbeza dengan bahasa ibunda pelajar asing itu sendiri yang rata-rata berbentuk fleksi (bahasa Arab) dan isolatif ataupun tonis (bahasa Mandarin) yang memang sangat berbeza dalam banyak aspek sistem bahasanya terutama aspek fonologinya, morfologinya dan sintaksisnya.

Bagi bahasa Fleksi, perubahan bentuk kata disebabkan oleh 1) perubahan jenis, jumlah, dan kasus dan 2) perbezaan persona, jumlah, dan kala. Bagi bahasa Tonis (bahasa Mandarin) pula, penuturnya bukan sahaja mengalami kesukaran besar untuk mengucapkan bunyi getaran (r) kerana bunyi itu amat minimum wujudnya dalam bahasa mereka dan yang minimum itu pun lain fiturnya daripada segi fonetik dengan fitur bunyi getaran dalam bahasa Melayu malahan perbezaan antara /d/ dengan /t/, antara /b/ dengan /p/ dan antara /c/ dengan /j/ dan /z/, dalam konteks binaan kata tertentu juga menimbulkan kesulitan pada mereka (Awang Sariyan dlm. <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2489>)

Selain itu, pelajar berbahasa Mandarin juga sukar untuk menguasai aspek morfologi khususnya aspek pengimbuhan dan mereka seringkali menggunakan imbuhan pada bentuk kata-kata yang tidak memerlukan imbuhan.

Pandangan ini jelas selari dengan kenyataan Brown (2000) yang mengandaikan bahawa pelajar bahasa kedua atau pelajar bahasa asing akan menerima dengan mudah unsur-unsur bahasa asing yang sama atau hampir sama dengan bahasa ibunda mereka. Sebaliknya unsur-unsur yang berbeza akan menimbulkan kesulitan dalam proses pembelajaran mereka ( dlm. [http://irep.iium.edu.my/6212/1/Analisis\\_Kesalahan\\_Tatabahasa\\_Bahasa\\_Melayu\\_dalam\\_Karangan\\_Pelajar\\_Asing\\_di\\_Sebuah\\_Institusi\\_Pengajian\\_Tinggi\\_Awam.pdf](http://irep.iium.edu.my/6212/1/Analisis_Kesalahan_Tatabahasa_Bahasa_Melayu_dalam_Karangan_Pelajar_Asing_di_Sebuah_Institusi_Pengajian_Tinggi_Awam.pdf))

Isu yang diketengahkan ini jelas menunjukkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing khususnya sebagai bahasa kedua atau ketiga bukanlah mudah. Banyak halangan dan cabaran yang perlu ditempuhi dan bahasa Melayu harus diajarkan dengan penuh dedikasi, inovatif dan progresif. Kesilapan dari aspek morfologi mahupun sintaksis ini bagaimanapun satu input yang berguna bagi membolehkan pengajar/guru menghasilkan strategi-strategi yang dapat menambah baik teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing. Ellis (1997) berpendapat bahawa kesilapan yang dilakukan pelajar asing boleh membantu pengajar atau pengkaji bahasa dari semasa ke semasa. Jelas beliau *“Classifying errors in these ways can help us to diagnose learners’ learning problems at any stage of their development and to plot how changes in error patterns occur over time.”*

Bagi merealisasikan pendapat Ellis, maka penulisan ini diketengahkan bagi membolehkan strategi dan teknik pengajaran ditambah baik dan seterusnya dimanfaatkan oleh para guru dan pengajar yang mengajarkan bahasa Melayu kepada pelajar asing. Namun atas sebab ruang yang terhad, tumpuan perbincangan penulisan ini menumpukan aspek morfologi yang ternyata menimbulkan banyak kecelaruan dalam kalangan pelajar asing. Aspek morfologi perlu dimantapkan kerana penguasaan morfologi yang lemah akan menjejaskan pembentukan ayat khususnya dari segi binaan frasa dan semantik frasa yang mengisi konstituen subjek dan predikat.

## **1.1 Kaedah Kajian dan Data Kajian**

Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis teks, iaitu menganalisis aspek morfologi khususnya dalam penulisan pelajar. Data penulisan pelajar diperoleh daripada pelajar asing di dua buah universiti, sebuah universiti awam dan sebuah universiti swasta. Pelajar-pelajar dari universiti awam ini ialah pelajar-pelajar dari China yang sudah mempelajari Bahasa Melayu selama satu tahun di Universiti negaranya manakala pelajar di universiti swasta ini berasal dari Timur Tengah seperti Yemen, Sudan, dan Arab Saudi.

Perbezaan latar belakang ini pastinya dapat memperlihatkan perbezaan tahap penguasaan aspek morfologi dan yang pentingnya, input ini akan membolehkan para guru/pengajar mengenal pasti kelemahan aspek morfologi pelajar dan seterusnya objektif dan sasaran ruang lingkup morfologi yang sepatutnya dikuasai pelajar mengikut tahap-tahap tertentu.

## **1.2 Morfologi**

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji perkataan dari segi struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata bermaksud susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata ialah unit tatabahasa, sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Penggolongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi, atau bentuk dan fungsinya. Perkataan-perkataan yang mempunyai keserupaan yang demikian digolongkan ke dalam golongan kata yang sama. Morfologi bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam bahasa Melayu (Nik Safiah Karim et al., 2010 : 43).

Sebagai bahasa jenis aglutinatif, pembentukan kata dalam bahasa Melayu melibatkan pengimbuhan, pemajmukan, penggandaan dan akronim. Oleh itu, penulisan ini mengetengahkan aspek kecelaruan morfologi yang berkaitan dengan penggunaan kata (semua golongan kata), binaan frasa dan pengimbuhan yang tidak menepati peraturan tatabahasa. Hal ini selaras dengan keutamaan aspek morfologi dalam pengajaran yang bermula dengan golongan kata (kata

akar/asal dan kata terbitan setiap golongan kata) dan diikuti oleh pemajmukan, penggandaan dan akronim.

### **Kecelaruhan Morfologi Dalam Penulisan Bahasa Melayu Oleh Penutur Asing**

Data tentang kecelaruhan morfologi yang pertama dikutip daripada kumpulan pelajar di universiti swasta yang berasal dari Timur Tengah. Antaranya dari Yemen, Arab Saudi, Sudan, dan Zambia.

Sesuai dengan tahap pembelajaran Bahasa Melayu, iaitu pada Tahap 1, para pelajar ini lebih banyak menggunakan kata dasar dan bentuk imbuhan yang dikuasai ialah awalan ber- di samping awalan MeN- yang hanya terdapat satu sahaja contoh penggunaannya.

Contih data yang dikutip adalah seperti berikut :

#### **1. Penggunaan Kata Yang Salah Dari Segi Semantik Dan Tatabahasa.**

- a. **Umur** negara saya ialah **banyak daripada** lima ribu tahun.
- b. Saya **suka** negara saya **sebab** negara saya cantik dan bersih.
- c. Negara saya cantik sebab orang-orang di Yemen baik dan **bagus**.
- d. Saya **suka** negara saya kerana Yemen ada tempat-tempat banyak dan **hijau** dan indah.
- e. Pelajar di negara saya belajar rajin dan **baik sebab** mereka mahu berkerja
- f. Saya mahu **pergi** ke Yemen **sebab** saya tidak **pergi** ke Yemen **lima tahun lepas**.
- g. Saya bercuti **ke** negara saya dari Malaysia dengan ...
- h. Sekarang negara saya tidak baik kerana Arab Saudi **memukul** negara saya.
- i. Ayah **dan** ibu **dan** adik beradik saya tidak tinggal di negara saya **sebab** negara tidak aman.
- j. Negara saya **murah**.
- k. nenek ibu kawan baharu saya bercincin mahal dan **lama**.
- l. Saya mahu **pergi** Arab Saudi **sebab** arab Saudi cantik. [ Pelajar ini berasal dari Arab Saudi]
- m. Anak lelaki kawan baharu saya ada bilik **lawat** dan bersih.
- n. Kawan baharu saya **mempunyai** mata biru.
- o. Saya suka kawan baharu saya **sebab** dia **bagus**.

Penguasaan kosa kata pelajar mengikut konteks ayat jelas sekali masih tidak mantap pada tahap I. Pelajar belum terdedah sepenuhnya dengan kata yang berkolokasi secara khusus dengan kata lain dalam sesuatu ayat. Misalnya perkataan **umur, suka, pergi, lawa, murah dan bagus**. perkataan **suka** misalnya tidak tepat untuk ayat yang bermaksud **cinta akan negaranya**. perkataan **pergi** pula tidak tepat untuk menyatakan maksud **pulang ke negara asalnya** [ hal ini kerana pelajar itu sememangnya berasal dari negara tersebut]. Manakala **lawa** pula berupa bentuk basahan dan tidak juga sesuai digunakan untuk bukan manusia [ dalam ayat di atas pelajar menggunakan lawa untuk bilik]. Pelajar seharusnya menggunakan perkataan cantik untuk bilik. Kesesuaian kata mengikut konteks ayat harus diajarkan kepada pelajar dengan menggunakan teks yang berkonteks juga. Dengan kata lain, pelajar perlu didedahkan dengan sebanyak mungkin penggunaan sesuatu kata dalam konteks yang berbeza.

Selain kosa kata, penggunaan kata hubung yang salah seperti **sebab** bagi menggantikan **kerana** dan kata hubung **dan** yang digunakan secara salah merupakan aspek kesalahan yang sangat bersifat teknikal. Selain perlu menghafal kata hubung dan kata sendi, pelajar boleh diajarkan dengan cara terjemahan kerana setiap satu kata hubung dan kata sendi nama mempunyai padanannya dalam bahasa Inggeris. Namun padanan bagi setiap kata hubung dan kata sendi ini haruslah diberikan berdasarkan ayat kerana padanannya berubah-ubah mengikut ayat.

## 2. Binaan Frasa Yang Salah

- a. Saya suka negara saya kerana Yemen ada **tempat-tempat banyak** dan hijau dan indah.
- b. Pelajar di negara saya **belajar rajin** dan baik sebab mereka mahu berkerja.
- c. di Yemen orang-orang berjalan ke sekolah, universiti dan masjid dan tidak pandu **kereta banyak**.
- d. ... saya suka negara saya **sangat**.
- e. **Ada buah sangat manis** di negara saya.
- f. Kawan baharu saya ada **mahal jam tangan**.

Binaan frasa yang salah ini banyak berkait dengan binaan kata bilangan + FN, FK dan adverba dan kata penguat + FA. Pelajar mungkin terpengaruh dengan binaan ini dalam bahasa ibundanya atau bahasa Inggeris. Jika pelajar memadankan binaan ini secara harfiah dengan bahasa Inggeris, pastinya binaan frasa yang terhasil seperti yang terdapat dalam ayat b dan f *study hard*= belajar rajin dan *expensive wrist watch* = mahal jam tangan. hal yang sama bagi FA dan kata penguat, misalnya I love my country **so much** menjadi ... saya suka negara saya **sangat**.

Dalam konteks ini pelajar perlu didedahkan dengan sebanyak mungkin bentuk kata nama majmuk dan binaan frasa kerja + adverbs dan kata penguat + FA. Sebaik-baiknya pada tahap I, elakkan penggunaan kata relatif sebagai penerang pada posisi subjek atau predikat kerana kata relatif yang akan menjadikan ayat yang terhasil lebih kompleks.

### 3. Penggunaan Imbuhan Yang Salah.

- a. Sekarang negara saya tidak baik kerana Arab Saudi **memukul** negara saya.
- b. Kursus kawan baharu saya **ambil** IT. [ melibatkan struktur ayat juga]

Seperti yang dijelaskan dalam perenggan yang terdahulu, pelajar pada tahap I tidak banyak melakukan kesalahan imbuhan kerana mereka hanya didedahkan pada kata akar /kata selapis dan kata terbitan/kata berlapis yang mudah iaitu awalan beR- [ beR- merupakan imbuhan awalan yang tidak dapat tidak harus didedahkan pada tahap I bagi membolehkan pelajar membina lebih banyak ayat yang bervariasi. Penggunaan imbuhan beR- lebih mudah dibandingkan dengan imbuhan yang membentuk kata kerja lain seperti meN-, MeN...kan, Memper...kan, Memper...i, di...kan. diper... dan diper...kan. Hal ini demikian kerana imbuhan beR- tidak mempunyai varian morfem (alorf) yang kompleks dibandingkan dengan imbuhan MeN-... atau MeN...kan.

Berdasarkan data penulisan pelajar, pelajar dapat menggunakan kata yang berimbuhan beR- dengan betul dalam ayat. Contohnya :

- a. ... di Yemen orang-orang **berjalan** ke sekolah, universiti dan masjid.
- b. Saya **berasal** dari Yemen.
- c. Ayah dan ibu dan adik beradik **bercuti** ke negara saya dengan kereta.
- d. kawan baharu saya **berkereta** merah dan laju.

### 4. Ejaan yang Salah.

- a. ..lambat datang ke kelas kerana **bus** lambat.
- b. Kawan baharu saya ada **isturei** cantik.
- c. Zambia ada banyak **pokol** kerana orang suka menanam **pokol** setiap tahun.

Aspek ejaan sangat berkait rapat dengan sebutan dan ejaan bahasa Melayu. Ilmu tentang sebutan dan ejaan bahasa Melayu harus didedahkan pada pelajar agar mereka dapat mengeja sesuatu kata dengan betul. latihan membaca kuat harus diperbanyak agar mereka dapat menyebut

perkataan tersebut dengan betul. apabila pelajar dapat menyebut dengan betul maka pelajar akan dapat mengeja dengan betul juga. Kesilapan ejaan yang terdapat dalam data yang dikutip menunjukkan bahawa pelajar tidak menguasai sebutan yang betul perkataan tersebut dan mengeja perkataan tersebut mengikut cara sebutannya.

Negara Saya

Nama negara saya Yemen. Umur negara saya **banyak** daripada lima ribu tahun. Negara saya besar. Saya suka ~~na~~ negara saya sebab negara saya cantik dan bersih. Negara saya ~~jauh~~ sangat jauh daripada Malaysia. Saya bercuti ke negara saya **dari** Malaysia dengan kereta tangan. Negara saya tidak ada bangunan tinggi. Negara saya ~~ada~~ banyak pokok. Negara saya tidak ada kereta api. Walaupun saya tidak tinggal di negara saya, saya suka negara saya **ke** sangat. ada banyak kereta mahal di negara saya. Sekarang negara saya **tidak baik** kerana Arab Saudi **memukul** negara saya. Saya mahu **pergi** ke negara saya pada hujung minggu. Ayah dan ibu dan adik beradik saya tidak tinggal di negara saya **sebab** negara saya tidak aman. Ayah dan ibu dan adik beradik bercuti **ke** negara saya dengan kereta. ~~Negara~~ ~~Bah~~ jalan di negara saya bersih dan luas. Negara saya **murah**. Negara saya ada minyak. Ada ~~sangat manis~~ buah **sangat manis** di negara saya.

- END OF QUESTION PAPER -

## Negara Saya

Saya berasal dari Yemen. Negara saya cantik  
Sebab orang-orang di Yemen baik dan bagus. Saya  
suka Negara saya kerana Yemen ada tempat-tempat  
banyak dan hijau dan indah. pelajar di Negara saya  
belajar rajin dan baik sebab mereka mahu jurutera  
berkerja. Makanan di Yemen sedap dan murah. Sekarang  
di Yemen tidak aman. Di Negara saya orang-orang suka  
bermain bola sepak pada waktu subuh. Hujan di Yemen  
lebat. Setiap jumaat di Negara saya mereka ada makan  
dengan abang dan kawan. Di Yemen orang-orang berjalan  
ke sekolah, ~~di~~ universiti dan masjid dan tidak pandu  
kereta banyak. Walaupun tidak aman di Negara saya,  
orang-orang gembira. Saya mahu pergi ke Yemen sebab  
saya tidak pergi ke Yemen lima tahun lepas. di Negara  
saya ada bangunan tinggi dan besar.

Tajuk (Title): Kawan Baharu Saya.

Nama Kawan baharu saya Ali. Umur Kawan baharu saya dua puluh tiga tahun. berasal dari Sudan. Sekarang Kawan Baharu saya tinggal di Amanah. Kursus Kawan Baharu saya ambil (IT). Hari jadi Kawan baharu saya dua hari bulan Mei tahun satu ribu sembilan ratus sembilan puluh tiga. Nama Ibu Kawan baharu saya Fatimah. Kawan baharu saya ada empat orang Adik beradik. Ayah dan Ibu Kawan saya tinggal di Qatar. Kawan baharu saya ada Istirei Cantik. Kawan baharu saya ada anak-lelaki. Umur Anak-lelaki Kawan baharu saya tujuh bulan. Anak Lelaki Kawan saya ada bilik lawa dan bersih. Kawan saya Ada rumah besar dan cantik. Kawan baharu saya berkereta merah dan laju. Nenek Ibu Kawan Baharu saya berlin lin mahal dan lama. Nenek Ibu Kawan saya suka memasak Nasi Ayam. Datuk Kawan baharu saya ada pokok besar dan lama. Hari ini Kawan baharu lambat datang ke kelas kerana bus lambat. Tahun depan Kawan baharu saya mahu pergi ke Qatar.

## Negara saya

Negara saya Arab Saudi. Saya suka Arab Saudi kerana Arab Saudi negara yang aman. Saya mahu pergi Arab Saudi sebab Arab Saudi cantik. Arab Saudi ada banyak pokok. Arab Saudi ada pokok berwarna hijau. Walaupun Arab Saudi ada orang miskin, Arab Saudi ada orang kaya. Arab Saudi tidak ada hujan lebat. Arab Saudi ada dua laut. Arab Saudi ada makanan sedap. Arab Saudi ada banyak buah. Arab Saudi bukan negara kotor. Arab Saudi bukan negara kecil. Keluarga saya di Arab Saudi. Arab Saudi jauh dari Malaysia. /

Kesalahan morfologi seterusnya dikutip daripada pelajar-pelajar dari negara China yang telah mengikuti pengajian Bahasa Melayu selama setahun di negaranya sebelum datang ke Malaysia untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Melayu mengikut tujuan/ bidang-bidang yang khusus.

Penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar dari China tidak dapat dinafikan lebih baik dari segi morfologinya, khususnya dari aspek penguasaan kosa kata dan aspek imbuhan. Hal ini selaras dengan tempoh pembelajaran yang sudah dilalui mereka. Namun masih ada penggunaan kata dan imbuhan yang salah kerana tidak digunakan dalam konteks ayat dan ragam ayat yang betul, misalnya imbuhan di...kan dan di...i dalam binaan ayat pasif dan ayat songsang. Dengan kata lain, kesalahan aspek morfologi pelajar ini berlaku kerana digunakan dalam struktur dan ragam ayat yang salah.

### **1. Penggunaan Kata Yang Salah Dari Segi Semantik Dan Tatabahasa.**

- a. Tambahan pula, menjayakan program ini, syarikat tuan boleh **mempengaruhi** masyarakat dengan baik.
- b. Saya **nak bercakap** terima kasih kepada anda.
- c. Saya masih ingat **kami** bertemu di dalam kelas prof.
- d. Pada masa itu, bahasa Melayu kami masih tidak baik dan tidak faham apa yang dr **bercakap**.
- e. Apabila ada tugas yang pensyarah **cakap**, kami juga tidak faham dan **tak** tahu bagaimana buat itu.
- f. Terima kasih anda semua, **tolong** kami yang dari China untuk menyelesaikan masalah itu.
- g. **Selepas** beberapa hari saya akan balik ke negara saya.
- h. Jikalau boleh mengadakan program ini, program ini akan **membawa** pelajar di Universiti Malaya gembira.
- i. Program **macam ini**...
- j. ...bagi **mendapat** tahu prospek dan peluang saya untuk bekerja.
- k. semua sumbangan yang dapat **dibantukan untuk** menghantarkan dengan cepat dan selewatnya pada...
- l. Saudara keluar bersama dengan saya apabila saya hendak membeli-belah kerana mula-mula saya tidak tahu **alam sekitar** di sini.

Seperti yang diuraikan dalam bahagian yang terdahulu, penggunaan kata yang salah ini berlaku kerana pelajar belum terdedah sepenuhnya dengan kepelbagaian konteks dan penggunaan kata mengikut kolokasi yang betul. Pelajar harus didedahkan peringkat demi peringkat dengan maklumat medan makna kata lain, sesuatu kata itu digunakan dalam lingkungan yang sama dan berhubungan secara sintagmatik dengan kata-kata lain dalam sesuatu ayat. Hal ini disepakati secara konvensional oleh penutur bahasa Melayu itu sendiri dan sebagai penutur asing, maklumat ini perlu dipelajari bagi membolehkan mereka menggunakan sesuatu kata dengan betul dalam konteks ayat yang betul. Sekiranya pelajar asing hanya merujuk kamus untuk mendapatkan padanan kata tertentu dalam bahasa Melayu maka kata yang diperoleh mungkin betul tetapi tidak sesuai digunakan dalam konteks ayat yang tertentu. Contohnya :

- a. Pada masa itu, bahasa Melayu kami masih tidak baik dan tidak faham apa yang dr **bercakap**. [...what the dr **said**]
- b. Apabila ada tugas yang pensyarah **cakap** [...**told**]

## 2. Binaan Frasa Yang Salah

- a. Kalau ada masa saya akan pergi **kampung rumah saya** dengan Bellie.
- b. Bellie boleh lihat bagaimana **tempat yang saya tinggal**.
- c. ...anda membantu saya **banyak**.

Binaan frasa yang salah ini banyak berkait dengan binaan kata bilangan + FN, FK dan adverba dan kata penguat + FA. Binaan ini kemungkinan dipengaruhi oleh bahasa ibundanya atau bahasa Inggeris. Jika pelajar memadankan binaan ini secara harfiah dengan bahasa Inggeris, maka binaan frasa yang terhasil adalah seperti yang terdapat dalam ayat c, iaitu :

- c. anda membantu saya banyak = *you help me a lot.*

## 3. Penggunaan Imbuan Yang Salah.

- a. Untuk makluman pihak tuan, banjir ini **dilakukan** di kampung Alir Johor Bahru.
- b. Dengan hujan yang tidak berhenti-henti, terdapat seratus buah rumah **dirosak** dan ...
- c. semua sumbangan yang dapat **dibantukan** untuk menghantarkan dengan cepat dan selewatnya pada...

- d. Selain itu ada pihak tuan dan **petumbuhan** tidak rasmi yang ingin memberi sokongan.
- e. Jikalau **bertanding** dengan universiti Malaya, universiti saya lihat sangat kecil.
- f. ... saya amat rindu anda dan masa yang kita **mengalami**.
- g. Saya sangat menghargai pengalaman dan masa yang **berkongsi** dengan awak di Universiti  
XXX

Penggunaan imbuhan yang salah ini berpuncakan ketidakmampuan pelajar memahami makna yang didukung oleh setiap imbuhan dan menganggap semua kata memerlukan imbuhan. Penggunaan imbuhan pasif di..kan atau di...i juga kerap salah apabila pelajar menggunakan imbuhan ini dalam struktur ayat pasif.

#### 4. Ejaan Yang Salah

Antara kesalahan ejaan yang dikutip dalam penulisan pelajar dari China adalah seperti berikut :

- a. mangsar-mangsar [mangsa-mangsa].
- b. karaoka [karaoke]
- c. menghampak [menghampa]
- d. ahpar khabar [apa khabar]
- e. sepajang [sepanjang]
- f. ayat [ayah]
- g. kesusaha [kesusahan]
- h. palik [balik]
- i. kunung [gunung]
- j. hala [halal]
- k. perkaraaan [perkara]
- l. ribuhan [ribuan]
- m. kulih [kuliah]
- n. kemudia [kemudian]

Ternyata pelajar mengeja perkataan di atas mengikut cara sebutannya. Pelajar perlu diberikan latihan membaca dengan kuat agar pengajar dapat mengenal pasti kesalahan sebutan sesuatu perkataan oleh pelajar. Apabila pelajar menguasai sebutan yang betul, maka pelajar akan dapat mengeja dengan betul juga.

Saya selalu mahu mencari peluang untuk bercakap dengan dr. **diri-sendiri**. Sebab **sepajong** lapan bulan **pelajaran** di Universiti Malaya Dr. Madian ialah **siapa** yang saya paling suka dan hormat. Tapi saya tidak cukup berani, oleh itu saya tulis surat ini kepada dr.

Tahun 2017 mungkin tahun yang paling susah kepada saya. Tahun ini saya jumpa **banyak hal yang bahagia atau susah hati**. Asalnya saya seorang **kurang cakap**. Selepas ~~kat~~ pelbagai hal ini saya lebih **kurang diam**. **Ayat** saya mendapat **sakit** kemurungan, nenek saya juga penyakit kemurungan, Mungkin ini warisan keluarga saya lah. Oleh itu saya **tidak amat bahagia sehingga jumpa** Dr. Madian.

Dalam kelas dr. kami selalu perlu ~~membuka~~ bercakap. Kami juga perlu menyanyi dan pergi tempat lain untuk **jumpa** barang-barang lain. Dalam kelas dr saya mula **tersenyum lebih banyak**. Aktiviti yang lain membuat saya lupa **kesusahan** kehidupan saya. Bahagia yang betul datang, saya lebih kurang susah hati.

Ini mengapa saya mahu mengucapkan terimah kasih kepada Dr. Madian. Dalam hati kita, setia orang tahu

Yang disayangi Amami,

Banyak Rasa Rinduan kepada Awak dan Jemput Melawat ke China

Menyink kepada perkara di atas, saya hendak mengucapkan amat rindu akan awak dalam sebulan yang lepas ini. Saya sangat menghargai pengalaman dan masa yang berkongsi dengan awak di Universiti Malaya dan di Malaysia. Saya juga hendak mengucapkan ribuan terimakasih kasih kerana awak pernah memberi banyak bantuan kepada saya di aspek pelajaran, kehidupan dan sebagainya. Saya juga hendak menjemput awak datang berkunjung ke negaraku. Kalau awak datang, saya akan menemani awak menikmati pandangan yang amat megah dan makanan yang amat istimewa di China.

2. Kalau melawat ke China, mesti menjejak kaki ke Tembok Besar. Ia merupakan salah satu mercu tanda China dan melampang seni bina zaman kuno China yang tinggi.

3. Saya juga jemputi awak melancong ke bandar Guilin yang dekat dengan kampung halaman saya. Guilin juga merupakan destinasi pelancongan yang amat terkenal di China, kerana

Hayati Binti Muhammad

07, Jun, 2018

Universiti Malaya

Jalan Universiti, 530630

Kuala Lumpur, Malaysia

PERMOHONAN: JEMPUT KAWAN KE NEGARA CHINA

Yang disayangi kawan saya:

Merujuk perkara di atas, saya Cheng Ling hendak menjemput kawan Hayati datang berkunjung ke Negara saya dan melawat tempatan menarik.

2. Selepas pulang ke China, saya sentiasa rindu Hayati dan pengalaman saya di Malaysia. Apabila saya sebagai pelajar pertukaran di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Hayati membantu saya dalam pelajaran dan kehidupan. Saya hendak mengetahui Hayati ribuan terima kasih saya. Pertama kami sekelas dalam kuliah Warisan Budaya dan Pelancongan Sabaja. Kemudian, kami menjadi kawan karib. Hayati menolong saya belajar Bahasa Melayu dengan baik hati.

3. Seperti Malaysia, Negara China juga sebagai negara yang indah dan mempunyai kebudayaan yang keistimewaan. Silakan Hayati datang ke China untuk melawat. Negara saya ialah negara ketiga terbesar di dunia dan mempunyai 56 bangsa. Kalau Hayati datang dalam musim sejuk, kami boleh bersama-sama melihat saji di bandar utara, cuacanya akan seronok.

4. Saya juga berasa gembira kalau Hayati datang ke bandar Universiti saya. Pada setiap tahun, bandar Nanning akan mengadakan Export China - ASEAN. Terdapat banyak aktiviti-aktiviti berasal dari negara Asian Tenggara. Dan Hayati juga jangan risau, terdapat pelbagai restoran halal di bandar Nanning.

## **Kesimpulan**

Aspek morfologi merupakan aspek asas bagi membolehkan pelajar membina ayat yang betul. Bagaimanapun, aspek morfologi bukan sekadar menguasai kosa kata dan pembentukan kata [dengan cara pengimbuhan, penggandaan, pemajmukan dan akronim] malahan memerlukan maklumat tambahan seperti maklumat semantik [ medan makna dan kolokasi dan bentuk-bentuk lazim], dan pragmatik [melibatkan budaya, kesantunan [penggunaan ganti nama yang betul, sapaan yang betul, perkataan tabu] dan laras yang berbeza]. Kegagalan menguasai aspek morfologi ini dalam bentuk yang menyeluruh [dikaitkan dengan maklumat semantik dan pragmatik] maka pelajar tidak akan dapat menghasilkan ayat betul dari segi struktur dan semantiknya.

## Rujukan

- Awang Sariyan. (1995). Pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui institusi pendidikan tinggi: Catatan tentang pengalaman Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. *Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja Jilid 1 (A-L)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Sariyan. Tanpa Tahun. Strategi Pengajaran Bahasa kepada Pelajar Asing: Faktor Pengajar. Dicapai pada 15hb Okt daripada laman <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=2489>
- Awang Sariyan. Tanpa Tahun. <http://klikweb.dbp.my/wordpress/?p=1330>
- Ellis, R. (1997). *SLA research and language teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2010). Kerangka Pembangunan dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi. Diakses daripada [http://www.ukm.my/jtlhe/pdf/6%20-%20Fa%E2%80%99izah%20Abd.Manan\\_0\\_1.pdf](http://www.ukm.my/jtlhe/pdf/6%20-%20Fa%E2%80%99izah%20Abd.Manan_0_1.pdf)
- Jeniri Amir. (2005). Bahasa Melayu mudah dipelajari, tetapi sukar dikuasai. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jilid 5(4).
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail & Hamidah Yamat@Ahmad. (2001). Keperluan pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta. *Jurnal Pendidikan* 26, 21-36.
- Siti Baidura binti Kasiran baidura@iium.edu.my Nurul Jamilah binti Rosly. Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu dalam Karangan Pelajar Asing di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam. Dicapai pada 15hb Okt 2018 daripada [http://irep.iium.edu.my/6212/1/Analisis\\_Kesalahan\\_Tatabahasa\\_Bahasa\\_Melayu\\_dalam\\_Karangan\\_Pelajar\\_Asing\\_di\\_Sebuah\\_Institusi\\_Pengajian\\_Tinggi\\_Awam.pdf](http://irep.iium.edu.my/6212/1/Analisis_Kesalahan_Tatabahasa_Bahasa_Melayu_dalam_Karangan_Pelajar_Asing_di_Sebuah_Institusi_Pengajian_Tinggi_Awam.pdf)
- Yong Chyn Chye, Siti Saniah Abu Bakar, Chan Tze-Haw & Vijayalecthumy Subramaniam. (2010). Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Instutusi Pengajian Tinggi. *Proceeding of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia*, 8-10 November 2010. 366-378.

# **Kaedah Pembelajaran Gaya Bahasa Formal dan Tidak Formal yang Digunakan dalam Sesi Pengajaran & Pembelajaran (P & P) Bahasa Melayu untuk Pelajar Asing di UTHM**

**Oleh**

**Junainah binti Tarmidi  
Nur Farhana binti Masri  
Fazita binti Md. Tab  
Ng Wee Fern**

## **Abstrak**

Subjek bahasa Melayu untuk pelajar asing di UTHM menjadi subjek wajib untuk diambil oleh pelajar asing sebelum mereka menamatkan pengajian. Hal ini selari dengan pelaksanaan bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Pelbagai kaedah dan strategi yang telah dirangka oleh warga pendidik untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Melayu untuk pelajar asing dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kaedah yang digunakan di UTHM dalam sesi P & P bahasa Melayu untuk pelajar asing. P & P bahasa Melayu di UTHM menitik beratkan dua gaya bahasa dalam proses pembelajaran, iaitu gaya bahasa formal dan gaya bahasa tidak formal. Oleh sebab itu, objektif kajian kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti gaya bahasa yang digunakan, menghurai pembentukan dan perbezaan gaya bahasa yang digunakan serta memberi pendedahakan kepada pelajar untuk menggunakan gaya bahasa yang betul berdasarkan situasi yang sesuai. Kajian dijalankan dengan menggunakan pendekatan kajian gaya bahasa formal dan tidak formal oleh Adrian Akmajian et al. (1995). Penghuraian bentuk gaya bahasa tidak formal yang terbentuk diurai menggunakan pendekatan beliau. Hasil kajian dapat memberi pengetahuan dan pendedahan kepada warga pendidik dan pelajar tentang pembentukan bahasa tidak formal dan cara penggunaan gaya bahasa yang sesuai mengikut situasi.

**Kata kunci:** kaedah P&P, gaya bahasa, bahasa formal dan bahasa tidak formal, bahasa Melayu

## **PENDAHULUAN**

Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia. Akta pendidikan dan Akta pendidikan tinggi swasta pula telah meletakkan subjek bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai satu subjek yang wajib diikuti dan wajib lulus oleh pelajar antarabangsa (Awang Sariyan, 2006). Maka, adalah menjadi kewajipan bagi seluruh pelajar warganegara asing yang berada di institusi pengajian tinggi di Malaysia untuk mempelajari bahasa kebangsaan Malaysia. Pendekatan yang didasarkan oleh kerajaan untuk mewajibkan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing ini secara tidak langsung dapat memperluaskan penggunaan bahasa Melayu di dalam dan di luar negara.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) turut menyahut saranan kerajaan dalam melaksanakan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing yang menuntut di UTHM. Maka dengan sebab itu sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu dengan kod UHB11002 diperkenalkan khusus untuk pelajar asing sebagai satu daripada subjek yang wajib diambil dan wajib lulus untuk menamatkan pengajian mereka di UTHM. Kesemua pelajar asing pada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda adalah diwajibkan untuk mengambil subjek Bahasa Melayu selama satu semester sebelum mereka menamatkan pengajian. Sasaran utama subjek ini diperkenalkan ialah agar setiap pelajar asing wajib mempelajari asas bahasa Melayu itu sendiri. Mereka akan didedahkan dengan kemahiran lisan, mendengar, membaca dan menulis dengan menggunakan perbendaharaan kata, tatabahasa serta mampu membuat binaan ayat ringkas dalam bahasa Melayu.

Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) bahasa Melayu di dalam kelas dapat dijayakan dengan baik, pelbagai teknik dan strategi pembelajaran telah diperkenalkan. Yong Chyn Chye et al. (2010) menyatakan bahawa pensyarah memainkan peranan yang penting dalam memilih strategi yang sesuai dan berkesan untuk memupuk minat pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, teknik dan strategi pembelajaran yang sesuai dapat memastikan proses pembelajaran bahasa berjalan dengan lancar dan berkesan.

Proses pembelajaran bahasa Melayu di UTHM menekankan dua aspek utama dalam P & P, iaitu pembelajaran gaya bahasa yang berbeza, formal dan tidak formal. Menurut Kamaruddin (1995), gaya bahasa dapat dibahagikan kepada gaya rasmi dan tidak rasmi, gaya tulisan dan lisan, gaya yang ditinjau berdasarkan nada dan gaya yang ditinjau dari segi kelangsungan makna. Adrian Akmajian et al. (1995) pula menerangkan bahawa bahasa yang menggunakan pertuturan formal bersifat serius, rasmi dan memerlukan penutur menjaga pertuturan mereka kerana cara mengungkapkan sesuatu dianggap penting dari segi sosial. Manakala bahasa tidak formal pula mempunyai sifat bersahaja, spontan, cepat dan tidak bertapis oleh penutur (Adrian Akmajian et al., 1995). Oleh itu, gaya bahasa formal adalah gaya bahasa yang rasmi, berbentuk gaya bahasa penulisan dan ditinjau dari segi kelangsungan makna. Gaya bahasa tidak formal pula adalah gaya bahasa yang tidak rasmi, berbentuk lisan dan ditinjau berdasarkan nada.

#### **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing telah banyak dilakukan seperti Kajian Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis oleh Roshidah (2017), Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institut Pengajian Tinggi oleh Yong Chyn Chye et al. (2010) dan Kajian Penggunaan dan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing oleh Zamri Mahamod et al. (2014). Kesemua kajian ini memfokuskan kepada kaedah pembelajaran bahasa yang berkesan dalam kalangan pelajar asing di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Namun, setakat ini belum ada kajian khusus berkenaan kaedah P & P yang dijalankan di UTHM. Oleh itu, kajian ini akan menjadi kajian rintis yang dijalankan berkenaan kaedah pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di UTHM.

Zamri Mahamod et al. (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa kebanyakan pelajar asing yang mempelajari bahasa Melayu di IPT mempunyai masalah, lemah dan gagal untuk menguasai kemahiran berbahasa Melayu dalam tempoh pengajian mereka. Oleh itu, kaedah P & P yang berkesan perlu dijalankan agar masalah ini dapat diatasi. Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu dapat dijadikan rujukan untuk penambahbaikan dalam

proses P & P bagi subjek bahasa Melayu untuk pelajar asing. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini perlu dijalankan agar dapat dijadikan rujukan buat para pendidik khususnya yang mengajar bahasa Melayu untuk pelajar asing, bagi memastikan proses P & P berjalan dengan baik dan berkesan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghurai kaedah P & P bahasa Melayu kepada pelajar asing di UTHM. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti gaya bahasa formal dan tidak formal yang digunakan dalam sesi pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di UTHM
2. Menghuraikan dua gaya bahasa utama yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di UTHM
3. Memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai penggunaan bahasa formal dan bahasa tidak formal dalam situasi yang sesuai

## **KAJIAN KEPUSTAKAAN**

Fokus utama kajian yang mengenengahkan penggunaan dua gaya bahasa utama, iaitu gaya bahasa formal dan tidak formal ini mempunyai pelbagai pandangan daripada ahli-ahli bahasa. Gaya bahasa menurut Za'aba (1962) ialah rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang. Rupa yang dimaksudkan adalah dari segi perkataannya, ikatan ayatnya, jalan bahasanya, cara susunan dan bentuk peribahasanya.

Adrian Akmajian et al. dalam bukunya *Lingustik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi* menyatakan dengan jelas perbezaan antara bahasa formal dan tidak formal. Bahasa formal ataupun bahasa standard merupakan bahasa rasmi yang digunakan dalam program berita media kebangsaan, fungsi perundangan dan kerja serta digunakan di sekolah-sekolah sebagai bahasa pengantar pendidikan. Manakala bahasa tidak formal mempunyai penggunaan dalam keadaan sosial yang bersahaja, selesa dengan pertuturan secara spontan, cepat dan penutur cenderung untuk menggunakan percakapan yang tidak bertapis.

*Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* dalam bab “Variasi bahasa Melayu” menyatakan bahawa Za’aba mengkategorikan dua gaya bahasa utama dalam bahasa Melayu yakni gaya cakap mulut dan gaya surat. Gaya cakap mulut merupakan bahasa Melayu lisan dan gaya surat merupakan bahasa Melayu tulisan. Kedua-dua gaya bahasa yang dinyatakan oleh pendeta bahasa ini merupakan satu bentuk penggunaan gaya bahasa formal dan tidak formal.

Telah banyak kajian yang dilakukan mengenai gaya bahasa Melayu oleh ahli-ahli bahasa. Namun, tiada kajian yang khusus berkaitan kaedah penggunaan gaya bahasa formal dan tidak formal dalam P & P bahasa Melayu untuk pelajar asing. Kajian lepas yang terkait dengan fokus utama kajian ialah kajian oleh Adrian Akmajian et al. (1995) dalam bukunya *Linguistik: Bahasa dan Komunikasi* pada Bab 7: Kelainan Bahasa, manakala konsep dua gaya bahasa yang dibincangkan dalam kajian ini dilihat berdasarkan konsep yang dijelaskan dalam buku *Laras Bahasa* dan buku *Linguistik: Bahasa dan Komunikasi*.

Adrian Akmajian et al. (1995) menyifatkan gaya bahasa tidak formal sebagai gaya bahasa yang mempunyai banyak singkatan, penyingkatan, pemendekan dan pengguguran. Dapatan kajian menunjukkan gaya bahasa tidak formal mempunyai dua jenis bentuk perubahan, iaitu pengguguran objek berdasarkan pemendekan subjek dengan kata bantu dan pengguguran kata kerja. Dalam pengguguran subjek dengan kata bantu dalam gaya tidak formal yang disingkatkan, subjek dan kata kerja bantu ayat utama dapat digugurkan. Perubahan kedua pula merangkumi penyingkatan yang berlaku dalam ayat berbentuk soalan.

Konsep bahasa formal dan tidak formal banyak dijelaskan dalam buku *Laras Bahasa* oleh Kamaruddin Hj Husin (1995). Gaya bahasa didefinisikan sebagai ujaran yang memperlihatkan cara penyampaian sesuatu hal atau perkara yang melibatkan penggunaan kata, frasa, ayat dan nada suara. Gaya bahasa formal secara tak langsung merupakan gaya bahasa rasmi yang digunakan dalam situasi rasmi seperti memberi ucapan dan menyampaikan berita. Manakala gaya bahasa tidak formal pula digunakan dalam situasi

yang tidak rasmi seperti perbualan ringan. Bahasa tidak formal juga sinonim dengan gaya cakap mulut yang memiliki ciri-ciri bahasa yang susunannya mudah, ringkas dan pendek.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### **Kerangka konseptual**

Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kualitatif dengan melibatkan analisis deskriptif berdasarkan pendekatan gaya bahasa formal dan tidak formal oleh Adrian Akmajian et al. (1995). Berdasarkan data yang diperoleh, kaedah analisis dokumen digunakan untuk menganalisis dapatan kajian. Sumber utama bahan kajian ini ialah *Modul Bahasa Melayu Tahap 1* dengan kod UHB11002 dan *Modul Kursus Khas Asas Bahasa Melayu untuk Pelajar/Warga Asing* yang digunakan di UTHM. Kedua-dua modul ini direka khusus untuk sesi pengajaran dan pembelajaran (P & P) Bahasa Melayu kepada pelajar asing atau pelajar antarabangsa di UTHM.

Pelajar asing di UTHM berasal dari pelbagai negara seperti dari Yaman, Pakistan, Saudi Arabia, Libya, Iraq, Somalia, Somaliland, Thailand, Indonesia, China, Bangladesh dan India. Berikut ialah jumlah pelajar asing yang aktif di UTHM mengikut peringkat pengajian.

<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>Peringkat Pengajian</b>
56 orang	Ijazah Sarjana Muda
209 orang	Ijazah Sarjana
512 orang	Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

*Modul Bahasa Melayu Tahap 1* untuk pelajar asing dengan kod UHB11002 yang dibuka penawarannya khusus kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda ini mempunyai 2 jam kredit dengan sesi P & P selama 3 jam yang berlangsung sepanjang 14 minggu dalam satu semester. UHB11002 ini merupakan subjek wajib lulus bagi pelajar antarabangsa terbabit bergraduasi. Sebanyak 9 topik utama diketengahkan sepanjang 14 minggu ini untuk memenuhi matlamat mata pelajaran tersebut. Setiap semester, sesi P & P Tahap 2 dengan kod UHB2102 akan ditawarkan tetapi ini bergantung kepada permintaan daripada pelajar.

**Jadual 1**

Topik-topik dalam *Modul Bahasa Melayu Tahap I* untuk pelajar asing dengan kod UHB11002

<b>Kandungan</b>	
<b>Pelajaran 1</b>	Pengenalan
<b>Pelajaran 2</b>	Kenali Melayu
<b>Pelajaran 3</b>	Pengenalan Kepada Asas Sebutan Bahasa Melayu dan Tulisan
<b>Pelajaran 4</b>	Perbualan Tentang Saluti dan Memperkenalkan Diri
<b>Pelajaran 5</b>	Perbualan di Kelas
<b>Pelajaran 6</b>	Perbualan di sebuah Pasar Raya
<b>Pelajaran 7</b>	Perbualan di Perpustakaan
<b>Pelajaran 8</b>	Perbualan di Kampus
<b>Pelajaran 9</b>	Perbualan di Talipon

*Modul Kursus Khas Asas Bahasa Melayu untuk Pelajar/Warga Asing* ini disediakan khusus untuk pelajar pascaijazah UTHM yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Oleh itu, kursus ini akan dilaksanakan sekiranya ada permohonan daripada para pelajar asing berkenaan. Pada 16 Julai 2017, kumpulan pertama seramai 30 orang pelajar pascaijazah telah mendaftar untuk mengikuti kursus khas ini yang berlangsung selama 10 minggu. Kumpulan kedua pula akan memulakan sesi P & P mereka pada bulan Disember 2018.

**Jadual 2**

Topik-topik dalam *Modul Kursus Khas Asas Bahasa Melayu untuk Pelajar/Warga Asing*

<b>Kandungan</b>	
<b>Pelajaran 1</b>	Pengenalan
<b>Pelajaran 2</b>	Pengenalan Kepada Asas Sebutan Bahasa Melayu dan Tulisan
<b>Pelajaran 3</b>	Saluti dan Memperkenalkan Diri
<b>Pelajaran 4</b>	Saluti dan Memperkenalkan Seseorang
<b>Pelajaran 5</b>	Perbualan Tentang Keluarga
<b>Pelajaran 6</b>	Perbualan Tentang Suka dan Tidak Suka
<b>Pelajaran 7</b>	Perbualan Tentang Nombor
<b>Pelajaran 8</b>	Perbualan Tentang Aktiviti Seharian

Berdasarkan kedua-dua modul tersebut, contoh ayat yang memenuhi penggunaan bahasa formal dan bahasa tidak formal dikeluarkan seterusnya dihuraikan menggunakan rumus gaya bahasa formal dan tidak formal. Pendekatan yang digunakan adalah berdasarkan reka bentuk rumus tatabahasa gaya bahasa tidak formal dalam bahasa Inggeris oleh Adrian Akmajian et al. (1995). Dua ciri penting dalam tatabahasa gaya tidak formal ialah, (1) pengguguran subjek ayat dan (2) pengguguran kata kerja bantu (Adrian Akmajian et al., 1995). Kedua-dua ciri ini merupakan gaya bahasa yang disingkatkan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Adrian Akmajian et al. (1995) dalam kajiannya memperlihatkan contoh bentuk ayat formal dan tidak formal yang digunakan oleh masyarakat Amerika Syarikat, iaitu ayat:

*Would you care for some coffee?* bagi bentuk ayat formal **dan**

*Want some coffee?* bagi bentuk ayat tidak formal

Ayat formal yang diberikan mempunyai ciri tatabahasa yang betul, namun ayat tersebut agak lewah meskipun mempunyai ayat yang lengkap. Manakala ayat tidak formal pula lebih ringkas, tetapi memiliki makna yang jelas dan mesejnya sampai kepada pihak yang mendengarnya. Perbezaan bentuk kedua-dua ayat ini dapat membezakan penggunaan bahasa formal dan tidak formal. Maka, dalam dapatan kajian ini, penggunaan ayat yang mengandungi dua gaya bahasa tersebut akan diperlihatkan dan dianalisis untuk memenuhi objektif kajian.

### **Gaya bahasa formal dan tidak formal**

Contoh penggunaan gaya bahasa formal yang diperoleh berdasarkan bahan kajian, iaitu modul bagi kod subjek UHB 11002 Bahasa Melayu (Junainah & Nur Farhan, 2018) adalah seperti berikut:

(1)

- a. Adakah awak orang Malaysia?
- b. Saya berasal dari Malaysia.
- c. Saya minta diri dulu.
- d. Awak pula apa khabar?
- e. Awak ada sebuah novel?
- f. Apakah bahasa yang boleh awak tuturkan?

Ayat-ayat di atas memenuhi keperluan struktur binaan ayat yang betul dengan kehadiran frasa subjek dan predikat. *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga menyatakan bahawa penutur asli sesuatu bahasa secara umumnya mempunyai kecekapan untuk mengetahui struktur unsur atau konstituen setiap ayat dalam bahasanya. Tujuannya ialah untuk menghasilkan ayat yang memenuhi tatabahasa Melayu yang betul.

<b>Subjek</b>	<b>Predikat</b>
Saya	berasal dari Malaysia.
Saya	minta diri dulu.

Ayat yang dinyatakan di atas merupakan ayat yang memenuhi standard dan keperluan untuk menjadi ayat yang mempunyai gaya bahasa formal serta layak dijadikan gaya tulisan ataupun gaya rasmi. Ayat-ayat di para (2) berikut ini pula merupakan contoh ayat yang mempunyai bentuk tidak formal yang mempamerkan berlakunya pengguguran kata, perubahan kata dan penyingkatan ayat.

(2)

- a. Awak orang Malaysia?
- b. Saya dari Malaysia.
- c. Minta diri dulu.
- d. Awak pula?
- e. Awak ada novel?
- f. Apa bahasa yang boleh awak cakap?

### Pembentukan gaya bahasa formal dan tidak formal

Berdasarkan ayat-ayat di para (1), bentuk gaya formal yang diperlihatkan dapat membentuk gaya bahasa tidak formal apabila dituturkan dalam perbualan harian. Perubahan bentuk tersebut dapat dilihat dalam ayat-ayat di para (3) dan (4). Kata daripada ayat formal yang berada di dalam kurungan ( ) menandakan berlaku perubahan sama ada pengguguran atau penggantian.

(3)

a. (Adakah) awak orang Malaysia? (=Awak orang Malaysia?)	Pengguguran kata tanya <i>adakah</i>
b. (Saya) berasal dari Malaysia. (=Saya dari Malaysia.)	pengguguran kata <i>berasal</i>
c. (Saya) minta diri dulu. (=Minta diri dulu.)	Pengguguran kata nama <i>saya</i>
d. Awak pula (apa khabar)? (=Awak pula?)	pengguguran frasa <i>apa khabar</i>
e. Awak ada (sebuah) novel? (=Awak ada novel?)	penguguran kata penjodoh bilangan <i>sebuah</i>
f. (Apakah) bahasa yang boleh awak tuturkan? (=Apa bahasa yang boleh awak cakap?)	pengguguran partikel penegas <i>-kah</i> dan penggantian kata <i>tutur</i> kepada <i>cakap</i>

Ayat-ayat di para (3) merupakan olahan ayat-ayat formal dari para (1). Ayat (a) mengalami pengguguran kata tanya *adakah* dan menjadikan ayat tanya tersebut terus bermula dengan subjek. Meskipun pengguguran kata tanya berlaku, ayat tersebut masih boleh difahami apabila penutur menggunakan nada atau intonasi yang sesuai untuk bertanya. Ayat (b) pula mengalami pengguguran kata *berasal* dan menjadikan keseluruhan ayat penyata tersebut lebih ringkas. Kehadiran kata *berasal* sebenarnya menjadikan ayat tersebut lebih lewah dan panjang. Ayat gaya percakapan yang terolah daripada ayat (b) lebih ringkas dengan penyampaian maksud yang berkesan. Ayat (c) mengalami pengguguran subjek dan menjadikan ayat tersebut tidak memenuhi kriteria tatabahasa Melayu yang memerlukan

subjek dan predikat untuk membina ayat yang lengkap. Namun, dari segi penggunaan gaya bahasa tidak formal, meskipun tiada subjek dalam penuturannya, subjek dapat dikenal pasti dengan melihat siapakah penuturnya. Konteks ayat dilihat berdasarkan situasi dan keadaan penutur.

Ayat (d) mengalami pengguguran frasa *apa khabar*. Pengguguran ini menjadikan ayat tanya tersebut mempunyai dua kata sahaja, iaitu *Awak pula?*. Hal ini berlaku dalam pertuturan tidak formal kerana dalam konteks perbualan tersebut, kata *pula* mewakili soalan terdahulu yang diberikan oleh pihak yang dituturkan. Ayat (e) pula mengalami pengguguran penjodoh bilangan 'sebuah' dalam ayat tanya tersebut. Manakala ayat (f) mengalami dua jenis perubahan, iaitu pengguguran partikel penegas *-kah* dalam kata *apakah* dan penukaran kata *tuturkan* kepada *cakap*.

Pengolahan ayat-ayat ini menghasilkan satu bentuk ayat tidak formal ataupun ayat yang mempunyai gaya bahasa percakapan. Namun beberapa ayat-ayat di para (3) masih boleh diolah dalam bentuk gaya bahasa tidak formal seperti dalam para (4).

(4)

- |   |
|---|
| <p>a. (Adakah) awak orang Malaysia?<br/>(=Awak orang Malaysia?)<br/>(=Orang Malaysia?)</p> <p>b. (Saya) berasal dari Malaysia.<br/>(=Saya dari Malaysia.)<br/>(=Dari Malaysia.)</p> <p>c. (Awak) ada sebuah novel?<br/>(=Awak ada novel?)<br/>(=Ada novel?)</p> |
|---|

Ayat-ayat di para (4) kesemuanya mengalami pengguguran subjek seperti dalam Adrian Akmajian et al. (1995), subjek dan kata kerja bantu ayat utama dalam gaya tidak formal digugurkan. Pengguguran yang berlaku tidak mengganggu makna yang ingin disampaikan dalam ayat tersebut. Namun, penggunaan ayat-ayat di para (4) haruslah selari dengan nada

yang sesuai seiring dengan maksud yang ingin disampaikan. Ayat (b) di para (4) hanya sesuai diringkaskan apabila konteks ayat tersebut adalah dalam sebuah perbualan. Jika konteks ayat berubah kepada ayat penyata, pengguguran subjek *saya* tidak boleh berlaku.

### Penggunaan gaya bahasa formal dan tidak formal

Penggunaan gaya bahasa dalam bahasa Melayu adalah berbeza berdasarkan situasi kerana ujaran tersebut memperlihatkan cara penyampaian sesuatu hal yang melibatkan penggunaan kata, frasa dan ayat serta nada suara (Kamaruddin, 1995). Oleh itu, keadaan dan situasi yang dialami akan mempengaruhi penggunaan gaya bahasa penutur. Berikut contoh ayat formal dan ayat tidak formal.

Ayat formal	Ayat tidak formal
a. Adakah awak orang Malaysia?	a. (i) Awak orang Malaysia? <i>Atau</i> (ii) Orang Malaysia?
b. Saya berasal dari Malaysia.	b. (i) Saya dari Malaysia. <i>Atau</i> (ii) Dari Malaysia.
c. Saya minta diri dulu.	c. Minta diri dulu.
d. Awak pula apa khabar?	d. Awak pula?
e. Awak ada sebuah novel?	e. (i) Awak ada novel? <i>Atau</i> (ii) Ada novel?
f. Apakah bahasa yang boleh awak tuturkan?	Apa bahasa yang boleh awak cakap?

**Rajah 2:** Ayat formal dan ayat tidak formal

Antara matlamat utama P & P bahasa Melayu untuk pelajar asing di UTHM ialah untuk memastikan pelajar mampu membezakan penggunaan gaya bahasa yang betul dan sesuai berdasarkan situasi dan keadaan. Selain itu, pelajar akan dibantu membina kemahiran bagaimana untuk membezakan penggunaan gaya bahasa yang sesuai apabila berhadapan dengan penutur yang berbeza umur dan latar belakang. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan pada Rajah 2, cara penggunaan ayat berdasarkan situasi akan diklasifikasikan seperti berikut:

Ayat	Penggunaan
Ayat formal a sehingga f	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Situasi rasmi</li> <li>2. Penulisan</li> </ol>
Ayat tidak formal a (i), b (i), c, d, e (i) dan f	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. situasi tidak rasmi</li> <li>2. perbualan lisan</li> </ol>
Ayat tidak formal a (ii), b (ii) dan e (i)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. situasi tidak rasmi</li> <li>2. perbualan lisan</li> <li>3. berdasarkan tahap sosial yang sama atau lebih rendah</li> </ol>

**Rajah 3:** Cara penggunaan ayat

Berdasarkan Rajah 3, ayat yang memiliki bentuk gaya bahasa formal boleh digunakan dalam dua keadaan, iaitu dalam keadaan rasmi dan digunakan dalam penulisan bahasa standard. Ayat tidak formal a (i), b (i), c, d, e (i) dan f pula boleh digunakan dalam situasi tidak rasmi dan perbualan lisan. Ayat tidak formal a (ii), b (ii) dan e (i) pula boleh digunakan dalam situasi tidak rasmi dan perbualan lisan serta seharusnya bersesuaian dengan tahap sosial pihak yang dituturkan.

## **PERBINCANGAN**

### **Gaya bahasa formal dan tidak formal**

Berdasarkan dapatan kajian, pelajar yang mempelajari gaya bahasa formal semasa proses P & P kemudiannya akan didedahkan dengan gaya bahasa tidak formal apabila berlaku penyingkatan dan pengguguran dalam ayat. Kaedah pengajaran ayat tidak formal yang digunapakai dalam modul Bahasa Melayu di UTHM mempunyai ciri-ciri yang sama dengan kajian Adrian Akmajian et al. (1995), iaitu gaya bahasa tidak formal mempunyai banyak bilangan singkatan, pemendekan dan pengguguran. Namun, pengguguran yang diutarakan oleh Adrian Akmajian et al. (1995) hanya tertumpu kepada pengguguran kata bantu dan kata kerja. Dalam dapatan kajian ini, pengguguran ayat turut berlaku dengan penggantian kata yang memenuhi konsep bahasa tidak formal. Selain itu, penggunaan dua gaya bahasa

yang dibincangkan pula sama dengan pendapat beliau apabila ayat formal yang dinyatakan dalam dapatan kajian mempunyai bentuk yang lewah dan berjela-jela, manakala gaya tidak formal mempunyai bentuk yang lebih ringkas, tepat dan baik tatabahasanya.

### **Pembentukan gaya bahasa formal dan tidak formal**

Dalam *Kamus Dewan* Edisi Ketiga, gaya bahasa formal dicirikan sebagai bahasa baku yang lebih biasa pada kebanyakan orang, manakala gaya bahasa tidak formal atau dikenali sebagai bahasa kolokial merupakan gaya percakapan dan bukan bahasa baku. Oleh itu, pembentukan gaya bahasa tidak formal banyak dipengaruhi oleh keadaan, cara percakapan dan situasi percakapan tersebut berlangsung. Pembentukan gaya bahasa tidak formal boleh dipelbagaikan mengikut konteks.

Berdasarkan contoh ayat di para (3) a. *Adakah awak orang Malaysia?* Ayat tersebut boleh berubah menjadi dua bentuk yang mengalami pengguguran kata. Bentuk perubahan pertama merupakan perubahan yang biasa dilakukan dalam ayat tidak formal. Namun, bentuk perubahan kedua merupakan ayat yang terhasil apabila penutur mempunyai tahap sosial yang sama atau lebih tinggi berbanding pihak yang dituturkan. Sebagai contoh, seorang pak cik bertanya kepada orang muda. Dalam pertuturan yang sebaliknya, ayat tersebut dianggap tidak sopan, malah perlu ditambah dengan kata ganti nama seperti *Adakah pak cik orang Malaysia?*

### **Penggunaan gaya bahasa formal dan tidak formal**

Bagi menjawab objektif kajian yang ketiga, iaitu memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai penggunaan bahasa formal dan bahasa tidak formal dalam situasi yang sesuai, cara penggunaan ayat yang diberikan dinyatakan dalam dapatan kajian. Penggunaan kesemua ayat formal dalam para (1) mempunyai dua penggunaan. Ayat-ayat tersebut digunakan dalam situasi rasmi dan dalam penulisan. Gaya bahasa ini sesuai dijadikan gaya bahasa penulisan kerana ayat yang digunakan mempunyai ejaan, istilah, penggunaan frasa, ayat, singkatan, tanda baca dan laras bahasa yang betul (Kamaruddin & Siti Hajar, 1997).

Penggunaan ayat formal tidak boleh dijadikan gaya percakapan sosial yang santai kerana situasi tersebut dianggap janggal dan tiada kemesraan.

Ayat-ayat tidak formal pula boleh digunakan dalam gaya percakapan harian dan perbualan lisan yang selalunya dalam keadaan tidak rasmi. Meskipun ayat tersebut kadangkala tidak ada sistem tatabahasa yang betul, namun pendengar dapat memahami maksud yang ingin disampaikan. Hal ini bertepatan dengan konsep gaya bahasa bukan standard oleh Kamaruddin & Siti Hajar (1997) yang menyatakan bahawa meskipun bahasa pertuturan hidup tanpa menggunakan sistem tatabahasa yang betul, namun penggunaan ayat berkenaan tetap dapat difahami oleh semua pendengar.

## **KESIMPULAN**

Proses pengajaran & pembelajaran (P & P) di kelas akan dapat berlaku dengan baik apabila cara penyampaian dan kaedah yang betul digunakan oleh warga pendidik. Dalam kaedah P & P Bahasa Melayu kepada warga asing di UTHM, dua gaya bahasa digunakan sebagai satu daripada kaedah pembelajaran. Pelajar bukan sahaja mampu menggunakan ayat formal dalam kehidupan harian yang rasmi dan dalam penulisan, malah mereka juga mampu berinteraksi dengan baik bersama warga tempatan dengan menggunakan bahasa tidak formal. Pendedahan kepada kedua-dua gaya bahasa ini amat penting dalam P & P Bahasa Melayu. Gaya bahasa tidak formal tidak boleh digunakan dalam gaya penulisan kerana penulisan memerlukan sistem tatabahasa yang betul dan tepat. Namun untuk situasi perbualan harian, penggunaan gaya bahasa formal tidak sesuai digunapakai, memadai jika menggunakan ayat yang ringkas dan padat untuk menyampaikan maksud.

Justeru, penggunaan gaya bahasa yang betul untuk situasi yang bersesuaian perlu didedahkan kepada pelajar semasa sesi P & P di kelas. Oleh sebab itu, P & P Bahasa Melayu di UTHM amat menitikberatkan dua gaya bahasa ini yang menjadi matlamat utama P & P, iaitu agar pelajar mempunyai satu kemahiran insaniah dalam berkomunikasi. Untuk menjadikan komunikasi berlangsung dengan baik, pelajar perlu bijak memilih gaya bahasa yang sesuai agar konteks penyampaian berlangsung dengan sempurna dan berkesan. Bagi memupuk kemesraan dalam situasi tidak rasmi, pelajar boleh menggunakan gaya bahasa

tidak formal. Namun, untuk memupuk kemesraan dalam situasi rasmi, pelajar harus didedahkan untuk menggunakan gaya bahasa formal agar penyampaian lebih bersifat intelektual dan santun kerana mempunyai tatabahasa yang baik dan berkesan. Memetik dari buku *Santun Berbahasa* oleh Awang Sariyan (2015), kesantunan bahasa secara umumnya merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab akan memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya.

Oleh itu, diharapkan agar para pendidik yang terlibat dalam sesi P & P mengambil berat akan penggunaan gaya bahasa formal dan tidak formal dalam kaedah P & P mereka. Perbezaan gaya bahasa ini mampu untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam berkomunikasi, selain dapat membentuk pelajar yang baik tahap sosialnya bersama warga tempatan.

## **Bibliografi**

- 1 Abdullah Hassan. 2008. *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- 2 Ab. Rahman Ab Rashid & Yap Kim Fatt. 2003. Siri Pendidikan Tinggi, *Bahasa Kebangsaan*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- 3 Adrian Akmajian et al. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 4 Asmah Hj. Omar. 1980. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 5 Asmah Hj. Omar. 2015. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 6 Asmah Hj. Omar 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. PL5127.A85 1993 N1.
- 7 Awang Sariyan. 2006. *Pengajaran bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Matlamat dan Pertimbangan Strategi*. Jurnal Persatuan Linguistik, 7: 1-15.
- 8 Awang Sariyan. 2015. *Santun Berbahasa*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- 9 DBP. 1996. *Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 10 DBP. 1986. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 11 DBP. 1992. *Kamus Inggeris Melayu Dewan (An English-Malay Dictionary)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- 12 Kamaruddin Hj Husin. 1995. *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- 13 Kamaruddin Haji Husin & Siti Hajar Hj Abdul Aziz. 1997. *Pengajian Melayu 3: Komunikasi Bahasa*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- 14 Mohamed Pitchay Gani. 2009. *Evolusi Bahasa Melayu: 2000 Tahun*. Singapore: Asas 50 Press, Angkatan Sasterawan 50.
- 15 Nik Safiah Karim. 1992. *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- 16 Nik Safiah Karim, Farid Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- 17 Paitoon M. Chaiyanara. 2003. *Pengenalan Teori Tatabahasa Kasus dan Leksikamus: An Introduction To Case and Lexicase Grammatical Theories*. Singapore: DeeZed.
- 18 S. Nathesan. 1995. *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- 19 Za'aba. 1962. *Ilmu Mengarang Melayu* Ed. Rumi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- 20 Zulkifley Hamid. 2006. *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.

## JURNAL

1. Tajuk: *Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu di Institut Pengajian Tinggi*. Penulis: Yong Chyn Chye, Dr. Siti Saniah Abu Bakar, Dr. Cgan Tze-Haw dan Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam, dalam: Proceedings of the 4<sup>th</sup> Conference On Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI, Bandung Indonesia, 8-10 November 2010.
2. Tajuk: *Penggunaan Kekerapan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing*. Penulis: Zamri Mahamod, Jamaludin Badusah, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Saharala Subramaniam, dalam:

Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ) - Fakulti Pendidikan, UKM @ November 2014. ISSN: 2180-4842. Vol. 4, Bil. 2 (Nov. 2014): 25-35.

3. Tajuk: *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis.*

Penulis: Rashidah Hassan, dalam: GEMA Online Journal of Language Studies Volume 17(1), February 2017.

#### MODUL

- 1 Junainah Tarmidi & Nur Farhana Masri. 2018. *UHB 11002 Bahasa Melayu*. Johor: Pusat Pengajian Bahasa (PPB), UTHM.
- 2 Junainah Tarmidi, 2017. *KURSUS KHAS: Asas Bahasa Melayu untuk Pelajar/Warga Asing*. Johor: Pusat Pengajian Bahasa (PPB), UTHM.

#### PROSIDING

- 1 Universiti Malaya. 2017. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-16 (PPA-16)*. "Nilai Penterjemahan dalam Masyarakat". Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

**PELAKSANAAN KELAS BAHASA MELAYU UNTUK PENUTUR ASING DI  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**Khuzaiton Zakaria**

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Universiti Malaysia Kelantan

*khuzaiton@umk.edu.my*

**ABSTRAK**

Peningkatan bilangan pelajar antarabangsa di Malaysia telah menjadikan Institut Pengajian Tinggi (IPT) sebagai satu platform penting untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing yang melanjutkan pengajian di negara ini. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merupakan antara Universiti Awam (UA) yang menerima kemasukan pelajar antarabangsa saban tahun. Kertas kerja ini membincangkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing di Universiti Malaysia Kelantan. Penutur asing yang dimaksudkan ialah pelajar asing dan pensyarah asing. Pelajar asing mempelajari bahasa Melayu kerana mereka mengambil kursus wajib Bahasa Melayu yang ditawarkan kepada mereka seperti yang terdapat dalam peraturan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, Kursus Bahasa Melayu merupakan prasyarat untuk lulus dalam pengajian di UMK. Bagi kumpulan pensyarah bangsa asing pula, mereka mempelajari bahasa Melayu untuk kegunaan harian iaitu untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan komuniti yang ada di sekeliling mereka sebagai ikhtiar hidup dan bahasa komunikasi. Dengan kata lain, pengajaran Bahasa Melayu kepada pensyarah asing ini adalah untuk memenuhi keperluan permintaan semasa.

Kata kunci: Universiti, bahasa Melayu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, pelajar asing, kursus wajib

## **PENGENALAN**

Enrolmen pelajar antarabangsa di Malaysia telah meningkat dengan ketara. Pada 2004, terdapat kira-kira 32,000 pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di Malaysia. Menjelang tahun 2014, angka tersebut meningkat tiga kali ganda menjadikan jumlahnya lebih 107,000. Berdasarkan data terkini daripada Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Malaysia merupakan negara ke-9 terbesar mengambil pelajar antarabangsa. Sumber pelajar antarabangsa yang paling banyak ialah Asia dan Afrika, dan lima negara yang paling banyak menghantar pelajaranya ke Malaysia ialah Iran, Indonesia, China, Nigeria dan Yaman (*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*, 2017).

Kemasukan pelajar asing ke Malaysia telah menjadikan Institut Pengajian Tinggi (IPT) memainkan peranan yang penting dalam mendukung usaha menerapkan bahasa Melayu dalam diri pelajar warganegara asing yang datang dari luar negara untuk melanjutkan pengajian mereka di Malaysia. Akta pendidikan dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah menetapkan subjek Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib diikuti dan lulus oleh pelajar warganegara asing (Awang Sariyan, 2006).

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) juga tidak ketinggalan menerima kemasukan pelajar antarabangsa walaupun tidak ramai. Bagi merealisasikan agenda memartabatkan bahasa Melayu di Universiti Awam, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan Kursus Bahasa Melayu kepada penutur asing di universiti ini. Buat pertama kalinya Kursus Bahasa Melayu ditawarkan kepada pelajar asing pada sesi pengajian semester September 2012/2013. Dalam kertas kerja ini, pembentang yang merupakan satu-satunya tenaga pengajar kelas Bahasa Melayu akan berkongsi sekelumit pengalaman peribadinya sebagai pengajar yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan pengajaran kelas Bahasa Melayu kepada penutur asing di Universiti Malaysia Kelantan.

## **PENUTUR ASING**

Seramai dua orang pelajar asing yang mendaftar untuk kelas Bahasa Melayu pada sesi September 2012/2013. Mereka ialah dua orang pelajar dari Iraq. Manakala pensyarah asing yang belajar bahasa Melayu ialah 13 orang pensyarah dari Bangladesh, India, Jepun, Jerman,

Hungary, Kemboja, China dan United Kngdom. Mereka biasanya dapat menguasai satu bahasa lain iaitu bahasa antarabangsa (Maimunah dan Norizah, 2003) dan ingin mempelajari bahasa Melayu bagi membolehkan mereka berhubung dengan komuniti tempatan atau terpaksa mengikuti kelas bahasa Melayu.

Sehubungan dengan itu, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) telah mengenal pasti kepentingan dan keperluan bahasa Melayu kepada penutur-penutur asing yang ada di universiti ini. Bagi pelajar-pelajar asing pula, mereka perlu mempelajari bahasa Melayu kerana kursus berkenaan diwajibkan kepada mereka seperti yang terdapat dalam peraturan yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Mereka tidak mempunyai pilihan lain kerana mengikuti Kursus Bahasa Melayu dan mempelajari bahasa Melayu adalah sebagai prasyarat untuk lulus dalam pengajian.

Bagi kumpulan pensyarah bangsa asing pula mereka perlu mempelajari bahasa Melayu untuk kegunaan harian iaitu untuk berinteraksi atau berkomunikasi dengan komuniti yang ada di sekeliling mereka sebagai ikhtiar hidup dan bahasa komunikasi. Dengan kata lain, pengajaran bahasa Melayu kepada pensyarah asing ini adalah untuk memenuhi keperluan permintaan semasa.

Namun begitu, pada masa yang sama kedua-dua golongan penutur asing ini juga perlu mempelajari bahasa Melayu untuk kelangsungan hidup dalam kalangan masyarakat di Malaysia terutamanya masyarakat Melayu. Dalam hal ini, boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu yang dipelajari ibarat “sambil menyelam minum air” yang bukan sahaja memerlukan mereka mempelajari bahasa Melayu untuk meneruskan pengajian atau bekerja, malahan menguasai bahasa Melayu yang dipelajari itu untuk berinteraksi dengan masyarakat di Malaysia.

Jadual 1: Enrolmen Pelajar Antarabangsa di UMK Pada Tahun 2011-2018

Negara Asal	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
Nigeria	2	0	0	0	0	0	0	0
Iraq	2	1	0	0	0	0	0	0
Bangladesh	0	1	0	0	0	0	0	0
India	0	1	0	0	0	0	0	0
Pakistan	0	0	1	0	0	0	0	0
Uzbekistan	0	0	1	0	0	0	0	0
Thailand	0	0	1	0	2	2	0	0
Afrika Selatan	0	0	0	1	1	0	0	0
Indonesia	0	0	0	0	0	3	2	0
Kemboja	0	0	0	0	0	1	0	0
JUMLAH	4	3	3	1	3	6	2	0

Pelajar asing yang mengikuti kelas Bahasa Melayu adalah seramai empat orang pada satu semester dengan tahap yang berbeza. Bilangan pelajar yang sedikit telah menjadikan kelas pengajaran Bahasa Melayu menjadi lebih aktif kerana interaksi atau komunikasi antara pengajar dan pelajar seperti mata bertentang mata. Tiada alasan untuk pelajar tidak bercakap apabila disoal oleh pengajar. Hubungan silaturahim juga dapat dieratkan kerana terdapat pelajar yang menganggap pengajar tempat untuk mengadu dan berkongsi masalah yang mereka hadapi di universiti.

Jadual 2: Pensyarah Antarabangsa di UMK Pada Tahun 2008-2018

Negara Asal	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
United Kingdom	1	0	0	0	0	0	0	0	0
China	0	1	0	0	1	0	0	0	0
Pakistan	0	0	0	0	0	1	0	0	0
Iraq	0	1	0	0	0	0	0	0	0

Bangladesh	0	0	0	2	1	0	0	0	0
Perancis	1	0	0	1	0	0	0	0	0
Jerman	0	0	0	1	0	0	0	0	0
Hungary	0	0	0	0	1	0	0	0	0
Jepun	0	0	1	1	0	2	0	0	0
India	0	2	1	1	2	0	0	0	0
Thailand	1	0	1	2	0	0	0	3	0
Vietnam	1	0	0	1	1	1	0	0	0
Kemboja	1	0	0	1	0	0	0	0	0
Indonesia	0	1	2	0	0	0	1	1	4
Senegal	0	0	0	0	0	0	1	0	0
Australia	0	0	0	0	0	0	0	1	0
JUMLAH	5	5	5	10	6	4	2	5	4

Pensyarah asing yang terdapat di UMK adalah terdiri daripada tenaga pengajar yang mengajar bahasa asing seperti bahasa Jepun, bahasa Mandarin, bahasa Jerman, bahasa Inggeris, bahasa Thai, bahasa Perancis kepada pelajar-pelajar. Manakala pensyarah dari negara India, Bangladesh dan Mesir pula merupakan pensyarah dari Fakulti Sains Bumi, Fakulti Asas Tani, Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan serta Fakulti Perubatan Veterinar.

## **KURSUS BAHASA MELAYU**

Di Malaysia, menerusi Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, semua pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Swasta diwajibkan mempelajari Kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan. Bagi memenuhi kehendak dasar yang ditetapkan oleh KPT, PBI telah membina sukatan Kursus Bahasa Melayu berdasarkan sukatan Mata Pelajaran Umum (MPU) yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2017) yang menjurus kepada berkomunikasi dalam bahasa Melayu asas yang meliputi situasi kehidupan harian. Melalui kursus ini, pelajar akan diperkenalkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu mudah. Kursus ini juga memberi fokus kepada pemahaman secara umum mengenai bahasa Melayu dan kepentingannya dalam konteks Malaysia. Pelajar-pelajar akan didedahkan dengan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu dalam situasi formal dan tidak formal dengan bimbingan pengajar kelas tersebut. Pelajar-pelajar juga dapat membaca bahan bahasa

Melayu yang mudah dengan sebutan dan intonasi yang betul serta dapat memahami budaya Melayu. Kursus Bahasa Melayu ditawarkan di UMK dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu:

- i. Bahasa Melayu tahap 1 (UBY 2012)
- ii. Bahasa Melayu tahap 2 (UBY 2022)
- iii. Bahasa Melayu tahap 3 (UBY 2023)

Jam pengajaran bagi kursus ini ialah dua jam kredit dengan tiga jam pertemuan seminggu. Pertemuan ataupun kelas diadakan sebanyak dua kali seminggu iaitu satu jam bagi kuliah dan dua jam bagi tutorial. Jumlah jam pertemuan yang disediakan dapat membolehkan pelajar asing di UMK menguasai kemahiran asas berbahasa Melayu bagi melahirkan idea dan perasaan mereka secara lisan dan penulisan dengan betul. Kajian oleh Siti Saniah (2013) membuktikan bahawa tempoh pengajaran yang menawarkan hanya untuk satu semester adalah terlalu pendek bagi perkembangan kemahiran bertutur pelajar. Di UMK, pelajar asing adalah diwajibkan untuk mengambil dan lulus dalam kursus Bahasa Melayu tahap 1, tahap 2, dan tahap 3.

### **KANDUNGAN KURSUS BAHASA MELAYU**

Kandungan kursus merangkumi jumlah bab, tajuk kuliah dan kandungan bagi setiap tajuk kuliah pengajaran Kursus Bahasa Melayu yang dikendalikan seperti yang tercatat dalam Jadual 3.

Jadual 3: Bab, Tajuk Kuliah dan Kandungan Sukatan Pembelajaran Bahasa Melayu Komunikasi 1

<b>Bab</b>	<b>Tajuk Kuliah</b>	<b>Kandungan</b>
	Bunyi dan sebutan	I. Vokal dan Diftong a) Bunyi vokal b) Bunyi Diftong

1		<p>II. Konsonan dan Gugusan Konsonan</p> <p>a) Bunyi Konsonan</p> <p>b) Bunyi Gugusan Konsonan</p> <p>c) Bunyi Diftong</p> <p>III. Tajuk: Nombor</p> <p>a) Sistem nombor</p> <p>b) Mata Wang Malaysia</p> <p>c) Waktu</p> <p>d) Hari</p> <p>e) Bulan</p> <p>f) Tatabahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata keterangan waktu</li> </ul>
2	Saya, Kawan dan Keluarga	<p>i) Diri Saya</p> <p>a) Ucapan Tegur Sapa</p> <p>b) Memperkenalkan Diri</p> <p>c) Tatabahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Nama</li> <li>• Kata Ganti Nama Diri</li> </ul> <p>d) Pola Ayat Dasar</p> <p>e) Pola Ayat Dasar 1</p> <p>a) Frasa Nama + Frasa Nama</p> <p>ii) Saya dan Kawan Saya</p> <p>a) Anggota Badan</p> <p>b) Tatabahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Adjektif (Rupa Paras)</li> </ul> <p>c) Pola Dasar Ayat 2-</p> <p>b) Frasa Nama + Frasa Adjektif</p> <p>d) Kata Adjektif (Bentuk Fizikal)</p> <p>e) Perwatakan</p>

		<p>iii) Kawan dan Keluarga</p> <p>a) Kawan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tatabahasa</li> <li>• Kata Tanya</li> <li>• Kata Tunjuk</li> <li>• Membaca perbualan dengan kawan</li> </ul> <p>b) Keluarga</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tatabahasa</li> <li>• Kata kerja (situasi Berkunjung)</li> </ul>
3	Persekitaran	<p>i. Aktiviti Harian</p> <p>a) Tatabahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Kerja</li> <li>• Pola Ayat Dasar 3 Frasa Nama + Frasa Kerja</li> <li>• Kata sendi nama</li> <li>• Pola Ayat Dasar 4 Frasa Nama + Frasa Sendi Nama</li> </ul> <p>b) Tempat-tempat menarik di sekitar kampus</p> <p>ii. Tempat Tinggal Saya</p> <p>a) Tatabahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata sendi nama</li> <li>• Kata Bantu</li> </ul> <p>b) Jenis-jenis rumah</p> <p>c) Mencari Rumah Sewa</p> <p>d) Ruang dan Perabot Rumah</p> <p>i. Di kafeteria</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tatabahasa <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Adjektif (Pancaindera)</li> </ul> </li> <li>b) Makanan dan Minuman <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti memesan dan membayar</li> </ul> </li> </ul> <p>ii. Berbelanja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Tatabahasa <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kata Adjektif (Ukuran, bentuk dan warna)</li> </ul> </li> <li>b) Barang Keperluan Harian</li> <li>c) Membeli Barang Keperluan Harian</li> <li>d) Membeli Buah-buahan</li> <li>e) Sayur-sayuran</li> <li>f) Membeli sayur-sayuran</li> </ul>
--	--	---

## BAHAN PENGAJARAN

Antara bahan rujukan pengajaran ialah:

- i. *Malay for Everyone* oleh Othman Sulaiman
- ii. *Perbualan Asas Bahasa Melayu* oleh Anwar Ridhwan
- iii. *Bahasa Melayu untuk Penutur Asing - Peringkat Asas Buku 1 dan Buku 2* oleh Nor hashimah Jalaludin, Mardian Shah Omar dan Noor Zilawati Jais
- iv. *Bertutur dengan Fasih (Speak Malay Fluently)* oleh Norizah Ardi dan Hasbi Yusoff.
- v. *Bahasa Melayu Komunikasi* oleh Kamarul Affendey Hamimi
- vi. *Modul Komunikasi Bahasa Melayu Antarabangsa*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- vii. *Tatabahasa Melayu Digital (CD)* oleh Dewan Bahasa dan Pustakan dengan kerjasama Multimedia University
- viii. Kamus (Dwibahasa dan bergambar)

Pengajaran tatabahasa juga diberi penekanan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Namun begitu, penutur asing diberi pendedahan dan diajar pada bahagian-bahagian penting dan asas. Antaranya ialah:

- i. Kata Nama
- ii. Kata ganti nama diri
- iii. Kata ganti nama tunjuk
- iv. Kata ganti tempat
- v. Kata tanya
- vi. Kata hubung
- vii. Kata sendi nama
- viii. Kata Kerja
- ix. Kata Adjektif
- x. Pola ayat dasar

Selain itu, bantuan audio-visual juga digunakan untuk aktiviti mendengar dan memahami sesuatu perbualan seperti di kedai makan, perbualan telefon atau dialog di klinik, bank, lapangan terbang dan sebagainya.

Sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu pada tahap 1 banyak menggunakan kaedah terjemahan daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu iaitu sebanyak 60% dan 40% bahasa Inggeris. Terjemahan dalam bahasa Inggeris bagi kosa kata atau ayat yang digunakan perlu diterangkan dan dihuraikan kepada pelajar asing kerana mereka tidak mempunyai asas tentang bahasa Melayu. Justeru, pembentang sebagai orang yang mengendalikan kelas Bahasa Melayu menggunakan bahasa Inggeris untuk menterjemahkan perkataan-perkataan atau ayat tersebut kepada pelajar asing. Kosa kata atau ayat yang digunakan itu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan menggunakan ayat yang mudah dan senang untuk difahami oleh penutur asing. Pada tahap 2 pula, pembentang menggunakan 80% bahasa Melayu dan 20% bahasa Inggeris. Bahasa Melayu digunakan sepenuhnya di dalam kelas pada tahap 3. Berdasarkan pengalaman pembentang, pelajar asing sudah boleh bertutur menggunakan bahasa Melayu mudah apabila mereka berada pada tahap 3.

## **PENDEKATAN, KAEDAH DAN TEKNIK PENGAJARAN**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kelas Bahasa Melayu kepada pelajar asing di UMK, pembentang menggunakan pendekatan komunikatif. Pendekatan komunikatif ini digunakan untuk tujuan utama pengajaran bahasa mengikut pendekatan ini adalah untuk membina kebolehan dan keupayaan berkomunikasi dalam kalangan pelajar asing. Dengan menggunakan pendekatan ini pelajar asing boleh menggunakan bahasa Melayu yang sesuai untuk berinteraksi atau berkomunikasi. Pengajaran bahasa dirangka mengikut fungsi komunikasi yang diajar mengikut keperluan pelajar atau penutur asing bagi membolehkan mereka bertutur bukan hanya di dalam kelas tetapi juga dapat berkomunikasi dengan masyarakat yang berada di sekitar mereka setiap hari.

Menyentuh mengenai kaedah pula, pembentang menggunakan kaedah elektik. Kaedah ini menggabungkan segala ciri baik (Kalthum, 2003) dalam pengajaran bahasa yang terdapat dalam kaedah-kaedah yang lain seperti kaedah tatabahasa terjemahan, kaedah terus, kaedah dengar dan ajuk, kaedah khusus dan kaedah terjemahan. Kaedah ini juga tidak terikat kepada satu-satu kaedah sahaja kerana menggunakan pelbagai kaedah. Kaedah ini menggunakan banyak latihan dalam pengajarannya. Empat kemahiran bahasa yang penting iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dipraktikkan menerusi kaedah ini. Contohnya kaedah terus digunakan untuk mengajar sebutan, kaedah terjemahan digunakan untuk menerangkan makna kata, kaedah dengar dan ajuk dapat dipraktikkan melatih tubi pola-pola ayat dan kaedah khusus diamalkan untuk mengajar membaca dan mengajar tatabahasa. Menurut Tyacke dan Mendelson (1986), guru yang mengajar bahasa dengan baik akan mempengaruhi pelajarannya untuk menggunakan pelbagai kaedah, teknik dan cara atau strategi belajar seperti yang diajar oleh guru bahasa mereka.

Pada peringkat permulaan pengajaran di dalam Kelas Bahasa Melayu, pembentang menggunakan latihan menyebut bunyi vokal dan konsonan bahasa Melayu, mendengar dan kemudian latihan bertutur, membaca suku kata dan seterusnya menulis suku kata. Peringkat pertengahan, pengajaran tatabahasa dijalankan dengan diikuti latihan menulis ayat mudah dan membaca serta dapat menyatakan semula apa yang dibaca bagi menguji kefahaman mereka terhadap apa yang dibaca. Penutur asing juga digalakkan merujuk makna bagi kosa kata yang tidak difahami di dalam kamus. Kesenambungan kelas pada tahap 2 dan tahap 3 membolehkan pelajar asing boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu menggunakan ayat

yang mudah. Pada kebiasaannya mereka dapat memperkenalkan diri mereka dengan sebutan yang betul.

Pembentang menggunakan beberapa teknik semasa mengajar bahasa Melayu. Antaranya ialah teknik bercerita, teknik bersoal jawab, teknik main peranan dan teknik menyanyi. Teknik-teknik ini digunakan bagi menarik minat penutur asing supaya mereka dapat memberi tumpuan semasa berada di dalam kelas bahasa Melayu. Tidak ketinggalan penerapan latihan lisan sentiasa diberi keutamaan kerana melalui latihan ini para penutur asing terpaksa bercakap mengenai tajuk yang diberikan dalam bahasa Melayu. Pembentang mengemukakan beberapa tajuk untuk dibicarakan oleh penutur asing seperti:

- i. Perkara yang ada hubungan dengan diri penutur sendiri iaitu bercakap mengenai diri sendiri, keluarga, sahabat, makanan dan minuman kegemaran.
- ii. Perkara yang berkaitan dengan kursus yang mereka ambil, UMK, tempat tinggal dan sebagainya
- iii. Perkara berdasarkan e-mel yang dihantar kepada pelajar oleh fakulti, maklumat yang ditampal di kaunter fakulti, atau gambar yang disediakan oleh pelajar sendiri atau pengajar dan sebagainya.
- iv. Perbualan telefon, di kaunter pejabat, di kaunter fakulti, di café, di restoran, di Klinik Kesihatan UMK, di pasar, di bank, di pejabat pos, di lapangan terbang, di stesen bas atau teksi dan sebagainya.

Kemahiran lisan amat diberi penekanan kerana kemahiran ini melibatkan penguasaan mendengar dan bertutur. Kemahiran menulis juga diberikan setelah mereka diberi pendedahan tentang kosa kata dan dapat bertutur dengan menggunakan ayat yang mudah dengan baik. Latihan menulis diberikan kepada penutur asing untuk memberi ruang kepada pelajar asing menulis apa yang mereka tuturkan secara lisan berdasarkan tajuk atau perkara yang dinyatakan di atas seperti mereka menulis beberapa ayat mudah mengenai diri mereka sendiri atau menulis mengenai keluarga mereka. Selepas sesuatu latihan menulis disemak, pembentang akan berbincang masalah atau kesalahan ejaan, kosa kata atau tatabahasa dengan pelajar asing. Mereka dikehendaki menulis semula dan latihan itu perlu dihantar buat kali kedua untuk disemak supaya kesalahan yang telah dilakukan tidak berulang lagi.

Aktiviti luar kelas sentiasa menjadi aktiviti penting dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing di UMK. Menurut Juriah (2000), penguasaan unsur tatabahasa dan sistem bahasa sahaja tidak dapat menjamin pelajar menggunakan bahasa yang tepat dan

berkesan dalam pelbagai konteks penggunaan bahasa di dalam dan di luar bilik darjah. Kedudukan UMK di lokasi yang berhampiran dengan kedai peralatan elektirk, kedai pakaian, kedai jahit, restoran, pasar tani, pasar, lapangan terbang, bank, pejabat pos, dan lain-lain lagi telah menjadikan pengajaran Bahasa Melayu lebih seronok dan berkesan kerana pelajar dapat didedahkan dengan keadaan atau situasi sebenar.

Pembentang bersama-sama pelajar ke kedai berkenaan berdasarkan tajuk pada minggu tersebut. Misalnya, tajuk perbualan di pasar tani. Pada kebiasaannya pembentang akan memberitahu kepada pelajar supaya membeli sayur-sayuran atau kuih. Pembentang tidak akan mencelah atau berbual dengan penjual tersebut. Perbualan antara penjual dan pelajar itu akan dinilai oleh pembentang untuk menentukan penguasaan bahasa Melayu pelajar berkenaan. Perbualan tersebut kadang-kadang menimbulkan kelucuan dan perbualan disusuli dengan gelak dan tawa kerana penjual biasanya menggunakan dialek Kelantan.

Pembentang akan berbincang dengan pelajar mengenai perbualan yang telah mereka lalui di pasar tani. Pembentang akan memberitahu semula pelajar apa yang mereka perlu tanya untuk menjadikan sesi soal jawab bersama penjual lebih senang dan mudah.

Aktiviti luar kelas ini juga dapat mendedahkan pelajar asing dengan masyarakat Kelantan yang majoritinya terdiri daripada orang Melayu dan juga budaya Melayu. Segala jenis makanan yang terdapat di Kelantan seperti nasi kerabu, nasi dagang, nasi berlauk dan nasi himpit disediakan oleh pembentang untuk dinikmati bersama-sama dengan pelajar asing. Di samping dapat merasai kuih-muih dan makanan yang terdapat di Kelantan, pelajar asing juga dapat mempelajari nama makanan tempatan seperti ‘akok’, ‘puteri mandi’, ‘lompat tikam’, ‘karipap’, ‘bubur pulut hitam’, ‘bubur jagung’, ‘martabak’, ‘ketupat pulut’, ‘pisang goreng’, ‘ubi goreng’, ‘popia’, ‘keropok lekor’, ‘dodol’ dan sebagainya. Pendedahan kepada situasi sebenar kepada pelajar asing bukan sahaja dapat menjadikan pelajar asing benar-benar merasai kehidupan dan budaya masyarakat Melayu selama mereka berada di Malaysia, malah pendedahan seperti ini dapat merangsang tahap afektif mereka seperti minat dan motivasi seterusnya meningkatkan tahap pemerolehan bahasa Melayu mereka.

Program “Keluarga Angkat” juga diadakan bagi memberi peluang kepada pelajar asing merasai sendiri berada di rumah keluarga Melayu. Pelajar diberi peluang berada di rumah keluarga angkat pada hari minggu atau hari raya. Mereka diberi peluang untuk menikmati masakan dan belajar budaya Melayu ketika berada bersama-sama keluarga angkat. Program ini bukan sahaja berjaya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar asing malah mendedahkan mereka kepada dialek Kelantan. Justeru, tidaklah pelik jika

mendengar pelajar menggunakan dialek Kelantan ketika mereka bertutur. Mereka mengatakan ‘*make*’ bagi ‘makan’, ‘*ike*’ bagi ‘ikan’, ‘*kenye*’ bagi ‘kenyang’ dan banyak lagi.

Program “Malam Antarabangsa” yang diadakan pada setiap tahun oleh Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah juga merupakan platform kepada pelajar asing untuk membuat persembahan dalam bahasa Melayu. Latihan yang diadakan setiap hari bukan sahaja dapat meningkatkan keupayaan menguasai bahasa Melayu, malah dapat meningkatkan keyakinan diri untuk berkomunikasi dengan berani serta dapat mengeratkan hubungan sesama pelajar asing dan juga pengajar bahasa Melayu.

## **PENUTUP**

Demikianlah serba ringkas latar pelaksanaan Kelas Bahasa Melayu yang ditawarkan kepada bangsa asing atau pelajar antarabangsa yang telah dan sedang dilaksanakan di UMK pada ketika ini. Hakikatnya, sudah beberapa orang pelajar asing yang telah dapat menguasai bahasa melayu dan telah memenuhi syarat wajib lulus serta tamat pengajian mereka di UMK. Mereka memerlukan dorongan, motivasi dan juga perubahan sikap untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik dan lancar. Sekiranya penutur asing tidak mempunyai motivasi untuk mempelajari bahasa Melayu, maka sudah pastinya mereka tidak akan dapat bertutur dalam bahasa Melayu sehinggalah kursus berakhir.

## BIBLIOGRAFI

- Awang Sariyan. (2006). Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Matlamat dan pertimbangan strategi. *Jurnal Persatuan Linguistik*, 7, 1–15.
- Juriah Long. (2000). Menstrategi pengajaran bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dalam abad ke-21 bagi menentukan dasar pendidikan negara. Dlm. *Proceeding on Strategising and learning in the 21st Century*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kalthum Ibrahim, 2003. Pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing: Pengalaman Universiti Kebangsaan Malaysia. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Ed.). *Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimunah Haji Omar, & Norizah Ardi. (2003). Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing: Pengalaman Perancis dan Finland. Dlm. Atiah Hj. Mohd Salleh & Ramlah Muhamad (Ed.). *Pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. (2017). Putrajaya. Diakses daripada <http://www.mohe.gov.my/muat-turun/awam/penerbitan/pppm-2015-2025-pt/3-pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2015-2025-pendidikan-tinggi>.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 52–62.
- Tyacke, M., & Mendelshon, D. (1986). Students' needs: Cognitive as well as communicative. *TESL Canada Journal*, 1, 171–183.

## LAMPIRAN



Gambar 1: Pembentang bersama dua pelajar dari Iraq yang merupakan pelajar pertama kelas Bahasa Melayu Sesi September 2012/2013 di UMK



Gambar 2 : Pembentang bersama pelajar Fakulti Perubatan Veternar dari Afrika Selatan



Gambar 3 : Pembentang bersama pelajar asing dari Uzbekistan, Pakistan dan Jerman



Gambar 4: Pelajar antarabangsa membuat persembahan pada "Malam Antarabangsa 2016"



Gambar 6: Pelajar antarabangsa membuat persembahan "Malam Antarabangsa 2014"



Rajah 6 : Pelajar antarabangsa melakukan aktiviti "Hari Antarabangsa 2017"



Gambar 7: Pembentang bersama pensyarah asing pada “Hari Antarabangsa 2017”



Gambar 8: Pelajar antarabangsa bersedia untuk membuat persembahan pada “Hari Antarabangsa 2017”



Gambar 9: Pembelajaran di luar kelas



Gambar 10: Pembelajaran di luar kelas

**Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kepada Pelajar Antarabangsa  
Di Universiti Malaysia Pahang berdasarkan Model Kolb**

***Malay Language Teaching and Learning to International Students  
in Universiti Malaysia Pahang based on Model Kolb***

*Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad, Razali JR,  
Mardhiyyah Zamani dan Fathiah Izzati Mohd Fadzillah,*

Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan,  
Universiti Malaysia Pahang

[juwairiah@ump.edu.my](mailto:juwairiah@ump.edu.my), [jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my), [jamalrizal@ump.edu.my](mailto:jamalrizal@ump.edu.my),  
[mardhiyyah@ump.edu.my](mailto:mardhiyyah@ump.edu.my), [fathiahizzati@ump.edu.my](mailto:fathiahizzati@ump.edu.my),

**ABSTRAK**

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara Malaysia dan kini boleh dikatakan sebagai bahasa antarabangsa kerana sudah tersebar luas di serata dunia. Kemasukan pelajar dari pelbagai negara juga semakin bertambah, seterusnya menjadikan kursus bahasa Melayu pada penutur asing sebagai kursus yang perlu diberi penekanan. Kursus bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa merupakan kursus wajib di semua universiti awam dan swasta. Kursus ini bertujuan membolehkan para pelajar luar negara berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan bimbingan guru bahasa. Di Universiti Malaysia Pahang, pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu yang sesuai dan holistik telah digunakan bagi mencapai matlamat kursus. Objektif kertas kerja ini adalah menganalisis dan membincangkan inovasi PdP bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa dengan mengaplikasikan Model Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Kolb (1984). Inovasi juga dilakukan dari aspek pelaksanaan agar selaras dengan kecanggihan teknologi masa kini. Menurut model ini, proses pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) akan membantu dan mempercepat peningkatan kemahiran kognitif individu yang melibatkan pemerolehan konsep-konsep abstrak melalui penglibatan dalam pelbagai situasi. Model Kolb ini mengutarakan empat langkah utama dalam PdP iaitu pemerhatian reflektif (*reflective observation*), konseptual abstrak (*abstract conceptualization*), eksperimen aktif (*active experiment*) dan pengalaman konkrit (*concrete experience*). Ini merangkumi PdP di dalam kelas, di luar kelas dan mengadakan program berpandukan modul *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate*. Terdapat dua kursus yang perlu diambil oleh para pelajar antarabangsa, iaitu *Malay For Beginners* (Peringkat Pertama) dan *Malay For Intermediate* (Peringkat Kedua). Nilai kursus ini ialah 1 jam kredit dan menjadi syarat untuk bergraduasi. Terdapat 4 penilaian, iaitu ujian mendengar (*listening test*) 30%, ujian membaca (*reading test*) 20%, ujian menulis (*writing test*) 10% dan ujian bertutur (*speaking test*) 40%. Hasil pengajaran dan pembelajaran menunjukkan sebahagian besar pelajar yang mengikuti kursus *Malay for Beginners* dan *Malay For Intermediate* mencapai tahap penguasaan bahasa Melayu yang ditetapkan.

Kata kunci: pengajaran dan pembelajaran, bahasa Melayu, pelajar antarabangsa, Universiti Malaysia Pahang, Model Kolb

*Malay is the official language of Malaysia and is now widely known as an international language since it has been widespread throughout the world. Admission of students from various countries is also increasing, making the Malay language courses on foreign speakers as a course to be emphasized. Malay language courses for international students are compulsory courses at all government and private universities. This course aims to enable overseas students to communicate in Malay with the guidance of language teachers. In Universiti Malaysia Pahang, suitable and holistic Malay language teaching and learning (PdP) has been used to achieve course objective. The purpose of this paper is to analyze and discuss the innovation of Malay Language PdP to international students by applying the Kolb Experience Learning Model (1984). Innovation is also being carried out from the aspect of implementation to align with today's sophisticated technology. According to this model, the experiential learning process will help and accelerate the improvement of individual cognitive skills involving the acquisition of abstract concepts through involvement in various situations. This Kolb model presents four main steps in PdP, as reflective observation, abstract conceptualization, active experiment and concrete experience. These include PdP in the classroom, out of class and made a program based on the Malay For Beginners and Malay For Intermediate modules. There are two courses that international students need to take, namely Malay For Beginners (Malay First) and Malay For Intermediate (Second Level). The course value is 1 credit hour and is a requirement for graduation. There are 4 evaluations, namely 30% listening test, 20% reading test, 10% writing test and 40% speaking test. The results of teaching and learning show that most of the students who attended the Malay for Beginners and Malay For Intermediate courses reached the level of mastery of the prescribed in Malay language.*

*Key Word: teaching and learning, Malay language, international students, Universiti Malaysia Pahang, Model Kolb*

## **PENDAHULUAN**

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) adalah cara dan teknik pendidik dalam memastikan para pelajar memahami input yang disampaikan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan sebenar. Pelbagai kaedah telah diusahakan oleh pendidik menggunakan modul, buku, alat bantu mengajar dan alatan media masa kini. Dalam hubungan ini, kursus bahasa Melayu pada pelajar antarabangsa merupakan satu kursus yang sangat mencabar dan menarik dalam usaha membantu para pelajar antarabangsa dari pelbagai negara dan pelbagai bahasa ibunda untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih atau sekurang-kurangnya mampu bercakap dalam komunikasi asas dengan masyarakat Malaysia. Dalam hal ini, strategi PdP bagi kursus bahasa Melayu pada para pelajar antarabangsa perlu menitikberatkan topik yang relevan, mudah dan dekat dengan kehidupan para pelajar itu sendiri. Topik modul tersebut adalah yang berkaitan dengan pengalaman atau apa yang

dilalui oleh pelajar sepanjang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Pahang, Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Model Kolb (1984).

Dalam hubungan ini, dapat dilihat dalam strategi pembelajaran bahasa yang muncul daripada kesedaran untuk mengenal pasti ciri-ciri pelajar bahasa yang berjaya telah diperkenalkan oleh Rubin dan Stern pada pertengahan tahun 70-an iaitu 1975. Kajian mereka telah dilihat meneroka bagaimana pelajar yang berjaya mempelajari bahasa dan perbezaan jenis strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran bahasa terbabit. Selain itu berdasarkan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki strategi pembelajaran bahasa lebih berjaya daripada pelajar yang tidak menggunakan strategi pembelajaran. Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Bialystok, 1985 telah memberi takrifan strategi pembelajaran bahasa sebagai cara atau langkah yang diambil bagi mengguna dan mengeksploitasikan maklumat yang ada untuk mempertingkatkan kecekapan dalam bahasa kedua. Perkara ini turut disokong dengan kenyataan oleh Oxford (1990) yang mengatakan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa ialah satu tindakan khusus yang diambil oleh tenaga pengajar untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih mudah, cepat, menyeronokkan, lebih ke arah sendiri serta lebih cekap. Secara amnya di Malaysia juga terdapat beberapa kajian berkaitan strategi pengajaran telah dilakukan antaranya oleh Rohaila Yusof Norasmah Othman dan Faridah Karim, 2005, Zamri Mahamod Nik Mohd et all, 2014, Nur Khadijah Abu Bakar dan Zamri Arifin, 2014, Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar, 2016 dan Roshidah Hassan, 2017. Justeru itu, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu perlu diperhalusi dari masa ke masa agar PdP dalam dan luar kelas mencapai objektif yang ingin dicapai.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kajian ini dijalankan kerana majoriti para pelajar antarabangsa sukar untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik meskipun asas komunikasi mudah. Permasalahan yang dikenal pasti bagi kursus ini adalah para pelajar antarabangsa merasakan cara pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menterjemah kosa kata, ayat dan membuat latihan di dalam modul sahaja bersifat pasif dan tidak interaktif apatah lagi bahasa Melayu merupakan bahasa baharu yang dipelajari. Kebanyakan para pelajar antarabangsa diperhatikan lebih berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka seperti bahasa Arab, Urdu, Somali, Mandarin, Tamil dan sebagainya. Seterusnya, menuturkan bahasa

Inggeris sebagai bahasa kedua untuk berinteraksi dengan orang lain terutama dalam proses PdP di fakulti masing-masing. Apabila mereka mempelajari bahasa Melayu, mereka agak perlahan untuk menguasainya kerana kurang mempraktikkan bahasa ketiga ini. Malah, sebahagian besar hanya mempelajari bahasa kebangsaan ini untuk mendapat markah yang baik sahaja. Maka, guru-guru bahasa telah memikirkan pelbagai inisiatif dan strategi yang proaktif dalam menyuntik motivasi, minat dan cinta pada bahasa dan budaya Melayu agar memudahkan proses PdP sekali gus menambah kemahiran insaniah pelajar antarabangsa itu sendiri untuk bekerja kelak. Jelasnya, cara yang digunakan oleh guru-guru bahasa di Univeristi Malaysia Pahang adalah modul yang mengandungi topik yang sangat rapat dengan kehidupan mereka sebagai pelajar antarabangsa dan pelajar bahasa ketiga.

Dalam konteks pernyataan masalah ini, kajian ingin membincangkan startegi PdP bahasa Melayu pada pelajar antarabangsa di UMP di mana pengajar menganjurkan aktiviti kebahasaan seperti pidato, lakonan, deklamasi puisi, pantun, nyanyian lagu puisi dan lagu biasa. Walaupun mereka hanya memahami sebahagian persembahan ini, namun aktiviti ini diyakini berkesan dalam pembelajaran bahasa ketiga kepada penutur asing. Dalam konteks permasalahan kajian ini, dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Zamri Mahamod Nik Mohd et all (2014) bertajuk Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred (Malay Language Learning Strategies among Foreign Students Based on Language Skills and Grade) dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang digunakan oleh pelajar warganegara asing berdasarkan kemahiran bahasa dan gred Bahasa Melayu dalam peperiksaan akhir kursus bahasa Melayu. Responden kajian terdiri daripada 500 orang pelajar warganegara asing yang sedang menuntut di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Instrumen soal selidik telah digunakan dalam pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran bahasa berdasarkan kemahiran bahasa dan gred banyak mempengaruhi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing. Pelajar warganegara asing yang memperoleh gred Bahasa Melayu yang cemerlang banyak menggunakan strategi pembelajaran bahasa, terutamanya dalam kemahiran bertutur dan membaca Bahasa Melayu. Implikasi kajian ialah kemahiran bahasa yang baik banyak mempengaruhi pencapaian bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing.

## OBJEKTIF

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan inovasi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan kepada para pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di kampus Gambang dan Pekan. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. menganalisis inovasi pengajaran dan pembelajaran bagi kursus bahasa melayu kepada pelajar antarabangsa, iaitu *Malay For Beginners* (peringkat pertama) dan *Malay For Intermediate* (peringkat kedua) berpandukan Model Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Kolb (1984), dan
- ii. membincangkan inovasi pengajaran dan pembelajaran bagi kursus bahasa melayu kepada pelajar antarabangsa berpandukan Model Kolb, iaitu PdP di dalam kelas, PdP di luar kelas dan program khusus yang dijalankan.

## PdP BERDASARKAN MODEL KOLB

*NOVELTY- Applicant Number: LY2018002504*

*Title Of Work: Literary (Carta Alir Seronoknya Cakap Bahasa Melayu (CAS-BM 2018) pada Pelajar Antarabangsa di UMP Melalui Model Kolb)*



Rajah 1: Pengajaran dan Pembelajaran berdasarkan Model Kolb

# RANCANGAN PENGAJARAN

## Malay for Beginners (Peringkat Pertama)



### Teaching Plan

Subject Planning for Semester 18191/IJA (SEMESTER 1 SESSION 2018/2019 )

**Subject** MALAY FOR BEGINNERS  
**Subject Code** UHF1161  
**Credit Hours** 1  
**Faculty** PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN  
**Passing Mark** 40

#### Prerequisite

**Equivalency** 21410080  
UHF1\*\*1

**Synopsis** The main aims of this subject is to introduce international students of the Malay language. Students will learn Malay alphabets and basic sentence structures. To expose students speak simple Malay in selected situation and also read and write in Malay classrooms activities includes listening, speaking, reading and writing. Practice on certain basic grammar are also introduce. The students are evaluated in all four language skills that are listening, speaking, reading and writing.

**Objective**

- 1 Distinguish the pronunciation of Malay syllables and sentences
- 2 Identify the usage of Malay vocabulary, phrases and sentences
- 3 Express Malay sentences according to the given topics
- 4 Construct basic sentences with words given

#### Contact Hour

Lecture	0
Tutorial	0
Lab	2

**References**

- 1 Siti Muslihah Isnain Malay For Beginners Universiti Malaysia Pahang
- 2 Mohd Syamril Akhmar Chek Kassim Bahasa Melayu International English Course Universiti Malaysia Pe
- 3 Juwairiah Osman Modul "Malay For Beginners" Universiti Malaysia Pahang 078-067-2226-06-2
- 4 Jamilah Bebe Mohamad Modul "Malay For Beginners" Universiti Malaysia Pahang 078-067-2226-06-2

<b>Assessment Plan</b>	LISTENING 1	20 %
	SPEAKING 1	10 %
	LISTENING 2	20 %
	READING 1	10 %
	SPEAKING 2	20 %
	WRITING	10 %
	READING 2	10 %

## Malay For Intermediate (Peringkat Kedua)



### Teaching Plan

---

Subject Planning for Semester 18191/IJA (SEMESTER 1 SESSION 2018/2019 )

**Subject** MALAY FOR INTERMEDIATE  
**Subject Code** UHF2161  
**Credit Hours** 1  
**Faculty** PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN  
**Passing Mark** 40

---

**Prerequisite** UHF1181  
UHF1\*\*1

**Equivalency** 21410080  
UHF2\*\*1  
UHF21\*\*1

---

**Synopsis** Malay for Intermediate is continuation course and intended for students who have successfully completed Malay For Beginners (UHF1181). This course is designed to reinforce and expand their command over grammatical structures, sharpen reading, writing, speaking, and listening skills, and gain better understanding of Malay cultures and local wisdom.

**Objective**

- 1 Identify the pronunciation of Malay phrases, sentences and dialogues
- 2 Practice Malay sentences and dialogues according the slybus
- 3 Recognise the information from the selected topics
- 4 Construct appropriate sentences for selected topics

---

**Contact Hour**

Lecture	0
Tutorial	0
Lab	2

---

**References**

- 1 Nor Hashimah Jalaluddin, Mardian Shah Omar, Noor Zilawati Jais Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing
- 2 Tatabahasa Dewan Dewan Bahasa & Pustaka

---

<b>Assessment Plan</b>	LISTENING 1	10 %
	READING 1	10 %
	SPEAKING 1	20 %
	LISTENING 2	20 %
	READING 2	10 %
	SPEAKING 2	20 %
	WRITING	10 %

## PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Kertas kerja ini menggunakan gabungan dua kaedah kajian iaitu, kajian kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan ialah pemerhatian ikut serta dan perbincangan deskriptif dalam PdP yang dijalankan. Kaedah kuantitatif adalah memaparkan analisa keputusan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di UMP adalah PdP di dalam dan di luar kelas, pembelajaran atas talian, program dan aktiviti yang dijalankan di dalam dan luar universiti.

### Pengajaran dan Pembelajaran Di Dalam Kelas

Pengajaran dan pembelajaran dalam kelas mengaplikasikan topik berkaitan dengan perbualan harian sebagai pelajar di kampus. Berikut merupakan modul 2018 yang digunakan dalam PdP:

**JUWAIIRIAH OSMAN**  
[juwairiah@ump.edu.my](mailto:juwairiah@ump.edu.my)

Juwairiah Binti Osman merupakan guru bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang (UMP). Dilahirkan di Puchong, Selangor. Mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Sungai Lalang, SMK Aman Jaya, Sg Petani Kedah dan SMK Puchong Batu 14, Selangor. Kemudian, melanjutkan pengajian di peringkat Baccelor dengan Kepujian (Bahasa dan Linguistik Melayu), (2007-2010) dan Master dengan Tesis (Bahasa Melayu) di Universiti Putra Malaysia (2011-2015). Beliau berpengalaman kurang lebih 8 tahun dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, termasuklah di peringkat sekolah dan universiti dalam subjek bahasa Melayu, asas bahasa Inggeris, dan kemahiran insaniah. Maka, modul ini teretus daripada idea dan hasil garapan *Juwairiah Osman dan Jamilah Bebe Mohamad* (yang juga merupakan guru senior bahasa Melayu di institusi yang sama) dalam membantu para pelajar antarabangsa untuk bertutur bahasa kebangsaan ini dengan cara yang mudah, pantas dan berkesan. Idea dan pandangan yang membina amat dialu-alukan dalam menambahkan modul ini. Moga bermanfaat pada semua bukan sahaja pada pelajar antarabangsa, malah penutur asing bahasa Melayu secara amnya. Selamat Mengenal Bahasa Melayu yang mudah, praktikal dan indah.

**JAMILAH BEBE MOHAMAD**  
[jamilahbebe@ump.edu.my](mailto:jamilahbebe@ump.edu.my)

Jamilah Bebe Mohamad dilahirkan di Sungai Petani, Kedah. Beliau menerima pendidikan awal di tempat yang sama dan melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Seterusnya beliau melanjutkan pengajiannya di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang untuk ijazah sarjana beliau dalam bidang yang sama pada tahun 2012. Sekarang beliau merupakan seorang guru bahasa di Jabatan Bahasa Asing, Universiti Malaysia Pahang. Bidang kepakaran beliau ialah linguistik Bahasa Melayu, Sosiolinguistik dan Wacana. Beliau juga banyak terlibat dengan aktiviti dan program yang melibatkan pelajar dari pelbagai negara yang ingin mempelajari dan mendalami bahasa dan budaya Melayu di Malaysia.

ISBN 978-967-2226-06-2

**PUBLISHER**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**MALAY FOR BEGINNERS**

JUWAIIRIAH OSMAN  
JAMILAH BEBE MOHAMAD

**Modul Malay For Beginners (oleh: Juwairiah Osman dan Jamilah Bebe Mohamad)**

Bab 1: Ucapan Harian  
(Kata Ganti Nama Diri, Kata Tanya, Kata Hubung)  
Aktiviti Ucapan Harian - di Dalam dan Luar kelas

Bab 2: Jom Berkenalan  
(Petikan Ringkas, Nama Fakulti, Kata Sapaan, Dialog Berkenalan, Nombor, Nombor Telefon)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti “Jom Berkenalan” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 3: Saya Selalu Membeli Makanan di Kafetaria Kolej  
(Petikan Ringkas, Perbualan di Kafetaria, Gambar Jenis Makanan, Minuman dan Alatan di Kafetaria, Kosa Kata, Kata Kerja, Kata Hubung, Kata Ganti Diri dan Kata Tunjuk)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan di Kafetaria - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 4: Saya Tinggal Di Asrama Kolej Keempat  
(Petikan Ringkas, Kemudahan Asrama, Kosa Kata, Kata Kerja, Kata Bantu, Kata Hubung, Kata Ganti Diri dan Kata Tunjuk)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan di Asrama - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 5: Ini Kelas Saya  
(Petikan Ringkas, Alatan di dalam Kelas, Dialog di dalam Kelas, Kata Tunjuk, Kata Hubung)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan di Kelas - di Dalam Kelas

Bab 6: Saya Suka Pergi Perpustakaan  
(Petikan Ringkas, Alatan di Perpustakaan, Kata Adjektif, Kata Kerja, Dialog di Perpustakaan)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan di Perpustakaan - di Dalam dan Luar kelas

Bab 7: Hobi Saya Membaca Buku  
(Jenis Hobi, Kosa Kata, Kata Kerja, Kata Bantu, Kata Hubung, Kata Ganti Diri dan Kata Tunjuk)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan “Hobi” - di Dalam dan Luar kelas

Aktiviti Minggu Akhir: Persembahan Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa

**Modul Malay For Intermediate (oleh: Jamilah Bebe Mohamad)**

Bab 1: Negara, Budaya dan Perayaan di Malaysia  
(Petikan Ringkas, Kategori Kaum dan Perayaan, Dialog, Kata Nama, Kata Kerja, Imbuhan)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan “Negara, Budaya dan Perayaan di Malaysia” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 2: Pakaian dan Aksesori  
(Petikan Ringkas, Jenis Pakaian, Dialog, Kata Adjektif, Pakaian dan Jenis Aksesori Setiap Kaum)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan “Pakaian dan Aksesori” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 3: Buah dan Warna  
(Petikan Ringkas, Jenis Buah, Jenis Warna, Dialog)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan “Buah dan Warna” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 4: Hobi, Cita-cita dan Kerjaya (Pekerjaan)  
(Petikan, Jenis Hobi, Cita-cita dan Kerjaya, Perbualan)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan “Hobi, Cita-cita dan Kerjaya” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 5: Anggota Tubuh dan Kesihatan Saya  
(Petikan, Anggota Tubuh Badan Saya, Fungsi Anggota Tubuh Badan, Jenis Penyakit, Ubat-ubatan)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti Perbualan “Anggota Tubuh dan Kesihatan Saya”- di Dalam dan Luar Kelas

Bab 6: Percutian dan Melancong  
(Petikan, Tempat Percutian Menarik di Malaysia, Peta Malaysia, Kata Adjektif dan Kata Kerja, Kenderaan, Tempat Menginap dan Alatan untuk Melancong)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti “Percutian dan Melancong” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 7: Arah, Papan Tanda dan Peta  
(Arah, Kedudukan, Membaca Papan Tanda, Membaca Peta, Mengenal Lampu Isyarat)  
(Latihan *Listening, Reading, Speaking* dan *Writing*)  
Aktiviti “Arah, Papan Tanda dan Peta” - di Dalam dan Luar Kelas

Bab 8: Musim dan Cuaca  
(Jenis Cuaca, Jenis Puasa, Alatan digunakan dalam Pelbagai Cuaca)

	<p>(Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i>) Aktiviti “Musim dan Cuaca” - di Dalam dan Luar Kelas</p> <p>Bab 9: Perbualan Harian (Di Pejabat Pos, Di Restoran, Di Kedai Runcit, Di Asrama, Di Universiti) (Latihan <i>Listening, Reading, Speaking</i> dan <i>Writing</i>) Aktiviti “Perbualan Harian” - di Dalam dan Luar Kelas</p> <p>Aktiviti Minggu Akhir: Persembahan Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa</p>
--	---

Jadual 1: Kandungan Modul *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate*

## PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN MODEL KOLB

Inovasi PdP bahasa Melayu kepada pelajar antarabangsa telah menggunakan Model Kolb dalam menyediakan medium PdP di dalam kelas dan luar kelas agar pelajar mendapat pengalaman di domain sebenar seperti jadual di bawah.

### Kursus *Malay For Beginners* (Peringkat Pertama)

BAB <i>Chapter</i>	TOPIK <i>Topic</i>	Aktiviti di Dalam Kelas	Aktiviti di Luar Kelas	Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (1984)	
BAB 1	Ucapan ( <i>Greetings</i> )	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> dengan berkomunikasi menggunakan ucapan harian dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.
BAB 2	Jom Berkenalan ( <i>Lets to Introduce Ourselves</i> )	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Jom Berkenalan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama dan kelas serta merakamkan	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.

			perbualan tersebut.		
<b>BAB 3</b>	<b>Saya Selalu Beli Makanan Di Kafetaria Kolej</b> <i>(I Always Buy Food at College Cafeteria)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Selalu Beli Makanan Di Kafetaria Kolej” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kafetaria serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.
<b>BAB 4</b>	<b>Saya Tinggal di Asrama Kolej Keempat</b> <i>(I live at Hostel in College Four)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Tinggal di Asrama Kolej Keempat” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.
<b>BAB 5</b>	<b>Ini Kelas Saya</b> <i>(This is My Class)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Ini Kelas Saya” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kelas atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.

<b>BAB 6</b>	<b>Saya Suka Pergi Ke Perpustakaan</b> <i>(Let's Go to Library)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Suka Pergi Perpustakaan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di perpustakaan atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.
<b>BAB 7</b>	<b>Hobi Saya Membaca Buku</b> <i>(My Hobby is Reading)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Hobi Saya Membaca Buku” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama atau mana-mana kawasan kampus serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak dan Eksperimen Aktif.
	<b>Aktiviti Persembahan</b>  Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh Pelajar Antarabangsa	Membuat skrip tentang topik yang dikuasai dalam bahasa Melayu dengan nasihat dan bimbingan guru. Kemudian, mempersembahkan kemahiran bertutur bahasa Melayu yang dikuasai dalam bentuk <i>Drama Muzikal Bahasa Melayu</i> secara berkumpulan.	Memerhati Berfikir Melakukan  PERASAAN (pembelajaran berasaskan pengalaman)	Pemerhatian Reflektif, Konseptual Abstrak, Eksperimen Aktif dan Pengalaman Konkrit.	

Jadual 2: Analisis Modul Malay For Beginners berdasarkan Model Kolb

**Kursus Malay For Intermediate (Peringkat Kedua)**

<b>BAB</b> <i>Chapter</i>	<b>TOPIK</b> <i>Topic</i>	<b>Aktiviti di Dalam Kelas</b>	<b>Aktiviti di Luar Kelas</b>	<b>Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (1984)</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>Budaya, Kaum dan Negara Malaysia</b>  <i>(Culture, Race and Country of Malaysia)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> dengan berkomunikasi tentang perbualan “Budaya, Kaum dan Negara Malaysia” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 2</b>	<b>Buah dan Warna</b>  <i>(Fruit dan Colour)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Buah dan Warna” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama dan kelas serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> )
<b>BAB 3</b>	<b>Hobi, Cita-cita dan Pekerjaan</b>  <i>(Hobby, Ambition and Career)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening,</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Selalu Beli Makanan Di Kafeteria	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> )

		<i>Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Kolej” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kafetaria serta merakamkan perbualan tersebut.		dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 4</b>	<b>Penyakit</b> <i>(Disease)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Tinggal di Asrama Kolej Keempat” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 5</b>	<b>Anggota Tubuh Badan dan Kesihatan Saya</b> <i>(A Part of Body and My Healthy)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Ini Kelas Saya” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di kelas atau asrama serta merakamkan	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )

			perbualan tersebut.		
<b>BAB 6</b>	<b>Cuti dan Melancong</b> <i>(Holiday and Vacation)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Suka Pergi Perpustakaan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di perpustakaan atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 7</b>	<b>Arah, Kedudukan dan Destinasi</b> <i>(Direction, Position and Destination)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading</i> dan <i>Writing</i> .	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Hobi Saya Membaca Buku” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di asrama atau mana-mana kawasan kampus serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )

<b>BAB 8</b>	<b>Musim dan Cuaca</b>  <i>(Season and Weather)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Suka Pergi Perpustakaan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di perpustakaan atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
<b>BAB 9</b>	<b>Perbualan Harian</b> <i>(Routine Communication)</i>	Membaca, menterjemah, memahami dan membuat latihan <i>Listening, Reading dan Writing.</i>	Latihan <i>Speaking</i> menggunakan topik “Saya Suka Pergi Perpustakaan” dengan rakan-rakan dan pelajar Malaysia ketika di perpustakaan atau asrama serta merakamkan perbualan tersebut.	Memerhati Berfikir Melakukan	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract conceptualization</i> ) dan eksperimen aktif ( <i>active experiment</i> ) dan pengalaman konkrit ( <i>concrete experience</i> )
	<b>Aktiviti Persembahan</b>  Drama Muzikal Bahasa Melayu oleh			Memerhati Berfikir Melakukan  PERASAAN (pembelajaran berasaskan pengalaman)	Pemerhatian reflektif ( <i>reflective observation</i> ), konseptual abstrak ( <i>abstract</i>

	<p>Pelajar Antarabangsa</p> <p>Para pelajar bergabung menjalankan 1 produksi drama muzikal Melayu. Skrip dibuat oleh pelajar dengan bantuan dan bimbingan guru.</p> <p>Drama bertajuk: <i>Persahabatan, Anak Perantauan, Saya Pelajar Cemerlang, Saya suka Melancong,</i></p> <p>Lagu: <i>1 Malaysia Warisan Warigh Sahabat Memori Tercipta Sampaikan Salam</i></p>				<p><i>conceptualization</i>) dan eksperimen aktif (<i>active experiment</i>) dan pengalaman konkrit (<i>concrete experience</i>)</p>
--	---	--	--	--	--

Jadual 3: Analisis Modul *Malay For Intermediate* berdasarkan Model Kolb

### **Pengajaran dan Pembelajaran Di Luar Kelas**

Para pelajar bukan sahaja membuat latihan di dalam kelas, malah melakukan aktiviti di luar kelas, iaitu membuat pemerhatian di domain atau tempat sebenar. Guru akan meminta pelajar melakukan pemerhatian di persekitaran kawasan kampus terlebih dahulu secara umum. Namun, tugas

pelajar antarabangsa ini hanya terhad pada domain yang terdapat dalam modul *Beginners* dan *Intermediate*.

Kawasan persekitaran atau tempat yang dilawati secara umum adalah tempat yang sering mereka kunjungi sepanjang harian mereka di dalam kampus. Antaranya kafetaria, kelas, perpustakaan, kaunter pejabat, kaunter fakulti, kaunter kolej kediaman, kedai, pusat sukan, gelanggang tenis, gelanggang badminton, pejabat pos, koperasi dan klinik kesihatan pelajar. Hal ini bagi memberi pendedahan secara menyeluruh dan mudah pada pelajar antarabangsa kerana rata-rata mereka akan pergi ke tempat-tempat tersebut untuk tugas dan aktiviti pelajar. Pelajar antarabangsa juga akan terdedah secara automatik dengan perbualan bersama para pelajar, pensyarah dan tenaga pengajar tempatan yang bertutur bahasa Melayu. Berdasarkan pemerhatian, para pelajar cuba bertutur dalam bahasa Melayu dengan warga kampus tempatan, walaupun menggunakan percampuran kod dan bahasa rojak antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Hal ini amat membantu mereka mengumpul kosa kata untuk menguasai bahasa Melayu dalam komunikasi harian.

Setelah menjalani proses pemerhatian dan ikut serta secara santai tersebut, barulah guru akan memberi tugas secara spesifik, iaitu melakukan perbualan di beberapa domain sebenar yang utama (kafetaria, kelas, perpustakaan, hostel, klinik, pusat sukan, kaunter tiket) dan merakamkannya. Segala rakaman akan diberi pada guru dan sebahagiannya dikongsi dalam medium *E-Learning* (FB Pages, portal Kalam UMP dan *Whatsapp Group*). Perbualan ini akan disaksikan secara berulang kali. Para pelajar berasa lebih mudah dan gembira dengan pengajaran dan pembelajaran sedemikian kerana dapat berkongsi dengan rakan-rakan, keluarga dan kenalan tentang kehidupan mereka di Malaysia menggunakan bahasa ibunda yang baharu.

## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI ICT**

Industri pendidikan telah melalui era RI 4.0 yang berasaskan kreativiti dan inovasi dalam pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran. Apa yang penting, kefahaman terhadap hubungan maklumat, ilmu dan kebijaksanaan dalam kehidupan yang berterusan akan membantu guru dan pelajar menghadapi cabaran dalam setiap revolusi. Ia mewakili gabungan sistem siber-fizikal, *Internet of Things* (IoT) dan berteraskan jaringan internet. Walaupun individu dalam kalangan orang muda

berasakan masih terlalu awal untuk membuat spekulasi mengenai keadaan pekerjaan yang menerima pakai RI 4.0 di seluruh dunia, mereka perlu bersiap sedia mempelajarinya dalam semua subjek, juga dalam kursus bahasa Melayu, Malay for Beginners dan Malay for Intermediate ini.

Dalam hubungan ini, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada pelajar antarabangsa mempunyai matlamat dan masa depan untuk menyebarkan bahasa Melayu ke pelusuk dunia. Apabila pelajar antarabangsa diberi pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar kelas secara intensif (menggunakan modul, aplikasi E Learning, media sosial dan program yang memerlukan idea kreatif dan inovasi), maka pelajar antarabangsa akan menyampaikan dan berkongsi dengan keluarga, rakan-rakan dan masyarakat di negara asalnya. Malah, di UMP pelajar antarabangsa semakin meningkat kerana bidang kejuruteraan menjadi pilihan. Maka, hala tuju pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di UMP dilihat semakin memberangsangkan dalam menyebarkan bahasa Melayu ke persada dunia, sekali gus memudahkan para pelajar berkomunikasi dengan tenaga pengajar dan masyarakat tempatan sepanjang pengajian. Bagi tujuan murni ini, maka guru telah mengambil pelbagai inisiatif dalam memastikan PdP tidak melibatkan dalam dan luar kelas sahaja, malah melibatkan para pelajar dengan aktiviti yang lebih santai dan menyeronokkan serta berkesampaian objektif PdP, iaitu *E Learning*, aktiviti tambahan dan program dalam dan luar universiti seperti di bawah.

### ***E Learning* (Selaras dengan IR 4.0)**

#### **- Kalam**

Kalam merupakan portal pembelajaran dan pengajaran secara atas talian (*online*) dan medium berbentuk formal di Universiti Malaysia Pahang bagi memudahkan para pelajar, guru dan pensyarah mengakses nota kuliah, latihan, tugas dan aktiviti pada bila-bila masa.


- **FB PAGES**

*Pages FB Lets Speak Malay* merupakan satu medium tidak formal yang memberi ruang pada pelajar untuk melihat tugas secara berulang kali dengan pantas dan lebih santai. Medium ini juga dapat memberi ruang pada pelajar berkongsi dengan kenalan dan keluarga di serata negara.



## - Whatsapp Group

Whatsapp Group terbahagi pada dua, whatsapp group mengikut kelas dan whatsapp group kesemua pelajar antarabangsa juga merupakan satu medium tidak formal yang memberi ruang pada pelajar untuk melihat tugas secara berulang kali dengan pantas dan lebih santai. Medium ini lebih bersifat privasi di mana pelajar lebih cepat berkomunikasi dan berinteraksi dengan guru pada bila-bila masa. Medium ini juga dapat memberi ruang pada pelajar berkongsi dengan kenalan dan keluarga di mana-mana sahaja.



## **PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI PROGRAM PROGRAM**

Guru melakukan pelbagai inisiatif yang melibatkan pelajar secara berkelompok dan berkumpul bagi memberi pengalaman pada pelajar dengan lebih berkesan dalam mempelajari bahasa Melayu. Hal ini bagi memberi pengalaman yang berkesan pada pelajar seperti yang terkandung dalam Model Kolb (1984), iaitu memberi para pelajar peluang untuk merasai pengalaman dalam topik yang dipelajari. Dalam konteks PdP bahasa Melayu asing, PdP yang baik bukan sekadar teori atau aktiviti menterjemah kosa kata dan ayat sahaja, tetapi aktiviti di luar kelas, program universiti secara dalaman dan luaran.

### **i. Aktiviti Bersama Pelajar Malaysia (Lakonan *Role Play* Bersama Pelajar Malaysia)**

Guru bahasa melibatkan pelajar antarabangsa secara berkumpul dan berkelompok dalam tugas *Role Play*. Pelajar *Soft Skills* 1 di UMP setiap semester akan melakukan tugas *Role Play* (drama), maka guru akan meminta pelajar terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan aktiviti ini bagi memberi pengalaman dan menambah kontak interaksi untuk perbualan bahasa Melayu.

### **ii. Program Bersama Sekolah dalam Negeri**

Guru akan melibatkan pelajar yang berminat dan berpotensi untuk menyertai program bersama sekolah dalam negeri. Kebiasaannya, guru akan memilih pelajar yang berpotensi dan sudah menunjukkan peningkatan dalam penguasaan bahasa Melayu. Guru akan memberi sijil penghargaan bagi memberi semangat untuk pelajar antarabangsa tersebut mempelajari dan menyebarkan bahasa Melayu dalam kalangan rakan-rakan satu negara. Antara program yang disertai pada tahun 2017 dan 2018 ini adalah Program Kerjasama UMP dengan SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN, iaitu:

- a. Program Kebitaraan Bahasa Melayu kerjasama Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan dengan UMP (Oktober 2018)
- b. Program Kebitaraan bahasa Arab kerjasama Sekolah Menengah SMAAMARIF, Kuantan dengan UMP (Julai 2018) dan

- c. Program Kebitaraan Bahasa Melayu kerjasama Sekolah Kebangsaan Selancar 2, Sekolah Kebangsaan Bukit Lada dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bera, Kuantan dengan UMP (Oktober 2018)



Program Kebitaraan Bahasa Melayu. Pelajar antarabangsa menyampaikan perkongsian tentang budaya Yemen dengan menggunakan bahasa Melayu.



Program Kebitaraan Bahasa Arab. Pelajar Antarabangsa sedang menyampaikan ceramah tentang kepentingan bahasa Arab dengan menggunakan bahasa Melayu.

Program ini melibatkan pelajar antarabangsa sebagai fasilitator dengan membantu ahli jawatankuasa membuka *booth* bahasa dan budaya Melayu, memberi ceramah tentang pembelajaran bahasa Arab dengan menggunakan percampuran bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan menguruskan pelbagai hal dalam menjayakan program ini dengan bimbingan guru agar tidak mengganggu waktu kuliah pelajar.

### **iii. Program Bersama Universiti Awam yang lain**

Program *International Fiesta* yang dianjurkan oleh UMP sendiri yang melibatkan pelajar antarabangsa dari kesemua universiti awam. Program tersebut telah memberi ruang pelajar melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti dan pertandingan yang dijalankan. Antara pertandingan yang disertai adalah pertandingan nyanyian, pertandingan poster dan pertandingan *fashion show* kebudayaan Melayu.

### **iv. Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu**

Pertandingan ini bertemakan “Pengantarabangsaan Bahasa Melayu” yang melibatkan 4 kategori. Pertandingan dibahagikan kepada 2 kategori iaitu nusantara dan antarabangsa.

a) Kategori Alam Melayu

Dipertandingkan Kepada Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura Dan Thailand (Dua (2) Orang Peserta dari Setiap Negara),

b) Kategori Antarabangsa

Disertai oleh Lain-lain Negara dari Seluruh Dunia. (Satu (1) Orang Peserta Sahaja dari Setiap Negara),

c) Kategori Pelajar Antarabangsa Di Malaysia

Disertai Oleh Pelajar Antarabangsa yang Bukan Berasal dari Negara Kategori Alam Melayu yang sedang Menyambung Pangajian di universiti Malaysia.

Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri @ PABM adalah satu acara tahunan pidato Bahasa Melayu yang terulung yang bermatlamat untuk memartabatkan citra dan kedaulatan bahasa Melayu di persada dunia. Maka, guru akan melatih 3 orang pelajar dan 10 orang pelajar prospek atau berpotensi sebagai pelapis pada tahun-tahun akan datang. Aktiviti ini dilaksanakan sebagai nilai tambah dan berprestij tinggi bagi memberi satu bonus pada pelajar terbabit dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Pada tahun ini PABM akan diadakan di Disember 2018 (tertakluk pada pindaan daripada KPT).



WHAT DID YOU ESPECIALLY LIKE ABOUT THE LECTURERS TEACHING TECHNIQUES
Clear explanation
Concern about the students, gives good and straight forward explanation and examples.
Good
Lecturer teach using two way communication. Always give a detailed explanation with examples using current situation.
Nice and best
No
No comment
None
Nothing
Really improve my softskill
She always encouraged her student to be disipnced
She shares many related experience
She teach us so well.
She use all the technic while teaching
TEACHING
TWO WAY COMMUNICATION
The teaching style
There's nothing i could say.
Use simple word to explain
always give advice
creative

### ANUGERAH INOVASI DAN PENDIDIKAN

Creative and Innovative, Teaching and Learning of Language (CiNTeLL) (2018), UMP	“Seronoknya Cakap Bahasa Melayu”	Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad	GOLD MEDAL
National Education, Innovation & Entrepreneurship Conference (NeRiEc) (2018), POLISAS	“Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu kepada Pelajar Antarabangsa”	Juwairiah Osman, Jamilah Bebe Mohamad, Abd Halim Mohamed Aris, Mardhiyyah Zamani, Fathiah Izzati Mohd Fadzillah	SILVER MEDAL

Jadual 4: Anugerah Inovasi dan Pendidikan

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang termasuk aktiviti di dalam kelas dan di luar kelas, *E-Learning* serta program memberi kesan yang baik dan berkesan sekali gus mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu pada penutur asing. Modul *Malay For Beginners* dan *Malay For Intermediate* juga boleh dirumuskan sebagai modul yang menepati bagi mencapai objektif PdP yang telah ditetapkan. Sebahagian besar pelajar yang mengikuti kursus *Malay for Beginners* dan *Malay For Intermediate* telah mencapai tahap penguasaan bahasa Melayu yang memuaskan telah ditetapkan. Namun, kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar antarabangsa ini perlu diteruskan dan dimantapkan dari masa ke masa.

## BIBLIOGRAFI

- Bialystok, E. (1985). *The compatibility of teaching and learning strategies*. *Applied Linguistics* 6: 255-262.
- Jamilah Bebe Mohamad. 2018. Modul UHF2161: *Malay for Intermediate*.
- Juwairiah Osman dan Jamilah Bebe Mohamad. 2018. Modul UHF1161: *Malay For Beginners*. Penerbit: Universiti Malaysia Pahang.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development* (Vol. 1). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Nur Khadijah Abu Bakar dan Zamri Arifin. (2014). *Penggunaan Strategi Belajar Bahasa Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua: Satu Sorotan*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014 : Fakulti Pengajian Islam, UKM & Fakulti Kontemporari Islam, UniSZA .
- Oxford, R.L., 1990: *Language Learning Strategies: What Every Teacher Should Know*. Boston: Heinle & Heinle.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar (2016). *Hubungan Antara Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dengan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Di Jerman*. PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 7.
- Roshidah Hassan. (2017). *Gaya dan Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Perancis*. GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17(1), February 2017 <http://doi.org/10.17576/gema-2017-1701-08>

Rohaila Yusof Norasmah Othman dan Faridah Karim. (2005). *Strategi Pembelajaran Pengalaman Berasaskan Model Kolb dalam Pendidikan Perakaunan*. Jurnal Pendidikan 30 (2005) 113 – 128.

Zamri Mahamod Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, Jamaludin Badusah & Sharala A/P Subramaniam. (2014). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Warganegara Asing Berdasarkan Kemahiran Bahasa dan Gred (Malay Language Learning Strategies among Foreign Students Based on Language Skills and Grade)*. Jurnal Personalia Pelajar 17 (2014): 75 – 81: Universiti Kebangsaan Malaysia.

# **Proses dan Cara Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing**

## **Kajian kes di Universiti Rajabhat Songkhla Thailand**

Solahuddin Samaun dan Hasnida Samaun

[din2520@gmail.com](mailto:din2520@gmail.com) , [hasnida2008@gmail.com](mailto:hasnida2008@gmail.com)

Universiti Rajabhat Songkhla

Thailand

### **Abstrak**

Kajian ini bertejuan untuk melihat proses dan cara pembelajar bahasa Melayu untuk penutur asing di Universiti Rajabhat Songkhla. Dengan melibatkan pelajar yang daftar subjek bahasa Melayu, melalui turun ke lapangan dan belajar secara berpengalaman berdasar diri sendiri seperti berrmesyuarat sebelum ke lapangan, berkhusus untuk menghasilkan soalan selidik, menggunakan kaedah temu bual di lapangan dengan penduduk tempatan dan konklusi aktiviti dengan SWOT. Penghasilan dari kajian ini, pengkaji mengaplikasikan data dari turun ke lapangan ke dalam kelas pembelajaran bahasa Melayu yang dinamakan sebagai 'Model ATOI'. Atoi dari perkataan A ialah Active Participate (Pnyertaan secara aktif) T ialah Thinking (Bertfikir) O ialah Oreintation (Menyesuaikan diri) dan I ialah Intelligences (Kecerdasan). Model ini akan mengpautkan pengetahuan asas bahasa pertama untuk pelajar merasakan bahasa Melayu itu mudah dipelajari dengan menggunakan beberapa aktiviti pembelajaran seperti bernyanyi, bermain gam bersenam dan lain-lain. Model ini akan mendorong keinginan dan munculkan perasaan berminat serta perasaan mudah dalam mempelajari bahasa Melayu bagi penutur asing.

**Kata kunci** : Proses, Cara Pembelajaran bahasa Melayu, Penutur asing

# The Process and Method of Learning Malay Language for Foreign Speakers

## Case Study at Songkhla Rajabhat University of Thailand

### Abstract

The aim of this study was to find out the process and method how to learn Malay language for foreign speakers at Songkhla Rajabhat University. The subjects of this study were the students who register of Malay Language subject. The approach of this study were practice and searching of experience like to make discussion before practice, looking for problems, using conversation with native speakers and concluding activities with SWOT. The results showed that there was applied data from the experience to the class of Malay language subject by 'ATOI' model. The word 'ATOI' was short from A (Active Participation), T (Thinking), O (Orientation) and I (Intelligences). This model would make the students feel easy to learn Malay language by using some activities such as singing, playing games and others. This model also would make desires, interest, and easy for learning Malay for foreign speakers.

**Keyword** : Process, Method of Learning Malay Language , Foreign Speakers

### Pendahuluan

Pembelajaran Bahasa Melayu (BM) di selatan Thai adalah perkara yang menarik. Jika dibanding dengan negara lain. Oleh sebab di Thailand mempunyai kurikulum berbahasa Thai yang sangat rumit dan mempunyai polisi asimilasi ( Che Mohd Aziz Yaacob, 2012) tentang kebangsaan yang kuat. Dan menyebabkan orang Thai susah menguasai bahasa asing. Dengan hal ini jika disebut tentang bahasa asing bagi pelajar diperingkat pengajian tinggi mereka akan timbul perasaan menakut terhadap subjek itu seperti Bahasa Inggeris dan bahasa lain-lain. Namun hal ini akan menambah kesusahan terhadap pembelajari bahasa asing. Maka ada juga beberapa orang pelajar yang ada berkemahiran dalam bertutur BM tempatan seperti pelajar yang datang dari wilayah Pattani (Worawit Baru dan Ahmad Idris, 1990:56), Narathiwat, Yala, Satun dan sebahagian dari wilayah Songkhla terdiri daripada daerah Chana (Cenak), daerah Thepa (Tiba) daerah Nathawi, dan daerah Sabayoi. Dalam mata pelajaran pengajian tinggi mereka diwajibkan memilih subjek bahasa asing sebagai bahasa elektif seperti bahasa Jepun, bahasa Cina bahasa Korea dan BM. Kedudukan BM di Universiti Rajabhat Songkhla itu sebagai subjek elektif sahaja. Untuk di Universiti lain-lain seperti Universiti Thaksin,Universiti Princes of Songkla kampus Pattani, Universiti Fathoni,Universiti

Narathiwas Rachnakin dan Universiti Rajabhat Yala dibuka sebagai jurusan bahasa Melayu.

Maka BM di selatan Thai khususnya di wilayah Songkhla bermain peranan penting pada tiap-tiap bidang seperti bidang pelancongan, ekonomi dan pendidikan. Bermula dari pendidikan di peringkat awal, pendidikan di peringkat menengah dan pendidikan di peringkat tinggi. Semua institusi tersebut mempunyai mata pelajaran BM. Namun hal ini masih ada sambutan yang hangat terhadap BM di negara Thai tetapi cara pengajaran dan pembelajaran BM itu masih lemah (Solahuddin Samaun, 2007) dan ketinggalan. Oleh kerana tenaga pengajar tersebut tidak kelulusan bidang BM. Guru sebagai pengajar BM hanya boleh membaca dan menulis sahaja. Kebanyakan kelulusan dari sistem pondok atau sekolah swasta agama rakyat tempatan sahaja. Justerunya, jika melihat permasalahan penguasaan BM di kawasan tersebut masih lemah terutama di kawasan Songkhla dan Satun. Oleh kerana penduduk di kawasan tersebut mengguna bahasa Thai (BT) sebagai bahasa komunikasi harian dan ada setengah kosa kata yang bercampur BM dengan bahasa Dialek Thai. Dengan keadaan kritikal ini pengkaji ingin mencari cara pembelajaran BM melalui proses pembelajaran BM dilapangan yang meminjam kosa kata BM ke dalam BT untuk mengguna hasil ini mengaplikasi untuk menyelesaikan masalah penguasaan BM di kalangan pelajar tersebut. Namun satu cara yang terbaik dalam menyediakan pintu untuk menerima kemasukan Komuniti Asian adalah bagaimanakah penggunaan BT akan menyambung dengan bahasa-bahasa jiran berdasar dengan asas sejarah linguistik yang sama. Dengan sebab sedemikian BT adalah satu bahasa yang sangat mudah untuk menyambung dengan BM oleh kerana bahasa tersebut mempunyai asas bahasa Sansekrate yang sama dengan BT.


Jika melihat perkembangan BM pada zaman sebelum kemasukan Islam di kawasan kepulauan Melayu ini. Pada abad ke-7 hingga ke-13, agama Hindu dan Budha bermain peranan penting dalam masyarakat orang Melayu (Ismail Hussein.1966). Titik perubahan pertama dari segi bahasa itu dipengaruhi dari India terutama bahasa Sansekrate yang digunakan dalam keagamaan Hindu, Dengan hal ini pengkaji memilih untuk mencari pinjaman BM dalam bahasa Dialek Thai Selatan. Oleh kerana ramai pelajar-pelajar yang ambil mata pelajaran BM di Universiti Rajabhat Songkhla adalah penduduk tempatan yang berbahasa Dialek Thai Selatan untuk timbul keinginan dalam mempelajari BM dengan secara mudah. Hal sedemikian pengkaji ingin menjalankan kajian tersebut.

### **Objektif kajian**

Untuk mempelajari proses lapangan dan cara pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing..

### **Kawasan kajian**

Kajian ini dilakukan di wilayah Satun dan pengkaji memilih skop kajian kawasan 3 daerah iaitu kawasan daerah Muang, khuon Don dan Langu. Oleh kerana ketiga-tiga kawasan tersebut mempunyai keunikan dari segi kawasan tersendiri seperti di kawasan daerah Muang mempunyai kawasan berhampiran dengan kawasan lautan, kawasan daerah Khuon Don berhampiran dengan bukit. Manakala kawasan daerah Langu berhampiran dengan wilayah Trang. Seperti peta wilayah Satun di bawah ini.



<http://www.panteethai.com> menjari pada hari 25 mac 2017.

### **Metodologi kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dengan orang tempatan di kawasan tiga daerah di wilayah Satun. Dengan melibatkan pelajar yang mendaftar subjek BM untuk

mempelajari kosa kata pinjaman BM yang ada dalam Bahasa Dialek Thai Satun (BDTS). Hasil dari kajian ini pengkaji mengintegrasikan dengan mata pelajaran BM dalam kelas di Universiti Rajabhat Songkhla nanti.

### **Proses pembelajaran bahasa Melayu melalui lapangan**

Kajian ini berfokus kerja sama dengan pelajar yang daftar subjek BM di Universiti Rajabhat Songkhla untuk mencari maklumat tentang kosa kata BM di lapangan. Dengan menggunakan situasi kemasyarakatan sebagai modal yang sedia ada dalam membantukan pelajar untuk turun ke lapangan supaya mencari kosa kata pinjaman bahasa BM dalam BT selatan di wilayah Satun. Dengan hal ini wilayah Satun adalah satu wilayah yang mempunyai suasana yang sama dari segi bercakapan makanan dan kebudayaan dengan negeri Perlis. Oleh itu pengkaji menggunakan wilayah Satun sebagai kawasan lapangan untuk mencari kata pinjaman BM dalam BDTS. Proses pembelajaran ini akan mengadakan beberapa aktiviti seperti , aktiviti bermesyuarat untuk merancang ke lapangan, berkhusus untuk membina borang soal selidik, aktiviti ke lapangan, bermesyuarat untuk membuat konklusi aktiviti dari lapangan. Proses ini akan melibatkan cara pembelajaran BM di luar kelas secara berpengalaman dari lapangan.

Dalam proses pembelajaran turun ke lapangan ini pengkaji akan melakukan beberapa aktiviti seperti berikut.

#### **1. Aktiviti bermesyuarat ke lapangan**

Aktiviti bermesyuarat turun ke lapangan ini, pada langkah pertama yang akan dijalankan ialah pengkaji akan memilih pelajar turun ke lapangan. Pelajar yang melibatkan dalam kajian ini adalah pelajar yang sudah daftar subjek BM dari beberapa fakulti di Universiti Rajabhat Songkhla. Kebanyakan pelajar tersebut terdiri daripada pelajar dari wilayah Songkhla, Phattalong dan Satun. Mereka ini tidak dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Namun hal berikut tidak menjadi halangan untuk menurun ke lapangan. Oleh kerana di kawasan wilayah Satun bukan hanya bertutur dalam BM sahaja kebanyakan sudah bertutur dalam BDTS. Penutur dalam BM hanya di guna di kawasan daerah Muang dan kawasan lutan seperti kawasan Cek Bilang dan Tamalang (Rattiya Saleh, 1986). Dalam aktiviti bermesyuarat ini pihak pengkaji ingin mendapat maklumat yang berkerja sama daripada pihak pelajar dalam beberapa perkara contoh tarikh hari bulan untuk turun ke lapangan, angkutan dan tempat penginapan.

#### **2. Khusus soalan penyelidikan**


Berkhusus untuk pelajar membina soal selidik, dalam aktiviti ini pengkaji akan memberi pengetahuan tentang turun ke lapangan kepada semua pelajar. Dalam proses ini pengkaji cuba menerangkan tentang soal selidik yang berkaitan dengan lapangan. Dalam khusus ini pengkaji mendapatkan beberapa katekori kosa kata yang akan mencari di lapangan seperti kosa kata geografi iklim dan alam semula jadi, kosa kata organ manusia, kosa kata sifat manusia, kosa kata haiwan, kosa kata kerjaya, kosa kata bekalan rumah dan pejabat, kosa kata makanan, kosa kata pakaian, kosa kata penyakit dan rawatan, kosa kata panggilan kekeluargaan dan kosa kata kemasyarakatan, kosa kata agama dan budaya dan kosa kata hari bulan. Dari aktiviti ini apabila semua pelajar sudah mengkategorikan kosa kata tersebut. Pada masa yang sama pengkajian cuba mencari cara untuk semua pelajar berkerja sama untuk memberi cadangan mengenai kawasan untuk menurun ke lapangan.

### 3. Aktiviti ke lapangan

Apabila semua pelajar sudah dapat soal selidik dari aktiviti khusus soal selidik. Langkah seterusnya yang dilakukan oleh pengkaji ialah memberi tugas mengenai kawasan untuk turun ke lapangan yang terbagi kepada 3 kawasan seperti kawasan daerah Muang, kawasan daerah Khuan Don dan kawasan daerah Langu. Persediaan ini untuk kemudahan semasa ke lapangan.

Dari aktiviti ke lapangan ini pengkaji dapat jumlah beberapa kosa kata BM yang dipinjam dalam BDTS dari jumlah terbanyak sehingga paling sedikit seperti rajah di bawah ini.

**Rajah 1. Katekori kosa kata**



Rajah di atas memaparkan katekori kosa kata daripada 12 kumpulan yang meminjam BM ke dalam BDTS sebanyak 602 kosa kata. Katekori yang meminjamkan BM yang paling banyak ialah katekori makanan yang kedua katekori keagamaan dan budaya yang ketiga

katekori panggilan kekeluargaan dan kemasyaraktan yang keempat kategori binatang yang kelima katekori sifat manusia yang keenam katekori rumah peralatan rumah dan pejabat yang ketujuh katekori pakaian yang kelapan katekori kerjaya yang kesembilan katekori penyakit dan rawatan yang kesepuluh katekori hari dan bulan yang kesebelas katekori geografi iklim dan alam semula jadi dan yang terakhir ialah katogori angkota manusia.

#### 4. Konklusi aktiviti dengan SWOT

Aktiviti konklusi lapangan dengan SWOT, pengkaji akan menguna model ini sebagai alat mengumpul beberapa faktor yang berkaitan dengan kekuatan (Strengths) kelemahan (Weaknesses) kepeluangan (Opportunities) dan kecabaran, hal ini pengkaji akan menganalisiskan tentang faktor dalaman dan faktor luaran seperti berikut ini.

<b>Analisis SWOT : Aktiviti lapangan</b>	
<b>Analisis dalaman</b>	<b>Analisis luaran</b>
<b>Kekuatan (Strengths)</b>	<b>Peluang (Opportunities)</b>
S1. Pelajar dari penduduk tempatan. S2. Kebanyakan pelajar boleh BDTS. S3. Kawasan lapangan dipilih oleh pelajar sendiri. S4. Pelajar yang turun ke lapangan mempunyai maklumat biografi tentang wilayah Satun.	O1. Mempunyai hubungan kekeluargaan dengan responden di wilayah Satun. O2. Mempunyai sambutan yang baik oleh ketua kampung atau pemimpin tempatan dalam berkerja sama dengan pelajar di lapangan. O3. Sambutan yang baik daripada orang tempatan yang menjadi saudara-mara pelajar yang turun ke lapangan. O4. Berpeluang untuk membincang dengan penduduk tempatan.
<b>Kelemahan (Weaknesses)</b>	<b>Cabara (Threats)</b>
W1. Pelajar tidak mempunyai asas linguistik. W2. Pelajar tidak berpengalaman ke lapangan. W. Pelajar tidak boleh mengurus masa dengan baik terutama apabila berjumpa dengan orang yang dikenali.	T1. Cuaca di wilayah Satun kebanyakan musim hujan. T2. Responden banyak bertutur susah dikawal oleh pelajar. T3. Responden tidak datang mengikut janji. T4. Pekerjaan yang berbeza di kawasan kajian seperti daerah Langu kerja sebagai

<p>W4. Tidak mencukupi Staff semasa ke lapangan menyebabkan pengkaji tidak mendapat mengurus pelajar dengan baik terutama apabila ke lapangan.</p>	<p>nelayang daerah Muang dan Kuan Don bekerja sebagai mengoreh getah.</p>
--	---

Untuk mendapatkan maklumat tersebut, pengkaji menguna masa satu hari untuk menganalisis aktiviti ke lapangan. Dengan cara membagikan pelajar kepada 4 kumpulan, tiap-tiap kumpulan mempunyai satu tajuk untuk menganalisis mengikut SWOT.

Kemudian diberi masa untuk membentangkan 1 tajuk tidak lebih kurang daripada 15 minit serta soalan jawab. Proses ini pelajar akan mendapat beberapa maklumat yang berkaitan dengan lapangan dan dapat berkongsi pengalaman masing-masing yang dialami semasa turun ke lapangan. Hasil dari membuat analisis kekuatan kelemahan kepeluangan dan kecabaran, mendapati bahawa BTDS ini mempunyai banyak perkataan BM yang dipinjam dalam BTDS. Namun hal ini pelajar dapat pengetahuan baru bahawa wilayah Satun mempunyai persamaan dengan negara Malaysia terutamanya negeri Kedah dan Perlis. Dengan hal ini menyebabkan BM bermain peranan penting di wilayah Satun. Satu buktian ialah dari sudut linguistik ialah jumlah kosa kata yang diguna pakai dalam BTDS, yang pelajar dapat dari lapangan itu.

### **Integrasi hasil linguistik dari lapangan dalam kelas pembelajaran Bahasa Melayu**

Hasil linguistik dari lapangan kali ini, pengkaji cuba mencari cara untuk mendapatkan cara mempelajari BM di peringkat pendidikan tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Thailand. Dengan cara mengaplikasi dengan teori Miltipel Intelligences (Horward Gardner) berkaitan dengan teori pembelajaran yang memberi kepentingan pelbagai kemahiran pembelajaran untuk integrasi dengan aktiviti pembelajaran. Supaya merasa menarik dan pelajar itu tidak timbul rasa jemu dengan pembelajaran BM sebagai bahasa asing.

### **Teori Multiple Intelligences**

Multiple Intelligences atau kecerdasan pelbagai ialah teori yang memberi kepentingan kepada semua orang manusia. Manusia itu mempunyai modal yang sedia ada semanjak lahir. Apabila disebut dengan kebijak sanaan fikiran ramai orang memberi difinisikan yang

berkaitan dengan kecerdasan akal mengikut Horward Gardener (1983) telah memaparkan teori Multiple Intelligences untuk mempelajari skop kepintaran seseorang manusia selain daripada dasar markah kepintaran otak (IQ test) dan untuk menukar pandangan terhadap tahap kepintaran seorang pelajar (How smart is he?) merujuk ke pandangan apakah bidang kepintaran seorang pelajar itu (How is he smart ?). Oleh sebab itu dalam kehidupan yang sebenar seseorang pelajar mempunyai kepintaran masing-masing yang tidak mampu hanya memberi tahap kepintaran otak sahaja. Kepintaran otak seseorang itu adalah cara pembelajaran seseorang sahaja. Dengan sebab itu aktiviti atau pengalaman pembelajaran mesti membangun kecerdasan kepintaran yang menonjol pertama kali yang mana kecerdasan kepintaran yang lain akan berturut sebagai hasil dari pembangunan yang sesuai (Oranuch Limthasiri, 2011).

Dari kajian ini pengkaji cuba membinakan satu model pembelajaran BM yang mengaplikasikan hasil kajian ini. Kemudian dinamakan sebagai “Model ATOPI” dari singkatan perkataan A ialah Active Participate (Pnyertaan secara aktif), T ialah Thinking (Berfikir), O ialah Oreintation (Menyesuaikan diri) dan I ialah Intelligences (Kecerdasan). Model ini menguna secara gabungan dengan asas pengalaman bahasa yang sedia ada iaitu bahasa ibunda mereka yang digunakan dalam kehidupan seharian. Kosa kata BM yang dipinjam dalam dialek Thai selatan seperti kosa kata makanan, kosa kata keagamaan, kosa kata panggilan kekeluargaan dan lain-lain seperti jadual di bawah ini.

Jadual 1.1 Kosa kata BM yang dipinjam dalam BDTS

BM	BDTS
Kuih Bengkang	[beŋkǎŋ]
Kuih Ketumpat	[tupǎ:ʔ]
Bertunang	[tunǎŋ]
Sembahyang	[maŋǎŋ]
Emak	[mǎ:ʔ]
Kakak	[kǎ:ʔ]
Musang	[mûsǎ:ŋ]
Ikan sembilan	[pǎ:milǎŋ]
Rajin	[rajîn]
Tidak cantik (lekeh)	[lekêʔ]
Pukat	[pukǎ:t]

BM	BDTS
Cawan	[cawă.n]

Perkataan ini adalah kosa kata yang dipinjam dalam BDTS yang mempunyai sebutan berbeza dengan BM. Dengan sebab pengaruh BT menyebabkan apabila disebut BM dalam BDTS mempunyai nada seperti BT. Hal ini adalah perkara yang menarik dan mesti ambil ruang kefahaman ini untuk membina satu model yang bernama “Model ATOI” model ini ialah mencari cara bagaimanakah untuk pelajar mempelajari BM dengan mudah.

Tujuan “Model ATOI” ini ialah bagaimana cara untuk pelajar mudah mengingat kosa kata dalam BM dengan mudah dan untuk membina proses pembelajaran BM dengan seronok dan berbahagia. Dengan tujuan berikut pengkaji cuba mengadakan beberapa aktiviti pembelajaran BM dengan beberapa cara seperti berikut.

1. Aktiviti bermain game.
2. Aktiviti teka-teki kosa kata BM.
3. Aktiviti bernyanyai.
4. Aktiviti pelajar sebagai pusat pembelajaran.
5. Aktiviti bersenam
6. Aktiviti lakonan.

Semua aktiviti yang guna pakai dalam proses pembelajaran BM ini akan melimputi proses pembelajaran dalam kelas mengikut Gardner (2005) yang telah membagikan kecedasan otak kepada 9 jenis kecerdasan seperti berikut.

**Tabel 1 : Kemampuan-kemampuan yang terkait dengan kecerdasan pelbagai**

Inteligensi	Kemampuan menonjol terkait	Menonjol pada fungsi
Linguistik	Mengerti urutan kata-kata, lisan atau bertulis, menjelaskan, mengajar, bercerita, berdebat. Mengingat dan menghafal. Analisis linguistik.	Dramawan, editor, pengarang, sasterawan, ahli sastera.

<b>Inteligensi</b>	<b>Kemampuan menonjol terkait</b>	<b>Menonjol pada fungsi</b>
	<p>Menulis dan berbicara.</p> <p>Bermain drama, berpuisi, berpidato.</p> <p>Mahir dalam pembendahara kata.</p>	
Logikal Matematik	<p>Kaitan dengan logik, abstrak, penaakulan dan nombor.</p> <p>Pemikiran induktif dan deduktif.</p>	Ahli logikal, ahli matematik, ahli sains.
Visual	<p>Kebolehan membuat gambaran secara visual, mengenal benda-benda dalam ruang dengan tepat.</p> <p>Mempunyai persepsi yang tepat dari berbagai sudut.</p> <p>Representasi grafik.</p> <p>Manipulasi gambar, menggambar.</p> <p>Mudah mengingat jalan.</p> <p>Peka terhadap warna, garis, bentuk.</p>	Pemburu, ahli peta, pelukis, pengambar, pemain catur.
Kinestetik	<p>Mudah berekspresi dengan tubuh.</p> <p>Mengkaitan fikiran dan tubuh.</p> <p>Kemampuan bermain mimik.</p> <p>Aktif bergerak, bersukan, menari, koodinasi dan fleksibiliti tubuh.</p>	Pelakon, penari, pakar bedah, ahli sukan.
Musikal	Kepekaan terhadap suara dan musik.	Ahli musik, penyanyi, pemain opera, pemain musik.

<b>Inteligensi</b>	<b>Kemampuan menonjol terkait</b>	<b>Menonjol pada fungsi</b>
	<p>Tahu struktur musik dengan baik.</p> <p>Mudah menangkap musik.</p> <p>Mencipta melodi.</p> <p>Peka dengan intonasi.</p> <p>Mencipta musik.</p> <p>Pemain alat musik.</p>	
Inter-Personal	<p>Mudah berkerja sama dengan orang lain.</p> <p>Mudah mengenal dan membuat perbezaan perasaan dan peribadi orang lain.</p> <p>Komunikasi verbal dan non-verbal.</p>	Ahli komunikasi, fasilitator, pemberita
Intra-Personal	<p>Dapat berkonsentrasi dengan baik.</p> <p>Kesedaran dan ekspresi perasaan-perasaan yang berbeza.</p> <p>Mengenal diri yang sebenar.</p> <p>Keseimbangan diri.</p> <p>Kesedaran realiti spiritual.</p> <p>Reflektif.</p>	Ahli sufi, pendoa batin, spiritual yang mendalam, pendamai.
Naturalis	<p>Mengenal flora-fauna.</p> <p>Mengklasifikasi dan identifikasi tumbuhan dan binatang.</p> <p>Suka pada alam.</p> <p>Hidup di luar rumah.</p>	Botanis, anatomis
Spiritual/Eksistensialisme	Kepekaan dan kemampuan	Berrefleksi tentang

<b>Inteligensi</b>	<b>Kemampuan menonjol terkait</b>	<b>Menonjol pada fungsi</b>
	untuk menjawab persoalan segala kejadian kewujudan manusia, makna kehidupan, kenapa manusia mengalami kematian dan juga reality yang dihadapi oleh manusia.	keberadaan

(Amir Hamzah, 2009 : 257-259)

### **Penggunaan “Model ATOI” dalam khusus BM dengan penutur asing**

Proses dan cara mengguna “Model ATOI” dalam khusus BM untuk pengawai asing ( Bank Om Sin 18). Bertajuk ‘Kemahiran Berbahasa dan Budaya Jiran’ (Bahasa Melayu-Jawi). Pada tanggal 30 Mei hingga 3 Jun 2016. Di Hotel Viwa daerah Muang wilayah Songkhla. Jumlah hari berkhusus 5 hari 30 jam dan mempunyai peserta seramai 50 orang. Cara pembelajari BM kali ini. Pengkaji cuba mengguna cara mengajar mengikut “Model ATOI” yang mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai. Supaya pengkhusus menimbulkan perasaan dan pandangan baik terhadap BM, sebagai bahasa ekonomi. Dan juga tidak menimbulkan perasaan bosan dalam pengkhusus BM kali ini, menimbulkan perasaan seronok dan berbahagia. Untuk mendapatkan tujuan berikut. Pengkaji mempunyai 3 peringkat dalam melaksanakan “Model ATOI” ini untuk mendapat hasil khusus yang berhasil tinggi seperti berikut.

Pada peringkat pertama pengkaji perlu mengenal pastikan gulungan pengkhusus BM kali ini. Apakah tujuan pengkhusus utama dan apakah tajuk-tajuk yang memerlu dalam pengkhususan. Pada peringkat pertama ini, pengkaji mesti mengenal pasti gulungan pengkhusus tersebut. Tujuan utama dalam pengkhusus dan tajuk-tajuk yang akan menjawab tujuan tersebut. Pada peringkat ini juga pengkaji mengenal pasti kekuatan diri sendiri dalam kecerdasan pelbagai dan juga kekuatan pengkhusus. Melalui mengenal pasti ini pengkaji dapat memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dan memadakan dengan kecerdasan pengkhusus. Dengan ini pengaji boleh memperkembangkan potensi pengkhusus dalam kecerdasan lain yang belum menyerlah.

Peringkat yang kedua bagi melaksanakan atau mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran ialah percubaan. Pada peringkat ini pengkaji perlu memikirkan

bagaimanakah teori kecerdasan pelbagai boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran BM kali ini. Pada peringkat ini pengkaji akan membina beberapa aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan tajuk-tajuk yang perlu diajar untuk pengkhusus kali ini, setiap aktiviti yang membina itu akan melibatkan elemen kecerdasan pelbagai mengikut Gardner seperti aktiviti membaca cerita pendek yang menggunakan kecerdasan pelbagai bidang kecerdasan linguistik dan sebagainya.

Pada peringkat ketiga, ialah peningkatan, pengkaji perlu mengaitkan teori kecerdasan pelbagai dengan kemahiran berfikir untuk perkembangan pengkhusus. Melalui peningkatan ini, pengkhusus dapat mengaplikasikan apa yang diajar dalam hal tertentu. Dengan proses melaksanakan “ Model ATOPI” ini yang melibatkan 3 peringkat di atas akan menghasilkan aktiviti-aktiviti pembelajaran dengan pendekatan kecerdasan pelbagai seperti tabel di bawah ini.

**Tabel 2 : Aktiviti-aktiviti pembelajaran BM yang berdasarkan dengan kecerdasan pelbagai**

<b>Topik</b>	<b>Inteligensi</b>	<b>Aktiviti pembelajaran</b>
Ujian sebelum belajar (Pre-test) 20 Soalan	Linguistik	Membaca data
	Intrapersonal	Refleksi bagi diri sendiri mengenai asas pengetahuan BM
Asas Bahasa Melayu	Linguistik	Membaca data, menulis, teka teki kosa kata dalam BM mengguna asas pengetahuan BTDS
	Intrapersonal	Refleksi bagi diri sendiri
	Interpersonal	Perbincangan bersama dengan cara menonton VDO
	Logik dan Metematik	Perbincangan bersama secara rasional
Ucap Selamat/ Sapaan	Linguistik	Membaca data, melihat gambar, melulis, mendengar
	Logik dan Metematik	Perbincangan bersama secara rasional bertajuk persamaan

<b>Topik</b>	<b>Inteligensi</b>	<b>Aktiviti pembelajaran</b>
		dan perbezaan diantara kebudayaan Thai dan Melayu dalam kontek “Sapaan”
	Musikal	Menyanyi mengenai ucap “Selamat”
	Kinestetik.	Gerakan badan dan membina simbol gambaran ucap selamat mengikut status yang di arah
Memperkenalkan diri	Linguistik	Mendengar, membaca data
	Kinestetik, Musik	Mendengar lagu serta gerakan badan untuk mengguna kata ganti nama diri
	Logik dan Metematik	Membina ayat mengenai diri saya
Angka/Nombor	Linguistik	Membaca dan mengenal angka dalam bahasa Melayu
	Musikal, Kinestetik	Menyanyi lagu “Nombor” serta gerakan tangan mengikut bilangan
	Logik dan Metematik	Mengira angka mengikut soalan yang diberi tugas
	Intrapersonal	Refleksi bagi diri sendiri mengenai angkat dalam Bahasa Melayu
	Interpersonal	Perbincangan bersama mengenai angkat dan nombor dalam BM dan BI
Hari bulan dan Tahun	Linguistik	Membaca data yang disediakan
	Interpersonal, Logik dan	Perbincangan bersama

<b>Topik</b>	<b>Inteligensi</b>	<b>Aktiviti pembelajaran</b>
	Metematik	mengenai kefahaman pengaruh bahasa lain pada hari bulan dan tahun dalam bahasa Melayu mengikut sebab akibat
	Musikal, Logik dan Metematik	Menyanyi lagu “Hari dalam Seminggu” dan “Bulan dalam Setahun” serta berfikir bersama mengikut lirik lagu tersebut
	Linguistik, Logik dan Metematik, Interpersonal	Perbincangan bersama mengenai persamaan dan perbezaan dari segi linguistik mengenai bulan diantara bahasa Melayu dan bahasa Ingeris, membuat kesimpulan bersama di hadapan kelas
	Logik dan Metematik	Perbincangan bersama mengenai cara menguna tahun dalam bahasa Melayu dan membuat perbandingan dengan cara mengguna tahun dalam kehidupan harian
	Intrapersonal	Memahami pengetahuan mengenai hari bulan dan tahun dalam bahasa Melayu dan refleksi bagi diri sendiri
Masa	Interpersonal, Logik dan Metematik	Perbincangan bersama persamaan dan perbezaan dalam mengira masa di dalam bahasa Thai dengan bahasa Melayu

<b>Topik</b>	<b>Inteligensi</b>	<b>Aktiviti pembelajaran</b>
	Linguistik	Membaca data yang disediakan
	Intrapersonal	Memahami pengetahuan mengenai masa dalam bahasa Melayu dan refleksi bagi diri sendiri
	Logik dan Metematik, Intrapersonal	Membina ayat-ayat penggunaan harian kata kerja “Aktiviti Saya” serta membuat persembahan
Keluarga saya	Linguistik	Membaca data yang disediakan
	Logik dan Metematik	Membuat gabungan persamaan diantara kosa kata dalam kehidupan harian di kalangan panggialan kekeluargaan dengan kosa kata kekeluargaan dalam bahasa Melayu
	Intrapersonal	Memahami pengetahuan mengenai keluar saya dan refleksi bagi diri sendiri
Di Bank Om Sin	Linguistik	Mabaca data yang disediakan
	Intrapersonal, Logik dan Metematik	Membina ayat yang diguna pakai Di Bank Om Sin
	Interpersonal, Logik dan Metematik	Membina perbualan mengenai di Bank Om Sin, membuat lakonan situasi tersebut
	Kinestetik	Teka-teki kosa kata melalui gerakan badan

Topik	Inteligensi	Aktiviti pembelajaran
	Kinestetik, Naturalis	Bersenam bersama bertajuk “Mani Wech”
Ujian selepas belajar (Post-test) 20 soalan	Intrapersonal	Memahami pengetahuan mengenai bahasa Melayu yang telah khusus selama 5 hari
	Interpersonal, Logik dan Metemetik, Linguistik	Ujian secara lakonan berkumpulan mengikut tajuk yang diberikan
	Musikal	Menyanyi bersama “ Lagu Perpisahan”
	Spiritual/Eksistensialisme	Memahami peristiwa “Manusia Mengalami Perpisahan”

Dari table 2 di atas pengkaji cuba orientasi pembelajaran. Menurut teori kecerdasan pelbagai, pelajar atau pengkhusus akan mudah memahami pelajaran jika materinya disajikan sesuai dengan kecerdasan pelbagai yang menonjol dalam diri pelajar atau pengkhusus. Dengan sebab itu pengkaji cuba menyediakan pelbagai aktiviti pembelajaran mengikut kecerdasan pelbagai menonjol yang sedia ada pada diri pelajar mengikut kecerdasan peribadi seseorang dan asas kebudayaannya.

### **Kesimpulan**

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan cara pembelajaran melalui kajian RBL (Research Base Learning), dan mengaplikasikan hasil kajian dengan “Model ATOP”. Pembelajaran RBL sebagai bentuk pembelajaran yang mementingkan semua pelajar mempelajari secara berpengalaman melalui diri sendiri dengan turun ke lapangan, berfikir serta menyelesaikan masalah yang dialami. Bentuk pembelajaran (RBL) ini akan membinakan pelajar mempunyai kemahiran dalam cara pembelajaran tersebut. Pelajar akan selalu aktif dalam pembelajaran, berpengetahuan, berkeaktiviti dan membinakan proses cara pembelajaran sehingga hayat hipud. Hasil data dari lapangan ini diaplikasikan dengan “Model ATOP” untuk membinakan cara pembelajaran bahasa Melayu secara mudah, soronak supaya tidak timbul perasaan jemu dan bosan dengan pembelajaran bahasa asing, yang mana pengkaji cuba mengenalakan kecerdasan pengajar dan pengkhusus BM mengikut teori kecerdasan pelbagai (Multiple Intelligences) oleh Howard Gardner (1983). Dengan membinakan aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa Melayu berdasar kecerdasan yang menonjol yang ada pada pengkhusus untuk meningkatkan kecerdasan lain yang belum menyerlah.

Hal sedemikian sambutan terhadap BM di wilayah Songkhla Thailand semakin hangat oleh kerana BM berperanan penting dari segi perniagaan dan pelancongan. Namun hal ini BM bukan hanya bahasa berkomunikasi harian bahkan BM sebagai bahasa yang membinakan nilai mata wang bagi penduduk di wilayah Songkhla dalam menyambut jiran tetamu seperti Malaysia dan Indonesia yang telah mengunjungi wilayah Songkhla setiap minggu dalam jumlah bilangan yang banyak. Dengan peristiwa ini pengkaji cuba menjawab keinginan dalam pembelajaran BM supaya pelajar atau pengkhusus dapat menfaat dalam pembelajaran BM dengan sepenuhnya.

## Rujukan

- Amir Hamzah, 2009. *“Teori Multiple Inteligences dan Implikasinya Terhadap Pengelolaan Pembelajaran”* dalam Teori Multiple Intelligences. Volume 4:2. 251-261.
- Che Mohd Aziz Yaacob, 2012. *“Asimilasi Bangsa Melayu di Patani : Keberkesanan Dasar dan Survival Budaya Minoriti”* dlm Jebat 39:1, hlm.97-123,
- Gardner, H. 1975. *The Shattered Mind*. New York : Knopf.
- Gardner, H. 1983. *Frame of Mind*. New York : Basic Books, Collins Publishers.
- Ismail Hussein, & Tan Sri Datuk, 1966. *“Study of Traditional Malay Literature”*. The Journal Malayan Branch, Royal Asiatic Society, 39,2.
- Oranuch Limthasiri, 2011. *Pengurusan Pembelajaran Bentuk Intergrasi*. Universiti Ramkhamheng : Bahagian Kurikulum dan Pengajian Fakulti Pendidikan .
- Rattiya Saleh, 1986. *Bahasa Melayu Dialek Selatan Neagri Thai*. Bahagian Bahasa Timur Songkhla : Universiti Srinakarinwirot.
- Solahuddin Samaun, 2007. *Penguasaan bahasa Melayu di sekolah swasta agama rakyat wilayah Satun*. Thesis (MA): Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Worawit Baru, 1990. *“Patani dalam Konteks Dunia Melayu”* dalam Dunia Melayu, diselenggarakan oleh Mohd. Yusof Hassan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Worawit Baru dan rakan-rakan, 2010. *Kamus Melayu Patani-Thai, Thai-Melayu Patani*. Yayasan Asia Tenggara Pattani : Universiti Prince of Songkla.



# **PEMBINAAN SEMULA KURIKULUM ASAS BAHASA MELAYU BAGI PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Muhammad Fawiz Bakri <sup>1</sup>  
Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, UPSI.

Prof. Madya Dr. Zulkifli Osman<sup>2</sup>  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI

Nor Sahara Mesman<sup>3</sup>  
Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, UPSI.

## **ABSTRAK**

Kurikulum merupakan satu elemen terpenting dalam acuan pendidikan bagi sesebuah komuniti. Kurikulum menjadi prinsip dan prosedur bagi perencanaan, implementasi, evaluasi dan pengelolaan suatu rancang-bangun sesuatu program pendidikan. Namun demikian dalam misi untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu melalui sektor pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, penyusunan kurikulum pengajaran dan pembelajaran Asas Bahasa Melayu masih memerlukan penambahbaikan. Antara permasalahan yang dikenal pasti ialah kaedah pengajaran tidak mengikut aras yang menjadi faktor masalah pengajaran dan pembelajaran. Justeru kajian ini dijalankan adalah untuk membina semula kurikulum Asas Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris bagi mengatasi permasalahan tersebut dengan menggunakan pendekatan Model Taba. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menganalisis kapasiti kurikulum yang dibina berdasarkan pandangan pakar dalam pembentukan kemahiran berbahasa individu melalui instrumen temu bual semi berstruktur. Pembinaan kurikulum dilakukan dengan mengambil kira pandangan tokoh, pakar atau pengamal kurikulum asas Bahasa Melayu untuk membina kurikulum dan dinilai semula oleh informan melalui teknik Delphi. Perbincangan turut menganalisis kurikulum sedia ada dengan kurikulum Universiti Swasta dan MQA melalui teknik analisis dokumen untuk dijadikan sebagai panduan agar pembinaan kurikulum dalam bahasa Melayu dapat dihasilkan dengan jayanya.

Kata kunci : Teknik Delphi, Asas Bahasa Melayu, Pelajar Antarabangsa, Analisis Dokumen, Model Taba

## **PENGENALAN**

Tatkala Kerajaan Malaysia mengumumkan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris pada 08 Julai 2009, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) turut tidak ketinggalan menyahut seruan kerajaan. Konteks hubungan dua hala program pertukaran pelajar antara universiti luar negara dengan UPSI telah dijalinan bagi merealisasikan misi pengantarabangsaan bahasa Melayu. Sebenarnya pengukuhan Asas Bahasa Melayu terhadap pelajar antarabangsa di UPSI telah wujud melalui mata pelajaran Asas Komunikasi Bahasa Melayu dengan kod kursus BMU 3052 sebagai kursus audit sejak tahun 2009 seiring dengan penubuhan Pusat Bahasa Moden. Sasaran kursus ini ialah pelajar antarabangsa di UPSI yang berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Menyedari hakikat betapa pentingnya komunikasi bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa diperkukuhkan di UPSI, pada tahun 2014 kursus ini telah ditukar kepada kursus berkredit dan semua pelajar antarabangsa UPSI diwajibkan mengambil kursus ini sepanjang tempoh pengajian.

Namun demikian, majoriti pelajar asing bahasa Melayu merupakan pelajar dari negara yang berbeza latar belakangnya. Terdapat pelajar menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua seperti pelajar dari Selatan Thailand dan Indonesia yang sudah tentu sedikit fasih berbahasa Melayu. Terdapat juga pelajar yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga selepas bahasa Ibunda dan bahasa Inggeris. Kebanyakan pelajar ini berasal dari benua Amerika, Eropah, Asia Timur seperti China dan Jepun serta Afrika yang langsung tidak tahu berbahasa Melayu. Bagi sebilangan kecil pelajar Asia Timur seperti Korea Selatan mereka telah mengikuti kelas persediaan di negara asal dan boleh berbahasa Melayu-Indonesia secara asas namun tidak begitu fasih.

### **Pernyataan Masalah dan Sorotan Literatur**

Penawaran hanya satu kursus sahaja iaitu, Asas Komunikasi Bahasa Melayu (BMU3052) di UPSI bagi kesemua pelajar antarabangsa yang berlainan latar belakangnya sudah tentu akan mengakibatkan pelajar yang tiada pengetahuan asas bahasa Melayu mengambil masa yang agak lama untuk mengikuti satu-satu slot pembelajaran berbanding pelajar yang telah mempunyai pengetahuan sedia ada. Hal ini bertepatan dengan pendapat Kenneth (1995), pelajar lemah memerlukan bahan konkrit dan panduan bagi mengaplikasi pengetahuan baharu manakala pelajar yang mahir memerlukan cabaran yang lebih besar dalam situasi yang berbeza.

Geert & Dijk (2012) mentakrifkan *Intra-Individual Variability* ialah perbezaan tahap pembolehubah dalam pembangunan individu bagi sesuatu bidang. Namun demikian, dalam

konteks kajian ini *Intra-Individual Variability* dalam mata pelajaran Asas Komunikasi Bahasa Melayu di UPSI adalah tidak kompeten. Hal ini demikian kerana tiada instrumen khas diwujudkan bagi menilai keupayaan pelajar mengikut tahap, dan menyukarkan tenaga pengajar dalam menilai keupayaan sebenar pelajar dalam bidang asas bahasa Melayu sekaligus menyebabkan tiada kaedah khusus yang boleh digunakan bagi membantu pelajar. Hal ini mampu memberi kesan yang besar kepada prestasi pelajar kerana bahasa pengantar utama di UPSI ialah bahasa Melayu.

Kajian secara serius mengenai penutur asing bahasa Melayu memang telah dilakukan secara terperinci oleh beberapa orang sarjana. Kebanyakan kajian dilakukan lebih berfokus pada pembinaan instrumen penilaian, pembinaan modul, penilaian strategi, kepuasan dan sikap pelajar antarabangsa dalam konteks kemahiran berbahasa Melayu. Zamri (2014) menyatakan bahawa penguasaan pelajar asing terhadap bahasa Melayu disebabkan oleh kekerapan menggunakan strategi perbendaharaan kata berbanding strategi mendengar, membaca, menulis dan bertutur dalam pemilihan strategi pembelajaran Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa strategi perbendaharaan kata membantu pelajar asing memilih kata yang sesuai untuk digunakan dalam pertuturan.

Faizah et al. (2010) di UKM mendapati bahawa 365 orang (31.2%) daripada sejumlah 926 pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu dari tahun 2005 hingga 2009 berada dalam kategori lemah dan gagal. Pelajar tersebut dikatakan masih belum mampu menguasai kesemua kemahiran berbahasa Melayu yang dipelajari dengan baik. Juriah (2001; 2003) pula mendapati sebahagian besar pelajar daripada sejumlah 120 pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) tidak dapat menguasai keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu, bertutur, membaca, menulis dan mendengar serta aspek tatabahasa sepenuhnya. Kebanyakan mereka boleh menguasai kemahiran mendengar dan membaca tetapi lemah dalam aspek tatabahasa dan bertutur.

### **Kepentingan Kajian dan Objektif.**

Pembinaan kurikulum ini semestinya mampu mengisi kelompangan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dalam aspek penutur asing yakni pelajar antarabangsa di UPSI dan isu-isu yang timbul dengan melihat keberkesanan bahan pengajaran dan pembelajaran sedia ada sebagai jalinan komunikasi. Selain itu, ia juga dapat menjelaskan isu-isu yang berkaitan dengan suasana pengajaran dan pembelajaran khususnya pelajar asing bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi luar negara. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini

mampu memberi sumbangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara keseluruhannya.

Terdapat objektif kajian yang telah dibina, iaitu:

- i) Mengkaji pandangan pakar dan pengamal bidang terhadap pratikaliti masa yang mempengaruhi kaedah pengajaran bagi menerapkan empat kemahiran bahasa Melayu pelajar antarabangsa.
- ii) Menyenaraikan method pengajaran pakar dan pengamal bidang bagi mewujudkan suasana pembelajaran Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa yang berimpak tinggi.

Justeru, kurikulum asas bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UPSI perlu dibina berdasarkan reaksi para pakar dan pengamal bidang asas bahasa Melayu. Selain itu pengkaji juga akan membuat unjuran komparatif antara kurikulum asas bahasa Melayu sedia ada dengan kurikulum asas bahasa Melayu dari universiti dan MQA yang terpilih melalui Teknik Analisis Kandungan dokumen. Teknik Delphi melalui instrumen temu bual pula digunakan sebagai salah satu kaedah kutipan data daripada kalangan informan bagi membina kaedah pengajaran dan perancangan strategik penggunaan bahan yang bersesuaian dengan kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa di UPSI.

## **METODOLOGI**

Dalam kajian ini dua teknik akan digunakan, iaitu teknik Delphi dan Teknik Analisis Kandungan dokumen. Teknik Delphi yang melibatkan pusingan temu bual digunakan bagi mendapat maklum balas daripada sekumpulan pakar. Teknik Delphi diasaskan oleh Dalkey dan Helmer di Rand Corporation pada 1950-an yang digunakan secara meluas bagi mencapai keputusan bagi sesuatu perkara berdasarkan pendapat sekumpulan pakar (Hussien Umar, 2001). Kumpulan pakar yang terlibat sebagai Informan dipilih berdasarkan kriteria tertentu yang bersesuaian dengan tujuan dan bidang kajian.

Menurut Linstone (1979), asas teknik Delphi ialah sulit yakni sampel yang dipilih secara individu dan setiap sampel tidak mengetahui sampel lain dalam panel pakar. Dalam konteks perhubungan, sampel akan mengetahui jawapan sampel yang lain pada pusingan kedua, iaitu apabila pengkaji melakukan analisis data dan menghantar dapatan tersebut kepada setiap ahli sampel. Selain itu, sampel tidak menerima sebarang tekanan daripada mana-mana pihak mahupun sampel lain dalam menentukan jawapan bagi soal selidik mereka.

Data yang diperoleh akan dianalisis secara statistik. Proses ini akan diulang sehingga keputusan dapat dicapai.

Penggunaan teknik Deplhi dapat membantu pengkaji untuk menjelajah informasi berdasarkan penilaian yang berbeza. Keadaan ini akan membantu pengkaji untuk menentukan atau membangunkan kurikulum baharu berdasarkan pandangan-pandangan asas yang disepakati oleh sekumpulan pakar. Kaedah penyelidikan ini juga sesuai digunakan bagi mengkaji hubung kait dalam penilaian yang dibuat oleh pakar daripada disiplin ilmu yang berbeza


Bagi Teknik Analisis Kandungan pula, Merriam (dalam Othman Lebar, 2014) menyatakan bahawa dalam kajian kes kualitatif, satu bentuk analisis kandungan digunakan untuk menganalisis dokumen. Kebanyakan reka bentuk penyelidikan menggunakan analisis kandungan adalah berbentuk urutan yang bertolak daripada pembinaan kategori kepada persampelan, pengumpulan data, analisis dan interpretasi data.

Noraini Idris (2010) berpendapat bahawa terdapat pelbagai jenis dokumen yang mungkin menjadi data asas kajian dan perlu dianalisis dengan teliti secara kualitatif bergantung kepada objektif kajian. Misalnya menurut beliau lagi, jika tujuan penyelidikan ialah perbandingan buku teks matematik yang digunakan di dua buah negara yang berlainan, maka buku teks dan penerbitan kurikulum negara tersebut menjadi data utama penyelidikan.


Justeru, kajian Pembinaan Kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi Pelajar Antarabangsa UPSI ini turut menggunakan Teknik Analisis Kandungan sebagai salah satu cara penyelidik meningkatkan tahap kebolehpercayaan maklumat berkaitan dengan kurikulum. Pengkaji membuat interpretasi terhadap maklumat yang terkandung di dalam kurikulum sedia ada dengan membuat analisis perbandingan dengan kurikulum Asas Bahasa Melayu dari dua universiti swasta dan awam, iaitu, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dua Universiti ini diambil atas kapasiti sebagai universiti yang progresif dalam misi pengantarabangsakan bahasa Melayu di samping mempunyai kapasiti bilangan pelajar antarabangsa yang seimbang.

Bagi menganalisis kekuatan dan kelemahan kurikulum Asas Bahasa Melayu sedia ada di UPSI, pengkaji perlu membuat unjuran komparatif antara kurikulum tersebut dengan kurikulum-kurikulum Asas Bahasa Melayu di UNITEN dan UKM. Data diasingkan berdasarkan tema (kategori) yang ditentukan oleh pengkaji berdasarkan persoalan kajian. Perbandingan data dibuat berdasarkan analisis jenis kerangka yakni menggunakan senarai semak. Crabtree & Miller (dalam Noraini Idris, 2010) menyatakan bahawa terdapat dua jenis analisis iaitu, jenis suntungan dan jenis kerangka (*template*). Kedua-dua analisis ini

menggunakan prinsip asas yang sama tetapi berbeza dari segi pengekodan dan cara interpretasi dibuat. Dokumen-dokumen tersebut perlu diurus secara bersistematik supaya boleh dianalisis mengikut komponen-komponen tertentu. Perbandingan analisis adalah seperti di bawah:



Rajah 1. Analisis Suntingan



Rajah 2 Analisis Jenis Kerangka

Diubahsuai daripada :  
Penyelidikan dalam Pendidikan  
(2010).

### Informan

Dalam kajian ini, sekumpulan pakar yang bertindak sebagai informan atau sampel akan dipilih berdasarkan kriteria seperti pengalaman dan pengetahuan mereka dalam bidang kurikulum dan bahasa. Informan ini terdiri daripada lima pakar dan pengamal asas bahasa Melayu iaitu,:

- i) Guru atau pensyarah Bahasa Melayu di UPSI.
- ii) Penggubal Kurikulum Asas Bahasa Melayu di UNITEN
- iii) Penggubal Kurikulum Asas Melayu di UNIKL
- iv) Guru atau Pensyarah Asas Bahasa Melayu di UKM
- v) Guru atau Pensyarah Budaya Melayu di UKM

Maklum balas pakar atau informan ini akan dianalisis bagi menentukan kesepakatan bagi membina kurikulum berdasarkan keperluan atau jangkaan keputusan yang menjadi fokus dalam kajian.

### **Proses Pengumpulan Data**

Soalan temu bual yang dikemukakan pula merangkumi soalan keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam proses membentuk komunikasi berdasarkan kepakaran mereka. Hasil daripada temu bual, pengkaji dapat menganalisis kajian yang dijalankan dan keberkesanan penggunaan kurikulum terhadap pelajar Asas Bahasa Melayu di UPSI. Pengkaji melakukan unjuran komparatif dalam penyelidikan ini bagi mendapatkan gambaran daripada informan. Justeru, dalam kajian ini, kaedah temu bual juga akan digunakan sebagai instrumen bagi mencari maklumat berdasarkan pengalaman informan.

Sebaik sahaja proses temu bual dijalankan, analisis data akan bermula. Pengkaji akan mengadakan pertemuan secara bersemuka kelima-lima informan di lima tempat berbeza. Setiap temu bual dirakam dan data yang diperolehi ditranskripsikan selari dengan pendapat Merriam (dalam Othman Lebar, 2014) yang menyatakan bahawa transkripsi yang dibuat secara verbatim merupakan pengkalan data terbaik untuk dianalisis. Bagi memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi, transkripsi data temu bual yang telah siap dihantar melalui emel kepada informan untuk dibuat semakan, pembetulan dan pengesahan. Setelah disemak, dibetulkan pada mana-mana bahagian yang kurang tepat, informan menghantar kembali transkripsi kepada pengkaji.

Transkripsi data temu bual dianalisis baris demi baris berulang kali bagi mengenal pasti unit-unit ayat yang boleh menggambarkan tema yang wujud seterusnya menghasilkan tema. Setiap unit yang ditranskripsi dikategorikan di bawah tema, subtema atau kelompok tertentu dengan menggunakan kod-kod tertentu. Proses membaca transkripsi dan memindahkan ke bawah tema-tema yang wujud diulang sehingga kesemua unit ayat yang memberi makna selesai dikelompokkan. Unit selebihnya pula disingkirkan. Pengkaji perlu memastikan perkaitan unit antara tema, subtema dan kategori-kategori dibuat bagi menggambarkan wujudnya interaksi antara maklumat yang diperolehi. Langkah terakhir ialah membuat rumusan dan menulis laporan. Dapatan yang diperolehi dihantar kepada para informan untuk semakan dan pengesahan.

Bagi proses pengumpulan data menggunakan Teknik Analisis Dokumen, pengkaji meneliti tiga jenis dokumen iaitu, kurikulum Asas Bahasa Melayu dari UPSI, UNITEN dan UKM. Kurikulum tersebut dianalisis bagi mendapatkan maklumat tentang kekuatan dan

kelemahan kurikulum Asas Bahasa Melayu sedia ada di UPSI. Bagi menganalisis data daripada sumber dokumen, pengkaji mengindekskan catatan lapangan dengan memberi kod tertentu. Bagi dokumen tersebut kodnya ialah K01( ), K02 ( ) dan K03 ( ). K merujuk kepada kurikulum, 01 merujuk kepada bilangan dokumen manakala ( ) merujuk kepada tarikh dokumen tersebut diperolehi. Kandungan dalam kurikulum dikaji bagi melihat kesesuaiannya untuk dipadankan dengan soalan-soalan kajian yang dibina disamping menjadi bahan sokongan kepada temu bual.

**Jadual 1 : Pengekodan Analisis Data Dokumen**

<b>Bil</b>	<b>Kod</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Keluaran</b>
1	K01	Rancangan Instruksional Asas Komunikasi Bahasa Melayu	UPSI
2	K02	Kurikulum Asas Bahasa Melayu	UNITEN
3	K03	Kurikulum Asas Bahasa Melayu	UKM

Berdasarkan jadual, pengkaji menganalisis kurikulum Asas Bahasa Melayu bagi membuat perbandingan kekuatan dan kelemahan kurikulum Asas Bahasa Melayu UPSI. Kemudian, pengkaji membina soalan temu bual berdasarkan lima tema, iaitu falsafah pendidikan, objektif, tempoh masa, keperluan bahan dan aras. Langkah seterusnya ialah menjalankan temu bual separa berstruktur kepada lima informan yang terlibat, iaitu I1, I2, I3, I4 dan I5.

Setelah kelima-lima informan memberi respon, pengkaji akan membina kurikulum berdasarkan input yang terhasil. Kemudian kurikulum tersebut akan dihantar kepada lima informan tersebut untuk tujuan semakan dan penilaian. Jika masih memerlukan penambahbaikan daripada informan, kurikulum tersebut akan dikembalikan kepada pengkaji untuk tujuan penambahbaikan.

### **Analisis Data Temubual**

Analisis data temubual dibuat berdasarkan sistem penjadualan transkripsi. Setiap unit transkripsi dikategorikan berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan dengan menggunakan kod-kod tertentu. Setelah penyalinan transkripsi selesai, setiap transkripsi akan diberikan

dengan label kod-kod tersendiri. Pengekodan ini penting bagi memastikan data yang dikutip dapat dikelompokkan ke dalam tema-tema yang telah ditentukan oleh pengkaji. Kod-kod tersebut diletakkan beberapa segemen bagi memudahkan pengkaji mendapatkan semula data asal di samping membolehkan pengkaji membuat rujuk silang antara data bagi menyiapkan laporan.

Antara kod tema yang ditetapkan oleh pengkaji ialah PM( ) merujuk kepada peruntukan masa, KP( ) merujuk kepada keupayaan pelajar, P( ) untuk penilaian / pentaksiran dan M untuk Method( ). Nombor dalam kurungan pula merujuk kepada kod informan pertama, kedua, ketiga dan seterusnya. Kod untuk informan juga turut dibuat sebagai contoh I1 merujuk kepada informan pertama. Pengekodan bagi temubual adalah seperti berikut:

**Jadual 2 : Pengekodan Data Temubual**

<b>Informan</b>	<b>Peruntukan Masa</b>	<b>Keupayaan Pelajar</b>	<b>Penilaian / pentaksiran</b>	<b>Method</b>
<b>(I)</b>	<b>(PM)</b>	<b>(KP)</b>	<b>(P)</b>	<b>(M)</b>
<b>I1</b>				
<b>I2</b>				
<b>I3</b>				
<b>I4</b>				
<b>I5</b>				

### **Analisis Data Kandungan Dokumen**

Analisis data kandungan dokumen, pengkaji menggunakan tiga dokumen yang diberi oleh informan untuk dibanding beza dengan dokumen kurikulum asas bahasa Melayu di UPSI. Kurikulum tersebut dianalisis bagi mendapatkan maklumat tentang kekuatan dan kelemahan kurikulum Asas Bahasa Melayu sedia ada di UPSI. Bagi menganalisis data daripada sumber dokumen, pengkaji mengindekskan catatan lapangan dengan memberi kod tertentu. Bagi dokumen tersebut kodnya ialah K01( ), K02 ( ) dan K03 ( ). K merujuk kepada kurikulum, 01 merujuk kepada bilangan dokumen manakala ( ) merujuk kepada tarikh dokumen tersebut diperolehi. Kandungan dalam kurikulum dikaji bagi melihat kesesuaiannya untuk dipadankan dengan soalan-soalan kajian yang dibina disamping menjadi bahan sokongan kepada temu bual

Berdasarkan semakan pengkaji mendapati bahawa data dokumen tersebut mempunyai kriteria tersendiri untuk diaplikasikan terhadap pelajar. Berikut merupakan analisis semakan dokumen yang telah buat oleh pengkaji.

**Jadual 3: Pengekodan Analisis Semakan Dokumen**

Dokumen	Peruntukan Masa (PM)	Keupayaan Pelajar (KP)	Penilaian / pentaksiran (P)	Aktiviti
K01				
K02				
K03				

Sebelum pengkaji menyaring maklumat seperti di atas, pengkaji telah mengisi senarai semak yang telah dirangka untuk memastikan segala input dan data yang diperolehi pengkaji menepati objektif kajian.

### Dapatan Data

Untuk memudahkan pentafsiran data, pengkaji mengkategorikan kutipan data berdasarkan duapersoalan yang telah digariskan.

**Soalan Kajian 1:** Apakah pandangan pakar dan pengamal bidang tentang praktikaliti masa mempengaruhi kaedah pengajaran yang sesuai dalam menerapkan empat kemahiran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa?

**Jadual 4: Analisis Semakan Dokumen**

Dokumen	Peruntukan Masa (PM)	Keupayaan Pelajar (KP)	Penilaian / pentaksiran (P)	Aktiviti
K01	2 Jam seminggu	Tidak diambil kira	Ada untuk setiap tugas dan akhir pengajian.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Fasilitator</li><li>• Video simulasi</li><li>• <i>Pictionary</i></li></ul>
K02	3 jam seminggu	Tidak diambil kira.	Ada untuk setiap tugas dan akhir pengajian.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Hafalan kosa kata</li><li>• Flashcard</li><li>• Formula campuran ayat</li></ul>

<b>K03</b>	20 jam seminggu	Diambil kira	Ada untuk ujian penempatan dan ujian akhir pengajian.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teori &amp; Praktikal</li> <li>• Meringkaskan struktur ayat</li> <li>• Sesi soal jawab melalui pembentangan</li> <li>• Video, iklan, baucer dan suratkhobar.</li> <li>• Sesi sembang-santai.</li> <li>• Permainan kamus.</li> <li>• Permainan bahasa</li> <li>• Perbualan mengikut teks</li> <li>• Nyanyian</li> <li>• Video</li> <li>• Analisis Buku Cerita.</li> <li>• Penulisan surat rasmi.</li> <li>• Penyertaan Pertandingan Permainan Tradisional</li> <li>• Lawatan sambil belajar.</li> <li>• Ziarah ke majlis perkahwinan / cukur jambul.</li> </ul>
------------	-----------------	--------------	---	---

Berdasarkan jadual, pengkaji tidak dapat menafikan bahawa peruntukan masa sememangnya mempengaruhi corak kaedah pengajaran dan pembelajaran pelajar. Pengkaji mendapati bahawa sekurang-kurangnya tiga jam seminggu adalah memadai bagi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas mengikut kelaziman yang diamalkan.

Pengkaji juga mengenal pasti masa yang terbaik dan mencukupi bagi memenuhi pengajaran dan pembelajaran ialah empat jam setiap hari sepertimana yang diamalkan oleh pengubal K03 bagi memastikan mereka mempunyai kepelbagaian aktiviti untuk dipraktikkan. Namun demikian, melihat kepada situasi semasa pelajar yang turut mengambil kelas atau kursus lain yang menyebabkan perkara tersebut tidak dapat dijalankan. Namun pengkaji mendapati bahawa kesemua informan sepakat menyatakan bahawa dua jam seminggu bagi satu sesi pembelajaran adalah tidak mencukupi. Justeru, dapatan kajian mendapati bahawa sekurang-kurangnya pembelajaran tiga jam seminggu adalah terbaik bagi memastikan pelajar

benar-benar mampu menguasai Asas Bahasa Melayu dengan baik disamping pengajar dapat memantau secara berkesan.

**Soalan Kajian 2:** Apakah method pengajaran pakar dan pengamal bidang terhadap kebolehlaksanaan kurikulum yang dibina serta pengaruhnya terhadap suasana pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa?

**Jadual 5 : Data Temubual**

<b>Informan (I)</b>	<b>Peruntukan Masa (PM)</b>	<b>Keupayaan Pelajar (KP)</b>	<b>Penilaian / pentaksiran (P)</b>	<b>Method (M)</b>
<b>I1</b>	2 Jam seminggu	Tidak diambil kira	tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasilitator</li> <li>• Video simulasi</li> <li>• <i>Pictionary</i></li> </ul>
<b>I2</b>	3 jam seminggu	Tidak diambil kira.	tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan bahasa</li> <li>• Kuiz</li> <li>• Penekanan aspek sebutan dan penulisan</li> </ul>
<b>I3</b>	3 jam seminggu	Tidak diambil kira.	tiada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hafalan kosa kata</li> <li>• Flashcard</li> <li>• Formula campuran ayat</li> </ul>
<b>I4</b>	20 jam seminggu	Diambil kira	Ada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teori &amp; Praktikal</li> <li>• Meringkaskan struktur ayat</li> <li>• Sesi soal jawab melalui pembentangan</li> <li>• Video, iklan, baucer dan suratkhabar.</li> </ul>
<b>I5</b>	20 jam seminggu	Diambil kira	Ada	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi sembang-santai.</li> <li>• Permainan kamus.</li> <li>• Permainan bahasa</li> <li>• Perbualan mengikut teks</li> <li>• Nyanyian</li> <li>• Video</li> </ul>

Bagi method pengajaran dan pembelajaran kesemua informan mempunyai cara pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri mengikut situasi di dalam kelas. Pengkaji mendapati method pengajaran yang digunakan oleh informan kebanyakannya berpusatkan pelajar. Namun demikian, masih lagi terdapat beberapa aspek pengajaran yang berpusatkan guru lebih-lebih lagi apabila melibatkan elemen teori. Method pengajaran para informan boleh dilihat melalui jadual berikut.

**Jadual 6: Pengekodaan Method Pengajaran Berdasarkan Data Temubual**

Informan	Method pengajaran	Jenis
M(I1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Fasilitator</li> <li>• Video simulasi</li> <li>• <i>Pictionary</i></li> </ul>	Berorientasikan pemarkahan
M(I2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permainan bahasa</li> <li>• Kuiz</li> <li>• Penekanan aspek sebutan dan penulisan</li> </ul>	
M(I3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hafalan kosa kata</li> <li>• Flashcard</li> <li>• Formula campuran ayat</li> </ul>	
M(I4)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Teori &amp; Praktikal</li> <li>• Meringkaskan struktur ayat</li> <li>• Sesi soal jawab melalui pembentangan</li> <li>• Video, iklan, baucer dan suratkhbar.</li> </ul>	Berorientasikan Amali
M(I5)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sesi sembang-santai.</li> <li>• Permainan kamus.</li> <li>• Permainan bahasa</li> <li>• Perbualan mengikut teks</li> <li>• Nyanyian</li> <li>• Video</li> <li>• Analisis Buku Cerita.</li> </ul>	

Berdasarkan jadual di atas, M(I1), M(I2) dan M(I3) merupakan pengajar bagi kursus Asas Bahasa Melayu dan merupakan sebahagian tugas hakiki. Berdasarkan faktor tersebut, pengkaji mendapati bahawa cara pengajaran mereka lebih berorientasikan permarkahan yakni pelajar perlu menyelesaikan tugas yang diberi bagi memastikan mereka lulus dan layak diberi markah tinggi. Berbeza dengan M(I4) dan M(I5) yang lebih kepada kursus intensif yakni pelajar yang sukarela mendaftar kursus bagi mempelajari Asas Bahasa Melayu, aktiviti yang dijalankan lebih bervariasi dan berorientasikan amali. Hal ini demikian kerana, aktiviti tersebut menuntut pelajar mempelajari Asas Bahasa Melayu dalam masa yang singkat namun padat dengan aktiviti.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, pembinaan kurikulum asas Bahasa Melayu bagi pelajar Antarabangsa UPSI perlu pengkaji tambah baik dari aspek pembahagian masa yakni daripada 2 jam kredit menjadi 3 jam kredit. Hal ini bersandarkan persetujuan kesemua informan bahawa masa 2 jam bagi satu minggu pengajaran dan pembelajaran adalah tidak mencukupi untuk memantapkan kaedah pengajaran. Selain itu, pengkaji juga telah menetapkan bahawa perlunya ada tahap bagi setiap pembelajaran bagi memastikan tenaga pengajar dapat memantau proses perkembangan dan kemajuan pelajar.

Hal ini juga bertepatan dengan data daripada informan 3, 4 dan 5 bahawa pengembangan pelajar dapat dilihat dan dinilai sekiranya ada tahap pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, dengan wujudnya tahap ini akan memudahkan pengajar untuk membimbing pelajar dengan lebih berfokus. Lantaran itu pengkaji telah mewujudkan tahap 1, 2 dan 3 bagi proses pengajaran dan pembelajaran. Secara dasarnya, jika kurikulum telah dibina tahap 1, 2 dan 3 maka perlunya ada ujian penempatan atau '*placement test*' bagi menentukan tahap keupayaan pelajar. Keadaan ini memudahkan pengajar menilai dan membahagikan pelajar berdasarkan perbezaan tahap tersebut. Secara tidak langsung, method pengajaran juga boleh divariasikan mengikut tahap keupayaan pelajar yang berjaya disaring oleh tenaga pengajar.

## Rujukan

- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2010). Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing cemerlang mengikut kemahiran. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke-4*, 65-75.
- Fa'izah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2009). Pembinaan dan penilaian modul belajar-cara-belajar bahasa Melayu pelajar asing: Satu kerangka konsepsi. *Proceedings of 2<sup>nd</sup> international conference issues in language teaching and learning amongst non-native speakers*, 2, 251-260.
- Geert, P. V. & Dijk, M. V. (2012). *Focus on Variability: New Tools to Study Intra-Individual Variability in Developmental Data*. Dalam Gabrielle Rappolt, Samantha G. Daley & L. Todd Rose (Pnyt.), *A Research Reader in Universal Design for Learning*. (hlm 177-182). Cambridge: Havard Education Publishing Group.
- Juriah Long, Raja Fauzi Raja Musa, Zarin Ismail & Hamidah Yamat @ Ahmad. 2001. Keperluan pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan tinggi swasta. *Jurnal Pendidikan*, 26: 21-36.
- Linstone, H. A. (1979). *The Delphi method: Techiques and applications* reading. Adison Wesley Publication.
- Hussien Umar. (2001). *Strategic management in action*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka.
- Kenneth, T. H. (1995). *Curriculum development for education reform*. U.S. Longman, Inc.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur. Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. (2014) *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Taba, H. (1962). *Curriculum development: Theory and practice*. Diperoleh daripada <http://www.answers.com/topic/hilda-taba>.
- Zamri Mahamod, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, et.al. (2014). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar warganegara asing berdasarkan kemahiran bahasa dan gred*. [Versi elektronik] Jurnal Personalialia Pelajar 17. Diperoleh daripada [http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2015/06/Paper-9\\_2014\\_Zamri-et.al\\_FPend.pdf](http://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2015/06/Paper-9_2014_Zamri-et.al_FPend.pdf).

# **Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing di**

## **Thailand: Satu Uji Lari**

*Mohamad Zaki Abdul Halim*

*Harshita Aini Haroon*

*Noor Asliza Abdul Rahim*

*Juliana Ahmad*

*Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis*

*e-mel: zakihalim@unimap.edu.my*

### **ABSTRAK**

Pengajaran sesuatu bahasa sebagai bahasa asing di sekolah bukanlah sesuatu yang mudah dilaksanakan, tambahan apabila tenaga pengajar sendiri masih perlu menguasai bahasa yang akan diajar tersebut. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak menghalang pentadbir di Sekolah Fahad Wittayathan untuk meneruskan hasrat tersebut yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu, dengan bantuan yang diterima melalui majlis *multaqa ummah* yang dianjurkan komuniti Islam di negara Thai dan Malaysia. Kertas kerja ini memperincikan kandungan dan hasil awal perkongsian pintar antara sekolah Fahad Wittayathan di Phangnga, dan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Program yang dikenali sebagai Program Memperkasa Bahasa Melayu Wilayah Andaman melibatkan penggunaan modul yang dibangunkan oleh sekumpulan tenaga akademik Pusat Bahasa Antarabangsa dari UniMAP. Selepas sesi pengajaran dan pembelajaran, satu sesi ujian telah dilaksanakan untuk mengukur tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan 18 orang guru yang terlibat dalam program ini. Hasil ujian mendapati pendekatan yang digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) tersebut berkesan, dan objektif kursus tercapai. Susulan itu, walaupun telah mencapai objektif kursus, kertas ini membincangkan peluang penambahbaikan terhadap kandungan modul serta pendekatan proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) supaya tahap penguasaan guru-guru tersebut dapat dipertingkatkan.

Kata Kunci: *Penguasaan bahasa, bahasa Melayu sebagai bahasa asing, Pengajaran bahasa Melayu, Pembelajaran bahasa Melayu, bahasa asing, Fahad Wittayathan School.*

## **ABSTRACT**

The teaching of a foreign language in school is not an easy task, especially when the teachers themselves are novice users or new learners. The constraint, nonetheless, has not prevented the management of the Fahad Wittayathan School to go ahead with the teaching of Malay as a foreign language, with the assistance provided by the council of “multaqa ummah” organized by the Muslim communities in Thailand and Malaysia. This paper details the content and early findings of a teaching project between Fahad Wittayathan School in Phangnga and Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Known as the Programme for the Strengthening of Malay in the Andaman Province, it involves the design and delivery of a teaching-learning module by a group of academics of the Centre for International Languages of UniMAP. 18 teachers who participated in the programme sat for an assessment to evaluate their progress at the end of the module delivery. Findings show that the approach used in the delivery of the module was effective and the programme objectives were achieved. Nonetheless, drawing from the findings, the paper discusses ways in which the module content and the teaching-learning approach can be improved so as to result in even better achievement.

Keywords: language acquisition, Malay as a foreign language, teaching of Malay, learning of Malay, foreign language, Fahad Wittayathan School.

### **1. Pengenalan**

Di negara ini, kajian terhadap PdP bahasa Melayu rancak dilakukan oleh penyelidik dan sentiasa dilakukan secara berterusan dalam memperlihatkan mutu penguasaan dan kedudukannya selari dengan pengembangan taraf bahasa sejak merdeka hingga sekarang. Namun, kajian yang kurang diberi perhatian adalah terhadap PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing di negara yang bahasa rasminya bukan bahasa Melayu. Kebiasaannya pemerhatian dan kajian yang dilakukan adalah cenderung terhadap PdP bahasa Melayu sebagai bahasa pertama di Malaysia, contohnya, dan negara-negara berbahasa Melayu yang lain. Kajian-kajian tersebut adalah seperti kajian Alizah

Lambri dan Zamri Mahamod (2016), Jumiya binti Ahmad (2014), Indhumathy a/p Munusamy (2013), Abdul Rasid Jamian (2011), dan Zamri Mahamod, Celinea anak Lasan dan Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff (2009). Kajian yang melibatkan bahasa Melayu sebagai bahasa asing pula terhadap dan antaranya seperti kajian Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq bin Hussin (2011), Harshita Aini Haroon et.al (2017).

Dalam keadaan negara-negara ASEAN yang sedang membangun dan bergerak maju, pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh ASEAN Economic Community (EAC) dilihat berpotensi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama ASEAN yang bernilai ekonomi. Kesempatan ini mestilah digerakkan secara bersepadu dan berterusan sementelah bahasa Melayu ialah bahasa yang diiktiraf dan digunakan secara meluas oleh komuniti di Indonesia, Singapura, Brunei, selatan Thailand dan Timor Leste selain di Malaysia sendiri. Maka fokus pengembangan bahasa Melayu ini perlu melangkaui batas penggunaannya yakni disebarluaskan di kawasan-kawasan yang tidak begitu terdedah dengan bahasa Melayu secara khusus. Menyedari kesignifikannya, maka wilayah-wilayah di negara Thailand yang ahli komunitinya sedar akan kepentingan bahasa Melayu, tetapi tidak begitu ramai dalam kalangan mereka yang boleh menuturkannya, perlu dijadikan pusat pengembangan bahasa Melayu dan tapak asas untuk membuka ruang dan peluang untuk rakyatnya menguasai bahasa ini.

Kajian ini akan memperincikan pengalaman proses PdP bahasa Melayu penutur asing dengan

harapan dapat dijadikan asas bagi penyelidikan lanjutan berkaitan PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing di negara asing.

## **2. Konteks Kajian**

Sekolah Fahad Wittayathan merupakan sekolah agama rendah swasta yang terletak di daerah Borsaen, wilayah Phangnga, Thailand. Sejarah mencatatkan bahawa sebahagian penduduk di Borsaen berasal dari Malaysia dan majoriti penduduk di Borsaen membentuk komuniti muslim di situ. Sekolah ini dibina menggunakan dana daripada ahli filantropi dari negara Arab, dengan tujuan utama penubuhannya adalah untuk menerapkan pengetahuan dan nilai-nilai Islam dalam sistem pendidikan rasmi yang sedia ada dan digunakan di wilayah ini. Sekolah ini merupakan sekolah yang pertama berkonsepkan pendidikan islamik dan mendapat sambutan yang baik daripada penduduk setempat. Subjek bahasa Melayu belum diperkenalkan di sekolah ini semasa awal penubuhannya. Walau bagaimanapun, pihak sekolah berminat untuk mewujudkan subjek bahasa Melayu sebagai subjek tambahan di sekolah tersebut dan yang pertama di daerah Borsaen.

Keterlibatan Pusat Bahasa Antarabangsa (PBA) dalam projek ini bermula apabila Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis memaklumkan melalui surat bahawa Baginda telah menerima cadangan daripada Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla berhubung inisiatif pemerkasaan Bahasa Melayu di enam (6) Wilayah Andaman, Thailand. Melihat cadangan tersebut sebagai peluang

pemantapan hubungan antarabangsa antara UniMAP dan komuniti di Thailand, kumpulan ahli akademik PBA memulakan pelibatan mereka dalam projek ini. Pengkaji telah memilih wilayah Phangnga sebagai sasaran pemeraksanaan bahasa Melayu. Susulan satu mesyuarat dan sesi kunjung hormat bersama pihak sekolah tersebut, pengkaji berjaya mengenal pasti inisiatif-inisiatif yang boleh ditawarkan bagi tujuan tersebut. Salah satu persetujuan yang dicapai ialah, pengkaji akan melaksanakan pengajaran bahasa Melayu melibatkan guru-guru yang dikenal pasti oleh pihak sekolah untuk dilatih menjadi guru bahasa Melayu di sekolah berkenaan. Guru-guru (selepas ini dirujuk sebagai pelajar) ini diajar oleh tiga orang guru bahasa Melayu yang merupakan penutur jati bahasa Melayu dari Malaysia dengan bantuan seorang penterjemah. Rasional pelibatan seorang penterjemah adalah untuk memudahkan proses PdP bahasa Melayu memandangkan pelajar yang akan belajar bahasa Melayu itu tidak mempunyai asas berbahasa Melayu. Masalah ini juga dikurangkan dengan struktur PdP secara ‘mentor-mentee’ dan ‘training of trainers’. Struktur PdP berteraskan modul secara berkumpulan ini merupakan pendekatan yang difikirkan paling sesuai untuk memenuhi objektif program.

11 orang guru lelaki dan 7 orang guru perempuan terlibat dalam uji lari modul ini. Daripada 18 orang pelajar ini, terdapat empat orang pelajar yang mempunyai pendedahan terhadap bahasa Melayu secara tidak formal, yakni dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan boleh berbahasa Melayu dialek Pattani sebagai bahasa ibunda. Walau bagaimanapun, keempat-empat

mereka tidak lagi begitu fasih kerana sudah menetap lama di wilayah Phangnga ini yang lingkungan sosialnya berkomunikasi dalam bahasa Thai secara meluas. 14 orang pelajar lain pula tidak langsung memiliki keupayaan berbahasa Melayu.

Dari segi pengalaman pembelajaran bahasa Melayu sebelum program ini, ternyata pelajar-pelajar ini tidak terdedah dengan sistem bahasa Melayu yang standard sama ada dalam penulisan mahupun lisan. Hal ini kerana, kesemua mereka merupakan guru yang mengajar mata pelajaran bukan bahasa Melayu iaitu mengajar Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Matematik, Sejarah, Sains, dan lain-lain. Oleh itu, mereka tidaklah terdedah dengan penggunaan bahasa Melayu semasa belajar dan mengajar justeru inilah kali pertama mereka berhadapan dengan PdP bahasa Melayu secara formal sementelah hasrat pihak sekolah yang ingin memperkenalkan mata pelajaran bahasa Melayu sebagai subjek baharu.

### **3.Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- a) Menguji lari (pilot) modul PdP bagi pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing;
- b) Meninjau keberkesanan pengajaran berdasarkan modul yang diuji lari;
- c) Mengenal pasti peluang penambahbaikan modul dan pendekatan PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing.

## 4. Reka Bentuk Modul dan Proses PdP

### 4.1. Reka bentuk modul

Modul PdP yang dibangunkan untuk tujuan kajian ini mengandungi sembilan (9) unit yang direka bentuk supaya dapat diselesaikan dalam tiga fasa pengajaran yang melibatkan jumlah keseluruhan 84 jam pertemuan PdP. Setiap fasa PdP berlangsung selama 28 jam iaitu, dalam tempoh seminggu.

Kandungan dan penekanan setiap satu unit tersebut adalah seperti yang diperincikan dalam Jadual 1.

Unit	Fokus	Perincian kandungan
1	Pengenalan sistem huruf rumi bahasa Melayu.	Memperkenalkan sistem huruf rasmi bahasa Melayu dan memperkenalkan bentuk tulisan bahasa Melayu. Pengenalan ini penting kerana pelajar hanya mahir menggunakan sistem huruf/ tulisan Thai sahaja.
2	Sistem bunyi dan sebutan bahasa Melayu	Pengenalan terhadap sistem bunyi dalam bahasa Melayu; sistem ejaan, bunyi vokal, konsonan, diftong, dan gugus konsonan. Latihan sebutan pada posisi awal, tengah dan posisi akhir bagi mewakili semua huruf yang terdapat dalam bahasa Melayu.
3	Kosa kata asas (Anggota badan dan institusi keluarga)	Pelajar diajarkan nama-nama bahagian tubuh badan seperti mata, tangan hidung dan kaki. Mereka juga didedahkan kepada nama-nama ahli dalam sistem kekeluargaan Melayu seperti emak, ayah, abang, kakak, adik, emak saudara, nenek, sepupu, ipar dan cucu.
4	Kosa kata asas	Pelajar didedahkan kepada nombor untuk dibaca dan dihafal

	(Penomboran)	<p>seperti nombor kardinal (1-1000000) sa-puluh-ratus-ribu-juta, nombor ordinal seperti pertama, kedua, ketiga, keempat, kesepuluh dan seterusnya. Di samping itu juga dimasukkan juga sub-topik seperti pecahan, perpuluhan, peratusan dan simbol matematik seperti + (campur/tambah), - (tolak), x (kali/darab), ÷ (bahagi) dan, = (sama dengan). Pelajar juga diperkenalkan dengan kosa kata yang berkaitan masa dan waktu seperti saat, minit, jam, pukul, suku, setengah, tengah malam, tengah hari dan lain-lain lagi. Dalam unit ini juga, pelajar diajar cara mengenali mata wang dan pengiraan wang yang melibatkan nilai juta, ribu, ratus, puluh dan sen dengan ilustrasi gambar wang bermula dengan sen (syiling) hingga pelbagai nilai wang kertas.</p>
5	Kosa kata asas (Persekitaran)	<p>Dalam unit ini pelajar didedahkan dan diperkenalkan dengan kosa kata baharu yang wujud di sekeliling persekitaran hidup seperti objek (bendera, pen, sekolah), warna (biru, hitam, kuning), pengangkutan (bas, lori, motosikal, kereta, beca), makanan (nasi, air, mi, kari), rasa (lapar, dahaga, kenyang, sedih, rindu, sakit, masam, pahit), pakaian (baju kurung, baju Melayu, songkok, sampung, kebaya, seluar), haiwan (ikan, katak, harimau), dan buah-buahan (nangka, nanas, belimbing) serta sayur-sayuran (keledek, bayam, kubis, timun), kalendar dan aktiviti harian (hari, semalam, esok, kelmarin, minggu, tahun, bulan), nama negara (Malaysia, Thailand, Singapura) dan cuaca (mendung, panas, hujan, salji, ribut). Banyak gambar berwarna dimasukkan dalam unit ini untuk memudahkan kefahaman pelajar.</p>

6	Ucapan dan sapaan	<p>Pelajar didedahkan dengan perbualan untuk dihafal dengan menggunakan semua bentuk ucap selamat seperti selamat pagi, selamat tengah hari, selamat petang, selamat malam, selamat datang, selamat tinggal, selamat jalan, terima kasih, sama-sama dan pelbagai ucapan selamat yang lain. Pelajar disediakan latihan untuk dilatih tubi di ruangan tetap. Unit ini juga ditambah kosa kata baharu contohnya sila masuk, sila duduk, sila makan, sila minum, sila baca dan sebagainya. Di samping itu dimasukkan juga latih tubi bersambut dalam bentuk soalan dan jawapan contohnya, Apa khabar? Khabar baik, Kamu apa khabar? Saya kurang baik. Selain itu, diperkenalkan juga ucapan selamat bagi perayaan di Malaysia dan Thailand contohnya Selamat Hari Raya, Selamat Tahun Baru Cina, Selamat Hari Deepavali, dan Selamat Hari Natal. Dalam unit ini, latihan ucap selamat secara bergambar dan kosa kata baru dan terjemahannya diperkenalkan.</p>
7	Asas tatabahasa	<p>Unit ini merupakan unit pengenalan terhadap golongan kata dalam bahasa Melayu seperti kata nama, kata kerja, kata tugas dan kata adjektif serta diajarkan juga sistem penjodoh bilangan bahasa Melayu. Antara fungsi penjodoh bilangan yang diajarkan melalui unit ini ialah penggunaan penjodoh bilangan seperti kuntum, orang, ekor, buah, biji, keping, helai, batang, bilah, pasang, buku dan bentuk. Unit ini juga disusuli dengan latihan yang berkaitan dengan golongan kata serta penjodoh bilangan dalam bentuk bergambar dan berbentuk esei.</p>
8	Ayat mudah	<p>Bahagian ini mendedahkan pelajar kepada sistem ayat mudah bahasa Melayu yang melibatkan pembentukan ayat dasar yang</p>

		menepati pola FN+FN, FN+FK, FN+FA dan FN+FSN. Jenis-jenis ayat juga diajar secara bersesuaian dengan tahap permulaan pelajar bahasa asing iaitu mencakupi jenis ayat tanya, ayat penyata, ayat perintah dan ayat seru.
9	Memperkenalkan diri	Pelajar didedahkan dengan topik memperkenalkan diri. Dimulai dengan perbualan memperkenalkan diri seperti, Siapa nama encik?, Berapa umur encik?, Berapa nombor telefon encik?, Apa alamat encik?, dan sebagainya. Unit 9 ini juga dimasukkan banyak latihan tentang memperkenalkan diri dan latihan menyusun ayat. Dalam unit ini juga dimasukkan topik tentang binaan ayat mudah (ayat dasar bahasa Melayu) umpamanya pola FN+FN, contohnya Ali guru, Aishah pelajar, pola FN+FK contohnya Saya makan, Fatimah berlari, pola FN+FA seperti Aishah cantik, Yusof bijak, dan pola FN+FSN seperti, Zulaika ke Kuala Lumpur, Cikgu di sekolah. Tambahan kosa kata berkaitan pekerjaan, dan bangsa serta kata adjektif dimasukkan juga.

**Jadual 1: Kandungan Modul PdP yang digunakan**

## 4.2 Proses PdP

PdP dilakukan selama tiga fasa dengan setiap fasa mengambil masa selama empat hari. Setiap hari kelas dijalankan selama tujuh jam (empat jam sesi pagi dan tiga jam sesi petang). Setiap fasa akan menghabiskan tiga unit pengajaran berpandukan modul. Pelajar melalui waktu pembelajaran dan perbincangan dengan kaedah pengajaran/teknik yang pelbagai mengikut kesesuaian tahap pembelajaran. Pelajar ditinggalkan dengan tugas praktis untuk mereka guna pakai dalam kelas

pengajaran mereka bersama murid-murid sekolah tersebut dan juga membuat latihan berkala secara dalam talian bagi tempoh tiga bulan seterusnya yakni fasa berikutnya bermula.

Dari aspek fonetik dan fonologi, pelajar diajar cara menyebut perkataan mengikut sistem bunyi bahasa Melayu. Pelajar juga diperkenalkan kepada tatabahasa asas dan dilatih membina ayat yang mudah. PdP ini berteraskan modul bahasa Melayu peringkat permulaan (asas) yang dirangka untuk pelajar asing bagi menguasai bahasa Melayu.

Dalam proses PdP ini, pengajar telah menggunakan beberapa kaedah pengajaran bahasa asing yang popular mengikut kesesuaian kerana setiap kaedah memiliki ciri-ciri khas yang tersendiri. Antara kaedah pengajaran bahasa asing yang terlibat adalah seperti *Total Physical Response* (TPR). Contoh aktiviti yang dilaksanakan melalui kaedah ini ialah, menjalankan aktiviti fizikal seperti lakonan, tarian, nyanyian dan permainan yang melibatkan pergerakan dan tindak balas terhadap pembelajaran bahasa. Antara aktiviti lain yang dijalankan pada peringkat permulaan PdP ialah, (i) pelajar memperkenalkan diri dan latar belakang kehidupan mereka secara sendiri; (ii) pelajar dibimbing kemandiriannya untuk cuba bercerita (lisan dan tulisan) tentang apa-apa topik pilihan sendiri untuk dikongsi secara bersama.

Selain itu, kaedah *Community Language Learning* (CLL) juga digunakan apabila pengajar ingin

meningkatkan kemahiran pelajar dengan cara yang lebih mandiri. Kaedah ini berlangsung secara kooperatif apabila pengajar membantu pelajar untuk mewujudkan interaksi bersemuka dan pembentukan kumpulan yang melibatkan pelajar saling membantu menyelesaikan masalah. Aktiviti yang dilakukan adalah berpusatkan pelajar itu sendiri secara berkumpulan contohnya, menyediakan teks perbualan dan menjawab kuiz berkumpulan. Aktiviti seperti melatih perbualan dalam kumpulan kecil dan bekerjasama menjawab kuiz semasa PdP menjadikan kaedah ini lebih galak digunakan setiap kali PdP berlangsung.

Seterusnya, kaedah Oral-aural, Ajuk Hafaz, dan Didik Hibur digabungkan secara bersilih ganti dalam siri-siri PdP untuk membina suasana riang semasa pembelajaran berlangsung. Kaedah ini membantu pelajar meningkat kemahiran bahasa terutamanya dalam kemahiran mendengar dan bertutur. Secara tidak langsung, pelajar terdedah dengan kebudayaan bahasa sasaran yang dipelajari. Contoh aktiviti yang telah dijalankan ialah, guru memperkenalkan nama buah-buahan tempatan dalam bahasa Melayu yang juga popular dalam kebudayaan bahasa pertama pelajar dengan cara pengajar mengulang sebut secara berulang kali dan diikuti oleh pelajar, menyanyikan nama-nama hari dalam bahasa sasaran berpandukan alat bantu audio-visual secara bersama. Pengajar mendapati kaedah ini sangat digemari oleh pelajar kerana mereka lebih terhibur semasa menjalani aktiviti seperti menyanyi, bercerita, menonton video, dan mendengar sedutan audio.

Dalam menerapkan kaedah/ teknik pengajaran semasa PdP berlangsung, pengajar telah mengambil inisiatif dengan menggunakan kaedah terus dan terjemahan semasa mengajar. Kaedah terus telah digunakan oleh guru dalam menyampaikan maklumat yang agak banyak dalam tempoh masa tertentu sebagai input yang perlu dikuasai seperti memperkenalkan kosa kata bahasa Melayu dan mengajar menyebut kosa kata tersebut. Ada ketikanya, kaedah ini berlangsung dengan disokong oleh kaedah terjemahan. Khidmat penterjemah digunakan ketika setiap sesi PdP bagi melancarkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu arahan dan maklumat baharu yang diperkenalkan. Hal ini menunjukkan bahawa tidak semua kaedah dapat dilakukan secara bersendirian. Kaedah terus umpamanya tidak dapat diaplikasikan secara sepenuhnya kerana pelajar tidak mempunyai pengetahuan yang asas tentang bahasa sasaran tersebut. Oleh itu, kaedah ini perlu digandingkan bersama dengan kaedah terjemahan bagi memastikan pelajar faham akan apa yang disampaikan dalam bahasa yang diajar. Pada akhir PdP berteraskan modul ini, pelajar dinilai tahap penguasaan bahasa Melayu mereka melalui ujian penilaian.

## **5. Ujian Penilaian**

Ujian Penilaian diadakan apabila pelajar tamat mengikuti kelas sepenuhnya selama 84 jam. Ujian ini mengambil masa selama 1 jam 30 minit. Komposisi soalan dan pembahagian markah adalah seperti yang terdapat pada Jadual 2 dan 3 di bawah.

<b>Soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Bahagian Soalan</b>	<b>Huraian</b>
Kertas 1  <b>Penulisan</b>	40	Bahagian A	Soalan 1 (10 markah): Menulis nombor dalam perkataan.  Soalan 2 (5 markah): Menulis nama buah-buahan.  Soalan 3 (5 markah): Menulis nama hari.  Soalan 4 (5 markah): Mengisi tempat kosong dengan kata adjektif yang tepat.
		Bahagian B	Soalan 1 (5 markah) : Menyusun perkataan menjadi ayat.  Soalan 2 (10 markah): Membina ayat mudah.
Kertas 2  <b>Lisan &amp; Kefahaman</b>	10	Bahagian A	Soalan 1 (5 markah): Menyebut 10 nama objek berdasarkan gambar yang diberikan.
		Bahagian B	Soalan 2 (5 markah): Membaca petikan dan menjawab soalan secara lisan.

**Jadual 2: Komposisi soalan dan pembahagian markah Ujian Bahasa Melayu.**


No	Soalan	Pengetahuan	Kefahaman	Aplikasi	Analisis	Sintesis	Jumlah Soalan	Markah
1	Menulis nombor menggunakan perkataan	√	√	√		√	10	10
2	Menulis nama buah-buahan berpandukan gambar.	√	√	√		√	5	5
3	Isi tempat kosong dengan susunan hari yang tepat.	√	√	√	√	√	5	5
4	Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang tepat.	√	√	√	√	√	5	5
5	Menyusun semula perkataan menjadi ayat yang lengkap.	√	√	√	√	√	5	5
6	Bina ayat.	√	√	√	√	√	5	10
7	Menyebut nama objek berpandukan gambar.	√	√	√	√	√	10	5
8	Petikan kefahaman.	√	√	√	√	√	5	5
<b>Jumlah</b>							<b>50</b>	<b>50</b>

**Jadual 3: Jadual spesifikasi Ujian Bahasa Melayu**

## 6. Dapatan Kajian

Sebanyak 18 skrip jawapan Ujian Penilaian Bahasa Melayu dikumpul bagi tujuan pengumpulan dan penganalisisan data. Kesemua skrip ujian merupakan skrip jawapan pelajar yang telah selesai mempelajari kesemua silibus modul. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk melihat purata dan peratusan variabel berkaitan data bagi menjelaskan prestasi pelajar dalam ujian tersebut.

Ringkasan purata markah bagi setiap soalan adalah seperti dalam Carta 1.



**Carta 1: Purata markah bagi setiap soalan.**

Penerangan pencapaian bagi setiap soalan adalah seperti berikut:

### 6.1. Menulis nombor menggunakan perkataan

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 10 markah iaitu seramai enam orang pelajar (33%). Tiga orang pelajar memperoleh markah terendah, iaitu 2 markah (17%).

Selebihnya yang memungut antara 3-9 markah ialah seramai sembilan orang (50%). Purata markah bahagian *menulis nombor menggunakan perkataan* ialah (71%).

## **6.2. Menulis nama buah-buahan berpandukan gambar**

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 5 markah iaitu seramai enam orang pelajar (33%). Dua orang pelajar memperoleh markah terendah iaitu 1 markah (11%). Selebihnya yang memungut antara 2-5 markah ialah seramai 10 orang (56%). Purata markah bahagian ini ialah (73%).

## **6.3. Isi tempat kosong dengan susunan hari yang tepat**

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 5 markah iaitu seramai 12 orang pelajar (67%). Seorang pelajar memperoleh markah terendah iaitu 1 markah (6%). Selebihnya, lima orang pelajar telah memungut antara 2-5 markah ialah seramai 10 orang (27%). Purata markah bahagian *isi tempat kosong dengan susunan hari yang tepat* ini ialah (86%).

## **6.4. Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang tepat**

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 5 markah iaitu seramai 17 orang pelajar (94%). Seorang pelajar memperoleh markah terendah iaitu 1 markah (6%). Purata markah bahagian *isi tempat kosong dengan kata adjektif yang tepat* ini ialah (96%).

### **6.5. Menyusun semula perkataan menjadi ayat yang lengkap**

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 5 markah iaitu seramai tiga orang pelajar (17%). Dua orang pelajar memperoleh markah terendah iaitu 1 markah (11%). Selebihnya yang memungut antara 2-4 markah ialah seramai 13 orang (72%). Purata markah bahagian ini ialah (70%).

### **6.6. Bina ayat**

Markah penuh bahagian ini adalah sebanyak 10 markah. Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 10 markah iaitu diwakili seorang pelajar sahaja (6%). Seorang pelajar juga telah memperoleh markah terendah iaitu 0 markah (6%). Selebihnya yang memungut antara 1-9 markah ialah seramai 16 orang (88%). Purata markah bahagian ini ialah (66%).

### **6.7. Menyebut nama objek berpandukan gambar**

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian ini adalah 5 markah iaitu seramai empat orang pelajar (22%). Dua orang pelajar memperoleh markah terendah iaitu 2 markah (11%). Selebihnya yang memungut antara 3-4 markah ialah seramai 12 orang (67%). Purata markah bahagian ini ialah (77%).

## 6.8. Petikan kefahaman

Markah tertinggi yang diperoleh pelajar pada bahagian *petikan kefahaman* adalah 5 markah iaitu seramai tujuh orang pelajar (38%). Seorang pelajar memperoleh markah terendah iaitu 2 markah (6%). Selebihnya yang memungut antara 3-4 markah ialah seramai 10 orang (56%). Purata markah bahagian *petikan kefahaman* ialah (76%).

## 7. Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan modul PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Hasil keputusan peperiksaan menunjukkan bahawa kesemua pelajar memperoleh keputusan yang baik dan lulus sekurang-kurang mencapai gred C berdasarkan skala berikut:

Markah	Gred	Tahap
41-50	A	Cemerlang
31-40	B	Kepujian
21-30	C	Lulus
11-20	D	Lemah
0-10	E	Gagal

**Jadual 4: Skala markah**

Pelajar dapat memahami dan mengikuti setiap unit yang diajar dengan baik dan berkesan.

Sebahagian besar pelajar lebih bersedia dan memahami soalan dengan baik iaitu mereka dapat

menjawab soalan berbentuk *isi tempat kosong dengan kata adjektif yang tepat* dengan baik dan mendapat markah yang cemerlang iaitu purata markah 96%. Dalam bahagian ini, pelajar menunjukkan prestasi baik dan kefahaman yang tinggi terhadap kehendak soalan dan konteks ayat yang memerlukan mereka menggunakan kata adjektif bersesuaian. Kemahiran membaca dan memahami ayat yang lompong dengan kata adjektif ini amat baik. Petunjuk kepada prestasi baik ini adalah disebabkan pelajar sering didedahkan dengan bentuk soalan kata adjektif ini semasa dalam proses PdP melalui aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa. Sementara itu, bentuk-bentuk kata adjektif bahasa Melayu mudah dikuasai kerana semua aktiviti yang dijalankan (di dalam kelas serta di luar kelas) secara langsung atau tidak langsung melibatkan pengaplikasian bentuk kata ini sama ada secara sendiri mahupun dibimbing pengajar malah fokus PdP dalam bahagian kata adjektif ini memfokuskan kata adjektif perasaan, pancaindera, ukuran, warna dan sifat. Tambahan pula, bentuk pengujian (soalan) pada bahagian ini hanya memerlukan pelajar menjawab (mengisi tempat kosong dengan jawapan yang betul) dengan memilih cadangan kata adjektif yang telah disediakan. Daripada pemerhatian pengajar, pelajar menunjukkan minat dan fokus terhadap pelajaran kata adjektif berbanding bentuk-bentuk kata lain. Hal ini disebabkan oleh motivasi pelajar yang menganggap bentuk kata adjektif ini sebagai topik pelajaran yang relevan dan penting dalam komunikasi berbanding dengan kata nama. Fokus terhadap kata nama tidak begitu ditumpukan secara serius oleh pelajar sebagai keperluan utama untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran kerana kata nama yang konkrit dapat dikenal pasti dengan melihat secara langsung dan dapat dirujuk

dengan menunjuk (tuding) kepada sesuatu objek. Keperluan menguasai kata adjektif dilihat lebih mendesak kerana bersifat mujarad (abstrak) dan difikirkan penting untuk tujuan penggunaan seharian mereka.

Manakala, bahagian soalan *bina ayat* memberi sumbangan markah yang rendah kepada pelajar, iaitu dengan purata sebanyak 66%. Pelajar masih dapat menguasai pola ayat dasar namun peratusan pungutan markah adalah kecil berbanding bahagian lain kerana markah dipotong akibat kesalahan ejaan. Dapatan analisis menunjukkan, skor pelajar rendah pada bahagian ini bukan disebabkan kesalahan binaan pola ayat yang salah (terdapat kesalahan tetapi bukan yang dominan) kerana pola ayat dalam bahasa Thai adalah mirip dengan pola ayat dasar bahasa Melayu sebaliknya kesalahan yang ketara pada bahagian ini adalah disebabkan ejaan yang salah. Menjadi kebiasaan dalam mempelajari bahasa asing jika terdapat kesalahan seperti ini dilakukan, namun perlu dijadikan pengukur kesalahan supaya dapat diatasi pada proses PdP selanjutnya. Kesalahan ejaan ini berlaku kerana pelajar masih ragu-ragu dengan bunyi yang tepat dalam bahasa Melayu seperti ejaan beli dieja sebagai [berle], kereta sebagai [kerata], merah sebagai [mera]. Gangguan bahasa pertama (bahasa Thai) pelajar dari segi ejaan roman Thai yang menyebabkan sesetengah perkataan dieja menggunakan sistem roman yang disisipkan dengan sebutan /ɾ/. Terdapat juga gangguan bahasa pertama ketika mereka mengeja perkataan yang lebih daripada dua suku kata kerana perkataan dalam bahasa Thai lebih banyak berbentuk satu suku kata dan dua suku kata.

Bahagian *isi tempat kosong dengan susunan hari yang tepat*, berada pada tahap kedua terbaik dengan purata markah pelajar ialah 86%. Pelajar dapat menyusun nama-nama hari dengan tepat namun tidak mampu memungut markah penuh kerana ada kesalahan pada ejaan nama hari tersebut. Bahagian ini sekali lagi menunjukkan kesalahan ejaan perlu diatasi dan kefahaman pelajar tentang nama-nama hari dalam bahasa Melayu adalah terbaik. Berdasarkan analisis, ejaan yang kerap disalah eja ialah kata “Isnin” yang dieja sebagai [isnan], “Jumaat” [jumah/jumaah] dan “Selasa” sebagai [salasa]. Hal ini ini kerana berlakunya pengaruh bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang dikuasai oleh pelajar yang melakukan kesalahan ejaan seperti ini.

Seterusnya ialah bahagian *menyebut nama objek berpandukan gambar*, berada pada kedudukan ketiga dengan purata markah pelajar ialah 77%. Pelajar dapat mengenal pasti nama objek dan menyebutnya dengan baik dalam nilai bunyi bahasa Melayu namun bagi pelajar yang tidak dapat skor penuh pada bahagian ini adalah disebabkan sebutan mereka dipengaruhi sebutan dialek bahasa Melayu Patani seperti objek pisang disebut sebagai [pisẽ], nanas [nanah], kapal [kapa].

Bagi bahagian *petikan kefahaman*, pelajar dapat menguasai isi petikan teks yang disediakan dengan membaca serta mensintesis dan dijawab secara lisan berpandukan jawapan aneka pilihan. Purata markah bahagian ini adalah 76%. Penelitian yang dilakukan mendapati ada hubungan rapat antara bahagian ini dan bahagian *menyebut nama objek berpandukan gambar* iaitu pengujian adalah

berteraskan penilaian kemahiran lisan, justeru purata markah yang diperolehi hanya mengalami selisih 1% sahaja. Menurut Hamdan Abdul Rahman (seperti dipetik dalam Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhamad. 2003), walaupun sistem tulisan yang digunakan dalam bahasa Thai ialah dalam bentuk aksara Thai, namun penggunaan aksara roman juga digunakan dalam kehidupan warganegara mereka seperti untuk menulis nama tempat. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu mereka menyebut perkataan dalam bahasa Melayu dengan baik walaupun kadang-kadang terdapat juga sedikit kesalahan dari aspek fonologi. Malah, terdapat pelajar yang terlibat berasal dari wilayah selatan Thai dan menuturkan dialek Melayu Pattani. Faktor ini secara tidak langsung membantu mereka memahami makna konsep pertuturan dalam aktiviti lisan tersebut dan seterusnya membantu menjawab soalan yang diberikan dengan menggunakan sistem sebutan dengan agak baik.

Berdasarkan analisis dalam bahagian soalan *menyebut nama objek berpandukan gambar* dan bahagian *petikan kefahaman*, wujud suatu dilema dalam kalangan pelajar iaitu tentang ketepatan sebutan dan kefasihan tuturan. Bagi pelajar yang tidak dipengaruhi dialek Pattani, mereka berupaya menyebut nama objek dan membaca teks kefahaman dengan ketepatan bunyi bahasa Melayu standard secara agak baik berbanding pelajar yang terpengaruh dengan dialek Pattani apabila sebutan dan bacaan mereka memperdengarkan bunyi yang meleset daripada bahasa Melayu standard. Walau bagaimanapun, dari sudut makna, hal yang disebut atau dituturkan (membaca teks) itu tidaklah menyimpang.

Dilema ini dibimbangi mempengaruhi proses PdP antara mereka dengan murid-murid mereka kelak ketika mana mereka mengajar ejaan dan sebutan yang standard (tepat) namun secara realiti penggunaan di luar bilik darjah mereka menyebutnya secara tidak standard. Murid-murid yang mendengarnya di luar bilik darjah akan mengalami kekeliruan dan menyukarkan mereka untuk menentukan ketepatan ejaan dan sebutan yang sebenar. Sepatutnya, pelajar menjadi contoh (teladan) kepada murid-murid mereka untuk tidak menggunakan sebutan atau ejaan yang tidak tepat di luar lingkungan PdP walaupun penyampaian mereka itu fasih dan bermakna. Secara tuntas, ketepatan dan kefasihan yang standard diperlukan dalam PdP agar dilema ini tidak membelenggu kelompok pelajar (termasuk murid-murid) yang tidak mempunyai asas berbahasa Melayu. Namun begitu, jika berada dalam kelompok mereka sendiri (pelajar yang ada asas berbahasa Melayu – dialek Pattani) perkara ini tidaklah menjadi suatu kebimbangan apabila berlangsung secara tidak formal yakni berkomunikasi sesama mereka sahaja. Walaupun begitu, perkara ini tidak sepatutnya berlaku dalam PdP dengan anak murid mereka.

Di tempat kelima, bahagian *menulis nama buah-buahan berpandukan gambar* memperolahkan purata markah pelajar sebanyak 73%. Pada bahagian pengujian ini, pelajar mampu mengenal jenis-jenis buah tetapi mempunyai masalah untuk mengeja. Bahagian *menulis nombor menggunakan perkataan*, merupakan bahagian yang memberikan sumbangan markah purata sebanyak 71%. Dalam kedua-dua bahagian ini, dikenal pasti wujud kesalahan ejaan dalam kekeliruan mengeja

perkataan puluh yang dieja sebagai pulu apabila fonem [h] pada hujung perkataan tersebut digugurkan (tidak ditulis). Menurut Paitoon (seperti dipetik dalam Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhamad, 2003) dalam sistem konsonan bahasa Thai bunyi geseran [h] memang wujud, tetapi kebiasaannya ia tidak hadir pada posisi akhir suku kata. Hal ini secara tidak langsung menjadi hambatan kepada penutur Thai dalam pembelajaran bahasa Melayu. Apabila konsonan [h] tidak hadir dalam posisi akhir kata, maka penggunaannya dalam pembelajaran bahasa Melayu juga dipadamkan atau dihilangkan begitu sahaja dan digantikan dengan kepanjangan bunyi vokal, contohnya perkataan [marah] diganti [mara:]. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi aspek kemahiran menulis mereka. Selain itu, masalah ejaan ini juga disebabkan oleh bentuk sistem morfologi bahasa Thai dan bahasa Melayu adalah berbeza. Oleh sebab itu, Paitoon (seperti dipetik dalam Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhamad, 2003), mencadangkan kepada penutur Thai yang ingin menguasai bahasa Melayu dengan tepat untuk menyesuaikan sebutan mereka dengan kata-kata dwisuku dalam bahasa Melayu, khususnya apabila melibatkan aspek pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan.

Akhirnya ialah purata markah pada bahagian *menyusun semula perkataan menjadi ayat yang lengkap* iaitu sebanyak 70%. Bahagian ini menduduki tempat kedua terendah sebelum bahagian *bina ayat*. Menyusun semula ayat dengan perkataan yang diberikan menjadi satu kelebihan kepada pelajar untuk skor markah yang lebih baik daripada membinanya sendiri. Walau bagaimanapun, kemahiran membuat sintesis terhadap makna agak lemah kerana mereka gagal menyusun perkataan

yang diberikan itu menjadi ayat yang gramatis dan bermakna. Kekangan penutur Thai dalam memahami konsep binaan ayat dalam bahasa Melayu adalah disebabkan oleh faktor struktur kata sama ada yang berfungsi sebagai subjek dan predikat. Contohnya, bagi ayat yang ada dua kata nama, pelajar keliru untuk memilih yang mana satu sebagai subjek sebenar dalam ayat walaupun mereka mengetahui makna kedua-dua kata tersebut. Dalam hal ini, pelajar gagal mengenal pasti penanda kata nama yang menjadi subjek ayat apabila telah disediakan kata nama yang bermula dengan huruf besar sebagai judul ayat. Misalnya, soalan; 'tiga ada kakak orang Saya' disusun semula menjadi 'kakak Saya ada tiga orang' yang sepatutnya ditulis sebagai 'Saya ada tiga orang kakak'. Kelemahan dalam menghasilkan ayat yang tepat dan gramatis juga adalah disebabkan mereka masih terkeliru dengan pola bahasa ibunda mereka dalam pembinaan ayat yang melibatkan frasa nama dan frasa kerja. Dalam hal ini, Paitoon (seperti dipetik dalam Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhamad, 2003) mengklasifikasikannya sebagai pengaruh serialisasi ke atas kata kerja. Selain itu, soalan yang sering mendapat skor setengah daripada markah penuh ialah yang melibatkan susunan kata membentuk ayat seperti contohnya; 'tidak Emak hari ini saya sihat' menjadi 'Emak saya hari ini tidak sihat' yang sepatutnya disusun sebagai 'Emak saya tidak sihat hari ini'. Hal ini terjadi akibat kekeliruan mengenal pasti objek dan penerang dalam predikat.

Nilai markah pada bahagian-bahagian yang diuji menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung mendapat markah yang tinggi pada bahagian petikan kefahaman dan bahagian isi tempat kosong

dengan jawapan yang sesuai dapat memberikan sumbangan markah yang bermakna kepada pelajar. Hal ini mungkin kerana pelajar sudah disediakan jawapan yang perlu dipilih berdasarkan kesesuaian soalan. Purata keseluruhan keputusan ujian ialah 76%, iaitu seramai tujuh orang mendapat gred A, lapan orang mendapat gred B dan bakinya seramai tiga orang mendapat gred C. Keputusan ini mencatatkan tahap penguasaan bahasa Melayu secara keseluruhannya adalah baik dan perkara ini merupakan refleksi kepada kaedah pengajaran, sukatan modul dan komitmen pelajar itu sendiri.

## **8. Peluang Penambahbaikan**

Bertitik tolak daripada dapatan uji lari dan perbincangan pencapaian pelajar, terdapat beberapa hal yang boleh diberikan perhatian untuk menambah baik proses PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing di Thailand khususnya di sekolah terbabit. Antara cadangan penambahbaikan tersebut ialah, pertama, pengajar perlu mengklasifikasikan keupayaan pelajar dengan topik yang setara untuk dikuasai mereka bagi membolehkan mereka menguasainya dengan benar-benar mahir dan mampu menjadi rujukan kepada anak murid mereka. Selain itu, penggunaan teknologi maklumat yang terkini seperti penggunaan telefon pintar semasa PdP berlangsung perlu disyorkan sebagai alat bantu belajar yang efisien untuk mencapai maklumat serta menyelesaikan tugas secara cepat dan praktis.

Dari segi penambahbaikan terhadap modul PdP pula, dicadangkan supaya pengajar mengurangkan fokus pembelajaran golongan kata nama konkrit. Pelajar tidak seharusnya dibekalkan dengan kosa kata daripada golongan kata nama (konkrit) yang sangat banyak kerana mereka mampu menanganinya secara sendiri disebabkan perkara tersebut wujud di sekeliling mereka sebaliknya hanya menekankan yang benar-benar diperlukan sahaja dalam membentuk kemahiran komunikasi asas.

Seterusnya, aspek fonologi dapat dikemaskan lagi pengajarannya dengan membuat perbandingan bunyi yang ada dan yang tiada dalam bahasa pertama (Thai) dan bahasa sasaran (bahasa Melayu). Contohnya dengan menegaskan kepada pelajar bahawa bunyi konsonan [h] dalam bahasa Melayu pada bahagian suku kata akhir tertutup adalah wujud dan perlu dibunyikan yakni tidak boleh disenyapkan seperti dalam sistem fonologi bahasa Thai. Hal ini dapat membantu memperbetulkan sebutan dan ejaan yang melibatkan aksara roman bahasa Melayu. Bagi pelajaran membentuk ayat, pengajar perlu menekankan penggunaan huruf besar sebagai pemula ayat (judul/subjek). Pelajar sebelum ini sudah terbiasa dengan penulisan bahasa pertama mereka yakni sistem tulisan aksara Thai yang berbeza dengan sistem rumi bahasa Melayu. Oleh sebab itu mereka mengabaikan penggunaan huruf besar pada perkataan pertama yang bertindak sebagai pemula ayat. Cara terbaik adalah dengan memperbanyak latihan menyusun semula perkataan membentuk ayat yang lengkap dan latihan menulis ayat mudah. Ke kerapannya latihan akan membiasakan pelajar dengan sistem

tulisan rumi bahasa sasaran mereka malah dapat mengukuhkan pemahaman mereka terhadap sistem ini.

Permasalahan ketepatan dan kefasihan berbahasa perlu diberi perhatian yang serius kerana jika tidak hal ini akan menjadi dilema yang tiada penghujungnya lantas memberi impak negatif terhadap perkembangan pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan murid di sekolah berkenaan. Pengajar perlu membina kesedaran dan memperteguh sikap pelajar dalam penggunaan bahasa Melayu yang tepat sebutannya dalam komunikasi harian mereka agar apa yang diajar kepada anak murid di dalam bilik darjah adalah sama dengan apa yang dituturkan oleh guru mereka di luar kelas. Nilai bunyi yang tepat dengan ejaan mencerminkan tahap penguasaan dan penggunaan bahasa yang baik dan mengukuhkan lagi kefasihan berbahasa serta ketepatan penyampaian maklumat agar tidak wujud salah faham dalam komunikasi.

## **9. Kesimpulan**

Kajian mendapati bahawa penggunaan modul dalam PdP bahasa Melayu sebagai bahasa asing di sekolah ini mencapai matlamat dan objektifnya. Walau bagaimanapun uji lari ini dianggap memuaskan berdasarkan pencapaian secara purata oleh para pelajar dan berkeupayaan untuk membentuk tapak asas kepada pelajar supaya dapat membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, dapat memahami makna kata, frasa dan ayat mengikut konteks petikan kefahaman dan

memahami jenis kata dan penggolongannya. Setelah keseluruhan modul PdP ini selesai dijalankan, ruang penambahbaikan perlu diberi tumpuan untuk merintis pembelajaran subjek bahasa Melayu di sekolah tersebut secara berterusan malah keberkesanan PdP ini boleh ditambah baik dari semasa ke semasa. Kajian ini merupakan satu kajian yang rintis dalam mencapai objektif permulaan program pembangunan bahasa Melayu sebagai subjek tambahan di sekolah berkenaan dan dicadangkan kajian seterusnya dapat dilakukan dengan senantiasa mengadakan PdP bersama pelajar terbabit untuk mengasah potensi dan mencapai kecekapan berbahasa Melayu secara holistik. Semasa uji lari ini dijalankan, faktor penting yang mendorong pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing di sekolah tersebut ialah motivasi yang ada dalam diri setiap pelajar telah membantu proses PdP berjalan dengan licin kerana masing-masing sedar akan keperluan mempelajari bahasa Melayu ini untuk dijadikan subjek tambahan di sekolah mereka walaupun faktor persekitaran yang wujud agak melimitasikan ruang dan peluang mereka untuk berkomunikasi dengan masyarakat setempat. Kekangan tersebut tidaklah berimpak tinggi kerana faktor sokongan komuniti yakni pihak sekolah yang senantiasa menyokong usaha ini menjadikan PdP dalam kajian ini dapat dijalankan dengan keadaan saling membantu dan komprehensif. Secara tidak sedar, semangat dan kesediaan mempelajari bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing ini telah mewujudkan satu kelestarian pengajaran bahasa Melayu di sekolah mereka yang akhirnya diharapkan dapat digunakan secara meluas dalam komuniti mereka dan antarabangsa terutamanya pada peringkat ASEAN.

## Bibliografi

- Ab. Razak Ab. Karim dan Muhammad Saiful Haq bin Hussin. (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Santitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, 22, 18-44.
- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan Kemahiran Membaca Dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah di Luar Bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 1 (1). pp. 1-12. ISSN: 2180-4842.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2016). Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Bagi Membentuk Kemahiran Insaniah Pelajar di Universiti Awam. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jil.7: 25-35.
- Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhamad. (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahasa Asing. (2016). Dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Dicapai daripada <http://kbbi.kata.web.id/bahasa-asing/>
- Harshita Aini Haroon.et.al (2017). *To be able to use Malay again: Voices from the community*. Prosiding Symposium of International Language & Knowledge (SILK2017).
- Jumiya, Ahmad (2014) *Masalah pembelajaran dan penguasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid-murid Kensiu: Satu kajian kes*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Krashen, Stephen D. (1981). *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon.
- Krashen, Stephen D. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford: Pergamon.
- Krashen, Stephen D., Terrell, Tracy D. (1983). *The Natural Approach: Language Acquisition in the Classroom*. New York: Prentice-Hall.
- Mazlina Baharudin & Razalina Md Radzi. (2015). *Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing Kepada Pelajar Dari Negara China: Perkongsian Pengalaman Di Universiti Sains Malaysia*. *Dinamika Ilmu*, 15(1), 85-98.

Indhumathy a/p Munusamy. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Peralihan di Tiga Buah Sekolah Di Daerah Skudai*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia.

Zamri Mahamod, Celinea anak Lasan & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2009). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di Negeri Sarawak. *Asean of Journal Teaching and Learning in Higher Education*, 1 (1): 8-25. Bangi: Penerbitan Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://pkukmweb.my/jtlhe/>

**Inovasi Kaedah Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar  
Antarabangsa Di Universiti Malaysia Malaysia Pahang**

**Jamilah Bebe Binti Mohamad, Juwairiah Binti Osman, Amy Zulaikha Binti Mohd Ali  
& Jamal Rizal Bin Razali**

**Universiti Malaysia Pahang**

**jamilahbebe@ump.edu.my**

**Abstrak:**

Kertas ini akan membincangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PnP) yang dilaksanakan oleh para guru Bahasa Melayu di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Bahasa Melayu (BM) di UMP adalah kursus wajib bagi pelajar antarabangsa dan ditawarkan dalam dua tahap iaitu Tahap Permulaan dan Lanjutan. Setiap kursus bernilai satu kredit dan pertemuan dijalankan selama dua jam setiap minggu. Berdasarkan perkembangan masa, teknologi dan generasi, pendekatan dan strategi PnP bagi kursus BM ini juga perlu diselarikan supaya berkemampuan mengekalkan ketekalan tumpuan para pelajar generasi Z atau generasi siber ini. Oleh yang demikian, beberapa inovasi dalam PnP telah diperkenalkan dan dilaksanakan bagi memaksimumkan kesan atau hasil pembelajarannya. Melalui penerapan dan pelaksanaan inovasi PnP ini, didapati para pelajar menunjukkan minat dan membantu pemahaman mereka dengan lebih baik. Hal ini menunjukkan bahawa penerapan pelbagai inovasi boleh dijadikan sebagai salah satu strategi PnP yang ampuh kerana bersesuaian dengan generasi pelajarnya.

**Kata Kunci:** Inovasi, Pengajaran & Pembelajaran, Pelajar Antarabangsa, Bahasa Melayu.

## Pengenalan

Di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kursus Bahasa Melayu mula ditawarkan kepada para pelajar antarabangsa bermula pada semester 2 2009/2010, iaitu dengan penawaran dua peringkat dan dikenali sebagai kursus Malay For Beginners (UHF1161) dan Malay For Intermediate (UHF2161). Malay For Beginners (UHF1161) dianggap sebagai bahasa Melayu permulaan dan Malay For Intermediate (UHF2161) sebagai bahasa Melayu Lanjutan. Kedua-dua kursus ini wajib diambil dan diselesaikan oleh kesemua pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di universiti ini sebagai syarat untuk bergraduasi. Kursus ini ditawarkan oleh Jabatan Bahasa Asing di Pusat Bahasa Modern & Sains Kemanusiaan UMP. Para pelajar antarabangsa boleh memilih semester mana yang mereka inginkan untuk mengikuti kursus ini sepanjang pengajian mereka dengan syarat mengikuti kursus peringkat satu UHF 1161 terlebih dahulu dan mestilah lulus sebelum mendaftar kursus peringkat 2 UHF2161. Pelajar yang gagal peringkat satu tidak dibenarkan untuk mendaftar peringkat kedua dan dikehendaki untuk mengulangi kembali kursus ini sehingga lulus. Jika mana-mana pelajar yang tidak lulus mana-mana peringkat kursus ini atau tidak menghabiskan kedua-dua kursus ini maka mereka tidak layak untuk bergraduasi dari UMP. Oleh hal yang demikian kursus ini menjadi kursus yang ditawarkan setiap semester kepada para pelajar antarabangsa. Setiap peringkat kursus ini terdapat 4 ujian penilaian yang perlu diduduki oleh para pelajar ini, iaitu ujian penilaian mendengar, membaca, menulis dan bercakap. Berikut merupakan jadual dan pecahan markah setiap penilaian di kedua-dua peringkat kursus ini dan minggu pelaksanaan setiap ujian:

**Jadual 1.1: Pecahan Markah Untuk Ujian Penilaian dan Minggu Pelaksanaan Ujian Penilaian Untuk Kursus Malay For Beginners (UHF1161) dan Malay For Intermediate (UHF2161)**

<b>Kursus</b>	<b>Malay For Beginners (UHF1161)</b>	<b>Malay For Intermediate (UHF2161)</b>	<b>Minggu Pelaksanaan</b>
<b>Ujian Penilaian</b>			
Mendengar	40 markah	30 markah	4 & 10
Membaca	20 markah	20 markah	8 & 14
Menulis	10 markah	10 markah	14
Bercakap	30 markah	40 markah	7 & 14
<b>TOTAL</b>	100 markah	100 markah	

Kesemua penilaian ini dilakukan dari semasa ke semasa seperti yang dicatatkan dalam jadual di atas dan tiada peperiksaan akhir dilaksanakan. Syarat untuk lulus kursus ini para pelajar dikehendaki untuk memperolehi markah keseluruhan sebanyak 40 markah hasil daripada kesemua ujian pencapaian. Setiap satu ujian penilaian ini dilaksanakan sebanyak dua kali kecuali ujian pencapaian menulis, iaitu hanya sekali. Manakala untuk ujian bercakap yang dilakukan sebanyak dua kali ianya melibatkan ujian secara individu dan berkumpulan. Setiap pecahan ujian ini dilakukan dengan peratusan markah yang telah ditetapkan seperti jadual dibawah:


**Jadual 1.2: Pecahan Markah Untuk Setiap Satu Ujian Pencapaian Untuk Kursus Malay For Beginners (UHF1161) dan Malay For Intermediate (UHF2161)**

	Malay For Beginners (UHF1161)	Malay For Intermediate (UHF2161)
Ujian Pencapaian Mendengar (1)	20 markah	10 markah
Ujian Pencapaian Mendengar (2)	20 markah	20 markah
Ujian Pencapaian Membaca (1)	10 markah	10 markah
Ujian Pencapaian Membaca (2)	10 markah	10 markah
Ujian Bercakap Individu (1)	10 markah	20 markah
Ujian Bercakap Berkumpulan (2)	20 markah	20 markah
Ujian Pencapaian Menulis (1)	10 markah	10 markah
<b>TOTAL</b>	<b>100 markah</b>	<b>100 markah</b>

Berdasarkan jadual pecahan ujian penilain dan pemarkahan ini para pelajar antarabangsa ini secara jelas perlu menguasai empat kemahiran utama dalam berbahasa secara selaras dan seimbang agar mereka boleh berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa ini. Keempat empat kemahiran tersebut ialah kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bercakap.

Kelas-kelas bahasa Melayu di UMP dijalankan seperti kelas-kelas bahasa yang lain menggunakan makmal bahasa yang dilengkapi dengan komputer dan setiap kelas dihadkan kepada 30 orang pelajar sahaja. Gambar dibawah menunjukkan makmal bahasa yang digunakan untuk menjalankan kelas bahasa Melayu.

**Gambar 1.0: Gambar makmal bahasa yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa di UMP**



## **Inovasi dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.**

Mengapa perlunya inovasi? Persoalan ini sering bermain difikiran mahupun diajukan oleh pelbagai pihak kepada tenaga pengajar kursus ini. Bagi menjawab persoalan ini berikut merupakan beberapa “*turning point*” atau sebab mengapa inovasi diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini. Sebab utama adalah kerana suasana persekitaran para pelajar ini untuk mempelajari bahasa Melayu tidak merangsang mereka untuk belajar dan menguasai bahasa ini. Hal ini demikian kerana seperti kita semua sedia maklum bahawa di Malaysia warganegara asing boleh meneruskan kelangsungan hidup mereka sekiranya mereka mampu bertutur bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris sering menjadi pilihan untuk berkomunikasi di negara ini sama ada oleh warganegara luar mahupun warganegara Malaysia sendiri. Hal yang sama turut berlaku kepada para pelajar ini yang mana mereka lebih memilih untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris sama ada sesama mereka mahupun dengan pelajar atau tenaga pengajar di UMP. Merasakan bahasa Melayu tiada keperluan yang dominan dalam kehidupan mereka, maka proses pembelajaran bahasa ini sekadar bermatlamatkan lulus peperiksaan atau mendapat gred yang bagus semata-mata tanpa ada minat dan keperluan. Selain itu, para pelajar juga sering mempersoalkan rasionalnya mereka mengikuti dan mempelajari bahasa Melayu di universiti ini memandangkan UMP merupakan universiti kejuruteraan dan tujuan mereka adalah untuk mempelajari kursus-kursus yang ditawarkan untuk menjadikan mereka seorang jurutera bukannya juru bahasa. Kebanyakan mereka merasakan kursus ini tidak membantu mereka untuk menjadi jurutera dan mengapa ianya diwajibkan kepada mereka. Selain itu bahasa pengantar yang digunakan di UMP untuk kursus kejuruteraan ialah bahasa Inggeris dan hal ini menambahkan lagi sebab dan asbab pelajar antarabangsa ini untuk merasakan tidak perlu mempelajari bahasa Melayu.

Berdasarkan beberapa persoalan dan keperluan ini maka inovasi telah dilakukan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini. Ingin tampil berani berbeza dan bermatlamatkan agar persepsi dan tanggapan para pelajar ini berubah terhadap kursus ini maka usaha kearah menginovasikan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa ini mula dilaksanakan. Usaha ini semakin meluas atas dasar untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih positif dan menyeronokkan.

## **Persediaan Inovasi yang dilaksanakan dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran**

Perkataan ‘inovasi’ berasal daripada bahasa Latin *innovationem* yang membawa maksud pembaharuan (Online Etymology Dictionary, 2018). Inovasi berkait rapat dengan perihal atau tindakan mengadakan, memulakan, mewujudkan sesuatu yang baharu dan terkini. Menurut Kamus Dewan (2009), inovasi ialah sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain dalam bentuk baru. Inovasi ditakrifkan Sufean Hussin (2002) sebagai pembaharuan, modifikasi, atau membaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi pasaran tertentu.

Oleh yang demikian, berdasarkan beberapa definisi di atas, dapatlah disimpulkan bahawa inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran berupa mewujudkan penambahbaikan dan pembaharuan suatu sistem pembelajaran agar pembelajaran menjadi lebih bermutu. Ini

termasuklah penghasilan produk baru, kaedah dan teknik yang bermanfaat kepada pelajar. Dalam konteks ini, inovasi bertujuan untuk membangunkan kreativiti dan inovasi seterusnya melahirkan modal insan yang berkeupayaan menghasilkan idea serta berdaya cipta yang berkualiti (Abd.Razak Abd.Kadir, Chin Mei Keong & Awang Abdullah, 2014).

Usaha menginovasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ini melibatkan guru dan para pelajar yang terlibat dalam kursus ini. Kerjasama dan kesanggupan kedua-dua pihak ini menjayakan proses inovasi ini. Inovasi ini bermula dengan persediaan yang dilakukan oleh pihak guru, iaitu dengan membangunkan beberapa platform e-learning sebagai sumber rujukan dan panduan pelajar. Platform e-learning persediaan ini melibatkan pembangunan Kalam dan Muka Buku (Facebook). Ketiga-tiga platform ini menyediakan pelbagai maklumat berkaitan dengan kursus bahasa Melayu di UMP. Berikut merupakan huraian lanjut setiap satu platform ini:


a) Kalam

Kalam merupakan satu platform yang disediakan oleh pihak UMP kepada semua subjek kursus yang terdapat di universiti ini. Semua pelajar yang sedang mengikuti kursus bahasa Melayu akan disenarai dengan platform ini. Kalam hanya dapat digunakan oleh pelajar yang sedang mengikuti kursus mengikut pendaftaran yang dilakukannya pada setiap semester. Menerusi Kalam guru bahasa Melayu akan memasukkan nota power point dan contoh –contoh nota lain untuk rujukan para pelajar. Selain nota, di Kalam juga ujian dapat dilakukan secara online dan pelajar dapat mengetahui markah mereka secara terus. Hal ini membolehkan mereka untuk melakukan latihan demi latihan demi mempertingkatkan tahap pencapaian mereka dari semasa ke semasa.

b) Muka Buku

Muka Buku atau lebih dikenali sebagai Facebook juga digunakan sebagai medium untuk sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu secara tidak bersemuka dengan para pelajar. Medium ini digunakan kerana hampir keseluruhan pelajar antarabangsa di UMP mempunyai laman muka buku. Selain itu, penggunaan medium ini juga dianggap mudah dan mesra pengguna kerana para pelajar dan guru telah menguasai tatacara penggunaannya. Selain itu, menggunakan medium ini rakan-rakan lain yang belum atau telah mengikuti kursus bahasa Melayu juga masih boleh merujuk dan melihat laman ini. Dengan itu, mereka dapat sentiasa mengikuti perkembangan berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Lazimnya laman muka buku ini memuatkan nota ringkas, video-video perbualan pelajar dan sesi soal jawab pelajar dengan guru bahasa Melayu. Berikut merupakan gambar laman facebook yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar antarabangsa di UMP:

Gambar 1.2: Laman Muka Buku (Facebook) Yang Digunakan Untuk Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Kepada Para Pelajar Di UMP.



Selain penyediaan platform ini sebagai persediaan untuk para pelajar ini mengikuti kursus ini, para pelajar juga dikehendaki untuk membeli sebuah modul bahasa Melayu yang dibangunkan oleh guru bahasa Melayu kursus ini. Modul ini dibangunkan dengan 10 topik pilihan yang diselaraskan dengan silibus oleh Kementerian Pengajian Tinggi terhadap kursus bahasa Melayu. Kedua-dua kursus ini mempunyai modul berlainan dan saling berkesinambungan dari modul 1 untuk kursus bahasa Melayu UHF1161 dan modul 2 untuk kursus bahasa Melayu UHF2161. Berikut ialah modul yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa.

### **Inovasi Ketika Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dilaksanakan.**

Seterusnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung inovasi yang dilakukan ialah dengan membawa pelajar untuk belajar bahasa Melayu di domain sebenar penggunaan bahasa Melayu. Pemilihan domain ini dilakukan melalui soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar dan disesuaikan dengan silibus yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Tujuh domain tersebut ialah di kelas, perpustakaan, pejabat antarabangsa, klinik, pusat sukan, kafe dan asrama. Menurut para pelajar antarabangsa penguasaan bahasa Melayu mereka untuk kesemua domain ini adalah penting kerana domain-domain ini merupakan lokasi penting yang mereka sering kunjungi untuk pelbagai aktiviti harian mereka. Pemilihan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan di domain-domain sebenar juga adalah bertujuan untuk menyediakan para pelajar ini dengan persekitaran sebenar penggunaan bahasa Melayu. Para pelajar dapat mempraktikkan kemahiran bertutur mereka dengan penutur asal bahasa Melayu dan juga penutur-penutur lain yang menggunakan bahasa Melayu sebagai medium berkomunikasi. Idea pengajaran dan pembelajaran berdasarkan domain ini diadaptasikan dari Teori Domain (1972) dan kaedah rakaman video dalam kumpulan WhatsApp. Umumnya teori Domain (1972) yang diperkenalkan oleh Fishman ini berlandaskan konsep “who speaks what language to whom and when”. Seterusnya menurut C. Sorensen and D.M. Baylen (1999), penggunaan video sebagai salah satu kaedah pembelajaran efektif dan efisien. Kaedah ini akan memudahkan proses pembelajaran dan perbincangan di luar dan selepas kelas. Oleh yang

demikian pelajar akan diminta untuk membuat rakaman video berdasarkan ketujuh-tujuh domain ini berdasarkan silibus yang ditetapkan. Rakaman video yang telah dirakam akan dimuat naik menerusi kumpulan WhatsApp yang dipantau oleh pensyarah yang terlibat mengikut urutan domain yang telah ditetapkan. Kesemua pelajar di dalam kumpulan WhatsApp tersebut diminta untuk memberi maklum balas terhadap rakaman video-video yang dihantar oleh rakan-rakan mereka. Melalui kaedah rakaman ini proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara berperingkat iaitu i) ketika proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas ii) ketika menyediakan skrip dan latihan untuk rakaman video iii) ketika proses melakukan rakaman di domain iv) ketika menonton dan memberi maklum balas di dalam kumpulan WhatsApp v) ketika proses perbincangan di dalam kelas. Peringkat-peringkat pembelajaran ini mendedahkan para pelajar kepada situasi sebenar penggunaan bahasa Melayu dan membolehkan mereka mengingati dan menghafal dialog-dialog yang digunakan dalam domain-domain ini kerana proses mendengar berlaku secara berulang-ulang kali terhadap perkataan dan ayat yang digunakan. Proses memberi maklum balas terhadap rakaman video rakan-rakan yang lain secara tidak langsung melatih para pelajar untuk mempraktikkan penggunaan bahasa Melayu dalam mode tulisan. Di akhir proses pengajaran dan pembelajaran pelajar akan diberikan penilaian melibatkan ujian mendengar, membaca, menulis dan bercakap untuk mengukur sejauhmana tahap penguasaan pencapaian mereka menggunakan bahasa Melayu.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan pendedahan budaya Melayu juga diperkenalkan kepada para pelajar antarabangsa yang ingin mempelajari bahasa Melayu sebagai salah satu inovasi yang ditampilkan. Pendedahan aspek budaya adalah kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa aspek bahasa tidak dapat dipelajari tanpa mempelajari sesuatu budaya. Hubungan diantara bahasa dan budaya adalah saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh yang demikian para pelajar antarabangsa di UMP didedahkan dengan aspek aspek kebudayaan Melayu Malaysia khususnya agar mereka lebih memahami dan menghayati bahasa dan budaya negara ini. Anatra aktiviti kebudayaan yang dilaksanakan ialah seperti program bacaan syair dan pantun yang melibatkan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Pertunjukkan Fesyen Pakaian Melayu dan Persembahan Silat serta Pertandingan Melukis Poster Bahasa Melayu sempena Bulan Sambutan Bahasa Kebangsaan. Berikut merupakan gambar-gambar yang melibatkan aktiviti-aktiviti kebudayaan oleh pelajar antarabangsa.

Gambar 1.4: Gambar Di Sekitar Aktiviti-Aktiviti Yang Melibatkan Unsur Kebudayaan Oleh Para Pelajar Antarabangsa Di UMP



Gambar 1.4.1: Para Pelajar Antarabangsa Di Pertandingan Fashion Show Pakaian Melayu



Gambar 1.4.2: Para Pelajar Antarabangsa UMP ketika Lawatan Di Masjid Kristal Terengganu sempena Program Penutupan Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2017



Gambar 1.4.3: Para Pelajar Antarabangsa UMP bersama Murid- Murid Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah Ketika Program Kebitaraan Bahasa Melayu.

Selain itu, inovasi yang dilakukan ialah dengan program kerjasama diadakan oleh guru bahasa Melayu ialah melibatkan pelajar antarabangsa dengan sekolah kluster kebitaraan bahasa Melayu disekitar negeri Pahang. Aktiviti yang dilakukan semasa kerjasama dengan sekolah kluster kebitaraan dengan para pelajar antarabangsa ialah para pelajar sekolah ini akan dipecah-pecahkan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan akan disertai oleh dua atau tiga orang pelajar antarabangsa dari pelbagai negara. Seterusnya setiap kumpulan akan diberikan tugas untuk bertutur berdasarkan topik-topik yang dikehendaki dengan para pelajar antarabangsa ini berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan. Setelah itu, mereka diminta untuk merekodkan perbualan dan aktiviti mereka dengan bantuan fasilitator yang ditugaskan kepada setiap kumpulan. Dengan aktiviti ini para pelajar sekolah akan didedahkan dengan budaya dan peluang berinteraksi dengan para pelajar antarabangsa dari pelbagai negara manakala untuk para pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu mereka boleh mempraktikkan kemahiran bertutur mereka menggunakan bahasa Melayu serta menambahkan keyakinan mereka untuk terus berkomunikasi dengan bahasa ini. Manakala menerusi video rakaman tersebut para pelajar dikehendaki untuk menulis semula perbualan mereka dan diserahkan kepada guru mereka sebagai salah satu latihan menulis mereka.

### **Pengiktirafan Inovasi dan Pembentangan Kertas Kerja Proses PnP Bahasa Melayu**

Inovasi PnP yang dilaksanakan oleh guru bahasa Melayu di UMP juga diketengahkan dalam pelbagai pertandingan yang melibatkan Inovasi Proses Pengajaran dan Pembelajaran sama ada

pada peringkat antarabangsa dan international. Selain bertujuan untuk berkongsi kaedah pengajaran dan pembelajaran penyertaan ke pertandingan ini juga berhasrat untuk mengetengahkan kursus bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa dan juga masyarakat umum. Hal ini supaya bahasa Melayu terus berkembang dan dimartabatkan sebagai bahasa kabangsaan negara ini. Berikut merupakan jadual pengiktirafan yang berjaya dicapai oleh guru-guru bahasa di UMP yang menyertai pertandingan melibatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa.

**Jadual 1.3: Pengiktirafan Yang Dicapai Melalui Penyertaan Ke Pertandingan Inovasi Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa Pada Tahun 2017 & 2018.**

<b>Nama Pertandingan</b>	<b>Tajuk Inovasi</b>	<b>Pengiktirafan</b>	<b>Ketua Projek</b>	<b>Ahli Projek</b>
Internatioanl University Carnival On E-Learning (Iucel 2017)	<i>Learning Malay Language Using Social Network Application Based on Seven Domains of Communication</i>	Silver	Jamilah Bebe Mohamad	Farah Hanan Mohamad Baihaqi Jamal Rizal Razali Noriah Mohamed
Karnival Pengajaran & Pembelajaran (K Inovasi 2018)	Teaching & Learning Malay Language Among Engineering International Students via Video Modelling & WhatsApp Group	Silver	Jamilah Bebe Mohamad	Farah Hanan Nur Syaheedah Anis Nabilla Ahmad Jamal Rizal Razali Noriah Mohamed
Icompex	JBBM (Jom Belajar Bahasa Melayu) menerusi Aspek Sociolinguistik	Gold	Jamilah Bebe Mohamad	Anis Nabilla Ahmad Jamal Rizal Razali
1 <sup>ST</sup> Creative & Innovative Teaching & Learning Of Languages (CInTeLL 2018)	i)Hayaa Nadrus Bahasa Melayu	Gold	i)Jamilah Bebe Mohamad	-
	ii)Seronoknya Bahasa Melayu	Gold	ii)Juwairiah Osman	Jamilah Bebe Jamal Rizal Razali
	iii)Kata Kerja Sebagai Kata Kunci Bantuan Untuk Pelajjr Antarabangsa Berkomunikasi Dalam Bahasa Melayu Dengan Pantas.	Gold	iii) Farah Hanan Aminallah	Jamilah Bebe Khairul Bahri Noriah Mohamed
Internatioanl University Carnival On E-Learning (IUCEL 2018)	Hayaa Nadrus Bahasa Melayu	Bronze	Jamilah Bebe Mohamad	Fathiah Izzati Amy Zulaikha Juwairiah Osman
National Education, Research, Innovation & Entrepreneurship Conference (Neriec 2018)	i) Hayaa Nadrus Bahasa Melayu	Gold	Jamilah Bebe Mohamad	-
	ii) Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Pada Pelajar Antarabangsa	Silver	Juwairiah Osman	Jamilah Bebe Abd Halim Mardhiyah Zamani Fathiah Izzati
USM Teaching & Learning Symposium 2018	i)Hayaa Nadrus Bahasa Melayu	Silver	Jamilah Bebe Mohamad	-

Penyertaan kesemua pertandingan inovasi kaedah PnP ini juga melibatkan penglibatan guru bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana ada di antara inovasi ini melibatkan terjemahan Bahasa Melayu ke Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris untuk memudahkan para pelajar melakukan rujukan. Dua bahasa dipilih sebagai bahasa terjemahan dalam proses PnP bahasa Melayu adalah kerana kedua-dua bahasa ini difahami dan dikuasai oleh para pelajar antarabangsa. Majoriti pelajar antarabangsa di UMP merupakan pelajar dari negara timur tengah yang kebanyakannya menguasai bahasa Arab sebagai bahasa ibunda mereka dan hanya segelintir pelajar dari negara-negara lain yang tidak mengetahui bahasa Arab tetapi memahami bahasa Inggeris untuk berkomunikasi. Kolaborasi di antara guru bahasa Melayu dengan guru bahasa Arab dan bahasa Inggeris ini membolehkan bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu disediakan dengan pelbagai bahasa untuk panduan dan rujukan pelajar. Selain itu, setiap satu inovasi dipertandingan juga melibatkan aplikasi teori terpilih atau rangka proses PnP tertentu agar inovasi ini dapat dikongsi dan dipraktikkan oleh guru-guru bahasa lain. Untuk inovasi yang disertai untuk pertandingan IUCEL 2017 dan K Inovasi 2018 kedua-dua inovasi mengaplikasikan teori domain yang diperkenalkan oleh Fishman (1971) dengan penggunaan medium kumpulan WhatsApp Jom Belajar Bahasa Melayu. Penyertaan inovasi di ICOMPEX 2018 pula melibatkan aplikasi teori sosiolinguistik SPEAKING oleh Hymes (1964, 1972) dan Inovasi Seronoknya Bahasa Melayu di Cintell 2018 mengaplikasikan Model Kolb (1984).

Manakala untuk inovasi Hayaa Nadrus Bahasa Melayu di pertandingan Cintell, Iucel dan Neriec 2018 satu kerangka proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan beberapa inovasi yang dipraktikkan oleh guru bahasa Melayu melibatkan aspek penggunaan dialek Yemen sebagai kata kunci tarikan dan medium e-learning digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Pelbagai pengiktirafan terhadap setiap satu inovasi yang dilaksanakan diharapkan menjadi satu motivasi kepada para guru bahasa ini untuk terus bermotivasi dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mereka dengan lebih menarik dan selaras dengan perkembangan sains dan teknologi dalam kehidupan harian masyarakat kini.

Selain itu, pada tahun 2018 terdapat dua kertas kerja telah dibentangkan berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di UMP di Persidangan Icoltt. Berikut merupakan jadual dua kertas kerja tersebut:


**Jadual 1.4: Tajuk Kertas Kerja Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dan Nama Para Penulis Yang Terlibat Dalam Penulisan Kertas Kerja Ini.**

Kertas Kerja	Tajuk	Penulis Utama	Penulis Bersama
1	Malay Language Teaching & Learning Strategy Among International Students At Universiti Malaysia Pahang	Juwairiah Osman	Jamilah Bebe Mohamad Anis Nabilla Ahmad Jamal Rizal Razali
2	Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Kaedah Sosiolinguistik	Jamilah Bebe Mohamad	Noriah Mohamed

Kedua-dua kertas kerja yang dibentangkan ini diterbitkan dalam e-proseding. Proses penerbitan kertas kerja penuh di mana-mana jurnal atau bab dalam buku masih dalam proses

penerbitan dan penilaian. Diharapkan kedua-dua kertas kerja penuh ini dapat diterbitkan secepat mungkin oleh mana-mana jurnal yang bersesuaian. Proses pembentangan dan usaha menerbitkan kertas kerja ini merupakan usaha dan kerja keras semua guru bahasa yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk berkongsi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh mereka di dalam kelas.


Berikut merupakan maklum balas yang diberikan oleh pelajar antarabangsa mengenai kaedah inovasi yang digunakan oleh guru bahasa Melayu mereka dalam memupuk minat mereka untuk terus mempelajari dan menguasai bahasa Melayu.



Berdasarkan borang soal selidik, temubual dan maklum balas daripada 60 orang pelajar di ruang E-Pat ( ...) para guru bahasa Melayu maklum balas yang diterima dapat dikelompokkan seperti carta pai di atas, iaitu sebanyak 10 orang pelajar menyatakan mereka seronok dan lebih mudah memahami bahasa ini melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran yang telah di inovasikan ini. Hal ini demikian kerana mereka dapat mempraktikkan apa yang dipelajari di dalam kelas di luar kelas terutamanya dalam kehidupan mereka. Manakala 25 orang pelajar menyatakan bahawa minat mereka telah meningkat untuk mempelajari dan menguasai bahasa ini kerana aktiviti, rujukan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa ini yang menarik dan selaras dengan perkembangan teknologi masa kini terutamanya semua maklumat dapat diakses melalui telefon bimbit mereka dan komputer riba mereka. Akhir sekali 15 orang pelajar mengesyorkan kaedah pengajaran dan pembelajaran sebegini perlu diteruskan untuk pelajar lain kerana proses sebegini lebih bersifat autentik dan “hand on” selaras dengan pengkhususan mereka di universiti ini sebagai para pelajar kejuruteraan.

Bahagian seterusnya menunjukkan *screen shoot* maklum balas dan komen para pelajar mengenai proses pengajaran dan pembelajaran dan guru bahasa Melayu yang mengajarkan kursus bahasa Melayu di UMP.

Faculty PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN  
Lecturer 01872 JUWAIRIAH BINTI OSMAN  
Subject UHF2161 MALAY FOR INTERMEDIATE  
Category Lab  
No. Of Student(s) 34 No. Of Respondent(s) 29  
Marks 85.89 Indeks 4.29



Student's Comment

WHAT DID YOU ESPECIALLY LIKE ABOUT THE LECTURERS TEACHING TECHNIQUES
Amazing lecturer
C
Good
NON
No think
Nothing
Punctuality
Very good
no

taff/IndPDF

al - Penilaian... community.ump.edu.my community.ump.edu.my community.ump.edu.my

2 / 4 86.6%

**WHAT DID YOU ESPECIALLY LIKE ABOUT THE LECTURERS TEACHING TECHNIQUES**

Clear explanation
Concern about the students, gives good and straight forward explanation and examples.
Good
Lecturer teach using two way communication. Always give a detailed explanation with examples using current situation.
Nice and best
No
No comment
None
Nothing
Really improve my softskill
She always encouraged her student to be disipnced
She shares many related experience
She teach us so well.
She use all the technic while teaching
TEACHING
TWO WAY COMMUNICATION
The teaching style
There's nothing i could say.
Use simple word to explain
always give advice
creative
easy to understand
good
good explanation
good explanation, i can understand it clearly
group discussion
madam so tegas
madam very kindly and always punctual when during their class. and madam also use vareity appc to make their student t
no

USB Drive  
There's a  
the drive

Berdasarkan maklum balas yang diterima ini pelajar menyatakan bahawa guru bahasa Melayu menggunakan kaedah mengajar dua hala dan memberikan penjelasan secara jelas dan mudah difahami oleh mereka. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa guru berkongsi pengalaman yang bersesuaian dan melibatkan situasi semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, ada pelajar yang menyatakan bahawa guru bahasa Melayu menggunakan pelbagai aplikasi dalam proses pengajaran dan pembelajarannya agar pelaaajr dapat menguasai dengan cepat dan pantas. Dengan maklum balas yang positif ini diharapkan usaha menginovasi kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi.

### Rumusan

Kesimpulannya, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa perlulah berubah dan lebih kedepan dalam menyahut cabaran revolusi industri 4.0 dewasa ini. Seterusnya usaha untuk mempopularkan bahasa Melayu dalam kalangan para pelajar antarabangsa hendaklah dilakukan oleh semua pihak secara bersama agar bahasa ini terus berkembang dan digunakan secara meluas.

## Rujukan

- Abd. Razak Abd. Kadir, Chin Mei Keong & Awang Abdullah (2014). Tahap Amalan Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Agama Daerah Kuala Langat, Selangor.
- C. Sorensen, D.M. Baylen, (1999). *Interaction In Interactive Television Instruction: Perception Versus Reality*, in: Proceedings of the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Montreal, Quebec, Canada.
- Dongsong Zhang, Lina Zhou, Robert O. Briggs & Jay F. Nunamaker Jr. (2006). *Instructional Video In E-Learning: Assessing The Impact Of Interactive Video On Learning Effectiveness*. Information & Management 43 (15-27).
- Fishman, J. A. (1965). "Who Speaks What Language to Whom and When?" In *La linguistique* 2, pp. 67-68.
- Fishman, J. A. (1968). *Readings in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton.
- Fishman, J. A. (1971). "The Sociology of Language: An Interdisciplinary Social Science Approach to Language in Society." In Fishman, Joshua A. (ed.), *Advances in Sociology of Language*, The Hague: Mouton, pp. 217-404.
- Fishman, J. A. (1971/1972). "The Relationship between Micro- and Macro- Sociolinguistics in the Study of Who Speaks What Language to Whom and When". In Pride J.B. & Holmes, J. (eds.), *Sociolinguistics*, London: Harmondsworth, pp. 435-453.
- Fishman, J. A. (1972). "Domains and the Relationship between Micro- and Macrosociolinguistics". In Gumperz, J. & Hymes, D. (eds.), 1972, *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, New York: Basil Backwell, pp. 435-453.
- Innovation. Online Etymology Dictionary. Retrieved from [https://www.etymonline.com/word/innovation#etymonline\\_v\\_30060](https://www.etymonline.com/word/innovation#etymonline_v_30060) on October 3, 2018.
- Inovasi. Kamus Dewan. (2009). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazariyah Sani. Inovasi Guru Linus Membantu Murid Menguasai Literasi.
- Nurul Aini, M. (2017). *Keberkesanan Video Pembelajaran Kursus DVV1013 Fundamental of Drawing Dalam P&P Di Politeknik Ibrahim Sultan*. E-Proceeding National Innovation and Invention Competetion Through Exhibition (iCompEx '17).
- Sufean Hussin. (2002). Inovasi pendidikan: Ulasan teoritikal dan model aplikasinya. *Dasar pendidikan progresif: Perspektif makro dan mikro*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors

Shaharuddin, M. S. & Ahmad Khairi, M. A. (2011). *Pembangunan Web E-Pembelajaran Menggunakan Elemen Video Dalam Topik 'Work And Energy' Berasaskan Teori Konstruktivisme Sosial*. Universiti Teknologi Malaysia.

Tan Choon Keong & Carol, A. (2013). *Pengaplikasian Video Youtube: Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sains Sosial*. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 201, Universiti Malaysia Sabah, 29-30 Ogos 2013.

**Mempelajari dan Menggunakan Bahasa Melayu Sebagai Penutur Asing dan  
Cabarannya:**

**Pengalaman di Beijing Foreign Studies University dan China Radio**

**International**

Zhang Xian (Melur), [xianxian37@hotmail.com](mailto:xianxian37@hotmail.com)

Pegawai China Radio International (CRI) Beijing,

Felo tamu Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**Abstrak**

Penulisan ini bertujuan berkongsi pengalaman semasa mempelajari bahasa Melayu sebagai pelajar warganegara China di Beijing Foreign Studies University (BFSU) pada 2001 hingga 2005, dan pengalaman semasa bertugas sebagai penterjemah dan juruhebah radio di bahagian bahasa Melayu, China Radio International (CRI) pada 2005 hingga kini. Pembelajaran bahasa Melayu di BFSU bukan kuliah ditawarkan dalam jangka masa pendek kepada orang China yang berminat pada bahasa Melayu, sebaliknya kepada pelajar China biasanya mengambil masa 4 tahun untuk mendapat ijazah sarjana muda. Pelbagai kursus ditawarkan untuk membuatkan pelajar China menguasai kemahiran bertutur, mendengar, menulis, membaca dan memaham dalam bahasa Melayu. Pada masa ini, semakin banyak peluang pekerjaan kepada lulusan jurusan bahasa Melayu di China. Sebahagiannya menjadi pegawai diplomatik, jurubahasa, petugas media, pegawai di pelbagai syarikat China di alam Melayu dan pemandu pelancong, manakala ada juga pula menceburi pengajaran bahasa Melayu di universiti yang telah menawarkan jurusan bahasa Melayu atau pengajian Melayu di China. Kertas ini juga membincangkan cabaran yang dihadapi oleh pelajar China dalam dua fasa, iaitu peringkat mempelajari bahasa Melayu dan peringkat menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa berinteraksi dengan penutur asli bahasa Melayu di Malaysia.

**Kata kunci:** pelajar warganegara China, pembelajaran bahasa Melayu, penggunaan bahasa Melayu

## **PENGENALAN**

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan di Malaysia yang dipelajari dan digunakan oleh semua rakyat Malaysia. Penutur bukan warganegara Malaysia mempelajari bahasa Melayu mengikut keperluan masing-masing. Perkembangan bahasa Melayu yang semakin rancak di China pada hari ini adalah kesan langsung daripada hubungan China-Malaysia yang semakin erat. Saluran utama bagi warganegara China untuk mempelajari bahasa Melayu ialah kuliah ditawarkan di universiti.

Kini 9 buah universiti di China telah menawarkan jurusan pengajian Melayu untuk ijazah sarjana muda dan sebahagiannya hingga ijazah sarjana. Di Beijing, terdapat Beijing Foreign Studies University (BFSU, 1961), Universiti Peking (PKU) dan Universiti Komunikasi China (CUC, 2001) memberikan perhatian pada pengajian bahasa dan budaya Melayu. Jabatan Bahasa Melayu pula ditubuhkan di Guangdong Universiti of Foreign Studies (GDUFS) pada tahun 2015 yang menawarkan jurusan bahasa Melayu untuk ijazah pertama. Selain itu, kursus ijazah pengajian Melayu ditawarkan juga di Institut Bahasa Asing Luoyang (1998) di bandar Luoyang provinsi Henan, di Guangxi University for Nationalities (GXUN) di bandar Nanning, Wilayah Autonomi Zhuang Guangxi (2008), di Yunnan Minzu University (YMU) di bandar Kunming provinsi Yunnan (2010), di Tianjin Foreign Studies University (TFSU) di bandar Tianjin (2014) dan di Xi'an International Studies University (XISU) di bandar Xi'an provinsi Shanxi (2017). Seiring dengan hubungan antara China dengan Malaysia yang kian akrab, dijangka pengajian Melayu akan dilaksanakan di lebih banyak universiti atau institut di China.

Kursus-kursus ditawarkan di jurusan bahasa atau pengajian Melayu di pelbagai universiti di China bertujuan untuk memupuk kemahiran pelajar China dalam memahami kosa kata dan tatabahasa, menyebut dan bertutur, mendengar, membaca dan menulis bahasa Melayu. Sementara itu, sejarah Malaysia, kebudayaan dan kesusasteraan Melayu, keadaan semasa Malaysia dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, hubungan luar dan sebagainya juga akan dipelajari dan diambil tahu oleh pelajar China.

Lulusan ijazah pengajian Melayu di universiti di China telah memainkan peranan yang amat besar dalam pengembangan bahasa dan budaya Melayu di China serta hubungan antara China dengan Malaysia.

### **PENGALAMAN SEMASA MEMPELAJARI BAHASA MELAYU DI BFSU**

BFSU merupakan sebuah universiti yang berprestij di China dan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan China. Universiti ini merupakan sebuah universiti bahasa yang tertua di China dan menawarkan pengajian bahasa yang paling banyak dalam pelbagai peringkat program pengajian. Setakat kini, sebanyak 106 jurusan bahasa asing telah ditawarkan.

Jurusan bahasa Melayu ditubuhkan di BFSU pada tahun 1961. Istimewanya jurusan tersebut merupakan yang pertama dan satu-satunya di China yang mengajar bahasa Melayu Malaysia pada masa itu. Jumlah pelajar yang diambil untuk mengikuti kursus ijazah pengajian Melayu di BFSU sekitar 20 hingga 25 orang setiap empat tahun sekali dan kemudian setiap dua tahun dan pernah juga setiap tahun sekali.

Pembentang mengikuti kursus ijazah pengajian Melayu di BFSU pada tahun 2001 hingga 2005. Pada masa itu, pensyarah jurusan bahasa Melayu BFSU hanya empat orang warganegara China, iaitu Prof. Wu Zongyu, Prof. Madya Zhao Yuezhen, Prof. Madya Sun Baoping (bersara awal atas sebab kesihatan) dan Puan Su Yingying (kini bergelar Prof. Madya) serta seorang pakar bahasa dihantarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia untuk berkhidmat di BFSU, iaitu Puan Noraini Abd Hamid. Kini jumlah tenaga pakar pengajian Melayu yang terdiri daripada warganegara China bertambah dengan nyata, terutamanya terdapat ramai tenaga muda seperti Prof. Madya Dr. Shao Ying, Puan Zhang Su Hua, Encik Fu Congcong dan Puan Han Xiao.

Jumlah pelajar China yang bersama-sama pembentang mempelajari bahasa Melayu di BFSU adalah 20 orang yang terdiri daripada 10 lelaki dan 10 perempuan. Pelajar-pelajar tersebut berasal dari pelbagai tempat seluruh China. Antaranya 6 orang berasal dari bandar Beijing, 4 dari provinsi Jiangsu, 3 dari provinsi Fujian, 2 dari provinsi Guangdong, 2 dari provinsi Hunan, 2 dari provinsi Zhejiang dan seorang pula

dari provinsi Jilin.

Terdapat dua semester dalam setiap tahun di BFSU, iaitu semester musim bunga dan semester musim gugur. Semester musim gugur dianggap sebagai permulaan tahun akademik yang baharu, biasanya bermula pada awal bulan September dan berakhir pada pertengahan bulan Januari, manakala semester musim bunga pula bermula pada akhir bulan Februari dan berakhir pada pertengahan bulan Julai.

Pada masa pembentang mengikuti kursus ijazah sarjana muda pengajian Melayu, isi kandungan yang terdapat dalam kursus-kursus bahasa Melayu di BFSU ialah seperti berikut:

JADUAL 1. KURIKULUM BAHASA MELAYU BFSU TAHUN 2001-2005

KURIKULUM	TAHUN/SEMESTER							
	2001-2002 SEMESTER		2002-2003 SEMESTER		2003-2004 SEMESTER		2004-2005 SEMESTER	
	1	2	1	2	1	2	1	2
<b>Audio-visual dalam Melayu/ Latihan mendengar</b>	√	√	√	√		√		
<b>Kursus pengetahuan umum Malaysia</b>				√	√	√		
<b>Latihan menyebut dan bertutur</b>	√	√	√	√		√		√
<b>Bacaan intensif (nahu / tatabahasa)</b>	√	√	√	√	√			

<b>Melayu)</b>								
<b>Latihan menulis</b>			√	√	√	√		
<b>Kesasteraan Melayu</b>			√			√	√	√
<b>Kurus membaca akhbar dan majalah Malaysia</b>						√	√	√
<b>Kursus terjemahan tulisan</b>							√	√
<b>Kursus terjemahan lisan</b>						√	√	√
<b>Ujian kemahiran bahasa</b>					√			√

Kekurangan bahan pengajaran dan bahan bacaan merupakan satu cabaran dihadapi jurusan bahasa Melayu BFSU pada masa itu.

Bahan pengajaran dan pembelajaran:

- A. Buku teks ditulis oleh pensyarah berdasarkan kehendak kurikulum;
- B. Salinan buku-buku teks bahasa Malaysia terbitan DBP;
- C. Menyalin teks berkenaan sebagai bahan rujukan berdasarkan kehendak kurikulum dari laman web;
- D. KAMUS UMUM bahasa Malaysia (Bahasa Melayu-Bahasa Cina), oleh Yang Kui Yee dan Chan Meow Wah;

E. Bahan bacaan bukan buku seperti surat khabar, majalah, risalah dan kertas kerja;

F. Kertas latihan bahasa Melayu ditulis oleh pensyarah.

Pada masa itu, tatabahasa merupakan salah satu element yang penting dalam pembelajaran bahasa Melayu. Pelajar China diberi pendedahan dan diajar pada bahagian-bahagian yang penting dan asas. Antaranya ialah seperti berikut:

1. Kata Nama:

Kata nama Am	Kata nama Khas	Kata ganti nama
--------------	----------------	-----------------

2. Kata Ganti Nama:

Kata ganti nama tunjuk  <table border="1" data-bbox="240 898 663 965"> <tr> <td>Ini</td> <td>Itu</td> </tr> </table>	Ini	Itu	Kata ganti nama diri (i) Kata ganti nama diri tanya <table border="1" data-bbox="692 880 1355 947"> <tr> <td>Apa</td> <td>Siapa</td> <td>Mana</td> </tr> </table>	Apa	Siapa	Mana
	Ini	Itu				
	Apa	Siapa	Mana			
	(ii) Kata ganti nama diri orang <table border="1" data-bbox="692 1008 1355 1249"> <tr> <td>kata ganti nama diri pertama</td> </tr> <tr> <td>kata ganti nama diri kedua</td> </tr> <tr> <td>kata ganti nama diri ketiga</td> </tr> </table>	kata ganti nama diri pertama	kata ganti nama diri kedua	kata ganti nama diri ketiga		
kata ganti nama diri pertama						
kata ganti nama diri kedua						
kata ganti nama diri ketiga						

3. Kata Ganti Tempat

Sana	Sini	Situ
------	------	------

4. Kata Hubung

Dan	Serta	Atau	Tetapi	Jika	Kerana	Walaupun	Hingga
-----	-------	------	--------	------	--------	----------	--------

5. Kata Sendi Nama

Di	Ke	Pada	Kepada	Dari	Daripada
Untuk	Bagi	Dengan	Oleh	Sejak	Seperti

6. Kata nafi

Bukan	Tidak
-------	-------

7. Kata Pemerih

Ialah	Adalah
-------	--------

8. Kata tanya

Apa	Siapa	Di mana	Bila
Mengapa	Kenapa	Bagaimana	Berapa

### 9. Kata Ganda

Kata ganda penuh/seluruh
Kata ganda separa
Kata ganda berima
Kata ganda berimbuhan

### 10. Imbuhan

Me(n)-	Be(r)-/Ber-an	Te(r)-	Se-	Ke-an	Pe-an
--------	---------------	--------	-----	-------	-------

### 11. Penjodoh bilangan

Penjodoh bilangan ialah kata yang digunakan bersama-sama dengan kata bilangan untuk membilang kata nama konkrit seperti orang, haiwan, benda dan tempat.

## **CABARAN MENGUASAI BAHASA MELAYU SEMASA BELAJAR DI BFSU**

Berdasarkan pengalaman pembentang sendiri, terdapat beberapa cabaran utama dihadapi pelajar China untuk menguasai bahasa Melayu. Antaranya ialah:

1. Kekurangan bahan pengajaran dan bahan bacaan merupakan satu cabaran dihadapi jurusan bahasa Melayu BFSU. Namun situasi ini sudah berubah menjadi bertambah baik seperti yang dinyatakan dahulu.

2. Cabaran untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan betul dari segi sebutan, intonasi dan menggunakan perkataan serta ayat dengan tepat.

Pensyarah warganegara China jurusan pengajian Melayu BFSU terus menggunakan bahasa Mandarin untuk mengajar pelajar China pada semester pertama dan kedua supaya lebih mudah difahami pelajar yang tidak mempunyai asas tentang bahasa Melayu. Tetapi kursus bahasa Melayu yang diajar oleh pensyarah warganegara China juga menunjukkan kelemahan yang ketara dalam sebutan dan intonasi. Oleh itu, pakar bahasa dari DBP yang berkhidmat di BFSU lebih memfokuskan pada kemahiran mendengar dan bertutur pelajar China. Namun peluang kepada pelajar

untuk berlatih bertutur dalam bahasa melayu adalah terhad. Pelajar China lebih biasa dan suka berkomunikasi dalam bahasa Mandarin apabila berjumpa dengan rakan-rakan atau pensyarah warga negara China.

3. Kekurangan peluang berkomunikasi dengan penutur asli bahasa Melayu di luar kelas.

Pembelajaran sepatutnya tidak boleh hanya tertumpu di dalam kelas sahaja, terutamanya bagi pelajar yang mempelajari suatu bahasa asing. Salah satu langkah yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur adalah berkomunikasi dengan penutur asli bahasa Melayu. Namun dalam tempoh pembentangan mempelajari bahasa Melayu di BFSU, belum terdapat peluang untuk mengikuti kursus di universiti di Malaysia bahkan tiada banyak peluang untuk melawat Malaysia. Sehubungan dengan itu, pelajar China masih kurang yakin pada diri untuk bercakap dalam bahasa Melayu walaupun sudah mempelajari bahasa Melayu selama tiga atau empat tahun.

4. Faktor bahasa ibunda

Bagi penutur asing warganegara China, faktor bahasa ibunda, iaitu bahasa China/Mandarin sama ada sebutan malah kelaziman penggunaan bahasa akan memberi cabaran dan masalah dalam menguasai bahasa Melayu. Contohnya, bunyi “r”. Bunyi “r” dianggap bunyi yang paling sukar bagi pelajar China kerana tiada sebutan yang sama dalam bahasa Mandarin. Oleh itu, “lidah” adalah kurang “lembut” untuk menghasilkan bunyi getaran ini. Ada pula yang tidak meletakkan “lidah” pada kedudukan yang tepat di dalam rongga mulut. Sehubungan dengan itu, banyak penutur China menghasilkan bunyi “r” menjadi seperti bunyi “l” atau “y”. Contohnya perkataan “burung” disebut sebagai “bulung” dan perkataan “lori” disebut sebagai “loyi”.

Sekiranya bahasa ibunda penutur asing mempunyai persamaan dengan bahasa Melayu, mereka lebih mudah untuk menguasai bahasa Melayu.

5. Cabaran untuk mengenali dan mendekati budaya di Malaysia.

Bahasa dan budaya adalah satu ikatan yang tidak boleh dipisahkan. Untuk menguasai bahasa Melayu dengan bagus, pelajar seharusnya menguasai budaya dan

sejarah bahasa tersebut. Namun atas sebab yang telah dinyatakan dahulu, pada masa itu pelajar China kurang terdedah kepada budaya tempatan Malaysia. Sehubungan dengan itu, penawaran kursus audio-visual digunakan untuk aktiviti mendengar dan memahami sesuatu adat dan budaya di Malaysia, sesuatu berita, perbualan atau dialog di tempat yang berlainan. Walau begitu, pembentang masih berasa cara ini tidak mencukupi untuk memahami budaya masyarakat Malaysia secara lebih mendalam.

Yang menggembirakan ialah bahawa sejak tahun 2007, pelajar jurusan pengajian Melayu BFSU mula dihantar mengikuti pengajian melalui sistem pemindahan kredit di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, mula-mula selama satu semester dan kemudian selama satu tahun untuk mendalami pelbagai bidang pengajian Melayu di samping bahasa Inggeris dan kursus lain. Pada penghujung program, biasanya mereka ditempatkan di kampung Melayu dalam program inap desa untuk menghayati kehidupan masyarakat Melayu di samping membuat kajian lapangan untuk penulisan latihan ilmiah pada tahun akhir di BFSU. Semasa mereka berada di Malaysia, DBP turut memberikan kursus tentang bahasa dan sastera Melayu dan melibatkan mereka dalam program kebudayaan.

Selain belajar bahasa, pelajar China juga dapat bergaul dengan masyarakat Melayu di Malaysia melalui program kerjasama antara BFSU dengan banyak institusi berkenaan di Malaysia. Pengalaman ini tentu akan banyak memanfaatkan pelajar China dalam pembelajaran dan pengajian Melayu.

## **PERKEMBANGAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU DAN PENGAJIAN MELAYU DI BFSU**

Pengajian bahasa Melayu di BFSU berterusan hinggalah ke hari ini. Hasil usaha Prof Wu Zongyu dengan kerjasama rapat pihak DBP serta Kerajaan Malaysia, maka ditubuhkan Pusat Pengajaran Bahasa Melayu di BFSU pada 20 Jun 1997 bagi menyemarakkan usaha pendidikan bahasa Melayu di China. Seterusnya, pusat tersebut telah ditingkatkan pangkatnya menjadi **Pusat Pengajian Melayu China** pada September 2005. Pada tahun yang sama, Kabinet Malaysia telah memutuskan untuk meletakkan satu **Kursi Pengajian Melayu** di China yang mana merupakan Kursi

Pengajian Melayu ketiga sesudah Kursi di Universiti Leiden, Belanda dan Universiti Victoria, New Zealand. Dengan kewujudan pusat dan jawatan penyandang kursi tersebut, usaha pendidikan bahasa Melayu diperluaskan lagi cakupannya dalam bidang pengajian Melayu di BFSU khususnya dan China amnya.

Kini, bahan pengajaran dan pembelajaran bukan masalah lagi kerana kerjasama yang terjalin antara BFSU dengan banyak institusi pendidikan di Malaysia yang telah memberi bantuan besar dan sokongan padu kepada perkembangan pengajian Melayu di BFSU. Selain itu, kemahiran tenaga pengajar warganegara China jurusan bahasa Melayu BFSU turut semakin tinggi sehingga menghasilkan buku teks tersendiri untuk pelajar China.

Sebahagian buku teks pembelajaran bahasa Melayu dihasilkan pensyarah warganegara China BFSU ialah seperti yang berikut:

1. BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR CHINA – buku 1 dan buku 2 oleh Prof. Madya Su Yingying dan Prof. Madya Zhao Yuezhen, 2005-2006.



2. BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR CHINA – buku 3 oleh Prof. Wu Zongyu, 2016.

3. PENGETAHUAN AM TENTANG MALAYSIA oleh Prof. Madya Zhao Yuezhen, Prof. Madya Su Yingying dan Encik Fu Congcong, 2013.

Buku-buku teks tersebut merupakan hasil daripada pengalaman pengajaran bahasa Melayu selama beberapa dekad di BFSU yang amat sesuai untuk pelajar China yang baru menyentuh bidang ini.

**JADUAL 2. KANDUNGAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU DIHASILKAN PENSYARAH BFSU**

TAJUK BUKU TEKS	KANDUNGAN
<p style="text-align: center;">BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR CHINA  (BUKU 1)</p>	<p>PELAJARAN 1</p> <p>一、马来语简介 (Pengenalan kepada bahasa Melayu)</p> <p>二、语音导论 (Pengenalan kepada sebutan dan intonasi bahasa Melayu)</p> <p>-----</p>



Satu foto kutipan dari buku 1

## PELAJARAN 2

句型: (Pola ayat)

1. Ini/Itu apa? Ini/Itu pen.
2. Siapa dia? Dia pelajar.

语法: (Tatabahasa)

1. 马来语名词 (Kata nama)
2. 马来语人称代词和指示代词 (Kata ganti nama diri/ kata ganti nama tunjuk)
3. “定语后置”的句法规则 (Peraturan kata sifat di belakang)
4. 马来语中“主语—谓语”的简单句型 (Pola ayat asas yang mempunyai subjek dan predikat)

## PELAJARAN 3

句型: (Pola ayat)

1. Pen saya panjang.
2. Diakah bapa kamu?
3. Cerdikkah anaknya?

语法: (Tatabahasa)

1. 形容词作谓语及形容词作定语 (Frasa Adjektif)
2. 一般疑问句及其肯定、否定回答 (Ayat tanya)
3. 否定词“bukan”和“tidak” (Penggunaan kata nafi 'tidak' dan 'bukan')

## PELAJARAN 4

句型: (Pola ayat)

1. Aisyah tidur.
2. Kakaknya mencuci muka.

课文: (Karangan)

	<p><b>Membuat Kerja Bersama-sama</b></p> <p>语法: (Tatabahasa)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. 马来语动词 (Kata kerja)</li> <li>2. 动词词首“me-”和名词词首“pe-”的构词规则 (Imbuhan "me(n)-" di hadapan kata kerja/imbuhan "pe-" di hadapan kata nama)</li> </ol> <p>-----</p> <p><b>PELAJARAN 5</b></p> <p>句型: (Pola ayat)</p> <p>Berapa orang pelajar di kelas bahasa Melayu?</p> <p>课文: (Karangan)</p> <p>I Amin Bersekolah</p> <p>II Universiti Pengajian Bahasa-bahasa Asing Beijing (BFSU)</p> <p>语法: (Tatabahasa)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. 几种特殊疑问句: (Ayat tanya) apa, siapa, mana, buat apa, berapa</li> <li>2. 数字的表达法 (Angka-angka dalam bahasa Melayu)</li> <li>3. 部分量词: (Penjodoh bilangan) buah, keping, batang, orang, ekor, helai</li> <li>4. 部分方位词: (Kata lokasi) dalam, luar, atas, bawah, depan, belakang, kiri, kanan</li> </ol> <p>-----</p> <p><b>PELAJARAN 6</b></p> <p>句型: (Pola ayat)</p> <p>Bila Halim bangun?</p> <p>课文: (Karangan)</p>
--	--

	<p>I Kehidupan Harian Seorang Mahasiswa</p> <p>II Perpustakaan Universiti Kami</p> <p>语法: (Tatabahasa)</p> <p>1. 时间表达法: 小时 (钟点)、天, 月, 季节, 年 (Ungkapan berhubung masa dalam bahasa Melayu)</p> <p>2. 时态表达法: (Ungkapan berhubung temporal dalam bahasa Melayu)</p> <p>akan, sudah, telah, belum, masih belum, pernah, sedang</p> <p>3. 用“bila”提问的特殊疑问句 (Penggunaan kata ‘bila’)</p> <p>-----</p> <p>总词汇 (SENARAI PERKATAAN-PERKATAAN BARU)</p>
<p>BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR CHINA (BUKU 2)</p>	<p>PELAJARAN 1</p> <p>PERBUALAN: Pengalaman Semasa Cuti Universiti</p> <p>KARANGAN: Bahasa Kebangsaan Malaysia</p> <p>TATABAHASA: Kata Tunggal, Penambahan, Kata Terbitan, Kata Dasar</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 2</p> <p>PERBUALAN: Orang yang Tekun akan Berjaya, Orang yang Malas akan Kecewa.</p> <p>KARANGAN: Percayakan Diri</p> <p>TATABAHASA: Kata kerja berbentuk "memper-kan", "diper-kan", "memper-i", "diper-i"</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 3</p>





Foto kutipan dari buku 2

PERBUALAN: Penanaman

KARANGAN: Khasiat Buah-buahan

TATABAHASA: Kata nama berbentuk "pe-" dan "-an"

PELAJARAN 4

PERBUALAN:

I. Kebakaran

II. Banjir

KARANGAN: Kesan Cuaca

TATABAHASA: Kata nama berbentuk "pe-an" dan "per-an"

PELAJARAN 5

PERBUALAN: Rajin dan Berusaha untuk Berjaya

KARANGAN: Kalau Tidak Dipecahkan Ruyung, Di Manakan Dapat Sagunya

TATABAHASA: Awalan "se-"

PELAJARAN 6

PERBUALAN: Cara-cara Memupuk Tabiat Membaca

KARANGAN: Amalan Membaca

TATABAHASA: Keterangan Gaya

PELAJARAN 7

PERBUALAN: Berhati-hati di Jalan Raya

KARANGAN: Kemalangan di Jalan Raya

TATABAHASA: Kata Berganda, Dua Penafian

-----  
PELAJARAN 8

PERBUALAN: Hendakkan Percantuman, Bukannya Perpecahan

KARANGAN: Rakyat Bersatu Negara Maju

TATABAHASA: Penambahan "-wan", "-wati", "-man", "juru-", "tata-", "maha-", "pra-"

-----

PELAJARAN 9

PERBUALAN: Mengenal Kraftangan Malaysia

KARANGAN: Pameran Kraftangan Malaysia

TATABAHASA: Subjek Bahasa Melayu

-----

PELAJARAN 10

PERBUALAN: Bermain Layang-layang

KARANGAN: Permainan Tradisi Rakyat Malaysia

TATABAHASA: Predikat Bahasa Melayu

-----

PELAJARAN 11

PERBUALAN: Tokoh yang Saya Kagumi

KARANGAN: Tun Abdul Razak

TATABAHASA: Objek Bahasa Melayu

-----

PELAJARAN 12

PERBUALAN: Berancang Melawat ke Kuala Lumpur


KARANGAN: Kuala Lumpur

TATABAHASA: Penerang Nama Bahasa Melayu I

-----

	<p>PELAJARAN 13</p> <p>PERBUALAN: Melawat ke Muzium Brunei</p> <p>KARANGAN: Negara Brunei Darussalam</p> <p>TATABAHASA: Penerang Nama Bahasa Melayu II</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 14</p> <p>PERBUALAN: ASEAN</p> <p>KARANGAN: Negara Brunei Darussalam dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu</p> <p>TATABAHASA: Klausa Keterangan Bahasa Melayu I</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 15</p> <p>PERBUALAN: Secebis Sejarah China</p> <p>KARANGAN: Negara China- Tanah Air Kita</p> <p>TATABAHASA: Klausa Keterangan Bahasa Melayu II</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 16</p> <p>PERBUALAN: Melawat Bandar Raya Beijing</p> <p>KARANGAN: Bandar Raya Beijing</p> <p>TATABAHASA: Komplemen Bahasa Melayu</p> <p>-----</p> <p>BACAAN TAMBAHAN UNTUK CUTI PERSEKOLAHAN</p> <p>-----</p> <p>SENARAI PERKATAAN-PERKATAAN BARU</p>
<p>BAHASA MELAYU UNTUK PELAJAR CHINA</p>	<p>PELAJARAN 1</p> <p>PAK PANDIR MEMINDAHKAN GUNUNG</p>

(BUKU 3)



-----  
PELAJARAN 2

TIPU DAYA YANG CERDIK

-----

PELAJARAN 3

NYAWA DI HUJUNG PEDANG

-----

PELAJARAN 4

IAKAH SALMAH?

-----

PELAJARAN 5

UNIKNYA KETURUNAN BABA DAN NYONYA

-----

PELAJARAN 6

HANG TUAH: PAHLAWAN MELAYU

-----

PELAJARAN 7

SEJARAH MELAYU

-----

PELAJARAN 8

RIMBA HARAPAN

-----

PELAJARAN 9

KEJADIAN DI DALAM ESTET

-----

PELAJARAN 10

LEGENDA MAHSURI

-----

PELAJARAN 11

	<p>LAKSAMANA ZHENG HE</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 12</p> <p>BERMESRA DENGAN ALAM SEKITAR</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 13</p> <p>PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU</p> <p>-----</p> <p>PELAJARAN 14</p> <p>BERSEMUKA DENGAN TUNKU</p>
<p>PENGETAHUAN AM TENTANG MALAYSIA</p> 	<p>Pengenalan Ringkas:</p> <p>Buku ini ditulis oleh tiga orang pensyarah pengajian Melayu BFSU, iaitu Prof. Madya Zhao Yuezhen, Prof. Madya Su Yingying dan Encik Fu Congcong untuk memperkenalkan pengetahuan tentang Malaysia kepada pelajar China.</p> <p>Kandungan buku ini melibatkan pelbagai aspek negara Malaysia seperti gambaran keseluruhan geografi Malaysia, sejarah pembangunan Malaysia, adat istiadat penduduk berbilang bangsa di Malaysia, sejarah perkembangan bahasa Melayu Malaysia, sejarah perkembangan politik Malaysia, pilihan raya dan parti politik, komposisi kerajaan negeri dan evolusi dasar luar Malaysia.</p>

## **KEADAAN PEKERJAAN LULUSAN JURUSAN BAHASA MELAYU DI CHINA**

Jurusan bahasa Melayu ditubuhkan di BFSU pada tahun 1961. Dalam satu tempoh jangka masa yang panjang, ia merupakan satu-satunya jurusan bahasa Melayu Malaysia di universiti di China. Walaupun jumlah pelajar yang diambil tidak besar, namun peranan lulusan ijazah bahasa Melayu BFSU sejak 57 tahun lalu sangat besar dalam hubungan antara negara Malaysia dengan negara China dan dalam perkembangan bahasa dan budaya Melayu di China.

Kini, lulusan pengajian bahasa Melayu bukan sahaja terdiri daripada pelajar China di BFSU, malah juga daripada universiti-universiti yang menawarkan jurusan bahasa Melayu atau pengajian Melayu yang lain di China. Sebahagiannya menjadi pegawai diplomatik, jurubahasa, petugas media seperti penyiar di Bahagian Bahasa Melayu Radio Antarabangsa China (atau bahasa Inggerisnya China Radio International, CRI) dan wartawan Agensi Berita Xinhua, pegawai di pelbagai syarikat China di alam Melayu, pegawai bank (termasuk Bank of China di Kuala Lumpur) dan pemandu pelancong, manakala ada juga pula tenaga pengajar bahasa Melayu di universiti yang telah menawarkan kursus ijazah bahasa Melayu atau pengajian Melayu di China.

Pada masa ini, semakin banyak peluang pekerjaan dari tahun ke tahun kepada lulusan jurusan bahasa Melayu di China seiring dengan hubungan baik China-Malaysia.

## **PENGALAMAN SEMASA MENGGUNAKAN BAHASA MELAYU DI CRI SETELAH LULUS DARI BFSU**

### **1. Pengenalan ringkas tentang CRI dan bahagian bahasa Melayu CRI**

CRI yang ditubuhkan pada 3 Disember 1941 merupakan satu-satunya stesen radio milik kerajaan yang menyiarkan rancangan ke luar negara. Matlamat CRI adalah untuk memperkenalkan China kepada dunia, memperkenalkan dunia kepada China serta meningkatkan persefahaman dan persahabatan antara rakyat China dengan rakyat pelbagai negara di dunia. Sehubungan dengan itu, CRI juga digelar sebagai “Jendela

Komunikasi China-Dunia”.

Kini, program radio CRI disiarkan dalam 65 jenis bahasa termasuk 60 bahasa asing, bahasa Mandarin dan empat dialek Cina (Hakka, Cantonese, Hokien dan Teochew). Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa daripadanya dan dimulakan siarannya secara rasmi pada 1 Mac 1959.

Bahagian bahasa Melayu dibawah pentadbiran Pusat Penyiaran Asia Tenggara. Bahasa yang lain di pusat tersebut merangkumi hampir semua bahasa di rantau Asia Tenggara termasuk bahasa Indonesia, Thailand, Vietnam, Filipina, Kemboja, Myanmar dan Laos.

Sebelum Disember 2016, program radio bahasa Melayu CRI adalah siaran rakaman yang disiarkan dua jam sehari, bermula pada pukul 5.30 petang hingga 6.30 petang, dan diulang sekali pada pukul 8.30 malam hingga 9.30 malam (JADUAL 3). Manakala bermula pada 15 Disember 2016, program radio lintas langsung yang pertama kerjasama CRI dengan BERNAMA Radio Malaysia, iaitu program “Nihao” pula disiarkan.

Dalam program tersebut, peneraju dari CRI dan BERNAMA Radio akan membincangkan topik-topik hangat yang menarik perhatian umum dalam bahasa Melayu, pada pukul 3.10 hingga 4.00 petang, setiap Isnin hingga Jumaat, melalui FM 93.9 di Kuala Lumpur, FM107.5 di Johor Bahru, FM 107.9 Kota Kinabalu dan FM 100.9 di Kuching. Dengan mulanya penyiaran program Nihao, jadual siaran radio bahasa Melayu CRI telah diubah suai (JADUAL 4).

JADUAL 3. SIARAN RADIO BAHASA MELAYU CRI TAHUN 2010-2015

Tempoh Siaran	Sekitar 1-2 minit	15 minit	30 minit		10 minit	Sekitar 1 minit
			TAJUK	KANDUNGAN		
Isnin	Interval signal		<b>SAYAP</b>	Memperkenalkan sumber pelancongan	Bahasa Mandarin Harian	Finale

Selasa	Berita terkini (berita China, Asia dan Dunia)	<b>ASIA HARI INI</b>	Isu semasa rantau Asia yang menarik perhatian ramai
Rabu		<b>SUARA SUTERA</b>	Topik yang santai
Khamis		<b>FOKUS GLOBAL</b>	Isu semasa global yang menjadi tumpuan perhatian ramai
Jumaat		<b>SALAM</b>	*Peristiwa terkini yang menghibur *Minggu ini dalam sejarah *Budaya dan tradisi China
Sabtu		<b>PETIK MUZIK</b>	Carta lagu-lagu popular di China
Ahad		<b>IRAMA SUTERA</b>	Topik riadah berselang seli dengan lagu yang popular

JADUAL 4. SIARAN RADIO BAHASA MELAYU CRI TAHUN 2016-KINI

	TAJUK RUANGAN		TEMPOH SIARAN	KANDUNGAN
Isnin	<b>NI HAO</b> (siaran langsung)	<b>SELENDANG SUTERA</b>	60 minit	Segmen 1) Topik hari ini 2) Tular dua negara
Selasa				
Rabu		9:10-10:00pm		

Khamis	3:10-4:00pm			(China/Malaysia)
Jumaat				3) Belajar loghat Malaysia 4) Belajar bahasa Mandarin
Sabtu	<b>PETIK MUZIK</b>		30 minit	Carta lagu-lagu popular di China
Ahad	<b>IRAMA SUTERA</b>			Topik riadah berselang seli dengan lagu yang popular

Pada masa dahulu kala, siaran radio CRI hanya dipancarkan menerusi gelombang pendek dan saluran FM, namun keadaan tersebut telah berubah seiring dengan kemajuan teknologi internet. CRI Online (<http://www.cri.cn>), laman sesawang rasmi yang disediakan dalam 61 jenis bahasa termasuk bahasa Melayu telah beroperasi pada tahun 1998. Sejak itu, program radio CRI boleh diikuti secara dalam talian (online).

Laman web siaran bahasa Melayu CRI (<http://malay.cri.cn>) dirasmikan pada 1 Oktober 2003. Dalam pengembangan laman web tersebut, pengubahsuaian kandungan dan formatnya selalu dijalankan dari semasa ke semasa. Pengubahsuaian terkini dilakukan pada bulan Mei 2018. Kini, laman web CRI dalam bahasa Melayu menyajikan himpunan maklumat dan paparan grafik yang cukup banyak untuk dilayari oleh pengunjung laman maya bila-bila masa sahaja.

Percubaan untuk memperkayakan produk media dalam bahasa Melayu diusahakan oleh pegawai bahagian bahasa Melayu CRI tanpa henti. Kini, selain siaran radio dan artikel di laman web, pegawai bahagian bahasa Melayu CRI juga menghasilkan banyak program media yang lain termasuk program video pendek “Kenali Beijing” dan “We Are One”, aplikasi telefon bimbit “panduan umat Islam di China dalam bahasa Melayu”, penerbitan E-majalah “Kembara Sutera”, buku “Kenali Beijing”, “Cerita Cinta Pilihan Liaozhai Karya Pusongling edisi bahasa Melayu” dan sebagainya. Selain itu, pegawai bahagian bahasa Melayu amat aktif untuk membuat

liputan terhadap perkara melibatkan aktiviti China-Malaysia dalam pelbagai bidang.

## **2. Kakitangan bahagian bahasa Melayu CRI**

Lulusan jurusan bahasa Melayu BFSU menjadi “penyumbang” utama dalam usaha perkembangan siaran bahasa Melayu CRI. Kini, terdapat 18 orang kakitangan warganegara China berkhidmat di bahagian bahasa Melayu CRI. Antaranya, 14 orang lulusan BFSU, 3 orang pula lulusan jurusan bahasa Melayu Universiti Komunikasi China (CUC) dan seorang lagi lulusan Yunnan Minzu University (YMU).

Pembentang mula bertugas sebagai penterjemah, juruhebah radio dan wartawan di bahagian bahasa Melayu CRI setelah lulus ujian dan mendapat ijazah sarjana muda dalam bahasa Melayu BFSU pada 2005.

### **(1) Penterjemah**

Tugas menterjemah merupakan salah satu tugas utama dalam senarai kerja harian kakitangan bahagian bahasa Melayu CRI. Berita terkini, rencana semasa dan artikel yang melibatkan pelbagai aspek yang disampaikan melalui radio dan dimuatkan dalam laman web CRI perlu diterjemahkan dari bahasa China ke bahasa Melayu.

### **(2)Juruhebah program radio.**

Sebahagian kakitangan bahagian bahasa Melayu bertugas sebagai penyiar atau juruhebah dalam rancangan radio. Biasanya, berita dan rencana semasa disampaikan secara gaya “membaca” oleh penyiar, manakala rancangan radio yang lain pula dilaksanakan dengan gaya “perbualan” antara dua atau lebih daripada dua orang peneraju.

### **(3) Wartawan**

Kakitangan bahagian bahasa Melayu wajib mendapat sijil kelayakan sebagai wartawan setelah bertugas di CRI. Bidang liputannya menyentuh pelbagai aktiviti dua hala China dengan Malaysia. Menguasai bahasa Melayu menjadi satu kelebihan kepada wartawan bahagian bahasa Melayu untuk mewawancara ramai tokoh terkemuka Malaysia.

## **3. Peranan bahasa Melayu dalam kerja harian kakitangan bahagian bahasa Melayu CRI**

Bahasa Melayu memainkan peranan yang amat penting dalam pelaksanaan

pelbagai kerja dan tugas di bahagian bahasa Melayu CRI. Namun kakitangan bahagian bahasa Melayu menghadapi banyak cabaran dalam penggunaan bahasa Melayu walaupun pernah mempelajari bahasa ini selama 4 tahun sehingga mendapat ijazah sarjana muda di universiti.

Pada pendapat pembentang, cabaran tersebut boleh dirumuskan kepada beberapa aspek seperti yang berikut:

(1) Tingkatkan kemahiran lisan / menguasai “bahasa pasar” dan “loghat” pelbagai tempat Malaysia.

Sebenarnya, pengajaran bahasa Melayu di universiti di China lebih banyak memfokuskan kemahiran menulis, membaca dan terjemahan tulisan bahasa Melayu. Oleh itu, kemahiran lisan menjadi satu kelemahan. Selain itu, pelajar China mempelajari “bahasa baku” di universiti, namun bahasa digunakan orang Malaysia ialah “bahasa pasar” dan “bahasa rojak”, lebih lebih lagi wujudnya pelbagai “loghat atau dialek”. Sehubungan dengan itu, pada mulanya, penutur asing berasa “pening kepala” semasa berkomunikasi dengan orang Malaysia.

Program radio bahagian bahasa Melayu yang terkini telah disampaikan dalam format perbualan yang santai antara peneraju. Sehubungan dengan itu, gaya bertutur bahasa Melayu harus kedengaran “semula jadi” yang lebih mesra pendengar di Malaysia. Oleh itu, juruhebah China perlu menguasai “bahasa pasar” dan terus meningkatkan kemahiran lisan.

(2) Bertutur dalam bahasa Melayu dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul.

Intonasi ialah nada suara yang turun naik atau tinggi rendah sewaktu bercakap dan hendaklah berdasarkan bentuk ayat dalam bahasa Melayu. Menguasai intonasi bahasa Melayu merupakan satu cabaran dihadapi penutur asing. Sekiranya boleh bertutur bahasa Melayu dengan intonasi yang sesuai, pertuturan bahasa Melayu boleh kedengaran seperti orang tempatan yang “tulen” dan “asli” .

(3) Tingkatkan kemahiran menterjemah.

Untuk memastikan penterjemahan antara bahasa China dengan bahasa Melayu adalah setepat mungkin, kakitangan perlu terus mempelajari bahasa dari semasa ke

semasa. Berdasarkan pengalaman pembentang sendiri, penutur asing perlu cuba memikir dari sudut penutur asli bahasa Melayu ketika menterjemah, menulis karangan atau menyampaikan erti supaya lebih mendekati kelaziman penggunaan bahasa Melayu serta lebih senang dan jelas difahami oleh penutur asli bahasa Melayu di Malaysia.

(4) Mengetahui dan memahami kebudayaan dan adat Melayu.

Pada pendapat pembentang, bahasa Melur adalah satu “anak kunci” yang boleh membuka pintu ilmu tentang budaya masyarakat Melayu. Oleh itu, untuk menghasilkan produk media yang lebih digemari pendengar bahasa Melayu, kakitangan bahagian bahasa Melayu perlu memperluas pengetahuan tentang Malaysia secara amnya dan kebudayaan serta adat istiadat Melayu secara khususnya.

Bekerja di bahagian bahasa Melayu CRI bukan pengakiran untuk belajar bahasa Melayu, sebaliknya permulaan baharu. Semua kakitangan bahagian bahasa Melayu melaksanakan tugas kerja harian sambil mempelajari bahasa Melayu dan mengintensifkan keterampilan terjemahan, pertuturan lisan, pengajian Melayu dan sebagainya.

#### **4. Cara pembelajaran bahasa Melayu dan pengajian Melayu**

Berdasarkan pengalaman pembentang sendiri, sebagai penterjemah dan juruhebah radio bahagian bahasa Melayu CRI, terdapat beberapa cara untuk terus mendalami ilmu bahasa Melayu dan pengajian Melayu semasa waktu bekerja dan masa lapang.

(1) Bercakap bahasa Melayu dalam apa jua kesempatan.

Walaupun tiada “suasana” bahasa Melayu di China, namun masih perlu mencari sebarang peluang untuk menggunakan bahasa Melayu. Misalnya bergaul dan berbual-bual dengan staf warganegara Malaysia yang berkhidmat di CRI.

(2) Mendengar program radio Malaysia dalam talian (online).

Mengikuti rancangan radio Malaysia akan membantu meningkatkan kemahiran mendengar dan pertuturan bahasa Melayu.

(3) Membaca buku, surat khabar, majalah dan artikel di laman web dalam bahasa Melayu.

Cara ini bukan sahaja dapat membuatkan diri sentiasa terdedah dalam “suasana”

bahasa Melayu, malah satu langkah untuk mengambil tahu informasi dan maklumat terkini di Malaysia.

Selain itu, cara ini juga satu cara bagi penutur asing yang berada di luar Malaysia untuk mengetahui dan memahami kebudayaan dan adat istiadat masyarakat Melayu.

(4) Aktif menyertai aktiviti interaksi, pertukaran dan kerjasama antara CRI dengan alam Melayu.

Hubungan yang semakin rapat antara China dengan Malaysia membolehkan petugas bahagian bahasa Melayu CRI dapat lebih banyak peluang untuk terlibat dalam pelbagai aktiviti dua hala, dan seterusnya merapatkan hubungan CRI dengan alam Melayu.

Dalam proses menyertai aktiviti seumpama ini, kakitangan bahagian bahasa Melayu juga dapat menambah pengetahuan tentang Malaysia, mendalami pengajian Melayu dan meningkatkan kemahiran bahasa Melayu.

Sebagai contoh, pembentang mendapat tawaran biasiswa China Scholarship Council (CSC) dan pihak CRI untuk terus mempelajari bahasa Melayu sambil menjalankan penyelidikan tentang pelbagai aspek kebudayaan Melayu di Malaysia atas sokongan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Dalam tempoh beberapa bulan di Malaysia, pembentang telah menyertai banyak bengkel, kursus, wacana dan ceramah sama ada anjuran ATMA, UKM atau institusi yang lain di Malaysia. Pengalaman ini sesungguhnya bermanfaat sama ada dalam kemajuan kemahiran menulis, mendengar dan bertutur bahasa Melayu, mahupun menambah ilmu pengetahuan tentang budaya Melayu serta keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa. Di samping itu, pencapaian dan hasil diperoleh dalam tempoh ini pastinya akan memanfaatkan pelaksanaan kerja dan tugas di bahagian bahasa Melayu CRI nanti sehingga memainkan peranan yang membina dan positif dalam merapatkan lagi hubungan CRI bahkan China dengan alam Melayu Malaysia.

#### **5. Bantuan dan perhatian diberikan pelbagai badan/institusi di Malaysia**

Usaha yang dilakukan bahagian bahasa Melayu CRI untuk menjadi “Jendela Komunikasi China-Malaysia” dan “jambatan persahabatan rakyat China dengan

Malaysia” telah mendapat perhatian, sokongan dan bantuan daripada banyak badan/institusi di Malaysia.

Kini, CRI telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa institusi di Malaysia dalam bidang perancangan, interaksi yang berterusan dan pertukaran lawatan kerja dari semasa ke semasa.

Antaranya DBP yang berjuang bersungguh-sungguh demi kedudukan bahasa Melayu telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan CRI pada 1989. Bahagian bahasa Melayu CRI mendapat bantuan yang besar daripada DBP terutamanya dalam pertukaran pegawai antara kedua-dua pihak. Kakitangan bahagian bahasa Melayu diberikan peluang untuk mendalami pengajian Melayu di Malaysia atas bantuan DPB, manakala DBP juga menghantar pegawai untuk bertugas sebagai pakar bahasa di CRI.

Dalam tempoh tahun 1993 hingga kini, seramai 8 orang pegawai DBP telah berkhidmat di CRI, bermula dengan Puan Mashitah Taharim, diikuti oleh Cik Zaitun Ismail, Puan Aliah Abdul Rahim, Encik Muziat Yusof, Puan Habibah Mohd Samin, Puan Atiah Mohd Salleh, Puan Nelawati Binti Ngadul dan cik Zaidah Ahmad Rosly. Pada awalnya, tugas mereka hanyalah menyemak dan menyelaras bahan-bahan dalam bahasa Melayu. Namun, kini tugas mereka mencakupi soal jawab bahasa, memberi ceramah tentang bahasa dan budaya Melayu, membuat liputan bersama-sama wartawan di China dan sebagainya.

Selain DBP Malaysia yang boleh diibaratkan sebagai sahabat lama, CRI juga giat meneroka peluang baru untuk menjalinkan hubungan kerjasama dengan agensi-agensi media tempatan Malaysia, seperti Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), TV-Alhijrah, Bernama Radio, Utusan Malaysia, Berita Harian dan sebagainya.

Pada tahun 2006, RTM dan CRI telah menandatangani persetujuan untuk mengadakan kerjasama termasuk pertukaran lawatan peringkat tinggi antara kedua-dua pihak, penghantaran pegawai dan pertukaran bahan program radio. Tuan Haji Zaharuddin Mohd Pilus adalah pegawai yang pertama dihantar RTM untuk berkhidmat di CRI sebagai penyunting kanan bidang penyiaran radio pada tempoh 2008 hingga 2010, seterusnya diganti oleh Puan Noriani binti Mohd Idris pada 2011 untuk tempoh setahun.

Sementara itu, tenaga profesional berasal Malaysia yang lain juga memberi sumbangan kepada kerja siaran bahasa Melayu CRI. Contohnya Encik Hamidi Bin Zakaria, pesara RTM dan pernah menyandang jawatan Ketua Sumber Personel RTM bertugas di bahagian bahasa Melayu CRI untuk tempoh setahun bermula penghujung November 2009. Beliau merupakan penyampai berita yang veteran dan berpengalaman telah memberi bantuan besar dalam memupuk tenaga penyiar China bahagian bahasa Melayu sendiri.

### **Penutup**

Demikianlah serba ringkas pengalaman mempelajari bahasa Melayu sebagai penutur asing warganegara China di universiti di China, dan pengalaman menggunakan bahasa Melayu sebagai penterjemah dan juruhebah radio semasa bertugas di bahagian bahasa Melayu CRI di Beijing.

Pengalaman pembentang sedemikian meunjukkan bahawa pembelajaran bahasa tiada penghujungnya, terutamanya kepada penutur asing. Lulus dan mendapat ijazah pertama di universiti bukan pengakhiran untuk belajar bahasa Melayu, sebaliknya permulaan baharu dan akan menghadapi cabaran baharu dalam penggunaan bahasa Melayu.

“Bahasa” adalah hidup. Jadi ia akan berubah dan berkembang dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, bagi penutur asing, strategi dan gaya pembelajaran bahasa Melayu turut berubah sehingga dapat menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik.

Selain itu, “bahasa” tidak boleh dipisahkan dengan budaya. Maka pembelajaran bahasa juga tidak boleh dipisahkan dengan pembelajaran ilmu budaya. Budaya boleh dijadikan dorongan dan motivasi bagi penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu dengan baik dan lancar.